

# Razaleigh

CITA-CITA DAN PERJUANGAN

RANJIT GILL



PELANDUK PUBLICATIONS

Diterbitkan oleh  
**Pelanduk Publications (M) Sdn Bhd**

23M Jalan SS2/67,  
47300 Petaling Jaya,  
Selangor, Malaysia.

© Ranjit Gill 1987

ISBN NO. 967-978-165-8

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd. Ditaipset oleh Syarikat R&S.

Pencetak : Eagle Trading Sdn. Bhd.

81, Jalan SS 25/32, Taman Mayang, Petaling Jaya, Selangor

M  
PUBLICATIONS  
K A S B  
452545

21 APR 1988  
Perpustakaan Negara  
Malaysia.

## Prakata

Saya mengalu-alukan penerbitan riwayat hidup Tengku Razaleigh bin Tengku Hamzah dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Beliau adalah seorang tokoh politik yang terkenal di Malaysia dan dihormati pula oleh rakyat Malaysia dari semua kaum. Orangnyanya bertimbang rasa, bersikap adil dan berpandangan jauh. Masa depan politiknya cerah.

Ketika saya menjadi Perdana Menteri dan Kelantan di bawah kuasa Parti Islam, Tengku Razaleigh tidak pernah berputus asa berjuang untuk mengembalikan Kelantan ke pangkuan UMNO. Beliau berjuang habis-habisan, jatuh-bangun dari kekalahan demi kekalahan tetapi berjuang terus, penuh gigih dan azam dan hingga akhirnya UMNO berjaya memerintah semula di Kelantan.

Kemenangan itu sungguh gemilang dan kini dirasakan oleh semua terutama sekali oleh Tengku Razaleigh kerana berjuang di sebelah pihak yang dahulunya tewas. Tetapi semangat dan kecekalan perjuangannya menjadi ilham besar kepada ahli-ahli UMNO yang lain untuk berjuang sampai menang. Memang wajarlah mereka berasa megah dan bangga atas kemenangan ini. Tidak ada bandingnya dalam sejarah perjuangan UMNO. Dengan kemenangan ini Tengku Razaleigh disanjung oleh ramai pemimpin dan ahli UMNO.

Beliau sentiasa ramah dengan semua orang dan tidak mudah meradang. Dalam pertandingan jawatan, beliau dapat tempat nombor dua atau tiga tetapi walaupun tewas merebut jawatan Timbalan Presiden, keazamannya tidak berubah untuk mencapai kemenangan. Beliau telah berjaya menumbangkan PAS di Kelantan. Mungkin hajatnya akan tercapai

jua menjadi orang nombor dua dalam UMNO.

Saya tahu sangatlah beliau ini orangnya jujur, dedikasi dan setia terhadap sesuatu perjuangan yang diyakininya dan beliau amat yakin terhadap perjuangan UMNO. Kalau adapun kelemahannya, ini ialah kerana hatinya pemurah dan suka menolong orang. Beliau sentiasa sanggup menolong kawan dan kadang-kadang kawan-kawannya mengecewakan. Pengalaman saya pun begitu juga. Walaupun apa akibat atau kesudahannya, berbuat baik tidak berdosa. Akhirnya dibalas dengan baik juga.

Saya tidak tahu apa yang ditulis oleh Encik Ranjit Gill mengenai Tengku Razaleigh dalam buku ini kerana saya belum berpeluang membacanya. Kalau tidak, bolehlah juga saya pilih mana-mana aspek yang mustahak dalam kehidupan Tengku Razaleigh dan buat ulasan. Bagaimanapun buku ini patut mendapat perhatian ramai termasuk golongan pengkaji sejarah dan politik.

Kerana ia ditulis dalam kedua-dua Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, sudah tentulah ramai orang dapat membacanya. Saya yakin pembaca akan menghargai usaha ini yang meriwayatkan kehidupan seorang patriot dan anak watan yang popular.



(Tunku Abdul Rahman)

## Pendahuluan

Di antara tiga buah buku saya yang diterbitkan di Malaysia dalam tempoh sembilan bulan yang lalu, buku inilah yang cukup bersemangat dan saya amat berpuas hati mengusahakannya. Kepuasan ini ialah terutama sekali kerana kemurahan hati Tengku Razaleigh yang membenarkan saya bebas menemui beliau bila-bila masa sahaja dalam tempoh satu tahun yang lalu untuk mencatat riwayat hidupnya serta melukiskan peranannya dalam membentuk sejarah moden Malaysia.

Sesungguhnya, jarang sekali kita dapat peluang mengukur sumbangan seseorang terhadap tanahairnya semasa dia masih hidup dan bertenaga. Maka inilah sebabnya usaha ini lebih memuaskan hati kerana orang yang menjadi bahan penulisan ini cukup ikhlas berterus-terang, cukup sabar meluangkan waktunya yang amat sibuk itu kepada penulis yang sentiasa berulang-alik menemuramah, menyoal, mentahkikkan segala sesuatu sampai cukup faham tentang apa yang hendak ditulisnya.

Memang bertimbang rasa orangnya. Tetapi Tengku Razaleigh membuat satu permintaan yang penting iaitu, jangan masukkan secara spesifik hal orang-orang dan peristiwa-peristiwa peribadi yang di luar bidang riwayat politiknya terutama yang menyentuh kehidupan dan karier lelaki dan wanita yang masih bermastautin di Malaysia. Saya akur, setelah beliau berterus-terang. Oleh itu, saya harap pembaca budiman tidak merasa kecewa sangat kalau tidak ada cerita asam manis dalam buku ini. Waktunya tidak sesuai untuk mendedahkannya.

Bab penutup telah selesai ditulis pada 24hb. Februari 1986 dan tiada usaha mengemaskinikannya dan tidak pula dipandang perlu, memandangkan suasana yang sering berubah.

Saya terhutang budi kepada beberapa orang dan institusi atas bantuan mereka menyiapkan buku ini. Saya sangat berterima kasih kepada Yayasan Jafaruddin kerana menyumbangkan tenaga dalam penyelidikan. Dalam hal ini saya dibantu oleh Encik Khoo Hock Aun dengan cekapnya.

Tengku Aziz Hamzah, Encik Robert Kuok, Dato' Syed Nahar, Encik Kassim Sulong, Dato' Dr. Mokhzani dan Encik Khalil Akasah, semua cukup bersusah payah menolong memberi maklumat latar belakang mengenai Tengku Razaleigh di zaman mudanya dan saya terhutang budi kepada mereka kerana melapangkan masa yang berharga untuk berbincang.

Akhir kata, penghargaan kasih kepada editor saya, Evelyn, yang juga isteri saya.

Ranjit Gill

## Mukadimah

*Sabtu, tengah malam 26bb. Jun 1981.*

Sepasukan pekerja berpakaian seragam sedang mengheret bungkus-bungkus sampah. Mereka mengikuti mesin-mesin penyapu, sambil mengutip segala mangkuk kertas, kertas undi tidak pakai dan tulang ayam yang tidak dapat ditelan oleh mesin-mesin itu. Mereka kelihatan lesu kerana sudah hampir tiga jam bertugas dengan bantuan mesin. Kelihatan juga beransur pulih serinya ialah segala bilik majlis dan ruang tamu yang berpermaidani empuk di Hotel Hilton Kuala Lumpur itu. Siang hari tadi hotel ini teruk dilanyak dikotori oleh beribu-ribu manusia yang ribut menjalankan pengundian semasa Perhimpunan Agung tritahunan UMNO.

Sekarang hampir lima jam sejak keputusan terakhir diumumkan dan masing-masing mengucapkan tahniah ataupun takziah mengikut nasib, hanya kesan pertarungan politik parti sahaja yang tinggal. Suara-suara lantang yang bertikam lidah berjam-jam itu yang menyebabkan majlis riu-rendah dan puak-puak mencari kawan pakatan, telah berganti pula dengan getaran bunyi mesin yang disorong oleh kaki yang litak. Segala harapan, segala janji yang dilafazkan oleh para calon, segala kritikan yang berapi-api oleh pihak yang kononnya pembela prinsip parti, segala ramalan tok dalang parti, semuanya sengap lenyap di alam sepi.

Dua batu dari Hotel Hilton, Dato' Musa Hitam, Timbalan Presiden UMNO yang baru, merayakan kemenangannya di kediamannya di Jalan Gurney, gelak ketawa bergurau senda, makan minum dengan penyokong dan pengampunya

yang datang berkerumun ke rumahnya menaiki bas. Kemenangan ini menjadikan beliau Timbalan Perdana Menteri di bawah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang menang tanpa lawan sebagai Presiden UMNO dan sebulat suara dipilih menggantikan Tun Hussein Onn sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keempat.

Di tempat yang lain, di sebuah apartmen tidak berapa jauh dari Hilton, suasananya amat berbeza. Tengku Razaleigh Hamzah pulang ke rumahnya satu jam setelah tewas merebut jawatan nombor dua dalam pucuk pimpinan UMNO. Hotel Hilton, yang telah banyak menyaksikan selama satu dekad berbagai kemenangannya di arena politik dan korporat, kali ini menyaksikan kekalahannya yang pertama dalam percutaran politik UMNO yang dikhidmatinya selama hampir dua dekad. Sambil minum teh, yang dilayaninya sendiri, dengan penyokong-penyokongnya yang muram masygul, beliau cuba memperentengkan ketewasannya. Ini takdir, Allah jua yang Maha Kuasa, katanya. Tetapi, apa yang dilafazkan itu tidak sama dengan apa yang disimpannya dalam hati. Seksa hatinya lebih meragut apabila dikenangnya komitmennya dan pengorbanannya kepada parti yang menjadi asas perjuangan hidupnya. Tetapi kekecewaan ini dirasakan juga oleh orang lain. Selain dari para penyokong dan sahabatnya yang setia yang bertumpu ke kediamannya di Jalan Stonor, beribu-ribu orang lagi penyokongnya di seluruh negara, terutama di Kelantan, telah menunjukkan simpati dan kehairanan mereka mengenangkan kekalahannya di tangan Dato' Musa.

Ada yang mengatakan mereka kebingungan. Pada mereka, Tengku Razaleighlah pilihan sejati. Sungguhpun beliau lebih banyak kelebihan daripada tokoh-tokoh lain yang sezaman dengannya tetapi beliau patuh pada tradisi parti yang melarangnya mencabar pencalonan dari Mahathir yang baru saja diterima balik oleh UMNO, setelah dijanjikan jawatan nombor dua untuk menggantikan doktor dari Kedah itu apabila tiba masanya. Cabaran Dato' Musa terhadapnya telah mengejutkan ramai, tetapi Tengku Razaleigh mengalu-



alukannya kepada umum. Tujuannya ialah hendak menunjukkan bahawa semangat demokrasi masih hidup dalam UMNO. Bahkan, ramai yang menyangka pada mulanya bahawa cabaran Dato' Musa itu tidak penting, kerana di saat-saat terakhir sebelum hari pemilihan pun ramalan dan tinjauan para pemerhati politik masih menunjukkan Tengku Razaleigh boleh menang.

Kelayakan putera raja dari Kelantan ini tidak ada cacatnya dan nampaknya tidak mungkin dicabar. Anak Kelantan yang disayangi dan paling kenamaan ini, mula terkenal dalam politik tanahair apabila Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Malaysia yang pertama, memilihnya untuk mempelopori gerakan menebus balik Kelantan daripada cengkaman ekstremis PAS. Dengan Tengku Razaleigh sebagai ketua perancang kempen, akhirnya UMNO berjaya setelah 20 tahun berjuang.

Kemajuannya dalam UMNO bagai kilat melurunya. Mula-mulanya dilantik ke Jawatankuasa Pusat dalam tahun 1963 (usianya baru 25 tahun), kemudian dipilih menjadi ahli Majlis Tertinggi, menjadi Bendahari parti dan Bendahari jawatankuasa bangunan UMNO, dan kemudiannya menjadi salah seorang Naib Presiden parti dalam tahun 1974.

Lebih penting lagi ialah kedudukannya sebagai orang lindungan Tun Abdul Razak, yang mengambilalih teraju pemerintahan dalam tahun 1970. Dalam tahun-tahun 1970-an, sebagai Pengerusi PERNAS, Bank Bumiputra dan PETRONAS, Tengku Razaleigh diberikan kuasa politik dan kewangan yang pengaruhnya diatasi hanya oleh kuasa yang dipegang oleh Perdana Menteri itu sendiri.

Tidak lama sesudah Tun Razak meninggal dengan keadaan yang begitu tragik, Tengku Razaleigh pun mengambilalih jawatan Menteri Kewangan. Semasa beliau memegang jawatan ini Malaysia juga mencapai 'zaman keemasan' yang menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang amat pesat sejak Merdeka. Di peringkat antarabangsa, nama Malaysia semakin terkenal dan kedudukannya sebagai kuasa ekonomi yang berpotensi hanya diatasi oleh Indonesia di antara negara-negara

di rantau Asia Tenggara dan Pasifik.

Semasa menjadi menteri yang mengurus ekonomi negara, Tengku Razaleigh menjadi masyhur sebagai tokoh yang cukup bijak dalam hal-hwal bank. Di pusat-pusat kewangan antarabangsa seperti Zurich, London, New York dan Tokyo, beliau merasa senang sahaja bermesyuarat di kalangan tokoh-tokoh kewangan antarabangsa yang handal-handal. Dasar-dasar kewangannya yang pragmatik diakui telah mencetuskan aktiviti ekonomi yang berkembang dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Sebagai mengiktiraf jasanya kepada negara, beliau telah dihormati dengan gelaran BAPA EKONOMI MALAYSIA oleh Dewan Perniagaan Melayu dalam tahun 1975. Ketika itu beliau berusia hanya 38 tahun. Sesungguhnya, kesan pengaruhnya ketara sekali ke atas perkembangan ekonomi moden Malaysia sejak dekad tujuh puluhan.

Dengan hal yang demikian, apabila beliau mencalonkan diri untuk jawatan Timbalan Presiden UMNO dalam tahun 1981, nampaknya tidaklah ada apa-apa halangan — iaitu sebelum Dato' Musa sama mencalonkan dirinya pula. Tengku Razaleigh tidak ambil kisah tentang kempen yang dilancarkan oleh Dato' Musa yang bercita-cita keras itu. Akhirnya beliau tewas akibat kelalaian golongan penasihatnya. Lagipun, beliau sendiri enggan bertindakbalas dalam kempen yang sudah menjadi kotor. Walaupun beliau menjadi sasaran fitnah khianat yang memutarbelitkan hubungan baiknya dengan golongan Melayu, beliau tetap bersikap sebagai gentleman, tidak mahu terheret merendahkan maruahnya dengan bertindakbalas.

Kepada ahli politik biasa, sikap enggan bertarung dalam mainan politik kotor ini tentulah dipandang sebagai satu kelemahan yang membawa maut. Tetapi kepada Tengku Razaleigh, ini adalah satu hal yang terkutuk; begitu juga kalau beliau disuruh mengorbankan prinsip-prinsipnya semata-mata kerana hendak menang. Ini sangat berlawanan dengan pegangan hidupnya dan akan membinasakan segala khidmat bakti yang telah dicurakkannya demi kepentingan tanahair dan parti.

Oleh itu banyakkah pihak yang berpendapat masa depannya sudah habis. Selepas 26 Jun 1981, pendapat ini ternyata salah. Ketewasannya itu — yang diakui kemudian sebagai kesilapannya juga sedikit sebanyak — tidak bermakna beliau menyerah kalah. Sikap ini tetap kekal ke hari ini.

Memandangkan penyokongnya masih ramai, bukan sahaja di Kelantan tetapi di seluruh tanahair dan memandangkan komitmennya penuh tertumpu kepada berkhidmat untuk kepentingan rakyat Malaysia, tidak kira keturunan atau agama, pemimpin seperti Razaleigh yang sudah pun membuktikan kelayakan dan kebolehannya tidaklah patut digugurkan begitu sahaja dari ingatan politik tanahair. Lebih-lebih lagi di dalam negara yang akhir-akhir ini menunjukkan perkembangan politik yang cenderung kepada bertukar-tukar kesetiaan secara halus.

Bagi Tengku Razaleigh, kekalahan atau kejayaan semuannya takdir Ilahi. Begitulah jua beliau ditakdirkan terus berkhidmat dalam Kabinet setelah tewas dalam tahun 1981 dan sekali lagi dalam tahun 1984, setelah tewas pada kali yang kedua. Bahkan beliau merasa lebih komited lagi menunaikan kewajipannya untuk berbakti kepada tanahair dan masyarakat, iaitu suatu perjuangan yang mulia sudah turun-temurun. Sesungguhnya, keturunan yang diwarisi itu boleh memecahkan berbagai teka-teki yang masih membingungkan para pemerhati yang cuba menilai secara objektif akan watak raja dari segala politikus Malaysia ini. Di sinilah letaknya kesan pengaruh kebijaksanaannya dalam sejarah negara dan mungkin sekali inilah juga yang menjadi anak kunci yang boleh membuka rahsia masa depannya.

## Bab 1

Tengku Razaleigh bin Tengku Mohd Hamzah adalah dari keluarga diraja yang berasal dari keturunan Long Yunus yang masyhur memerintah Kelantan sehingga 1794. Dilahirkan menjelang fajar 13hb. April 1937, Razaleigh Hamzah adalah putera kedua Almarhum Tengku Sri Maha Raja Tengku Mohamed Hamzah bin Tengku Zainal Abidin, bekas Menteri Besar Kelantan.

Ketika Tengku Razaleigh dilahirkan, negeri Kelantan yang penuh sejarah itu masih terbiar dalam suasana ekonomi feodal seolah-olah tidak tersentuh oleh kemajuan yang dialami oleh negeri-negeri lain dan perubahan politik yang semakin pesat. Perubahan-perubahan ini semakin kencang setelah Jepun menakluki Malaya dan pengaruh Empayar British semakin pudar di Asia. Perubahan-perubahan ini juga menceburkan Kelantan kembali ke jurang pertikaian politik sama sendiri yang membinasakan — seperti yang berlaku pada zaman ia di bawah lindungan Siam dan juga pada awal abad ke-20 apabila Britain dan Siam hampir berperang untuk menguasai negeri Kelantan yang tarafnya dipertikaikan.

Selepas Malaya Merdeka dalam tahun 1957, Kelantan menjadi negeri pertama dalam Persekutuan yang terlepas daripada pemerintahan Parti Perikatan ke tangan golongan ekstremis Muslim. Kemunduran negeri Kelantan dan ketebalan semangat keagamaan rakyatnya telah diperalatkan untuk mengasingkannya dan juga negeri-negeri lain yang teramai penduduk Melayunya, daripada pengaruh kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun puak-puak ekstremis dan isolasionis ini tidak dapat menjangka, apatah lagi menghalang

lahirnya putera Kelantan ini yang kemudian kelak berjaya mematahkan niat mereka. Demikianlah ditakdirkan lahirnya di bumi Kelantan pada 13hb. April 1937 itu, seorang wira yang bakal menumpukan kehidupannya kepada perjuangan membebaskan rakyat Kelantan daripada belenggu politik dan faham keagamaan yang kolot dan daripada tercicir oleh arus kemajuan yang dialami oleh negara selepas perang dan selepas Merdeka. Imej Kelantan sebagai kawasan yang paling miskin dan terpencil di antara sembilan buah negeri selepas Merdeka adalah amat berbeza sekali dengan kemasyhurannya yang berabad-abad lamanya dalam sejarah sebelum Penjajah bertapak di bumi Asia Tenggara.

Kelantan ada tercatat dalam rekod-rekod negara China sejak abad ketujuh lagi dan diceritakan dengan lebih kerap lagi dalam abad ketiga belas. Kedudukannya yang begitu baik terletak di tengah-tengah laluan perdagangan di Laut China Selatan menjadikannya pelabuhan singgahan yang penting kepada para pedagang China. Mereka mengenalinya dengan nama *Chi-Lan-Tan*.

Pada abad-abad seterusnya, Kelantan, di samping meneruskan peranannya memberi khidmat perdagangan, telah muncul sebagai salah sebuah negeri kecil di zaman pra-Islam yang punya kebudayaan agak sama dan bersaing pula untuk merebut kuasa dan martabat. Kemudiannya, Kelantan berada di bawah pengaruh Siam (negara Thai), seperti juga Terengganu dan Kedah. (Suatu kajian yang luas yang berdasarkan dokumen sejarah meriwayatkan perhubungannya dengan Siam dan para pembaca yang berminat boleh merujuk kepada hasil-hasil penulisan Walter Vella dan Cyril Skinner untuk mendapatkan keterangan terperinci mengenai perhubungan Siam dengan Negeri-negeri Melayu di bawah lindungannya).

Selepas tahun 1891 sehingga Perang Dunia II merupakan zaman yang genting dan kompleks dalam sejarah Kelantan moden. Perkembangan-perkembangan yang berlaku di zaman itu banyak mempengaruhi sejarah Kelantan selepas perang dan membentuk pemikiran dua orang tokoh diraja

yang mempengaruhi Razaleigh pada zaman kanak-kanak dan remajanya — iaitu Almarham ayahandanya dan Almarhum sepupunya, Tengku Indra Petra.

Dalam dekad sehingga tahun 1910, Kelantan yang telah berbalik semula menjadi sebuah negeri mundur dan terbiar, dengan tiba-tiba sahaja menjadi rebutan di antara Siam dan Britain. Rundingan yang rumit dan tegang di antara keduanya menentukan arus aliran dan masa depan negeri itu dan juga membentuk perhubungan seterusnya di antara dua kuasa Penjajah tersebut. Akibatnya, Kelantan terjebak "di dalam muslihat negeri Siam mara ke selatan memperluaskan penjajahannya dan dasar British terhadap wilayah di utara Malaya."

Menjelang tahun 1900, sementara Siam memperkukuh pengaruhnya di Negeri-negeri Melayu di utara Malaya, Britain yang dahulunya menumpukan perhatian di selatan telah mula meluaskan pengaruh ke utara dan mencabar tuntutan Siam. Kelantan menjadi rebutan kekuasaan Penjajah. Sengketa menentukan kedaulatan ini berlarutan selama hampir satu dekad.

Pada ketika itu, untung nasib Raja-raja di negeri-negeri utara, terutamanya Kelantan, sentiasa berubah-ubah dan banyak bergantung kepada naungan Raja Siam. Baginda pula memberi sokongan kepada mana-mana Raja yang paling banyak dapat memenuhi khazanah Siam dengan ufti dan cukai (Bunga Emas).

Bangkok nyata sekali menganggap Kelantan dan Terengganu sebagai negeri takluknya. Pada teorinya, negeri-negeri ini (bersama dengan Kedah dan Patani) adalah tanah jajahan sama seperti perhubungan Annam dan Korea dengan Peking. Negeri-negeri ini tidak dikuasai secara langsung sebagai wilayah kerajaan Siam tetapi Raja-raja Melayu ini perlu mendapatkan pengesahan kedudukan masing-masing daripada Bangkok dan diberi gelaran-gelaran Siam (Phraya) dan dikurniakan lambang kekuasaan memerintah. Mereka dikehendaki mengirim ufti ke Bangkok sekali setiap tiga tahun, menghadiri upacara-upacara penting dan menyediakan kelengkapan sen-

jata, askar dan bekalan semasa berlaku peperangan. Dan Bangkok juga menentukan dasar luar negeri-negeri ini.

Rundingan yang berlanjutan berakhir dengan Perjanjian Inggeris-Siam 1909. Di bawah syarat-syarat utamanya, yang termasuk pembatalan Konvensyen Rahsia 1897, maka Kedah, Kelantan, Terengganu dan kepulauan Langkawi telah diserahkan oleh Siam kepada British — tetapi tidak sebelum Raja Kelantan (Sultan Muhammad IV) didesak oleh beberapa orang penasihat diraja, termasuk beberapa orang saudara Baginda untuk memohon kepada Raja Siam supaya menyekat penyerahan Kelantan kepada Britain. Baginda menolak nasihat itu dan juga permohonan yang dikemukakan oleh pentadbiran awam Kelantan. Sebaliknya pula, beberapa ahli sejarah berpendapat bahawa pada masa itu, sebahagian besar daripada Raja-raja Melayu dan rakyat masing-masing yang mempunyai perhubungan dengan orang Siam telah benci kepada penjajahan Siam dan sekiranya mereka diberi pilihan mereka lebih suka berada di bawah pemerintahan British dari awal-awal lagi. Semasa Perjanjian 1909 itu dipersetujui, Raja-raja dan rakyat negeri-negeri yang terlibat tidak dibawa berunding langsung. Permohonan-permohonan lain yang dikemukakan oleh kumpulan minoriti yang lebih suka berada di bawah penguasaan Siam juga tidak dihiraukan oleh pihak British.

Dengan demikian, perpindahan ke tangan British "segala hak pertuanan, perlindungan, pentadbiran dan apa sahaja pengawalan yang mereka miliki" telah dikuatkuasakan tanpa pengetahuan ataupun persetujuan Raja Kelantan. Baginda diberitahu mengenainya kemudiannya melalui sepucuk surat daripada Raja Siam. Pada 10hb. Julai 1909, Raja yang patuh kepada peraturan baru itu memerintahkan supaya bendera putih Kelantan dikibarkan menggantikan bendera Siam yang telah berkibar di Kota Bharu selama empat belas tahun sebelumnya. Dengan perlantikan Penasihat British yang pertama (James Scott Mason pada bulan Julai 1909) kepada Raja Kelantan, pihak British bergerak pantas untuk mengesahkan Perjanjian Inggeris-Kelantan. Perjanjian ini

ditandatangani setahun kemudian di antara Raja dengan Gabenor Negeri-negeri Selat merangkap Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Sir John Anderson.

Mengikuti Perjanjian ini, Britain mengambil alih kuasa perhubungan luar Kelantan serta hak untuk melantik seorang Penasihat kepada Raja yang berjanji akan "menurut dan melaksanakan nasihat Penasihat dalam semua perkara yang berkaitan dengan pentadbiran melainkan perkara-perkara yang menyentuh soal-soal agama Islam dan adat resam Melayu."

Perjanjian 1909 dan 1910 pada hakikatnya mengakhiri zaman perhubungan yang tidak menyenangkan dan samar-samar di antara British dan Siam di Kelantan. Dengan ini juga, tindak-tanduk percaturan politik istana Kelantan — yang dimainkan oleh puak-puak yang bermusuhan, yang masing-masing ada kaitan dengan golongan-golongan istana dan digalakkan pula oleh kerajaan Siam — telah memberi peluang dan alasan kepada British untuk campur tangan dalam politik Kelantan.

Pemerintahan Penjajah di Kelantan bagaimanapun berlainan sedikit daripada corak penjajahan di Negeri-negeri Melayu lain. Pertamanya, Kelantan (bersama Kedah, Johor dan Terengganu) kekal sebagai Negeri-negeri Tidak Bersekutu. Taraf ini memberikannya kebebasan yang lebih, terutamanya kebebasan daripada arahan-arahan seorang Residen, sehinggalah selepas Perang Dunia II.

Mengikuti Emerson, seorang ahli sejarah, taraf Negeri Tidak Bersekutu hampir tepat dengan contoh ideal sesebuah negeri naungan yang tidak diperintah secara langsung iaitu tujuan dasar pemerintahan ialah pembaharuan dan bukannya perubahan masyarakat secara radikal.

Rakyat Kelantan yang berpendidikan Inggeris diambil bertugas dalam perkhidmatan pentadbiran dan kebolehan rakyat tempatan banyak digunakan. Peluang-peluang pendidikan Inggeris atau Melayu telah dibuka kepada semua rakyat dan Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, suatu badan tempatan yang berpengaruh telah



diberikan autonomi yang luas dalam bidang kehidupan Melayu tradisional.

Kehadiran kuasa British juga telah meredakan ragam politik istana yang sebelum ini telah melemahkan kuasa Raja. Oleh kerana begitu terlibat dalam muslihat golongan bangsawan, pihak Raja tidak dapat memberikan perhatian kepada keperluan-keperluan yang lebih mendesak di kalangan rakyat Kelantan yang cukup rajin berusaha dan telah lama menuntut hak yang sama menentukan corak kehidupan mereka.

Pihak British bersama dengan Raja Kelantan (Sultan Muhammad IV) pada dekad kedua abad ke-20 ini telah menyaksikan manifestasi pertama semangat nasionalisme Melayu apabila tentangan rakyat terhadap perubahan begitu pesat dan terhadap campur tangan dari luar, akhirnya mencetuskan peristiwa Pemberontakan Pasir Putih pada tahun 1915. (Setengah ahli sejarah menamakan peristiwa ini sebagai Pemberontakan Tok Janggut, mengambil sempena nama ketua pemberontaknya, Haji Mat Hassan).

Dari segi kehilangan nyawa dan harta benda, pengorbanan yang dialami adalah kecil sahaja, tetapi yang lebih bererti ialah gerak serentak terhadap dasar pembaharuan yang nyata tidak digemari oleh masyarakat. Walaupun pemberontakan itu kelihatan tidak begitu ditujukan kepada istana secara langsung namun begitu Sultan Muhammad IV, atas nasihat Penasihat Britishnya dengan segera mengadakan berbagai perubahan yang menyeluruh untuk memujuk rakyatnya.

Satu perkembangan penting selepas Pemberontakan Pasir Putih itu ialah kemunculan pengaruh Haji Nik Mahmud bin Haji Ismail di Kelantan. Beliau memberi nasihat yang besar manfaatnya kepada Penasihat British yang silih berganti di negeri itu semasa beliau memegang jawatan Menteri Besar yang amat lama sehingga 1942. Keistimewaan kedudukannya di kalangan bangsawan serta keberkesanan Majlis memperkukuh kewibawaan baginda Sultan merupakan faktor-faktor utama yang mempengaruhi perkembangan sosio-politik hatta setelah Britain membebaskan negeri itu

dari kekuasaan Jepun. Dalam pada itu, bibit-bibit pertarungan yang hebat dan berlarutan antara pihak pemimpin politik Islam sederhana dengan pihak fundamentalis Islam, telah pun mula bergolak untuk mempengaruhi jiwa dan fikiran rakyat Kelantan.

Begitulah halnya ketika Tengku Razaleigh dilahirkan ke dunia pada tahun 1937, telah pun wujud suasana politik Kelantan yang bakal dipengaruhinya selepas pertengahan tahun-tahun enam puluhan itu.

## Bab 2

Semasa kecilnya, Tengku Razaleigh hidup riang dan senang-lenang di kediamannya di Palm Manor, sebuah bangunan bentuk senibina Georgian yang indah yang telah direkabentuk oleh ayahanda beliau. Tetapi keriangannya ini telah terganggu dengan tiba-tiba apabila Jepun mendarat pada bulan Disember 1941 dan Kelantan kembali ke tangan Siam buat seketika.

Kesan dan makna dari peristiwa-peristiwa dramatik yang memecahkan ketenteraman corak kehidupan keluarga Hamzah itu tidak difahami sepenuhnya oleh Razaleigh melainkan bertahun-tahun kemudiannya selepas perang. Itulah sebabnya peristiwa-peristiwa tersebut begitu mendalam kesannya dan menjadi kenangan masa kecilnya yang penuh makna.

Walaupun mereka terpaksa menanggung berbagai kehilangan hak semasa Pendudukan Jepun, keluarga itu telah menunjukkan ketabahan yang mengagumkan dan telah menyesuaikan diri dengan segala kesukaran yang timbul tatkala kehadiran askar-askar Jepun menduduki di Palm Manor. Ketabahan dan keupayaan menyesuaikan diri ini adalah hasil asuhan yang diberikan kepada mereka di waktu kecil. Tengku Hamzah, seorang bangsawan yang garang tetapi penyayang, telah mendidik anak-anaknya supaya jangan mengharap layanan istimewa walaupun mereka keturunan Raja. Isterinya, Nik Zainab binti Nik Ali memberinya segala sokongan dan adalah seorang bonda yang amat penyayang (juga berasal daripada keluarga yang ternama). Beliau merupakan teman seperjuangan yang amat penting dalam tugas mendidik anak-anak mereka untuk menjalani

hidup seperti rakyat biasa.

Sikap mereka dipengaruhi oleh suasana dan pemikiran praktikal dan mungkin juga sudah terasa dan dapat meramalkan peranan Raja akan semakin kecil dalam Malaya yang sudah pun mula bergerak ke arah tuntutan kemerdekaan.

Lagipun mereka sedar bahawa keluarga Hamzah bukanlah waris takhta negeri Kelantan. Tengku Zainal Abidin, nenda Tengku Razaleigh adalah adinda kepada Sultan Muhammad. Sultan Muhammad telah digantikan oleh putera sulungnya, Sultan Ismail. Kerana ketiadaan waris, adinda baginda, Sultan Ibrahim mewarisi takhta pada tahun 1944. Putera sulung baginda, Tengku Indra Petra, saudara sepupu Tengku Razaleigh mewarisi takhta tetapi beliau turun dari takhta pada tahun 1949.

➤ Tengku Hamzah, yang menjadi Pegawai Daerah Pasir Putih dan Pasir Mas sebelum bertugas sebagai Setiausaha Kerajaan sebelum kedatangan Jepun, terkenal sebagai jaguh sosial di Kota Bharu. Beliau adalah seorang yang amat berdisiplin dan tegas dan menumpukan seluruh kerjanya kepada perkhidmatan awam. Tengku Hamzah tidak diberikan peluang belajar di United Kingdom walaupun mendapat galakan yang kuat daripada Penasihat British. Ayahanda dan bondanya, setelah membenarkan beliau bersekolah di Singapura, lebih suka beliau terus berada di Kelantan. Salah satu sebabnya mungkin kerana keuzuran ayahandanya Tengku Zainal Abidin yang terlantar sejak berusia lewat dua puluhan lagi. Rakan sebaya Tengku Hamzah, Allahyarham Tan Sri Nik Kamil, salah seorang anak Kelantan yang paling terkenal telah meneruskan pengajiannya dalam jurusan undang-undang di England. Beliau dilantik sebagai Menteri Besar dan memegang jawatan tersebut hingga tahun 1955 apabila beliau digantikan oleh Tengku Hamzah.

Tengku Hamzah yang telah ditunangkan ketika berusia 17 tahun lagi telah bertugas dalam perkhidmatan awam Kelantan selama 33 tahun. Beliau bermula sebagai kadet pada tahun 1926. Beliau menjadi seorang ayah ketika berusia 19

tahun. Tengku Aziz Hamzah, kekanda Tengku Razaleigh yang hanya tiga tahun lebih tua mengenang kembali kehidupan awal beliau di Kota Bharu sebelum Pendudukan Jepun dan memberikan gambaran tentang perwatakan ayahandanya:

Almarhum ayahanda adalah orang yang paling luas dan mesra pergaulannya di Kota Bharu. Beliau amat suka bergaul dan bersifat peramah dan berkawan dengan orang-orang dari semua kaum dan peringkat sosial, daripada Sultan dan Penasihat British hinggalah kepada rakyat biasa. Tetapi beliau juga berpegang kuat kepada pendiriannya asalkan dipercayainya betul. Beliau tidak gentar mencabar pendapat para pegawai atasannya dan tidak pula merasa terpegun oleh golongan pentadbiran British, sama ada disebabkan sifatnya sudah begitu ataupun oleh kerana perhubungannya yang lama dengan para pentadbir Inggeris.

Walau bagaimanapun, beliau mempunyai sikap-sikap ke-Inggerisan, salah satu daripadanya ialah 'mentaliti berkelab.' Malahan beliau telah menubuhkan kelab persendirian yang pertama sekali pada tahun-tahun tiga puluhan dan membiayainya sendiri. Kelab ini berperanan sebagai alternatif kepada Rumah Persinggahan yang merupakan pusat tumpuan golongan elit dalam perkhidmatan awam. Kelab persendirian Tengku Hamzah memberikan hiburan muzik di waktu malam yang kerap diadakannya. Tengku Razaleigh semasa mudanya kerap menyanyi untuk para tamu ayahandanya dan juga majlis-majlis keraian yang diadakan untuk sahabat handainya. (Ini mungkin menjadi sebab beliau masih begitu berminat dalam muzik popular yang bermutu).

Tengku Hamzah juga tidak merasa aneh sama sekali memberikan nama-nama Kristian Inggeris seperti George, Robert dan Jane kepada anak-anaknya. Razaleigh nampaknya merupakan jalinan antara dua budaya dan kepada keluarga serta sahabat karibnya, beliau dipanggil Lei iaitu singkatan daripada Leigh (disebut sebagai Lee). Dalam keadaan yang dapat dikatakan senang-lenang sesuai dengan taraf dan pangkat ayahanda mereka, anak-anak keluarga Hamzah dibesarkan dengan menikmati kemewahan hidup yang hanya

dapat dikecap oleh golongan yang kaya dan berpengaruh tetapi tidaklah pula sehingga terlalu dimanjakan atau terlalu menganggapkan bahawa apa sahaja yang dikehendaki boleh diperolehi. Cara pragmatik mereka dibesarkan dan dididik ini besar manfaatnya kepada ketabahan mereka kemudiannya apabila kehidupan mereka yang aman tenteram di Kelantan bertukar corak akibat serangan Jepun.

Seperti juga negeri-negeri lain di Malaya dan Singapura, rakyat Kelantan tidak bersedia langsung untuk menghadapi serangan itu dan mereka sungguh tidak percaya bahawa Jepun berani melancarkan serangan sedemikian. Rakyat Malaya keseluruhannya malahan tidak menyedari langsung krisis yang sedang menimpa mereka sehinggalah 1hb. Disember, 1941 apabila Gabenor Singapura, Sir Shenton Thomas mengarahkan kerahan perang seluruh angkatan tentera dan sukarelawan dari Perkhidmatan Bersenjata Dalam Negeri. Gerakan yang sama juga telah dijalankan di Semenanjung Malaya — hanya seminggu sebelum pasukan penyerang Jepun yang pertama mendarat di pantai Kota Bharu.

Menjelang 7hb. Disember, satu konvoi kapal pengangkutan askar Jepun yang diiringi oleh kapal-kapal perang telah dikesani menuju ke selatan dari pantai Indo-China (Vietnam). Tanpa diketahui oleh askar Malaya (dan angkatan tentera British) pasukan-pasukan askar darat Jepun turut mara ke selatan merentasi daratan genting di antara negara Thai dan Malaya Utara. (Sebagai ganjaran kerana membenarkan angkatan Jepun masuk ke Malaya melalui negara Thai tanpa halangan, kerajaan Thai kemudiannya telah dihadihkan habuan dari kemenangan perang. Hak kedaulatan negara Thai ke atas Kelantan merupakan satu daripada ganjaran tersebut).

Orang-orang Kelantan, seperti juga pihak-pihak lain tidak upaya berbuat apa-apa — selain daripada menghimpun bahan makanan dan mengetatkan keselamatan rumahtangga mereka — dan menunggu untung nasib mereka. Walaupun Singapura telah mengalami serangan udara yang pertama pada 8hb. Disember, rakyat Malaya masih lagi percaya tentang

kekebalan British dan keyakinan pasukan mereka dapat mematahkan serangan Jepun. Pada 8hb. Disember, askar Jepun membuat percubaan pertama untuk mendarat di pantai Kota Bharu — tidak jauh dari kawasan pantai yang indah dikenali sebagai Pantai Chinta Berahi.

Kemaraan mereka telah dipatahkan tetapi hanya untuk sementara. Dalam masa tujuh puluh dua jam mereka telah mara dan menawan ibu negeri itu dan terus bergerak mara menuju ke selatan. Mereka meredah masuk ke Terengganu dan Pahang dan dengan mudah sahaja bala tentera mereka dapat mematahkan tentangan kecil yang dihadapi. Pihak British berundur segera ke Singapura dan merancang untuk berhimpun semula mendirikan pertahanan terakhir.

Pihak Jepun pula sebaliknya lebih bersedia dan lengkap untuk melakukan gempuran muktamad. Kubu pertahanan yang disangkakan kukuh dan kebal itu telah musnah dilanda angkatan laut dan kekuatan angkatan udara Jepun dan pada 15hb. Februari, Singapura jatuh ke tangan Jepun. Penyerahkalah ini telah menjatuhkan maruah British dan apabila ditinjau kembali, peristiwa ini menandakan berakhirnya penjajahan British di rantau Timur.

Tengku Aziz mengenang semula kejatuhan Kota Bharu:

Kami telah mendapat berita tentang peperangan di Eropah dan ada orang mengatakan ia akan merebak ke kawasan ini. Berita-berita tersebut tidak spesifik tetapi hanya ramalan para pegawai British yang datang berkunjung ke Palm Manor. Ayahanda saya kenal baik dengan Pegawai Pemerintah Tentera dan kami pernah melawat kem di Pengkalan Chepa.

Rondaan di malam hari memang diadakan secara rutin, tetapi tidak ada rondaan demikian yang dijadualkan untuk 8hb. Disember. Kata Tengku Aziz lagi:

Ayahanda kami berada di kelah apabila bunyi tembak-menembak kedengaran dari jauh. Penyiasatan segera mengesahkan kejadian itu memang benar berlaku. Ayahanda saya segera pulang dan membangunkan semua di rumah. Beliau memberitahu kami Jepun telah menyerang. Ketika itu saya berumur hampir lapan tahun dan Lei baru empat. Kami tidak

menyangka peperangan sedang berlaku.

Tanggungjawab Tengku Hamzah bukanlah sekadar memindahkan keluarganya ke kawasan selamat di luar bandar Kota Bharu di mana pertempuran semakin menghebat pada 9hb. Disember. Sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri beliau bertanggungjawab kepada Sultan dan kerabatnya dan juga rakyat awam. Sultan dan keluarga baginda telah dipindahkan ke sebuah kediaman rasmi di Nilam Puri, yang terletak di kawasan pinggiran bandar tersebut. Anak-anak Tengku Hamzah sendiri telah berlindung di rumah nenda mereka di Kubang Krian. Setelah keluarganya selamat dipindahkan, Tengku Hamzah kembali menggerakkan pentadbiran di Kota Bharu. Beliau, Dato' Nik Kamil dan Tengku Panglima adalah pegawai-pegawai tinggi yang masih tinggal dan dua hari selepas itu mereka terpaksa menerima kedatangan ketua pemerintah Jepun. "Kami menyaksikan pertempuran terakhir di Kelantan iaitu di Kubang Krian," jelas Tengku Aziz:

Rejimen Sikh telah berundur akibat serangan Jepun dan selepas itu pertempuran berlaku di sekitar rumah yang kami diami. Almarhum sepupu kami, Tengku Indra berada bersama kami. Askar Jepun jelas sekali melebihi bilangan askar British dan kami agak askar-askar Jepun mungkin menyerang rumah kami untuk mengusir keluar askar-askar British yang terperangkap di celah-celah pokok di laman rumah kami. Bendera Union Jack juga terkibar di halaman rumah. Tengku Indra tampil mengibarkan bendera putih selepas menurunkan bendera Union Jack, tetapi pertempuran terus juga berlaku. Pertempuran itu berlangsung selama tiga jam dan pihak Jepun meminta bantuan udara. Pada ketika ini askar British yang masih tinggal mula berundur. Pada keesokan paginya kami mendapati kira-kira sedozen mayat askar India dan dua mayat pegawai British.

Pihak Jepun telah menggunakan dua buah kereta kepunyaan keluarga itu dan juga sebuah bas yang mereka gunakan untuk mengangkut askar mereka balik ke Kota Bharu. Dalam masa seminggu, Jepun telah menawan Kota Bharu dan menguasai sepenuhnya kawasan-kawasan di



sekitarnya. Keluarga Hamzah kemudian berangkat pulang ke Palm Manor. Rumah itu dikawal rapi oleh askar Jepun kerana pegawai pemerintah tentera Jepun menjadikan rumah istirahat di sebelahnya — iaitu sebuah bangunan yang berangin dan indah di mana anak-anak keluarga Hamzah pernah bermain pada masa dulu — sebagai tempat kediaman peribadinya. Sambung Tengku Aziz:

Kami memang tidak suka terutamanya kerana kami terpaksa meminta kebenaran bila hendak keluar rumah. Tetapi saya kira perkara itu tidak dapat dielakkan kerana negara kita sedang diduduki musuh. Tapi setidaknya-tidaknya kami mendapat makanan yang cukup dan selain daripada sekatan ke atas kebebasan kami, kehidupan kami sebagai kanak-kanak tidak seburuk yang dialami oleh begitu ramai yang lain.

Tengku Hamzah dan sepupunya, Tengku Indra amat mengambil berat tentang masa depan rakyat Malaya amnya. Sungguhpun orang Jepun telah menunjukkan kekuatan mereka di medan perang, kuasa pentadbiran mereka di Kelantan tidak begitu kukuh dan mereka menunjukkan kejahilan dari segi pengetahuan mengenai hal-ehwal tempatan. Sebaliknya, pemerintah British nampaknya tidaklah begitu kejam kalau dibandingkan dengan kuasa-kuasa imperialis yang lain. Tindak-tanduk orang Jepun yang kasar dan kejam itu mengasingkan mereka lebih jauh lagi daripada orang-orang Kelantan yang kuat pegangan agama. Tidak ramai yang mempercayai keikhlasan Jepun apabila mereka menjanjikan kemerdekaan bagi Malaya (seperti janji mereka kepada orang Indonesia) setelah mereka meluaskan penguasaan mereka di seluruh bumi Australasia.

Kerana memikirkan keadaan tidak pasti masa depan Malaya, Tengku Hamzah pun mulalah melatih anak-anaknya cara hidup selamat. Kata Tengku Aziz:

Beliau memberi cangkul kepada saya dan Lei dan menggalakkan kami bertanam sayur. Bonda menyuruh adik-adik perempuan saya bangun pagi-pagi lagi membuat kuih untuk dijual. Kami sebenarnya bukanlah memerlukan wang untuk hidup

tetapi ayahanda kami mahu kami insaf betapa pahitnya hidup dalam masa perang.

Putera-putera Hamzah juga bersekolah di Padang Garung tetapi apabila sekolah itu dirampas, mereka terpaksa berpindah dari bangsal ke bangsal yang digunakan sebagai bilik darjah.

Hampir sepanjang masa Pendudukan Jepun itu mereka hidup di Palm Manor. "Jadi, sebagai kanak-kanak lelaki, kami pun menghabiskan masa bermain-main di kawasan rumah yang luas itu. Kawan-kawan kami datang bermain tiap-tiap hari dan kami bermain bermacam-macam permainan." Dalam pada itu mereka takut-takut juga bermain di bawah bayangan ibu pejabat pentadbiran Jepun yang dulunya Rumah Tumpangan. Pejabat Kempeitai yang ditakuti itu terletak tidak jauh dari situ, di mana terletaknya hari ini cawangan Hongkong & Shanghai Bank.

Bagaimanakah Razaleigh yang masih kecil itu menyesuaikan dirinya dengan keadaan yang mengerikan itu? Jelas Tengku Aziz:

Dia masih budak lagi dan saya rasa pada mulanya dia tidak begitu faham akan apa yang terjadi. Tetapi kemudiannya dia sedar apa yang berlaku. Dia melihat pegawai-pegawai yang datang ke rumah kami lain rupa mereka, kalau dulu mereka mempunyai muka kemerah-merahan, tetapi kini putih kuning pula. Pegawai-pegawai Jepun itu kadang-kadang membawakan kami alat permainan sembarangan yang diperbuat daripada buluh dan saya kira bagi seseorang yang masih kecil apabila seseorang itu memberinya barang permainan, tentu baiklah orangnya. Menjelang akhir zaman Pendudukan itu, pada tahun 1945, dia sudah sedar akan perubahan yang akan berlaku. Ayahanda kami menyebut tentang kembalinya pihak British dan pada keseluruhannya kami menunggu-nunggu kedatangan mereka setidak-tidaknya kerana kami sudah kepingin akan kehidupan dan kebebasan yang dulu kami nikmati.

Tengku Razaleigh bagaimanapun bukanlah sama sekali tidak menyedari keadaan yang berlaku itu. Beliau dapat mengingati anak pengasuhnya yang dipaksa pergi untuk

bekerja membina Jalan Keretapi Maut Siam, yang keji itu. Lebih menyayat hati lagi tentang peristiwa beliau mengikuti ayahandanya ke Istana Kota Lama untuk memberi penghormatan kepada Gabenor Thai yang telah dilantik sebagai pemerintah boneka di Kelantan. Walaupun makanan yang dihidangkan itu tidak disukainya, beliau lebih meradang melihat ayahandanya terpaksa memberi penghormatan kepada seorang pemimpin boneka Siam. Beliau juga menyedari bahawa untung nasib negeri Kelantan telah ditentukan dan kekayaan buminya dinikmati bukannya oleh dua kuasa tetapi tiga kuasa Penjajah, tanpa menghiraukan sama sekali hasrat rakyatnya. Ketidakadilan ini dan kezaman beliau untuk mengubah keadaan yang tidak dapat diterima langsung itu tertanam di sanubarinya sehingga bertahun-tahun lamanya kemudian.

## Bab 3

Setelah Jepun menyerah kalah, kehidupan di Kelantan beransur pulih seperti biasa walaupun parut-parut peperangan dan penderitaan yang dialami rakyat jelata mengambil masa yang lebih lama untuk luput. Bagi kebanyakan mereka usaha mendirikan semula penghidupan baru dan mencantumkan semula keretakan-keretakan yang telah dialami sudah pun cukup berat. Jadi, soal masa depan diketepikan buat sementara dan biarlah British yang kembali memerintah itu mengarahkan sahaja hidup mereka.

Walaupun demikian, sementara sebahagian besar masyarakat tidak peduli soal politik kerana takut menghadapi keadaan yang tidak pasti, ada golongan yang berani kerana British telah terbukti kelemahannya dan mereka memutuskan masanya sudah sampai untuk Melayu menentukan nasib bangsa sendiri.

Bagi Tengku Razaleigh, yang masih muda, keutamaannya ialah soal pelajarannya sendiri dan oleh demikian kembalilah beliau ke sekolah. Mula-mulanya ke sekolah elit Majlis Ugama Islam Kelantan yang mengajar bahasa Arab, Melayu dan Inggeris dan kemudiannya ke Ismail English School yang kemudiannya ditukarkan nama kepada Maktab Sultan Ismail, Kota Bharu.

Walaupun yang dipentingkan masa itu ialah mengejar kembali beberapa tahun pelajaran yang telah ketinggalan, namun anak-anak Tengku Hamzah digalakkan mengambil bahagian dalam sukan. Tengku Aziz bermain badminton, walaupun beliau terpaksa membayar yuran kelab daripada wang perbelanjaan mingguannya sendiri. Beliau juga digalak-

kan belajar menunggang kuda di ladang nendanya. Tengku Razaleigh pula tidak berminat bermain sukan. "Beliau lebih suka menyelenggarakan kegiatan-kegiatan temasya sukan daripada menyertainya," kata Tengku Aziz:

Beliau seorang pengurus yang sungguh teliti dan teratur. Segala-galanya diuruskannya, sehingga kepada kerja remeh seperti mencetak baju kemeja-T untuk para peserta dan soal hadiah-hadiah. Beliau mendapat kepuasan melibatkan diri sebagai pengurus sama seperti kami mendapat kepuasan sebagai peserta. Beliau juga amat pandai mengatur perkelahan dan rajin mengambil gambar. Ayahanda membelikannya sebuah kamera dan beliau mengambil gambar-gambar yang amat menarik. Pada masa itu kamera dan senifoto bukan kepalang perbelanjaannya tetapi beliau diberikan galakan kerana berbakat menjadi jurugambar.

Ketiga-tiga orang putera Tengku Hamzah dibawa bergaul dengan orang-orang dewasa, baik pentadbir British mahupun pemimpin masyarakat Melayu (selain daripada golongan sepupu kerabatnya) sejak dari kecil lagi. Semasa remaja mereka menikmati peluang keemasan untuk menghadiri majlis-majlis di Kelab Kelantan, tempat berkumpul para pegawai kanan British dan beberapa orang Melayu yang berkedudukan tinggi. Dari pergaulan ini dapatlah Tengku Razaleigh terutamanya mengetahui awal-awal lagi tentang perkembangan penting yang berlaku di dalam negeri.

Belum pun sampai reda kesan-kesan penyerahkalahannya Jepun, timbul pula suatu hal yang mengejut dan membimbangkan rakyat Malaya, iaitu pihak British yang baru saja kembali berkuasa, rupa-rupanya sudah pun terlebih dahulu mengatur rancangan hendak menukar struktur undang-undang Perlembagaan negara ini. Bagi orang Melayu ini merupakan suatu pengkhianatan.

Tidak perlu ditegaskan lagi bahawa Britain telah membuat kesilapan besar mengumumkan penubuhan Malayan Union ketika itu. Bagi kebanyakan penduduk Malaya, ikhtiar memulihkan kembali kehidupan mereka telah terhalang oleh kekurangan makanan. Bertahun-tahun selepas pembebasan

daripada kekuasaan Jepun makanan rakyat telah dicatu dan berbagai peraturan lain dikenakan yang menyusahkan rakyat.

Di negara-negara jiran yang lain di Asia, "keamanan hanya bermakna peperangan dalam bentuk lain," ataupun rusuhan awam, terutamanya di India dan Indonesia. Di Malaya "kesedaran politik telah mula bergerak (dan) menunjukkan taring." Berita-berita angin mengenai perubahan Perlembagaan Malaya — yang sebenarnya telah dirasmikan dalam bulan April 1944, lebih setahun sebelum penyerahkalah Jepun — akhirnya disahkan dalam bulan Oktober 1945. Perubahan tersebut memerlukan suatu Perlembagaan baru yang merangkumi kesemua sembilan buah Negeri-negeri Melayu, termasuk Pulau Pinang dan Melaka, tetapi tidak termasuk Singapura. Negeri-negeri yang terlibat itu akan disatukan ke dalam sebuah Union yang dikuasai oleh sebuah Kerajaan Pusat yang akan dilantik oleh Gabenor British (atau Pesuruhjaya Tinggi) yang akan mempunyai kuasa eksekutif yang muktamad.

Peruntukan Perlembagaan yang paling penting dan kontroversial ialah kriteria bagi kerakyatan Malayan Union. Yang dicadangkan ialah setiap orang tidak kira bangsa asal keturunannya atau kepercayaan yang dianutinya yang dapat mengemukakan bukti yang sah yang dia telah dilahirkan di Malaya atau bermastautin dalam tempoh yang ditetapkan akan layak mendapat hak kerakyatan. Ini bererti bahawa kebanyakan pendatang Cina dan India akan mendapat kedudukan yang setaraf dengan peribumi Melayu. Tidak hairanlah orang-orang Melayu merasa tercabul kerana kesetiaan orang Cina ketika itu dicurigai lantaran kegiatan penganas Komunis (PKM).

Keputusan yang membawa kesan yang meluas ini dipercayai timbul daripada suatu dilema British. Kumpulan gerila terutamanya Tentera Anti-Jepun Rakyat Malaya (MPAJA) telah memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada usaha British itu dengan keyakinan bahawa permintaan orang-orang Cina untuk mendapat kerakyatan akan dipenuhi. Pihak British tidak mahu kehilangan sokongan rakyat peribumi

tetapi di samping itu mereka tidak mahu pihak Komunis mendapat peluang mendakwa bahawa merekalah yang telah memaksa kuasa Penjajah memberikan faedah-faedah besar kepada kaum Cina dan India.

Oleh kerana ketetapan telah dibuat walaupun terasa waswas, pihak British pun terus menjalankan langkah-langkah memperbetul taraf kerakyatan yang tidak seimbang, tanpa mempertimbangkan perasaan orang-orang Melayu. Apa yang mereka tidak sangka ialah kemarahan orang Melayu yang dibangkitkan oleh perubahan-perubahan yang dicadangkan itu. Kesannya yang paling segera ialah pengemblengan tenaga pembangkang yang membawa kepada penubuhan UMNO, suatu perkembangan yang tidak disangka-sangka oleh Penjajah British yang bongkok. Apabila kita melihat kembali kepada peristiwa yang berlaku nyatalah tindakan British itu merupakan satu takdir Tuhan menyatupadukan politik bangsa Melayu.

Dengan tergesa-gesa dan dengan paksaan yang tidak berselindung-selindung lagi, utusan khas kerajaan British, Sir Harold MacMichael berjaya memujuk kebanyakan daripada Raja-raja Melayu supaya menyerahkan dengan relanya kuasa kedaulatan negeri masing-masing kepada Raja England. Sultan Pahang dan Kedah telah menerima desakan kuat dari pemimpin-pemimpin nasionalis Melayu supaya jangan tunduk. Tetapi kedua-dua baginda beralah juga dan menyerah kepada kata dua yang dikeluarkan oleh Sir Harold MacMichael sekiranya terdapat tanda-tanda penentangan.

Di Kelantan, di mana orang-orang Melayu "biasanya cenderung bertindak balas dengan lebih segera terhadap seruan Raja-raja mereka, terdapat tentangan yang paling kuat." Kira-kira 10,000 orang telah berkumpul membantah keras lawatan Sir Harold MacMichael. Sultan Ibrahim yang naik semangat melihat perpaduan rakyat itu telah mencadangkan supaya kerakyatan Malayan Union yang dicadangkan itu diberikan hanya kepada mereka yang menggugurkan kesetiaan kepada negara asal mereka. Baginda juga menyeru agar kemasukan seterusnya rakyat asing dihentikan.

Pandangan baginda tidak dipedulikan oleh British.

Pertempuran-pertempuran telah meletus di beberapa kawasan negara dan kumpulan-kumpulan lebih militan yang semakin berkembang telah mendesak supaya mula menentang dengan kekerasan. Pada bulan Julai 1946, kerajaan British, menyedari langkah mereka tidak akan berjaya, telah menarik balik rancangan mereka. Sebagai gantinya pihak British mencadangkan penubuhan sebuah Persekutuan dan syarat-syarat mengenai kerakyatan akan dipinda supaya dapat diterima oleh orang Melayu. Semasa langkah menarik balik cadangan itu diambil oleh pihak British, golongan Cina dan India telah menganggapnya sebagai pembelot dan mula bertindak balas. Parti Komunis Malaya mengambil peluang ini untuk berjuang di dalam hutan Malaya. Dengan ini bermulalah Darurat.

Akhirnya pada pertengahan tahun 1948, Perlembagaan baru Malaya telah digubal. Ia merupakan suatu kemenangan besar bagi orang Melayu. Semangat kebangsaan Melayu semakin meningkat dan Dato' Onn bin Jaafar, pejuang ulung hak Melayu, telah muncul sebagai orang yang paling berpengaruh di Tanah Melayu. Tetapi pada ketika itu bakal pengganti beliau sedang mengambil peperiksaan undang-undang di England di samping mendapat latihan cara British berpolitik: pasangan ini terdiri daripada Tunku Abdul Rahman Putra yang karismatik dan ahli strateginya, Datuk Abdul Razak bin Hussein.

Pertemuan pertama di antara Tengku Razaleigh yang masih muda ketika itu dengan mereka berdua — yang dikenali sebagai 'Briged Merdeka' — ialah apabila ayahanda beliau dalam bidang tugas rasminya mengunjungi mereka di Kuala Lumpur, pusat kegiatan politik Melayu. Tidak ramai yang dapat menjangkakan pengaruh dua orang tokoh ini terhadap kerjaya Tengku Razaleigh, apalagi Tengku Razaleigh sendiri dan juga peranan beliau beberapa tahun kemudian sebagai penyokong kuat dalam pelaksanaan politik yang kedua-duanya perjuangkan tetapi tidak sempat melaksanakan sepenuhnya semasa mereka menjadi Perdana Menteri.



## Bab 4

Walaupun ayahanda beliau bukan ahli politik — tugasnya dalam kerajaan melarang penglibatan aktif dalam politik — ini tidak menghalang Tengku Razaleigh dari pendedahan politik yang kian meningkat pada akhir tahun 1940-an, terutama sekali yang digerakkan oleh penubuhan UMNO. (Walaupun Raja-raja juga dianggap berkecuali dalam politik, kebanyakan mereka telah merestui dasar perjuangan UMNO selepas berjinak-jinak dengan Parti Negara pimpinan Dato' Onn yang telah keluar dari UMNO sebelum Pilihanraya 1955).

Penasihat Tengku Razaleigh ialah sepupunya Tengku Indra Petra putera sulung Almarhum Sultan Ibrahim, yang enggan menaiki takhta dan menyerahkannya kepada adindanya pada akhir tahun 1940-an. Tengku Indra seterusnya menceburi diri dalam politik Kelantan dan kemudiannya bertugas sebagai Pemangku Gabenor Pulau Pinang dan Duta ke Jepun, Pakistan dan Sri Lanka. Kerjaya beliau gemilang dan kerap juga kontroversial. Tetapi bagi Tengku Razaleigh, Tengku Indralah "guru politik saya yang paling awal" dan di antara saudara yang paling disayanginya.

Perbezaan umur di antara mereka berdua — Tengku Indra 21 tahun lebih tua darinya — tidak menjadi halangan dan perhubungan mereka bertambah erat sehingga mereka, selain dari pertalian darah, menjadi sahabat karib. Ketika Tengku Indra disaman oleh tuntutan cerai pada tahun 1949, Tengku Razaleigh sudah tentulah bersimpati dengannya. Saman yang dikeluarkan di London itu menjadi kepala berita di akhbar-akhbar tempatan. Penyamannya ialah bekas pragawati Annette Wheller berusia 30 tahun yang telah

berkahwin dengan Tengku Indra (wanita itu memanggilnya dengan nama 'Peter') secara kahwin sivil di Bournemouth dalam tahun 1939. Menurut Cik Wheller, mereka pertama kali bertemu ketika 'Peter' menuntut di Bryanston School. Mereka terus berkawan ketika Tengku Indra Petra belajar di Cambridge. Setelah perkahwinan sivil mereka berbulan madu selama dua minggu dan selepas itu Tengku Indra Petra kembali ke tanahair ketika peperangan meletus di Malaya. Selepas itu tidak ada nampaknya apa-apa perhubungan di antara mereka, tetapi semasa perbincangan, Cik Wheller mendakwa bahawa beliau "masih amat sayang pada Tengku saya."

Sebab-sebab Tengku Indra turun dari takhta masih kabur. Walaupun ayahanda beliau amat murka dengan tindakan yang tidak bijak itu, beliau telah diampun dan dianugerahkan segala hak keistimewaan pangkatnya. Mungkin lebih tepat kalau dikatakan Tengku Indra meninggalkan takhta kerana angkara campur tangan Penasihat British yang tidak senang dengan kegiatan politik Tengku Indra. Mungkin kerana penglibatan Tengku Indra dalam mengadakan rapat raksasa menentang konsep Malayan Union di Kota Bharu telah mengakibatkan beliau dipaksa turun dari takhta.

Kalau tindakan British ini untuk mematahkan semangat beliau, mereka nyata tidak berjaya kerana Tengku Indra yang kini bebas dari tugas-tugas diraja terus menceburkan diri ke dalam kancah politik Malaya yang sedang menggelegak. Beliau dan Tunku Abdul Rahman muncul sebagai aktivis politik keturunan Raja yang pertama berkhidmat membela perjuangan UMNO. Kerjaya Tengku Indra yang gemilang itu berakhir pada tahun 1961. Peristiwa yang membawa kepada perkara ini akan diceritakan dalam bahagian lain.

Tengku Razaleigh mengenang dengan penuh mesra perjuangan politik Almarhum sepupunya yang tercinta:

Kami amat rapat, macam adik-beradik, makan dan tidur ber-

sama. Dan semasa perbincangan yang panjang lebar, beliau akan menghuraikan tentang kenyataan politik yang terdapat pada masa itu dan mengenai apa yang dapat dilakukan untuk memperbaiki keadaan orang Melayu. Memang benar beliau nakal sedikit tetapi komitmen dan pencapaian politiknya melebihi kenakalannya.

(Walaupun bukan niatnya, tetapi Tengku Razaleigh, setelah mendengar dan belajar selama satu dekad dengan Tengku Indra, telah menggantikan beliau mula-mulanya sebagai Ketua UMNO Ulu Kelantan dan kemudiannya sebagai Ketua UMNO Kelantan. Dari segi geografi, Ulu Kelantan adalah kawasan pilihanraya yang terbesar di Malaysia dan masih lagi merupakan tapak kuasa politik Tengku Razaleigh).

Sementara itu beliau perlu menyelesaikan beberapa perkara, termasuklah soal menamatkan pelajaran asasnya. Beliau sendiri mengaku bosan dengan jadual waktu sekolah dan peperiksaan kerana mengganggu kesukaannya yang lain. Pada mula-mulanya tidak ada matapelajaran yang khusus digemarinya, tetapi kemudian beliau tertarik dengan pengajian ekonomi. Bakat semulajadi ini pun mungkin tidak akan berkembang kalau takdir tidak menentukan demikian.

Pada tahun 1954, Tengku Razaleigh telah dihantar ke Maktab Melayu, Kuala Kangsar, iaitu taman pendidikan anak-anak bangsawan. Pada mulanya beliau dirancang untuk mengikuti kursus perubatan dan Sekolah St. Andrew Singapura telah dipilih sebagai sekolah menengah ke arah mencapai tujuan ini. Tetapi tidak jadi dan beliau pun dihantar ke Kuala Kangsar. Peraturan di situ agak ketat baginya — termasuk larangan merokok. Oleh kerana beliau kemudiannya memilih jurusan ekonomi, bukan perubatan, beliau ada alasan kuat untuk meninggalkan Kolej Melayu. Beliau hanya berada di Kolej Melayu selama enam hari termasuk hujung minggu sebelum bertukar ke Sekolah Anderson di Ipoh.

Walaupun beliau berada sekejap saja di Maktab Melayu beliau telah meninggalkan kesannya, menurut Dato' Dr. Mokhzani Abdul Rahman. Kolej itu merupakan sekolah

penamat yang unggul di Malaya dan hampir wajib bagi keluarga diraja dan lain-lain pelajar Melayu yang terkemuka. Beliau berkata:

Di Kolej ini terdapat suatu kecenderungan menyerap tradisi British. Jadi, para pelajar yang menuntut di sana di zaman sebelum perang, cenderunglah meniru gaya dan perangai pegawai Penjajah, dengan tingkah yang kerap amat ketara. Tetapi apabila kami berada di sana, faham liberal, sekurang-kurangnya dalam konteks tradisi British, telah tumbuh dan subur. Ini memanglah suatu hal yang amat bertentangan — iaitu suatu sistem monoetnik yang menganut idea-idea liberalisme. Memanglah Lei tertarik serta-merta dan merasa cukup sehati — walaupun dia berada sekejap saja di sana. Entah bagaimanalah bezanya pandangan politik beliau dengan yang ada hari ini sekiranya beliau terus menuntut di Kolej Melayu.

Masa depan Malaya menjadi punca perbahasan di Kolej itu dan Tengku Razaleigh mengambil bahagian dengan penuh semangat. Satu keistimewaan Tengku Razaleigh ialah kesediaan untuk berkhidmat, kata Dr. Mokhzani:

Sebagai seorang anak Raja, apatah lagi memandangkan jasa perkhidmatan ayahandanya kepada rakyat Kelantan, memanglah orang mengharapkan beliau mengikuti jejak ayahandanya. Bagaimanapun, Lei tidak perlu galakan. Beliau sentiasa sedia untuk berkhidmat kepada rakan-rakan sekolah walaupun sebelum beliau diminta berbuat demikian. Ini memang tabiatnya dan rekodnya dalam perkhidmatan awam selepas itu cukup banyak mengisahkan bagaimana beliau mengambil inisiatif — selalunya dengan mengorbankan kepentingan diri dan mengeluarkan perbelanjaan sendiri — untuk memenuhi keperluan rakyat dan penduduk di kawasan pilihannya. Beliau tidak pernah berkelakuan seperti seorang putera Raja; sikapnya ialah layan orang dahulu, jangan tunggu dilayani.

Beliau sentiasa menunjukkan apa yang diistilahkan oleh Dr. Mokhzani sebagai 'sindrom berbakti' yang menurutnya merupakan "suatu gerak maju ke arah politik, walaupun Lei tidak pernah menyuarakan hasratnya untuk menjadi seorang ahli politik." Tetapi apabila mereka bertemu kembali di Lon-

don, tahun 1959, komitmen politik Tengku Razaleigh berjuang berkhidmat untuk rakyat sudah ketara.

Semasa bertukar ke Sekolah Anderson, Ipoh, beliau dapat mengelak dari sengsara hidup di hostel dengan menyewa sebuah bilik YMCA di bandar. Barulah beliau bebas menikmati kesenangan hidup remajanya. Menurut seorang rakan sekolahnya Kassim Sulong, "Beliau mengambil kesempatan sepenuhnya dan rakan-rakannya di hostel sentiasa mengambil peluang berpuyu ke biliknya melepaskan diri dari kongkongan asrama. Lei tentu sekali menyambut baik kedatangan mereka dan mereka menikmati kegembiraan hidup di luar dan di dalam sekolah."

Kehadirannya di Sekolah Anderson menarik perhatian. Para pelajar dan guru memang tahu latar belakangnya, terutamanya rekod perkhidmatan ayahandanya yang cemerlang itu. Dari segi kewangan juga kedudukannya selesa kerana kebanyakan ibu bapa pelajar lain telah kehilangan harta benda akibat perang. Kassim Sulong, yang kenal Tengku Razaleigh semasa di sekolah rendah Kota Bharu dan berkawan rapat di Anderson selama satu tahun mengatakan bahawa, "Lei cukup bertenaga, baik dalam kegiatan sosial mahupun dalam aktiviti sekolah. Beliau menunjukkan keazaman lebih daripada sesiapa saja yang saya tahu. Beliau sentiasa aktif."

Sifatnya yang periang dan pemurah sentiasa menjadi tumpuan perhatian dan pengaduan hal rakan-rakan sedar-jahnya dan beliau membalasnya dengan mengadakan aktiviti sosial dan memberi pertolongan yang lain. Masa yang lebih ditumpukannya kepada hal-hal ini bermakna pelajarannya kurang diberatkan. Kassim Sulong berkata, "Tabiatnya menelaah aneh sekali. Semasa kami tidur, beliau belajar, kerana beliau terpaksa menggantikan masa yang ditumpukannya kepada lain-lain kegiatan pada siang hari. Walaupun cara ini agak ganjil ia tidak menjejaskan markah-markah tinggi yang sentiasa diperolehinya." Prestasinya lebih dari purata tetapi beliau "boleh lebih berjaya lagi sekiranya beliau mahu. Saya kira beliau sengaja memilih pendidikan yang luas dan

seimbang, dan bukan hendak terbaik dalam segelintir matapelajaran saja." Namun demikian, beliau muncul sebagai pelajar terbaik dalam peperiksaan Sijil Lepas Sekolah (*Post School Certificate*).

Ilmu ekonomi adalah bidang pengajian yang diutamakan. Beliau juga berminat dalam hal-hwal dunia. "Bahan bacaan yang dipilihnya menakjubkan kawan-kawannya dan tiada siapa hairan kalau beliau kelihatan khusyuk membaca majalah-majalah antarabangsa seperti *Time*." Langgan majalah ini telah diaturkan oleh ayahnya. Naskah Tengku Razaleigh selalunya dibaca juga oleh para guru dan lain-lain orang dewasa di YMCA. Sebaliknya, rakan sedarjahnya membaca komik dan juga lain-lain bahan bacaan ringan.

"Beliau meminati perkara-perkara yang terlampau rumit untuk pemikiran kami," sambung Kassim Sulong. "Walaupun beliau tidak pernah bercakap fasal politik, minatnya dalam hal-hwal dunia membezakan beliau dengan orang lain." Beliau juga terkenal dengan kebolehannya menulis. "Beliau menulis dengan begitu cermat dan penuh keyakinan sehingga beliau tidak perlu membuat pembetulan lagi. Bagi saya itu adalah tanda seorang yang tegas pendirian, yang berhati-hati mengumpulkan buah fikirannya sebelum membuat keputusan."

Walaupun tidak menyertai kegiatan sukan, beliau menjadi pemain biliard yang giat dan kerap bermain untuk kawan-kawan di meja biliard YMCA. Beliau amat sukakan pergaulan sosial dan bukan sekadar mengendalikannya sahaja, tetapi beliaulah juga orang yang memberi nafas dan memeriahkan suasana majlis. Ketika menuntut di tingkatan V — 'sebuah kelas yang rancak' — berlakulah suatu peristiwa yang masih menggelikan hati Lei dan Kassim Sulong. "Kami semua sedang membuat bising dan guru menuntut si nakal mengaku. Tak seorang pun mengaku, jadi kami semua kena tahan termasuklah kapten dan *prefect*. Seronok kena hukum tahan."

Menjelang akhir tahun 1955, Tengku Razaleigh telah pun

sedia untuk merantau meninggalkan Malaya yang sudah meluap politiknya semenjak beliau memasuki Sekolah Anderson. Beliau memilih jurusan Ekonomi dan belajar di Queen's University, Belfast. Beliau telah pun merancang belajar undang-undang setelah mendapat ijazah Sarjana Muda Sains (Ekon.) tetapi buat sementara waktu terpaksa kembali ke tanahair, jauh dari London yang menjadi pusat tumpuan perjuangan Malaya menuntut kemerdekaan. Beliau merasa kecewa berada jauh dari arena perjuangan tetapi menjelang 1957 semasa beliau baru berusia 20 tahun beliau berazam melibatkan diri di tengah-tengah arus perjuangan.

## Bab 5

Ayahanda Tengku Razaleigh lebih suka beliau menuntut di salah satu dari universiti-universiti Oxford atau Cambridge, tetapi amat sedikit tempat bagi penuntut Malaya di sana dan mana yang adapun telah dikhaskan biasanya untuk para pemegang biasiswa kerajaan. Universiti-universiti lain seperti Queen's University, University of Wales dan London School of Economics menawarkan tempat untuknya tetapi ayahandanya tidak sukakan LSE. Beliau tidak percaya teori-teori politik Harold Laski atau pengaruhnya bermanfaat kepada pelajarannya.

Pilihan untuk belajar di Belfast telah dipengaruhi oleh dua orang terkemuka: bekas pentadbir British di Malaya, Mubin Sheppard (kini Tan Sri Dato') yang mempunyai seorang anak angkat yang sedang menuntut di jurusan ekonomi di Dublin dan bekas Pesuruhjaya Tinggi, Sir Donald MacGillivray yang pernah menuntut di Queen's University, Belfast. Sir Donald bersahabat baik dengan Tengku Hamzah semasa beliau bertugas di Malaya.

Tengku Razaleigh terpaksa mengikut kemahuan ayahandanya walaupun beliau tidak senang dengan sikap kedaerahan masyarakat Belfast. Kualiti kehidupan sosial iaitu hal yang penting kepada Tengku Razaleigh yang sentiasa riang dan aktif, tidak memuaskan beliau di Belfast. Kebebasan sosial yang diidaminya hanya dapat dipenuhi ketika melancong ke London, yang kerap dilakukannya. Di London jugalah beliau akan memuaskan kehausan inteleknya, terutama dalam hal-ehwal politik. Oleh itu di Belfast terpaksa beliau menggunakan segala ikhtiar dan kebijaksa-



naannya supaya tidak bosan dengan kehidupan di kampus.

Tetapi mujurlah ada segolongan pelajar Malaya yang memerlukan kepimpinan beliau — bukan di bidang pembelajaran tetapi untuk merayau di waktu malam. Ini melegakan sedikit kehidupannya di universiti. Kumpulan ini, yang dikenali sebagai 'Belfast Mafia', termasuk (Dato') Ismail Abdullah, (kini Ketua Eksekutif UAB Bhd.). Datuk Syed Nahar Shahabuddin yang berada di Trinity College, Dublin kerap mengunjungi beliau.

Kelakuan mereka tidak dibantah oleh universiti atau masyarakat pelajarnya, malahan kelucuan dan sopan santun mereka menjadikan mereka kesayangan masyarakat pelajar dan juga masyarakat tempatan yang tinggal di persekitaran kampus kolej. Mereka juga lebih mewah kerana Tengku Razaleigh yang menjelaskan perbelanjaan sosial mereka. Memandangkan latar belakang dirajanya — yang sebenarnya tidak pernah dilagak-lagakkannya — kepandaiannya berjenaka dan tingkah laku yang menarik, dengan senyuman nakalnya, tidaklah hairan Tengku Razaleigh amat dialu-alukan oleh pihak pengurus kedai-kedai minum dan restoran tempat beliau meraikan teman-temannya. Kenangan Syed Nahar (bekas Menteri Besar Kedah) yang mengetuai pertubuhan pelajar Malaya di Dublin mengenai Tengku Razaleigh semasa beliau menuntut di sana: "Hati kita seronok dengannya, sentiasa ramah menolong dan cukup santun. Tenaga dan keinginannya merasa nikmat hidup memang masyhur — hingga kini." Tetapi Tengku Razaleigh juga mempunyai perwatakan yang serius:

Penglibatannya dalam hal-ehwal pelajar membuatnya amat sedar akan keperluan mereka. Walaupun beliau menumpukan perhatian kepada politik Afro-Asia, beliau tidak lupa tentang kesulitan hidup yang dialami oleh para penuntut Malaya di Ireland dan England. Beliau amat pemurah dan sentiasa sedia menolong, walaupun ini bermakna beliau terpaksa mengorbankan kepentingan dirinya.

Syed Nahar juga mengenangkan:

Kebolehannya beramah mesra dengan orang lain, tidak kira umur atau pangkat. Bagi seorang pemuda, beliau menunjukkan kematangan yang mengagumkan. Malah di waktu itu pun pengetahuan dan perangnya sudah membuktikan bahawa kearifan seseorang tidak semestinya datang di masa tua dengan pengalaman yang banyak. Dalam perbincangan, beliau amat pantas memahami perkara yang diperbincangkan dan kebolehan ini menjadi keistimewaannya kelak sebagai ahli politik. Beliau juga amat faham tentang pertalian yang istimewa antara kuasa dan tanggungjawab — iaitu tanda orang yang berjiwa besar pada hemat saya.

Walau bagaimanapun, London begitu menarik baginya dan hampir tidak boleh ditinggalkannya. Khususnya beliau merasa ketinggalan dalam penglibatan para pelajar di sana dalam pergerakan kemerdekaan di Timur Tengah dan Asia, terutamanya perjuangan Malaya untuk bebas dari belenggu penjajahan. Beliau tidak sabar untuk menyelesaikan pengajian di Queen's dan sebaik saja menerima ijazah pada tahun 1958, beliau terus menyertai perjuangan di London. Beliau menjadi Setiausaha Persatuan Melayu dan kemudiannya Presiden Persatuan Pelajar-pelajar Malaya yang berpengaruh itu, berpejabat di Malaya Hall. Semasa lawatan-lawatan ke London beliau dapat memerhatikan dengan dekat percaturan politik yang berakhir dengan Malaya menjadi sebuah negara Merdeka dan berdaulat pada Ogos 1957. Penggerak utama di belakang perjuangan kemerdekaan ini ialah Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail yang mewakili UMNO dan T.H. Tan serta Kolonel H.S. Lee dari Malayan Chinese Association (MCA). Perjuangan mereka telah dilakukan berselang-seli di Kuala Lumpur dan di London. Setiap kali para pemimpin UMNO berunding di London, beliau turut hadir. Jadi, sebaik saja kemerdekaan dipersetujui, Tengku Razaleigh mendapat perhatian dari pemimpin-pemimpin ini. Ketika itu beliau berusia 20 tahun.

Kemerdekaan Malaya bukanlah tercapai tanpa sebarang perjuangan dan pihak yang mengatakan kemerdekaan telah diserahkan begitu sahaja kepada pihak Perikatan, nyata tidak mengetahui betapa pahitnya perjuangan yang dialami oleh

para pemimpin sewaktu mengadakan perundingan berkali-kali dengan Pejabat Penjajah, Pesuruhjaya Tinggi British di Malaya dan dengan Raja-raja Melayu di antara 1954-1956. Tunku dan rakan-rakan seperjuangan telah menunjukkan sikap ketabahan yang mengagumkan dan sebab utama tidak berlakunya pertumpahan darah adalah kerana kesabaran yang telah ditunjukkan apabila perundingan telah menemui jalan buntu pada tahun 1954 yang mengancam menjadi kekerasan.

Bagi Malaya, dan khususnya Tunku Abdul Rahman, tahun 1954 merupakan tahun paling dramatik dalam sejarah politik negara kerana lapan belas bulan semenjak itu, gerakan bersejarah ke arah kemerdekaan telah dilancarkan. Tidak satu pun dari peristiwa-peristiwa ini terlepas dari perhatian Tengku Razaleigh dan juga para penuntut lain dari Malaya dan Singapura. Dan walaupun beliau mungkin tidak menyedarinya, pergaulan awal dengan para pejuang kemerdekaan Malaya ini menandakan permulaan hidupnya berkecimpung dengan rakan-rakan politiknya di dalam meneruskan perjuangan mempertingkatkan taraf hidup rakyat.

Laporan Suruhanjaya Pilihanraya dalam tahun 1954 menjadi titik bermulanya perjuangan pertikaman lidah yang sengit di antara pemimpin-pemimpin Perikatan dengan Pejabat Kolonial British. Perakuan yang terawal mencadangkan penubuhan satu Majlis Undangan Persekutuan yang lebih besar; sebahagian darinya dipilih dan sebahagian lagi dilantik, terdiri dari 44 ahli Majlis terpilih dan 44 ahli dilantik, tidak termasuk Speaker dan tiga ahli ex-officio. Bilangan yang dilantik dicadangkan akan kekal selama empat tahun. Ini bermakna British bertujuan terus untuk berkuasa sekurang-kurangnya sehingga tahun 1958.

Parti Perikatan berkeras menuntut majoriti yang dipilih untuk memberi kredibiliti kepada taraf berkerajaan sendiri, dan pilihanraya hendaklah diadakan paling lewatnya dalam tahun 1955. Dato' Onn bin Jaafar, yang telah meletakkan jawatan sebagai Presiden UMNO sebelum ini kerana rancangannya gagal untuk membuka keahlian parti kepada bukan Melayu, turut campur. Sebagai Presiden Independence

of Malaya Party (IMP), (yang kemudiannya dinamakan Parti Negara) beliau lebih suka pilihanraya diadakan dalam tahun 1956. Sultan-sultan juga berbelah-bagi mengenai pilihanraya. Sir Gerald Templer mendapat tahu ada di antara Raja-raja mahukan majoriti yang dilantik dan tempoh yang lama sebelum kemerdekaan diberikan. Sementara jentera pilihanraya Perikatan bergerak lancar, Tunku Abdul Rahman berlepas ke London pada bulan Mei 1954 untuk mendapatkan sokongan dari ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Pertuanan British dan juga memujuk Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan, Oliver Lyttleton, supaya meminda rancangan British itu. Sebelum mereka bertemu, pengumuman telah dibuat mengenai persetujuan yang telah dicapai di Kuala Lumpur di antara Raja-raja Melayu dan Pesuruhjaya Tinggi iaitu meminda cadangan Suruhanjaya Pilihanraya itu. Formula baru ini memberikan ahli-ahli yang dipilih enam majoriti di dalam Majlis Perundangan. Tunku membantah kerana majoriti ini tidak mencukupi.

Walaupun perbincangan dengan Encik Lyttleton agak mesra, tetapi jalan keluar yang diharapkan tidak diperolehi. Beliau berpendapat bahawa parti yang dipilih berkuasa boleh mendapat sokongan dari ahli-ahli ex-officio dan beberapa ahli yang dilantik, tetapi para pemimpin Perikatan tetap mahukan majoriti tiga perlima bagi ahli-ahli terpilih. Mereka juga membayangkan akibat buruk kalau pemimpin sederhana Perikatan terpaksa meletakkan jawatan sekiranya ahli-ahli yang ekstrem di dalam atau di luar Perikatan, khususnya dalam UMNO sendiri, memenangi pilihanraya.

Belum pun sampai sebulan selepas itu, Parti Perikatan pun melancarkan kempen dengan memberikan kata dua dan juga mengancam hendak menarik balik semua ahlinya dari menyertai kerajaan yang ada. Bagaimanapun, Encik Lyttleton tidak berganjak dengan pendiriannya. Walaupun Pesuruhjaya Tinggi yang baru, Sir Donald MacGillivray cuba mengelakkan krisis itu, tetapi pihak Perikatan pada 19hb. Jun telah mengarahkan ahli-ahli mereka menarik diri daripada jawatan dalam Dewan-dewan perundangan, Majlis-majlis dan

Jawatankuasa-jawatankuasa kerajaan.

Tunku sendiri mengisytiharkan bahawa beliau "rela masuk penjara kalau perlu bagi mencapai cita-cita kami." Pada ketika itu, Tunku mungkin teringat tentang apa yang telah dicakapkan di London oleh Tuan Hakim van Lore yang telah turut sama merangka Perlembagaan Gold Coast: "Jalan ke arah berpemerintahan sendiri bukan melalui Pejabat Tanah Jajahan; jalan itu lazimnya melalui pintu penjara."

Pihak Perikatan telah dikecam keras oleh pihak akhbar yang dikawal oleh British kerana mengadakan pemuluan itu dan juga semasa Majlis Perundangan mengadakan mesyuarat di Kuala Lumpur untuk membincangkan Rang undang-undang pilihanraya. Sementara itu di London para pemimpin Perikatan telah mengumumkan satu formula kompromi, mencadangkan iaitu Pesuruhjaya Tinggi hendaklah terlebih dahulu mengadakan rundingan dengan ketua parti yang mendapat sokongan majoriti dalam Majlis baru itu sebelum memenuhi tujuh kerusi yang dilantik. Tujuannya ialah untuk membolehkan parti yang memerintah menjalankan tugas dengan suara majoriti yang nyata. Encik Lyttleton telah menolak cadangan itu tetapi mencadangkan pula bahawa "Pesuruhjaya Tinggi akan memberitahu niatnya kepada ketua majoriti dan akan mengambilkira pandangannya." Pihak Perikatan tidak sanggup menerimanya.

Tetapi dalam masa beberapa minggu selepas itu satu lagi cadangan yang lebih baik diterima di Kuala Lumpur. Setelah mengadakan perbincangan sulit dengan Tunku di atas kapal H.M.S. Alert, Pesuruhjaya Tinggi bersetuju akan mengadakan rundingan dengan ketua parti mengenai perlantikan lima daripada tujuh orang ahli. Beliau juga menegaskan bahawa ahli-ahli lantikannya itu akan menyokong dasar-dasar yang membawa manfaat kepada rakyat Malaya. Ini merupakan satu kemenangan dan pada 7hb. Julai, pemuluan itu telah dihentikan. Bagi Perikatan, ini mungkin merupakan kejayaan menentang pihak British, tetapi bagi Tunku ianya merupakan satu kejayaan peribadi yang amat bermakna. Ia menguatkan keyakinan Tunku terhadap dirinya sendiri dan terhadap tang-

gungjawabnya. Tunku cukup sedar bahawa setiap pertuturan dan tindakannya dari saat itu akan diperhatikan dengan teliti, sebagaimana juga tingkah laku peribadinya akan diperhatikan oleh berjuta-juta manusia di dalam dan di luar negeri.

Di samping membuat persiapan untuk menghadapi Pilihanraya 1955, Tunku tidak pernah melupakan beribu-ribu rakyat Malaya dan Singapura di United Kingdom termasuk penyokong-penyokong setia UMNO yang telah meletakkan harapan kepada beliau untuk membina negara dan nasib bangsa yang lebih baik apabila mereka kembali ke tanahair kelak. Golongan ini membuat desakan secara halus ke atas para pemimpin Perikatan yang berulang-alik ke London untuk perbincangan mengenai Perlembagaan. Tetapi apa yang lebih merbahaya dan mengharu-birukan keadaan ialah penyokong-penyokong Komunis. Mereka inilah yang kelak menyusup masuk ke dalam kesatuan-kesatuan sekerja di Singapura dan hampir-hampir dapat merebut kuasa — iaitu perkembangan-perkembangan yang amat mengancam ketenteraman Malaya selepas Merdeka dan merosakkan kedamaian di antara negara-negara jiran.

Satu hal yang diutamakan oleh para pemimpin Perikatan yang berulang-alik ke London itu ialah mencari anak-anak Malaya yang mempunyai ketokohan pemimpin lagi taat setia terutama sekali anak-anak Melayu, yang boleh diharap memberi sumbangan melalui kemahiran dan dedikasi mereka ke arah mencapai hasrat rakyat sesudah Merdeka kelak. Di antara yang dapat dikenalpasti ialah Tengku Razaleigh, mempunyai bakat pemimpin semulajadi. Tidak lama kemudiannya, beliau berpeluang membuktikan kepintarannya sebagai *organiser*.

## Bab 6

Keputusan Pilihanraya 1955 tidak syak lagi membuktikan sokongan hebat terhadap Parti Perikatan dan ketegasan semangat para pengundi menuntut kemerdekaan. Dengan kemenangan yang begitu besar — Parti Perikatan memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan — Tunku Abdul Rahman dengan gembiranya mengisytiharkan bahawa Malaya berhak mendapat kemerdekaan lebih awal lagi dan dalam masa beberapa bulan sahaja beliau menetapkan Ogos 1957 sebagai tarikh Merdeka.

Ikrar itu yang kemudiannya menjadi satu tuntutan, mengejutkan pihak Inggeris dan juga pihak Raja-raja. Tetapi di kalangan rakyat jelata, tuntutan itu disambut dengan meriahnya terutama oleh orang-orang Melayu yang semangat kebangsaan mereka telah pun meluap-luap ketika itu. Sebagai Ketua Menteri, Tunku telah membuat pertemuan dengan Setiausaha Negara yang baru bagi Tanah Jajahan, Alan Lennox Boyd (kemudian mendapat gelaran 'Lord') di Kuala Lumpur semasa lawatan beliau ke Asia Tenggara dalam bulan Ogos 1955. Dengan tidak berlengah-lengah lagi Tunku menimbulkan soal kemerdekaan dan sehari kemudian, di Majlis Undangan, Tunku menguatkan lagi tuntutan. Katanya kerajaan Inggeris dan Raja-raja Melayu tidak ada pilihan melainkan memberi kemerdekaan kepada Persekutuan atau "serahkan saja negeri ini kepada Parti Komunis Malaya." Tunku memberi amaran bahawa melambatkan kemerdekaan akan hanya membantu Komunis menghasut rakyat menentang Penjajah. Oleh itu beliau mendesak supaya perbincangan mengenai Perlembagaan

negara diadakan segera.

Lennox Boyd yang tidak keberatan untuk berunding segera — beliau setuju memulakan rundingan dalam bulan Januari 1956 — bagaimanapun beliau meletakkan syarat bahawa pihak Raja-raja mesti sama hadir dalam apa-apa perundingan di London. Dengan tidak berlengah lagi Tunku pun bertindak memujuk pihak Raja-raja. Dalam mesyuarat dengan Raja-raja di Johor Baharu dalam bulan September, Tunku amat bersungguh-sungguh memberi jaminan bahawa kedudukan mereka sebagai Raja-raja berperlembagaan akan dipertahankan selepas Merdeka. Walau bagaimanapun beliau mengingatkan mereka akan kehendak rakyat yang telah terbukti menyokong perjuangan Parti Perikatan menuntut kemerdekaan.

Pihak Raja-raja memanglah bimbang akan kedudukan mereka kerana di Indonesia dan India, Raja-raja yang memerintah berturun-temurun pun telah dilucutkan dari kedudukan dan kekayaan mereka. Mereka telah dihina dan ada juga yang terpaksa melarikan diri ke luar negeri. Dalam satu mesyuarat yang dirahsiakan, Raja-raja Melayu telah menimbangkan nasib mereka dan mengambil kesimpulan bahawa nasib mereka adalah tanggungjawab kerajaan Inggeris. Kerajaan Inggeris hendaklah memberi perlindungan dan ganti rugi sekiranya mereka dipecat dari takhta masing-masing. Kebimbangan mereka itu telah disampaikan kepada pihak Inggeris. Sebagai seorang kerabat diraja, Tunku amat menyedari kebimbangan Raja-raja ini.

Oleh itu Tunku pun nekad akan berikhtiar supaya tidak timbul krisis dan mengelakkan tindakan 'kehendak rakyat' ke atas Raja-raja, walaupun beliau sedar pihak British tidak akan bersetuju memberi kemerdekaan kecuali dengan persetujuan Raja-raja Melayu. (Untuk membolehkan Britain memberi kemerdekaan, Raja-raja Melayu terpaksa merombak perjanjian yang mereka tandatangani dengan pihak British bersabit penubuhan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1948). Tunku terus memujuk Raja-raja walaupun keempat-empat wakil Raja-raja bersama dengan wakil-wakil



dari Parti Perikatan sedang dalam perjalanan ke London untuk perbincangan Perlembagaan. (Mereka bersetuju menaiki kapal laut ke Karachi dan dari sana terbang ke London).

'Utusan Merdeka' yang bersejarah itu terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Datuk Abdul Razak, Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Kolonel H.S. Lee dan T.H. Tan. Yang mewakili pihak Raja-raja pula ialah Dato' Panglima Bukit Gantang, Menteri Besar Perak, Encik Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid, Menteri Besar Selangor, Dato' Wan Idris, Timbalan Menteri Besar Johor dan Dato' Nik Ahmad Kamil, bekas Menteri Besar Kelantan.

Kumpulan itu selalu bermesyuarat ketika dalam kapal dan apabila sampai di Karachi hampir semua masalah telah mendapat persetujuan bersama. Di Malaya, seperti juga di United Kingdom, berita persetujuan ini amatlah melegakan kerana perwakilan dari Malaya itu tidak lagi berasingan, tetapi sudah mencapai kata sepakat apabila mereka sampai ke Rumah Lancaster untuk mengadakan perundingan yang bersejarah itu. Di akhir perundingan itu tercapailah satu persetujuan membenarkan Malaya mengurus hal-ehwalnya sendiri dan tarikh kemerdekaan ditetapkan pada 31hb. Ogos 1957 iaitu tarikh yang telah ditetapkan oleh Tunku dahulu.

Pada 8hb. Februari 1956, Tunku menyambut hari keputerannya yang ke-53 dengan menandatangani surat perjanjian Kemerdekaan. Di antara para penuntut Malaya yang datang untuk mengucapkan tahniah dan salam hormat pada Tunku ialah Tengku Razaleigh.

Dengan terjaminnya kemerdekaan bagi Malaya dan Singapura berjuang untuk mendapatkan autonomi yang lebih luas, Malaya Hall menjadi tempat berpolitik yang hebat. Tengku Razaleigh telah melibatkan diri secara aktif dalam politik pelajar yang selalu berkonfrontasi mengikut fahaman politik masing-masing sebelum pun beliau menerima ijazahnya di Belfast pada tahun 1958. Pada tahun 1959, beliau berpindah ke London dan mendaftarkan diri di Lincoln's Inn untuk mendapat ijazah kedua.

Sebagai Presiden Kesatuan Penuntut Malaya dan

Setiausaha Persatuan Melayu di United Kingdom, beliau dapat berhubung rapat dengan pemimpin-pemimpin dari Malaya dan Singapura. Pendedahan ini mempertajamkan lagi kesedaran politiknya.

Dari segi politik kolonialismenya, pihak British mahukan Singapura tetap sebagai jajahan yang berkerajaan sendiri, tidak terlibat dengan apa yang sedang berlaku di Malaya. Tetapi pelajar-pelajar di London berlainan pendapat, seperti juga dengan pemimpin-pemimpin Parti Tindakan Rakyat (*People's Action Party* [PAP]) yang diketuai oleh Encik Lee Kuan Yew.

Satu kumpulan yang dijauhi oleh Tengku Razaleigh dan rakan-rakan dari Malaya ialah kumpulan pimpinan John Eber, yang juga mengandungi beberapa orang Malaya. Eber adalah salah seorang ahli pengasas Kesatuan Demokratik Malaya (*Malayan Democratic Union* [MDU]) yang pada tahun 1946 bergabung dengan pertubuhan-pertubuhan yang bertapak di Malaya menentang konsep *Malayan Union*.

Namun demikian, pandangan dan cadangan-cadangan Eber dan rakan-rakannya diragukan di Britain. Mereka ini dirasakan sangat kuat dipengaruhi oleh penyokong Komunis yang bertapak di Brighton. "Kami menjauhkan diri dari Eber dan rakan-rakannya. Kami tidak setuju dengan pendapat-pendapat mereka dan kami tidak mahu kena tangkap."

Malaya Hall — bahkan semua kedai minuman di kawasan Marble Arch — penuh sesak dengan pelajar-pelajar Malaya yang riang gembira pada petang 30hb. Ogos 1957. Di Kuala Lumpur tepat pada jam 1530 GMT, bendera Union Jack dengan penuh upacara diturunkan di padang Kelab Selangor. Sebagai gantinya bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan dengan gempita teriakan 'Merdeka!' Lahirlah sebuah negara! Setelah bersurai, pelajar-pelajar seperti Tengku Razaleigh terasa berhadapan dengan satu masalah yang berat iaitu Malaya sudah Merdeka dan nasibnya di masa depan akan bergantung sepenuhnya kepada dasar-dasar kerajaan yang dipilih dan kepada kewibawaan menteri-menterinya.

Selain daripada menunaikan janji untuk mewujudkan

kemakmuran ekonomi bagi seluruh rakyat, menjaga dan memperkukuh keselamatan dan pertahanan negara adalah juga menjadi tanggungjawab utama para pemimpin negara baru itu. Kerjasama di antara Melayu dan Cina yang membolehkan tercapainya kemerdekaan, sekarang menghadapi ujian — kali ini tidak harus ada apa-apa kesilapan yang mungkin menjerumuskan negara ke dalam sengketa perkauman.

Menyedari betapa besarnya risiko yang dihadapi oleh negara kalau tidak ada keamanan, pelajar-pelajar Malaya yang lebih semangat politik dan tanggungjawabnya dan bakal kembali ke Malaya setelah tamat pengajian, telah tampil menubuhkan satu badan pemerhati untuk mengikuti perkembangan-perkembangan di Malaya. Oleh kerana pemimpin-pemimpin Malaya kerap ke London untuk menyelesaikan hal-hal lain, maka dapatlah para pelajar selalu mengadakan dialog dengan mereka.

Dalam proses mengesan perkembangan di Malaya — terutamanya kalau ada dasar-dasar baru yang sudah diterima — beberapa orang pelajar aktivis bermain selaku puak pembangkang. Tengku Razaleigh mengenang kembali:

Sikap kritis kami, bukanlah sengaja hendak mencari kesalahan pemimpin, tetapi kami mahu kepastian bahawa Malaya tidak mengikut nasib tanah-tanah jajahan yang lain, terutamanya di Afrika, di mana pemimpin-pemimpin tempatan tidak dapat mengawal keadaan. Dalam masyarakat yang berbilang bangsa seperti Malaya, kita tidak boleh melakukan sesuatu yang melampaui batas.

Dedikasi pemimpin-pemimpin Malaya yang baru itu untuk membina sebuah negara yang kukuh dan makmur tidak dapat dipertikaikan. "Komitmen mereka adalah total. Walaupun mereka tidak dapat memenuhi kesemua harapan dan cita-cita dalam beberapa tahun selepas Merdeka tetapi mereka berusaha dengan bersungguh-sungguhnya demi kepentingan negara."

Perhubungan dengan para menteri yang datang melawat

London tidak menjadi masalah. Selain daripada Tunku Abdul Rahman, kumpulan yang terpenting di kalangan menteri-menteri Melayu adalah muda-muda belaka, berusia antara 20 dan 30 tahun, terutama sekali Datuk Abdul Razak, Tun Dr. Ismail dan Encik Khir Johari. "Mereka cepat mesra dengan kami dan walaupun kami sedar yang kami diindoktrinasikan secara halus, kami gembira kerana mendapat peluang selalu mendengar penilaian mereka tentang kemajuan yang dicapai oleh Parti Perikatan."

Tengku Razaleigh, terutamanya, berpeluang berbincang secara bersendirian dengan Tunku bilamana Tunku berada di London. Negarawan itu ternyata berkenan dengan tingkah laku putera dari Kelantan ini. Beliau sentiasa mengajaknya bersama, baik di majlis-majlis rasmi ataupun berfoya-foya di bandar. Tengku Razaleigh suka menunjukkan tempat-tempat yang digemarinya kepada Tunku — yang kebetulan pula tempat-tempat tersebut adalah tempat-tempat Tunku sendiri berseronok semasa beliau menjadi penuntut di London dahulu.

Pada tahun 1959, Parti Perikatan menghadapi ujian pilihanrayanya yang pertama semenjak kemerdekaan. Terdapat beberapa masalah yang serius di kalangan Parti Perikatan dan tahun itu juga Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri supaya bebas berkempen bagi Parti Perikatan dan untuk mententeramkan suasana di dalam MCA. Mereka marah kerana sedikit sangat kerusi Parlimen yang diperuntukkan kepada MCA. Walaupun Tunku merayu dan menambahkan kerusi peruntukan kepada MCA, namun sekumpulan yang tidak sabar terus keluar daripada MCA dan kemudiannya Presiden parti itu sendiri, Dr. Lim Chong Eu, turut meletakkan jawatan.

Keputusan akhir menunjukkan Parti Perikatan memenangi 74 daripada 104 kerusi Parlimen. Parti PAS yang telah mengalahkan UMNO dalam pilihanraya negeri di Kelantan, juga menunjukkan kekuatannya di negeri-negeri kawasan Melayu, dengan memenangi 13 kerusi Parlimen, termasuk 9 kerusi bagi Kelantan. Sebagai bandingan, pada tahun 1955

PAS mendapat hanya sebuah kerusi dalam Majlis Undangan Persekutuan. Kekalahan UMNO merebut Dewan Undangan Negeri Kelantan memeranjatkan masyarakat Malaya dan walaupun beliau berasa kecewa, Tengku Razaleigh mendapati bahawa keangkuhan sebilangan pemimpin UMNO di Kelantanlah yang menyebabkan kekalahan UMNO di negeri itu. Beliau juga berasa malu dan tidak senang kerana Perikatan tewas di Kelantan dalam ujian pertama yang sebenar bagi mengukur pengaruh politik Perikatan di tanahair.

Walaupun beliau tidak dapat berbuat apa-apa ketika itu, takdir memberi beliau peluang untuk mengubah keadaan. Di akhir Februari 1962, ayahandanya diserang sakit jantung dan Tengku Razaleigh terpaksa pulang segera. Tengku Hamzah meninggal dunia pada 25hb. Februari dan dimakamkan dengan penuh adat istiadat.

## Bab 7

Kematian ayahandanya menyebabkan Tengku Razaleigh berhenti terus dalam pengajian undang-undangnya di London. Keputusannya ini pada mulanya atas desakan keluarga yang menghendaki beliau menguruskan harta pusaka ayahandanya, termasuklah harta tanah yang telah dikumpul oleh Tengku Hamzah di Kelantan. Tetapi selang beberapa bulan sahaja pulang ke tanahair, beliau terus menceburkan diri ke dalam politik, khususnya di Kelantan pada tahun 1962 yang telah pun kuat berada dalam genggaman pihak pembangkang iaitu Parti Islam Se-Malaya.

Tindakannya itu selain dari menentukan masa depan politiknya, telah didorong oleh rasa kewajipan yang sentiasa membakar jiwanya untuk berbakti kepada rakyat Kelantan. Sebagai seorang menteri kanan Kabinet sejak lebih sepuluh tahun, beliau perlulah mengutamakan kepentingan negara. Namun, beliau tidak pernah membelakangkan kepentingan rakyat Kelantan. Taraf diraja yang diwarisinya mewujudkan pertalian istimewa dengan rakyat Kelantan dan kewajipan dan tanggungjawab yang sudah turun-temurun ini dipikulnya dengan segala sukarela.

Beliau terkenang kepada titik permulaan beliau melangkah ke alam politik secara teragak-agak. Langkah inilah ditakdirkan kelak menggerakkan beliau ke arah perjuangan politik yang tidak kunjung padam. Katanya:

Pada bulan Mac tahun 1962 Tunku Abdul Rahman mengundang saya, lalu bertanya apa rancangan hidup saya. Saya pun minta nasihat beliau dan menawarkan perkhidmatan saya — tetapi tak sangka beliau mahukan saya melibatkan diri dalam

politik di Kelantan. Sesungguhnya itulah yang beliau kehendaki. Bagaimanalah nak ditolak.

Sepupunya, Tengku Indra, yang pada masa itu Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan UMNO Negeri Kelantan, juga mempengaruhi pemikiran beliau. "Dia mengingatkan saya bahawa negeri Kelantan sedang dikuasai oleh parti pembangkang dan orang-orang kita akan menderita selagi PAS memerintah. Itulah yang menetapkan pendirian saya." Pengalaman Tengku Razaleigh dalam pilihanraya bermula dengan pilihanraya kecil di Rantau Panjang. Beliau membantu berkempen, tetapi calon UMNO kalah teruk. Pengalaman itu bagaimanapun bermanfaat kerana beliau dapat menilai cara PAS berkempen, yang begitu menarik baginya. Sebaliknya, kepimpinan UMNO bercelaru dan ini melemahkan kempen parti itu.

Tidak lama kemudian, beliau mengambil alih tempat Tengku Indra sebagai Pengerusi bahagian Ulu Kelantan. Tetapi sebelum itu beliau telah dihantar ke seberang laut untuk "didedahkan kepada politik dan diplomasi antarabangsa." Beliau telah dilantik untuk mengikuti rombongan seramai lima orang yang diketuai oleh Tun Dr. Ismail ke sesi ke-16 Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu.

Perlantikan itu merupakan satu kesilapan, tetapi mujur tidak menimbulkan apa-apa kekecohan. Perkara ini timbul dari satu keputusan untuk menjadikan beliau Senator supaya beliau mempunyai taraf rasmi. Perlembagaan Malaya menghendaki seseorang Senator berumur sekurang-kurangnya 30 tahun tetapi beliau pada masa itu berumur hanya 25 tahun. Oleh itu, beliau tidak boleh meneruskan kedudukan beliau sebagai Senator.

Walau bagaimanapun ini tidak menyekat beliau dari mendapat pengalaman yang sangat berguna selama tiga bulan di Bangsa-bangsa Bersatu. Katanya:

Pengalaman itu payah dilupakan dan saya teringat bagaimana saya begitu kagum dengan kehebatan sebilangan para pejuang kemerdekaan Asia dalam perhimpunan dunia itu. Cara

Krishna Menon (dari India) berpidato sangat menakjubkan. Ternyata bahwa orang-orang Asia yang terkemuka itu memang lebih daripada sanggup mentadbir negara masing-masing. Justeru itu, tidak ada sebab mengapa kita orang Malaya tidak boleh berbuat demikian. Di situ jugalah saya mulai sedar bahawa keunggulan bangsa Inggeris, Eropah dan Amerika adalah dongeng belaka. Dan saya menjadi yakin bahawa dengan adanya pemimpin-pemimpin yang tulen dan berkebolehan, kita boleh berjaya meningkat dan memperbaiki taraf hidup bangsa kita.

Tengku Razaleigh pulang ke tanahair dengan penuh keyakinan pada awal tahun 1963. Tetapi didapatinya UMNO di Kelantan masih berpecah. Pada ketika itu Presiden Soekarno sedang memperhebatkan konfrontasinya terhadap Malaya yang sudah pun bertambah besar kawasannya dengan kemasukan Singapura, Sabah dan Sarawak melalui Perlembagaan. Sementara pergabungan Singapura dan negeri-negeri di Borneo menandakan sesuatu yang baik (begitulah dianggapkan pada masa itu) kepada negara, kuasa PAS di Kelantan dan pengaruhnya yang makin meningkat di negeri-negeri jiran telah menimbulkan berbagai masalah berbahaya yang menuntut penyelesaian segera, sekiranya tapak perjuangan UMNO hendak dikekalkan. Di Kelantan, pucuk pimpinan yang telah patah semangat dan masih lagi merasa kepedihan kekalahan tahun 1959 dan pilihanraya kecil tahun 1962 itu tidak lagi dapat mengawal sengketa dalam parti. Dengan berlakunya kekecohan dalam parti, ibu pejabat UMNO terpaksa masuk campur. Tengku Indra yang dipilih untuk mempengerusi Jawatankuasa Perhubungan Negeri menjadi tumpuan kritikan-kritikan yang tajam. Ada tuduhan yang mengatakan beliau sengaja hendak membunuh cita-cita politik para pemimpin tempatan dengan menggantikan struktur pertubuhan yang ada dengan jawatankuasa yang menyerupai sistem Kabinet.

Kebanyakan pemimpin dari 10 cawangan UMNO di Kelantan menarik balik sokongan mereka terhadap Tengku Indra dan meminta Kuala Lumpur menggantikannya dengan



seorang menteri Kabinet. Tengku Razaleigh telah disebut-sebut untuk mengambil alih tetapi kerana pangkatnya masih rendah, maka jawatan Pengerusi itu telah disandang oleh Tunku Abdul Rahman sendiri. Tengku Razaleigh, selaku Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan, muncul sebagai orang kuat baru yang mendapat sokongan penuh dari Pengerusinya. Sebagai Setiausaha Jawatankuasa Perhubungan, selain daripada memberi laporan kepada Pengerusi, beliau juga bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kerja Pusat. Kerana itu, beliau dilantik menjadi ahli Jawatankuasa Pusat yang paling berkuasa itu, iaitu ahli yang paling muda dalam sejarah UMNO. Beliau terus berkhidmat sebagai ahli terlantik sehinggalah beliau bertanding untuk mendapatkan kedudukan yang sama dalam Jawatankuasa yang kemudiannya digantikan namanya kepada Majlis Tertinggi pada tahun 1971.

Beliau insaf bahawa penerimaan peranan yang penting di peringkat negeri itu bermakna melibatkan diri berkhidmat untuk rakyat Kelantan dan juga untuk negara pada hakikatnya. "Saya tidak dapat mengelak dari tanggungjawab ini; rakyat Kelantan ingin bebas daripada penindasan PAS dan walaupun saya masih muda, saya tahu saya boleh menggunakan peluang yang ada pada saya untuk mendekati golongan rakyat yang hendak kita tarik balik ke pangkuan UMNO." Tunku Abdul Rahman menjadi contoh dan inspirasi besar kepada Tengku Razaleigh yang sekarang terpaksa berganti pakaian daripada gaya barat kepada pakaian Melayu dan menceburkan diri ke dalam pertarungan politik Kelantan:

Pengaruh Tunku ke atas saya lebih mendalam kesannya kerana kami sama-sama berketurunan Raja. Beliau telah menunjukkan teladan seorang pemimpin yang berdedikasi tinggi terhadap Malaya yang sungguh mengharukan saya. Walaupun beliau seorang anak Raja, ini tidak menghalang beliau dari menjelajah ke kampung-kampung untuk mendapatkan sokongan bagi mencapai taraf berpemerintahan sendiri, dan kemudiannya kemerdekaan. Saya juga menyedari hakikat bahawa keturunan diraja tidak memberikan kami apa-apa keutamaan yang istimewa di dalam Malaya yang Merdeka — se-

lain dari protokol — dan kami haruslah mengambil tempat sebagai warganegara yang setaraf dengan rakyat yang lain. Soalan yang selalu mengganggu fikiran saya telah diselesaikan dengan contoh yang ditunjukkan oleh Tunku. Kalau beliau boleh berbuat demikian, saya pun setidak-tidaknya boleh cuba meneladaninya.

Sebelum ini, beliau pernah dikritik sebagai anak Raja yang suka bersosial. Tetapi kalau beliau kuat main di masa mudanya, malah juga lebih kuat beliau menjalankan kewajibannya. Tetapi yang paling penting ialah, cinta beliau terhadap tanahair sungguh mendalam dan pengorbanan beliau selama berpuluh-puluh tahun berkhidmat untuk bangsa dan negara tidak dapat dinilai. Berketurunan diraja tidak sepatutnya menghalang atau melarang seseorang berkhidmat untuk negaranya. Terpulanglah kepada kita sendiri sama ada mahu berkhidmat dengan rela dan penuh rasa tanggungjawab ataupun tidak.

Agak susah hendak mengelak daripada membandingkan cara hidup dan rekod perjuangan politik Tengku Razaleigh dengan Tunku pembimbing kesayangannya itu. Sesungguhnya gaya hidup mereka yang sentiasa bersukaria dan sumbangan mereka terhadap kesejahteraan Malaysia sama sahaja, walaupun tidak dapat dihitungkan. Yang berlainan antara kedua mereka ini ialah suasana yang menyebabkan masing-masing menjadi pemimpin. Iaitu puak-puak yang berkuasa menentukan nasib pemimpin dalam UMNO sekarang lebih ramai daripada dahulu dan pengaruh politik wang dan penaungan politik juga menentukan paras dan tahap kepemimpinan dalam parti.

Tetapi kalau kita tinjau balik ke tahun 1963, kita dapati tenaga Tengku Razaleigh yang masih muda itu lebih diperlukan untuk pemulihan UMNO di Kelantan, supaya negeri itu kembali di bawah kuasa Perikatan. Setelah mengkaji keadaan di masa itu, beliau dapati sokongan terhadap UMNO amat merosot. Bilangan ahli-ahlinya merosot dari 70,000 dalam tahun 1956 kepada 26,000 dalam tahun 1963. Dalam Dewan Undangan Negeri, perwakilan PAS adalah seramai 28 sementara Parti Perikatan mempunyai hanya 2

orang, salah seorang daripadanya bangsa Cina.

Kekalahan pada tahun 1959 bukanlah di luar jangkaan, walaupun penolakan bulat-bulat Parti Perikatan, yang telah memerintah Kelantan sejak 1955 mengejutkan kepimpinan UMNO. Tun Razak yang mengambil alih buat sementara waktu sebagai Perdana Menteri untuk memberi peluang Tunku Abdul Rahman berkempen untuk Parti Perikatan, mengakui bahawa, "kekalahan kita sesungguhnya pahit sekali untuk ditelan. Walaupun sudah begitu banyak kita menanam budi, walaupun begitu banyak wang yang kita belanjakan di Pantai Timur (untuk pembangunan kawasan), orang-orang Kelantan tidak mengundi kita, malahan mereka memberi undi pada parti yang selama ini tidak membuat apa-apa pun untuk kebajikan mereka."

Apakah yang menyebabkan mereka berpaling tadah? Apakah penarikan PAS sehingga orang-orang Kelantan sanggup menolak segala usaha Parti Perikatan untuk membawa nikmat pembangunan ke negeri-negeri Pantai Timur yang sudah begitu lama terbiar? Beberapa pendapat telah dikemukakan tetapi sebelum kita mengkaji dengan khusus, adalah lebih baik mengkaji semula keadaan-keadaan yang menyebabkan PAS begitu berjaya menanamkan pengaruhnya.

Tengku Razaleigh mengkaji keadaan ini pada tahun 1963, dan beliau memang layak kerana beliau amat faham tentang keadaan sosial, keagamaan dan politik yang sebenar yang menyebabkan Kelantan memencilkan diri dari arus perubahan pesat yang sedang melanda Malaya sesudah Merdeka.

## Bab 8

PAS atau Parti Islam Se-Tanah Melayu adalah kumpulan yang tidak berpuas hati dan kemudiannya berpecah dari UMNO setelah UMNO berpakat dengan parti-parti Cina dan India menuntut kemerdekaan.

Di antara parti yang berpecah dari UMNO itu, hanya PAS yang terdaya mencabar UMNO dan Parti Perikatan — dan itu pun selepas tahun 1959. Menurut Kessler, kejayaan PAS pada masa itu, dan dalam dua lagi pilihanraya yang berikutnya menandakan “kebangkitan dan percantuman dua bentuk fahaman politik nasionalisme Melayu yang berlainan, iaitu yang berlandaskan Islam dan yang berlandaskan nasionalis radikal... dan merupakan cabaran kepada UMNO yang mendakwa dirinyalah satu-satunya parti yang melambangkan cita-cita dan harapan bangsa Melayu dan pembela kepentingan mereka yang berkesan.”

Masyarakat Kelantan tertarik kepada PAS kerana apa yang diperjuangkan oleh parti itu secocok dengan pengalaman kaum tani dan segala ketegangan yang timbul dari keadaan sosio-ekonomi adalah akibat penyelewengan dari ajaran Islam. Jadi, bolehlah dikatakan bahawa sikap masyarakat yang begitu mendadak menyebelahi PAS itu adalah akibat kesan-kesan perubahan yang dibawa oleh Penjajah selama setengah abad dan juga perubahan yang berlaku sejak beberapa tahun Merdeka. Perubahan-perubahan ini membawa kesan yang mendalam ke atas jiwa dan pemikiran golongan elit dan juga kaum tani. Maka tindak-tanduk golongan elit yang berpuak-puak dan sentiasa meloncat dari parti ke parti di peringkat nasional itu sudah tentu

mempengaruhi sikap dan pemikiran rakyat Kelantan.

Sebelum Malaya mencapai kemerdekaan, Kelantan mengamalkan cara pemerintahan yang tersendiri. Penduduknya hampir semua Melayu. Ekonominya berasaskan pertanian. Keadaan ini lebih nyata di Kelantan dari mana-mana negeri di Malaya. Untuk menghalang kemasukan kaum Cina beramai-ramai, Enakmen Tanah Rizab Melayu telah diadakan pada tahun 1930. Di bawah undang-undang ini pembelian dan penjualan tanah dihadkan hanya kepada orang-orang Melayu Kelantan sahaja. Akibat dari tindakan ini dan juga langkah-langkah perlindungan yang lain telah dapat menjamin bahawa kehidupan masyarakat lebih mengikut adat resam tradisi Melayu iaitu perhubungan rapat antara rakyat jelata dengan golongan atasan daripada mengikut sistem pentadbiran Penjajah. Tetapi dengan tercapainya kemerdekaan dan munculnya pemikiran politik moden, dengan timbulnya berpuak-puak dalam parti-parti Melayu, dan dengan pesatnya bertumbuh sistem perniagaan moden, maka tradisi hidup bermasyarakat orang-orang Melayu Kelantan yang telah terjalin begitu halus dan rapi itu pun terpaksa menghadapi cabaran-cabaran baru.

Nyatalah, walaupun selepas kejayaan UMNO dalam Pilihanraya 1955, kaum elit yang baru muncul itu tidak dapat menjejaskan pengaruh golongan bangsawan yang menguasai cara hidup tradisi orang-orang Kelantan kerana golongan bangsawan ini ada pengalaman memerintah secara tidak langsung di bawah pentadbiran kolonial British dahulu.

Satu lagi kesulitan ialah adanya penyokong-penyokong yang berpengaruh yang masih setia kepada Parti Negara Dato' Onn. Parti Negara tidak mahukan kemerdekaan segera dan tujuan utama mereka ialah memelihara kuasa Raja-raja. Apabila parti itu gagal mendapatkan sokongan rakyat selepas 1959, ahli-ahlinya beralih ke PAS. Dengan kejatuhan Parti Negara lenyaplah kekeliruan masyarakat terhadap polisi-polisi parti yang bertanding. Jadi, para pengundi tidak ragu-ragu lagi hendak memilih di antara UMNO dan PAS.

Kekalahan UMNO adalah juga disebabkan oleh rakyat

tidak mahu lagi menerima wakil-wakil yang tidak berpengalaman yang terpilih dalam Pilihanraya 1955 dahulu. Mereka ini terlalu terlibat dalam politik birokrasi sehingga putus perhubungan dengan penyokong-penyokong mereka di luar bandar. Kemudian ada juga masalah-masalah lain yang berkaitan dengan proses peralihan dari pemerintahan kolonial kepada pemerintahan sebuah negara yang Merdeka. Masalah-masalah ini menyebabkan ahli-ahli yang dilantik menguasai Dewan Undangan Negeri berterusan selepas tahun 1957. Pendeknya wakil UMNO yang terpilih telah menjadi kaku dalam Dewan Undangan Negeri. Oleh kerana tidak begitu berpengaruh dalam pentadbiran negeri mereka tidak mengambil inisiatif ataupun mengadakan langkah-langkah sesuatu yang dapat memperkukuh pendirian mereka sebagai pembela kepentingan rakyat. Kuala Lumpur ada banyak memberi bantuan bagi pembangunan negeri tetapi tidak menyedari perasaan rakyat Kelantan yang semakin menjauhkan diri kerana hampa dan kecewa.

Tengku Razaleigh amat sedar akan perasaan ini apabila beliau cuba memperbaiki keadaan. Beliau tahu kelemahan pemimpin-pemimpin UMNO di Kelantan dan beliau tidak ragu-ragu tentang bagaimana hendak membetulkan kecuaiannya yang telah berlaku:

Pada waktu itu saya masih muda, sudah tentulah orang-orang yang lebih tua meragukan kebolehan saya mendapat sokongan untuk UMNO. Mula-mula sekali saya mahu memahami sebab dan akibat dari masalah yang dihadapi. Jadi, kenalah saya menyelami hati rakyat secara peribadi dan bukan sebagai pegawai UMNO. Bahkan tiada jalan lain lagi kerana UMNO dan para pemimpinnya, kecuali sedikit sahaja, sudah tidak diterima oleh masyarakat. Saya sendiri terpaksa menjauhkan diri dari pemimpin-pemimpin UMNO bahagian oleh kerana sebab-sebab yang sama.

Cara dialog terbuka ini bermakna memintas jentera parti dan ini tidak menyenangkan kepimpinan yang ada. Walaupun mereka telah teruk kalah ada juga yang masih ingin kembali berkuasa. Mereka tidak yakin orang muda pilihan Tunku Ab-

dul Rahman boleh berjaya memimpin serang balas terhadap PAS, maka banyaklah masa terbuang kerana mereka berselisih faham dengan strategi-strategi yang hendak digunakan.

Penghalang-penghalang yang tidak dihiraukan oleh Tengku Razaleigh termasuklah orang kuat seperti Dato' Nik Hassan Yahaya, Datuk Yaakub Awang dan Encik Osman Udin. Beliau terus saja bertindak atas nama Presiden parti apabila ada urusan dengan pihak UMNO negeri. Tetapi dalam masa berkempen untuk menarik balik penyokong-penyokong parti, beliau berjumpa sendiri dengan rakyat Kelantan dari setiap lapisan. Menemui rakyat secara peribadi dan menggunakan kedudukan dirajanya, beliau mendapat sambutan yang positif. Rakyat Kelantan agak terperanjat dengan cara beliau yang luar biasa ini, di mana belum pernah ada anak Raja yang mahu masuk ke kampung-kampung berjumpa dengan mereka di rumah-rumah mereka.

Peluang beliau berjumpa dengan pemimpin-pemimpin di peringkat bawah, termasuklah ketua-ketua kampung dan pegawai-pegawai kerajaan, dipermudahkan lagi berkat kedudukan ayahanda beliau dalam masyarakat. Hinggakan ulama-ulama yang menyokong PAS begitu kuat pun tidak keberatan menerima jemputan beliau. Ramai daripada ulama itu terhutang budi kepada Tengku Hamzah semasa beliau menjadi Menteri Besar. (Walaupun setelah berhenti dari jawatan Menteri Besar pada tahun 1959, Tengku Hamzah masih mempunyai pengaruh di dalam negeri itu dan pemimpin PAS seperti Datuk Asri Haji Muda amat menghormati beliau).

Hampir setahun iaitu sehingga pilihanraya pada bulan April 1964, Tengku Razaleigh menghabiskan masanya melawat kawasan pedalaman, pergi ke setiap kampung tanpa menghiraukan parti mana yang mereka sokong. (Sejak dahulu sampai sekarang beliau memerlukan hanya beberapa jam sahaja untuk tidur). Dari segi ukuran apa pun, tugas ini amat berat sekali, tambahan pula dengan jauhnya jarak kampung-kampung yang bertaburan beribu batu ke dalam hutan belantara dan hanya beberapa buah kampung saja yang

dapat dilawati dengan jeep pada musim panas. Tetapi, Tengku Razaleigh sedikit pun tidak gentar atau berasa hampa dengan halangan fizikal tersebut. Dengan cekal beliau berjalan kaki dan menaiki bot ke kampung-kampung di tepi-tepi sungai. (Ulu Kelantan, di mana beliau menjadi Ketua Bahagian adalah seluas dua pertiga negeri Kelantan. Kawasan itu adalah kawasan hutan belantara yang amat luas dan tidak ramai penduduknya). Pada waktu-waktu tidak menjelajahi daerah pedalaman, beliau mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua tempatan yang berpengaruh dan juga dengan pegawai-pegawai kerajaan dengan menjemput mereka untuk makan tengah hari atau sama-sama bersembayang atau minum-minum teh atau makan malam di Palm Manor dan di lain-lain bandar kecil:

Mereka datang atas jemputan saya secara peribadi dan sebagai pegawai UMNO. Tujuannya ialah untuk berkenal-kenalan dengan mereka yang berpengaruh ini dan untuk mengetahui keadaan dan juga pemikiran rakyat Kelantan.

Dalam usaha beliau mencari sebab-sebab mereka beralih kepada PAS, ternyatalah bahawa "pemikiran orang-orang Kelantan telah dipengaruhi oleh PAS. Mereka yang tinggal di pedalaman telah ditakut-takutkan dan diperdayakan oleh penyokong-penyokong PAS yang memaksa mereka mempercayai kononnya mereka telah sesat dari ajaran Islam."

Satu hal yang membimbangkan, yang dipergunakan dengan sepenuhnya oleh PAS, ialah kekhuatiran masyarakat kalau-kalau Parti Perikatan, yang bersekutu terutama dengan Cina, akan memansuhkan Enakmen Tanah Rizab Melayu dan membuka Kelantan kepada bukan Melayu. Kata Tengku Razaleigh:

Orang-orang Kelantan bermaruah tinggi dan rajin berusaha. (Sungguhpun begitu, seramai 250,000 orang bekerja di luar negeri Kelantan sebagai kelasi dan di Singapura, mereka bertumpu di Geylang Serai). Ramai daripada mereka telah diyakinkan bahawa hak-hak kepentingan mereka tidak dapat dipertahankan oleh UMNO dengan sepenuhnya kerana ia bergabung dengan Cina dalam Perikatan. Lagipun, mereka kuat



berpegang kepada agama walaupun tidak terlampau menunjukkankannya. Jadi, PAS yang menonjolkan diri sebagai golongan alim dan pelindung agama Islam, berjayalah memikat hati pengundi-pengundi. Keangkuhan pemimpin-pemimpin UMNO tempatan dan kekeliruan mereka terhadap faham liberal Tunku Abdul Rahman — menambahkan lagi tarikan kepada PAS. Pada pendapat saya, rakyat Kelantan telah dikelirukan dan pegawai-pegawai UMNO dalam negeri tidak pula nampak membuat apa-apa yang membolehkan masyarakat menimbangkan keadaan dari perspektif politik yang sebenarnya.

Dalam usaha memujuk balik penyokong-penyokong UMNO, Tengku Razaleigh selalu diganggu oleh para pegawai parti setempat yang menentang percubaan beliau hendak memasukkan 'darah baru' ke dalam parti. Dengan bertindak sebagai agen perubahan beliau berjaya menarik golongan Melayu yang lebih muda mengambil peranan yang aktif dalam usaha membina UMNO Kelantan.

Bagaimanapun, dari segi pembiayaan anekaragam kempen, pihak parti sangat mengalu-alukan bantuannya. Parti sudah keputusan wang, ekoran dari kekalahan pilihanraya kecil tahun 1959 dan 1962. Mereka yang pernah menyokong kini menjauhkan diri kerana pihak parti tidak lagi dapat memberikan kemudahan perniagaan, sementara PAS menguasai kerajaan negeri.

Oleh itu, Tengku Razaleigh terpaksa menggunakan wangnya sendiri bagi menampung perbelanjaan aktiviti UMNO di Kelantan. Perbelanjaan makan dan minum bagi kenduri-kenduri yang diadakan ditanggung oleh beliau dan sebagai seorang anak Raja beliau kenalah menjamu dengan mewah.

Beliau enggan menyatakan jumlah perbelanjaan yang ditanggungnya dalam masa dua puluh tahun sejak beliau mengambil alih kepimpinan UMNO di Kelantan. Tetapi satu punca bebas berkata jumlahnya 'beberapa juta'. Ini termasuk bantuan secara langsung atau tidak langsung kepada ramai belia Kelantan untuk melanjutkan pelajaran dan juga kepada penyokong-penyokong parti untuk mendirikan perniagaan.

Usaha beliau tidaklah sia-sia sahaja. Tetapi tidak pula cukup untuk mematahkan pengaruh PAS, sekurang-kurangnya dalam Pilihanraya 1964. Di peringkat nasional — Persekutuan Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1963 — isu-isu yang lebih besar ditimbulkan pula oleh parti-parti komponen yang tidak sekata mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh negara Persekutuan yang baru lahir itu.

Meskipun Tun Razak berjaya menggunakan konfrontasi Indonesia sebagai alat menggembeleng tenaga semua kaum, parti-parti komponen Perikatan menghadapi cabaran-cabaran yang lain pula. Peranan MCA mewakili kaum Cina telah dicabar oleh Parti Tindakan Rakyat (*People's Action Party* [PAP]) yang bertapak di Singapura, Barisan Sosialis (*Socialist Front*) dan juga oleh Parti Demokratik Bersatu (*United Democratic Party*) yang dipimpin oleh Dr. Lim Chong Eu. UMNO pula menghadapi *National Convention Party* yang baru berpecah dari UMNO, selain daripada PAS yang cuba meluaskan kuasanya di Kelantan. (Selepas 1959 PAS berjaya menguasai Terengganu buat beberapa waktu tetapi ditewaskan dalam Pilihanraya 1961).

Tun Razak memberi amaran bahawa kalau PAS dan Barisan Sosialis berjaya, "negara kita akan dijajah oleh (Presiden) Soekarno dan pemimpin Komunis Indonesia, D.N. Aidit." Parti Perikatan juga mendakwa bahawa PAS ada menerima bantuan wang untuk pilihanraya dari Indonesia. Dakwaan ini tidak dapat dibuktikan tetapi radio Indonesia memang ada menghasut rakyat Malaysia mengundi PAS.

Yang lebih serius lagi ialah terjumpanya tempat menyembunyikan senjata api di Bachok iaitu salah satu kubu PAS di Kelantan. Ini telah dijadikan kesempatan oleh Tun Razak untuk mengecam campur tangan politik dari luar. Beliau berkata:

Senjata-senjata api dan kapal itu datang dari musuh kita, Indonesia. Nyatalah sekarang bahawa pemimpin-pemimpin PAS ada terbabit dalam hal ini. Pemimpin-pemimpin PAS selalu membela Presiden Soekarno. Sekarang senjata maut ini

telah terbongkar — mungkin untuk rancangan mereka melancarkan kekerasan.

Pemimpin-pemimpin PAS telah menolak tuduhan-tuduhan tersebut dan berjanji akan tunduk kepada keputusan pilihanraya. Dalam pilihanraya itu, mereka kehilangan beberapa kerusi dari yang dimenangnya dalam tahun 1959 — begitu juga dengan parti-parti pembangkang yang lain. Di peringkat Parlimen, PAS mendapat sembilan kerusi (sebelum itu 13) *Socialist Front* dua (sebelum itu 8) dan PPP dua (sebelum itu 4).

Dalam Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan, PAS memenangi 21 kerusi dan Perikatan menambahkan kerusi dari dua menjadi sembilan, sungguhpun para pemimpin UMNO ingin mendapat sekurang-kurangnya 12 kerusi. Walaupun begitu penambahan kerusi UMNO mula menunjukkan kelemahan PAS. Sejauh manakah kempen Tengku Razaleigh yang tidak tahu penat lelah itu telah dapat menembusi benteng pertahanan PAS, tidaklah dapat dipastikan. Tetapi kegigihan beliau berkempen tidak dapat dinafikan dan taktik-taktik yang digunakannya tidak kurang ganasnya dari taktik-taktik yang digunakan oleh wakil-wakil PAS.

Walaupun PAS tetap berkuasa tetapi nyatalah kepada mereka bahawa Tengku Razaleigh harus diawasi — dan ditumpaskan jika perlu sebelum pilihanraya akan datang. Bagi dirinya pula, soal menumbangkan PAS di Kelantan tidak lagi mustahil dan dengan itu keazamannya semakin kuat. Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak yang nyata tertarik dengan kebolehan pengelolaan beliau sudah pun merancang beberapa tugas yang lain untuk beliau. Tugas dan tanggungjawab yang baru itu ditunaikannya dengan berjaya — tetapi beliau masih mengutamakan soal menyelamatkan Kelantan.

## Bab 9

Mandat memerintah yang diperolehi semula oleh Perikatan pada tahun 1964 itu telah menaikkan balik semangat rakyat dan membolehkan kerajaan meneruskan rancangan-rancangan untuk memajukan ekonomi yang sedang tumbuh. Permintaan dunia terhadap barang-barang utama negara makin meningkat. Begitu juga harga-harganya. Pelaburan asing dan tempatan di sektor perkilangan juga bertambah. Ini semuanya petanda baik.

Tetapi di sebalik kecerahan masa depan ekonomi itu, bencana sedang mengancam. Dari luar, Indonesia mengancam meluaskan kawasan politiknya. Dari dalam, gara-gara persengketaan politik mengancam keutuhan negara. Di akhir 1965, Malaysia nyaris-nyaris berperang dengan Indonesia dan Singapura keluar dari Persekutuan Malaysia. Tetapi walaupun sudah kudung, Malaysia terus bertungkus-lumus hendak menyelamatkan kewujudan negara dan politiknya.

Bagi Tengku Razaleigh, tahun itu juga penting — kerana ia membawa banyak perubahan dan cabaran. Sesudah Pilihanraya 1964, beliau berular-galik ke Kuala Lumpur bertugas dua atau tiga hari seminggu di sana dan juga diutus ke luar negeri atas urusan kerajaan. Tugas-tugas ini amat melegakan beliau, berbanding dengan kerja teruk yang terpaksa dilakukannya semasa berkempen menentang PAS selama 30 bulan dahulu. Ini juga mendekatkan beliau ke pusat politik tanahair dan mendedahkan beliau kepada perhatian pemimpin-pemimpin yang berpuak-puak dalam parti, dengan siapa beliau cuba berbincang bila saja dapat peluang:

Saya sangat memerlukan stimulasi mental, selain daripada

beresah sedikit. Jangan lupa saya balik ke Kota Bharu pada tahun 1962 dan selama tiga tahun saya terperap di situ. Memanglah saya ada kewajipan yang mesti ditunaikan, tetapi saya tak mahu jadi katak di bawah tempurung. Bagaimanapun saya terpaksa memikirkan masa depan saya apabila selesai membantu menawan balik Kelantan.

Ketika itu fikiran beliau sama sekali tidak terlintas hendak menjadikan politik sebagai kariernya. Sikapnya berubah hanya beberapa tahun kemudian, oleh perkembangan-perkembangan yang memaksa beliau menyahut seruan takdir:

Saya hendak berkhidmat untuk rakyat, berbuat apa saja yang boleh untuk membantu mereka. Saya rasa ini kewajipan saya dan dengan takdir pada tahun 1962, membebaskan Kelantan dari kekejaman ekonomi PAS nampaknya menjadi kewajipan saya yang paling mustahak dan dikehendaki. Tetapi saya tidak pernah pun berniat hendak masuk politik sepenuh masa sesudah menunaikan kewajipan ini. Saya ada tanggungjawab untuk menguruskan perniagaan keluarga dan saya terlatih untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan dan cuba mencapai kejayaan, kalau boleh, dalam sektor kewangan.

Kerana itu beliau enggan bertanding dalam pilihanraya kecil Rantau Panjang dalam tahun 1962, walaupun telegram dari Tunku Abdul Rahman menyuruh beliau bertanding. Begitu juga dalam Pilihanraya 1964, walaupun Tun Razak menggesanya, beliau menolak tetapi menawarkan pula kepada Hussain Sulaiman untuk merebut kerusi Federal yang cukup selamat itu.

Tidak wajar rasanya menjadi wakil rakyat di peringkat Federal. Ini sudah tentu akan menghalang saya dari meneruskan tugas saya di Kelantan — iaitu — menewaskan PAS. Tambahan pula, rakyat Kelantan telah pun merungut kerana bekas ahli-ahli Undangan Negeri UMNO tidak pernah melawat kawasan lagi. Orang-orang kampung memandang wakil rakyat sebagai pegawai kebajikan atau pegawai daerah kanan yang sentiasa ada apabila sahaja mereka berkehendakkan bantuan. Dalam hal ini, PAS lebih beruntung kerana wakil mereka lazimnya tinggal di kawasan-kawasan yang diwakilinya.

Begitu juga, hasil dari pengaruh PAS, orang-orang Melayu Kelantan percaya bahawa semua pembangunan ekonomi yang dijalankan dalam negeri adalah untuk faedah "mereka di Kuala Lumpur dan kawan-kawan Cina mereka yang berniaga." Misalnya, pembinaan jalan-jalan baru dianggap sebagai kemudahan mengeksploitasi. Mengikuti hasutan PAS orang-orang kampung tidak perlu dengan jalan bertar kerana mereka tidak mempunyai kereta atau kenderaan perdagangan. Jalan raya akan hanya memudahkan kemasukan 'orang-orang kafir' yang akan mengeksploit sumber kekayaan Kelantan. Ada pula yang disuruh merungut kononnya kereta-kereta laju berbahaya kepada ayam itik orang-orang kampung!

PAS juga menghasut kaum tani supaya membangkang pembinaan bangunan yang tinggi-tinggi di bandar. Ada dua tujuan pembangkangan itu, pertama kerana kontraktornya bukan orang tempatan dan kedua tidak ada perlunya membina bangunan yang tinggi-tinggi kerana ia hanya akan menghabiskan tanah hak mutlak orang-orang Kelantan. Ada berbagai bangkangan lain digunakan, yang kesemuanya menyebabkan perkembangan ekonomi Kelantan tercicir berbanding dengan negeri-negeri lain. Walaupun demikian ada juga di kalangan orang-orang Kelantan yang menyedari bagaimana PAS telah menghalang perkembangan ekonomi negeri. Lama-kelamaan cengkaman pengaruh PAS ini semakin longgar kerana orang-orang Kelantan akhirnya insaf bahawa dasar PAS yang sempit itu akan hanya membawa mereka kembali kepada kemunduran ekonomi yang tidak lagi dapat diselamatkan.

Tengku Razaleigh menyedari kesemua 'pemikiran sempit' ini apabila beliau mula menceburkan diri dalam pembangunan politik, ekonomi dan negara atas arahan Tun Razak. Beginilah bermulanya pertalian penting antara keduanya yang membawa Tengku Razaleigh memainkan peranan besar dalam membentuk semula ekonomi Malaysia dalam tahun 1970-an. Sumbangan beliau yang pertama ialah menganjurkan Kongres Ekonomi Bumiputera yang pertama

pada awal 1965 bersama dengan beberapa orang lain yang dipilih oleh Tun Razak — satu persidangan utama yang bermaksud untuk mencari jalan dan cara-cara bagaimana hendak meningkatkan penyertaan orang-orang Melayu dalam kehidupan ekonomi negara. Tengku Razaleigh adalah salah seorang ahli pusat penasihat Tun Razak mengenai isu-isu sosio-politik, sementara birokrat kerajaan memainkan peranan menyempurnakan pelaksanaan dasar. Perakuan-perakuan Kongres boleh membawa faedah yang besar dan berkekalan dan kalaulah perakuan-perakuan yang telah dipersetujui itu dilaksanakan lebih banyak lagi, mungkin tragedi 13 Mei 1969 dapat dielakkan. Sungguhpun pemimpin-pemimpin UMNO menyedari betapa mustahaknya taraf hidup Bumiputera diperbaiki dan penglibatan mereka dipertingkatkan dalam pembangunan ekonomi negara, namun ada beberapa halangan besar yang tertentu. Di antaranya ialah kekurangan pengalaman di dalam hal-ehwal perniagaan dan simpanan wang yang amat sedikit — tanpa kedua-duanya tiang perniagaan ini, orang-orang Melayu hanya boleh berniaga secara kecil-kecilan. Tetapi, satu hasil positif yang segera terlaksana dari Kongres Ekonomi itu ialah penubuhan Bank Bumiputra Berhad, yang memulakan operasinya pada pertengahan tahun 1965 — sebulan selepas Singapura keluar dari Persekutuan Malaysia.

Tengku Razaleigh yang telah pun dihantar senyap-senyap ke London beberapa bulan sebelumnya untuk mengkaji pasaran kewangan dan berjumpa dengan tokoh-tokoh bank di sana, telah diminta mengetuai bank tersebut. (Perhubungan peribadi dan profesional yang terjalin di London itu terbukti sangat berguna di belakang hari apabila, sebagai ketua PERNAS, beliau berjaya mendapatkan bantuan tokoh-tokoh bank di sana untuk mencapai beberapa matlamat korporat). Beliau terpaksa menolak, kerana kalau diterima bermaknalah membelakangkan kewajibannya yang utama iaitu membawa Kelantan balik ke pangkuan UMNO:

Saya beritahu Tunku Abdul Rahman dan Tun Razak walaupun

tawaran itu saya anggap sebagai satu penghormatan, tujuan asal mereka membawa saya ke dalam UMNO akan gagal. Mereka pun membuat keputusan melantik Raslan (Encik Mohamad Raslan bin Dato' Abdullah) sebagai Pengerusi dan Pengarah Urusan. Saya menerima jawatan sebagai Pengarah Eksekutif dengan gaji \$1,500.00 sebulan — walaupun saya jarang berada di bank itu. Saya selalu dikehendaki di Kota Bharu.

(Sebelum itu, Tengku Razaleigh bekerja sementara di Indian Overseas Bank. Beliau juga pernah bertanya kalau ada peluang di Esso Malaysia. Hubungan awal dengan dunia perniagaan ini ada kaitannya yang lebih besar kelak, apabila beliau mengambil alih pengurusan Bank Bumiputra dalam tahun 1970 dan PETRONAS dalam tahun 1974. Kedua-duanya akan dibincangkan dalam bab-bab kemudian).

Selain daripada Encik Raslan dan Tengku Razaleigh, lembaga pengarah yang terdiri daripada lapan orang itu ialah saudagar Cina yang dinamik, Kuok Hock Nien, lebih dikenali sebagai Robert Kuok. Yang dilantik sebagai pengurus cawangan di Kuala Lumpur ialah Khoo Kay Peng, yang kemudiannya menubuhkan kumpulan MUI (Malayan United Industries Bhd.). Kedua-dua mereka ini memupuk ikatan persahabatan yang akrab dengan Tengku Razaleigh kemudian hari. Robert Kuok mengenang kembali perasaannya terhadap Tengku Razaleigh waktu mereka pertama kali sama-sama menghadiri mesyuarat lembaga:

Tanggapan pertama saya terhadap orang ini ialah rasa takjub. Hati saya berkata "hebat sungguh pemuda ini!" Sekembali saya ke pejabat, saya bertanya kalau ada sesiapa yang kenal beliau. Saya diberitahu mengenai ayahnya dan kariernya yang gemilang. Saya sangat kagum akan kebolehannya. Beliau sungguh bersemangat, penuh tenaga dan petah bercakap. Beliau cukup pandai mempercayakan maksudnya dan nyata sekali pemuda ini orangnya bijak dan matang.

Kenaikan Tengku Razaleigh begitu cepat dalam UMNO dan kedudukannya yang penting dalam dan di luar kerajaan tidak menghairankan Robert Kuok. "Beliau adalah ibarat



komet yang sentiasa melunjung ke atas, tidak seperti komet-komet lain yang lenyap lepas seketika." Mereka kadangkala tidak bersetuju dalam beberapa hal — Tengku Razaleigh dengan strategi ekonominya dan Robert Kuok dengan perniagaannya — tetapi perhubungan mereka tetap baik hinggalah ke hari ini.

Robert Kuok sentiasa memerhatikan pergerakan Tengku Razaleigh sejak pertemuan pertama mereka di akhir tahun 1965. Sementara perniagaan Kuok bertambah luas dia dapat memerhatikan dari dekat kenaikan Tengku Razaleigh dalam tahun-tahun sebelum meletusnya tragedi Mei 1969 — kejadian yang mengubah sejarah perkembangan ekonomi dan politik Malaysia dan menentukan nasib Tengku Razaleigh berkhidmat untuk negara.

## Bab 10

Sesudah Singapura tersingkir dari Persekutuan Malaysia pada bulan Ogos 1965 — sebagai langkah Perikatan untuk menghalang cita-cita politik Lee Kuan Yew yang nampaknya semakin meningkat dan juga untuk mematikan penentangan-nya terhadap sebuah negara Persekutuan di mana orang Melayu mendapat keistimewaan tertentu di bawah lindungan Perlembagaan — maka konfrontasi Indonesia pun berakhir.

Akan tetapi, perkembangan yang positif ini, di ketika ekonomi dunia meningkat maju, telah gagal mewujudkan zaman keamanan dan kemajuan bagi Malaysia. Walaupun zaman Darurat tamat dalam tahun 1960, Komunis menggiatkan kembali perjuangannya. Malangnya peristiwa-peristiwa ini berlaku di ketika dendam perkauman dan keagamaan sedang meluap, dengan keji-mengeji antara kaum dan masing-masing membangkitkan isu-isu sensitif terutama sekali yang menyentuh hak-hak kaum minoriti, kemunduran Melayu dalam ekonomi dan dominasi kaum Cina yang nyata meningkat dalam ekonomi negara.

Masalah yang datangnya bertubi-tubi itu tidak terhad di Semenanjung Malaysia sahaja. Di Sabah dan Sarawak juga kegelisahan politik berlaku walaupun beberapa usaha dijalankan untuk menghalang negeri-negeri ini mengikut jejak Singapura keluar dari Persekutuan. Kegusaran ini memuncak dengan peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Walaupun kejadian itu merupakan suatu tragedi, namun ia menyedarkan masyarakat kepada keadaan buruk yang tidak seimbang di antara kaum, dari segi pembahagian kekayaan dan peluang-peluang kehidupan di dalam negara dan ini memaksa kera-

jaan, pemimpin-pemimpin politik dan ketua-ketua kaum, bertindak mengambil langkah-langkah yang bermakna bagi memperbaiki keadaan yang tidak adil ini. Ia juga menonjolkan kepintaran berpolitik Tun Abdul Razak, yang sejak peristiwa itu digunakannya begitu bijak untuk membentuk masa depan negara ini sehinggalah beliau meninggal dalam tahun 1976.

Banyak jiwa terkorban (mengikut angka rasmi lebih dari 180) akibat peristiwa yang tragik itu, yang dicetuskan oleh rusuhan perkauman. Penilaian yang dibuat menunjukkan bahawa pertumpahan darah memang tidak dapat dielakkan kerana sentimen perkauman telah pun dinyala-nyalakan beberapa tahun sebelumnya.

Tetapi, ini tidak pula bererti masalah-masalah ini tidak disedari oleh pihak pentadbiran ataupun kerajaan tidak mengambil apa-apa langkah untuk mengatasinya. Jelas ternyata banyak sekali perkara yang terpaksa dibuat dan kerajaan tidak dapat menentukan prioriti-prioriti yang harus diutamakan dan juga untuk memuaskan desakan-desakan yang makin meningkat dari berbagai pihak yang berlawanan.

Menurut Tengku Razaleigh iaitu salah seorang dari kumpulan yang dipilih untuk mencari penyelesaian yang boleh berjaya memperbaiki nasib orang-orang Melayu dan menyediakan mereka untuk menyertai pembangunan ekonomi negara, beberapa langkah telah diambil ke arah ini. "Kami kesuntukan masa dan walaupun kami telah mencapai kemajuan tetapi tidak cukup dalam tahun 1969."

Sesungguhnya memang banyak terdapat bukti yang menunjukkan rancangan-rancangan yang khusus untuk melibatkan orang-orang Melayu ke dalam arus pembangunan. Tetapi banyak halangannya, terutama dari segi kewangan. Hanya pada tahun 1960 dengan berakhirnya Darurat barulah dapat kerajaan berbelanja lebih sedikit untuk pembangunan dari peruntukan yang terhad, yang selama ini dikhaskan untuk keselamatan dan pertahanan sahaja. Dalam tahun 1958 misalnya, perbelanjaan seluruhnya berjumlah kurang sedikit dari M\$800 juta (jumlah yang jauh bezanya daripada

perbelanjaan pembangunan sebanyak M\$11,000 juta bagi tahun 1982).

Namun demikian kerajaan cukup sedar akan masalah-masalah pokok yang juga sebelum ini pernah disuarakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Jeneral Sir Gerald Templer. Beliau menyatakannya pada tahun 1951 bahawa:

Cita-cita membina negara Malaya bersatu tidak melibatkan pengorbanan kebudayaan dan adat resam dari mana-mana komuniti... tetapi sebelum ini dapat dipenuhi, orang-orang Melayu mestilah digalakkan dan dibantu mengambil bahagian yang penuh dalam kehidupan ekonomi negara supaya keadaan yang tidak seimbang sekarang ini dapat diperbetulkan.

Majlis Amanah Rakyat atau MARA (dahulu RIDA) adalah hasil pemikiran Tun Abdul Razak. Bermula pada tahun 1954 sebagai satu pusat membuat sabut dan tali, ia beransur-ansur berkembang menjadi Institut Pengajian Perniagaan dan Profesional dalam tahun 1965. Dengan adanya bantuan kewangan untuk melancarkan perusahaan-perusahaan Bumiputera, MARA memberi hampir 5,000 pinjaman kecil berjumlah kira-kira M\$31 juta sepanjang tahun 1966-70, membolehkan beratus-ratus anak Melayu mencebur diri dalam perniagaan. MARA juga menubuhkan dan menjalankan syarikat-syarikat bas dan kemudiannya menjadi perbadanan yang paling terkemuka di bidang pengangkutan jalan raya.

Sebagai langkah pertama, sebelum Merdeka lagi, badan-badan berkanun kerajaan ditubuhkan untuk membantu orang-orang Melayu. Seperti MARA, Federal Land Development Authority (FELDA) ditubuhkan pada tahun 1956. Ia terlibat dalam projek-projek pembangunan tanah dan perkampungan. Aktivitinya tertumpu kepada pembukaan tanah-tanah baru dengan penanaman getah dan kelapa sawit bagi orang-orang Melayu. Dalam masa tiga puluh tahun sejak ia ditubuhkan, FELDA telah menjadi projek contoh. Ia telah memberi beratus ribu keluarga petani Melayu kehidupan yang lumayan dan peluang pelajaran kepada anak-anak mereka yang tidak mungkin didapati sebelum itu di

kawasan luar bandar. FELDA, melalui skim syarikat kerjasamanya adalah majikan yang kedua terbesar dalam negara selain daripada kerajaan. FAMA (Federal Agricultural Marketing Authority) ditubuhkan pada tahun 1965, cuba memperbaiki sistem pemasaran dan menentukan supaya petani-petani Melayu mendapat harga yang berpatutan dari hasil jualan tanaman mereka. Namun demikian ada juga di kalangan mereka yang terus-menerus ditindas oleh orang tengah iaitu terdiri dari orang-orang Cina yang memberi mereka berhutang sebelum musim menuai. Penindasan cara ini tidak menyelesaikan keberhutangan orang Melayu kepada kaum-kaum lain dan terus menjadi punca perselisihan dan tidak langsung menolong memperbaiki hubungan perkauman. Penubuhan Bank Pertanian (*Agricultural Bank*) dalam tahun 1969 untuk memberi pinjaman kepada petani-petani Melayu dengan syarat-syarat yang berpatutan telah diterima dengan baik tetapi dari segi sengketa yang membawa kepada tragedi 13 Mei, langkah ini agak terlewat.

Malangnya, segala usaha yang dilancarkan untuk membantu memperbaiki kedudukan ekonomi orang-orang Melayu tidak juga mencukupi apabila menjelang Pilihanraya 1969. Kerajaan menyedari akan masalah ini dan kebimbangannya terbayang dalam penilaian-penilaian yang dibuat sebelum dan sesudah pilihanraya.

Dalam penjelasan mengenai pembangunan di antara tahun-tahun 1960-1970, dokumen Rancangan Malaysia Kedua menyatakan, "Walaupun terdapat kemajuan-kemajuan penting dalam memperbaiki kedudukan ekonomi golongan miskin, masalah ekonomi yang tidak seimbang masih ada. Sungguhpun ada sedikit kemajuan (di bidang pertanian) tetapi jurang perbezaan di antara sektor ekonomi tradisional dengan sektor ekonomi moden masih wujud. Ini berpunca dari perbezaan peluang di bidang pelajaran, pekerjaan, hak milik atau kemudahan berniaga." Akibatnya, tenaga orang Melayu terutamanya banyak tertumpu ke bidang-bidang perusahaan yang menghasilkan pendapatan rendah.

Tanggapan orang-orang Melayu yang menyerah kalah

di tangan kaum bukan Melayu dalam perjuangan merebut kekayaan ekonomi negara memang benar. Mereka sungguh-sungguh bimbang bahawa kepentingan Melayu akan hapus kalau tidak diambil langkah-langkah tegas dan keras untuk mencegah kemunduran dan keciciran kaum Melayu ini. Walaupun kuasa politik dalam tangan pemimpin Melayu UM-NO, kaum Cina terutamanya dan juga kaum Eropah serta India menguasai ekonomi negara. Mereka takut kalau-kalau kuasa ekonomi ini digunakan untuk memaksa kerajaan tunduk kepada tuntutan bukan Melayu dan membahayakan lagi kepentingan kaum Melayu.

"Banyak contoh dan statistik yang terang-terang menunjukkan perbezaan ketika itu," jelas Tengku Razaleigh. Kebanyakan pembangunan dalam negeri berlaku di bandar-bandar, di mana kaum Cina adalah penduduk majoriti terutama sekali di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Ipoh. Taraf hidup, segala kemudahan dan peluang ekonomi, nyata lebih baik di kawasan bandar dan ini meruncingkan lagi keadaan ekonomi yang tidak seimbang di antara kaum.

Amat sedikit bilangan Melayu yang memiliki lebih dari 100 ekar kebun getah pada akhir tahun 1960 dan keseluruhannya mereka mempunyai hanya 1% dari jumlah saham syarikat-syarikat yang didaftarkan dalam negara. Saham milik kaum Cina hampir 23% sementara bakinya dimiliki oleh orang-orang asing.

Sementara perniagaan kaum Cina berkembang pesat dan jutawan-jutawannya muncul bagai cendawan tumbuh dalam ekonomi yang mewah, hanya segelintir orang Melayu yang layak dilantik sebagai pengarah syarikat, dengan maksud merabuni mata rakyat. Perniagaan kaum Melayu pada hakikatnya terhad kepada beberapa orang yang berani berniaga tetapi sentiasa kekurangan modal untuk berkembang. Mana-mana yang berpeluang mendapat lesen-lesen penting selalu ditarik menggunakan namanya bagi syarikat yang dijalankan oleh orang Cina. Cara ini merebak dan dikenali sebagai perniagaan 'Ali Baba' iaitu menyalahgunakan peluang istimewa

yang diadakan khas untuk membolehkan orang-orang Melayu mengatasi jurang perbezaan ekonomi itu.

Satu lagi sebab yang menghalang pertumbuhan peniaga-peniaga Melayu ialah minat graduan-graduan yang baru pulang dari luar negeri. Jumlah mereka ini tidak ramai jika dibandingkan dengan yang diperlukan. Mereka lebih suka bekerja dengan kerajaan atau sebagai eksekutif dalam syarikat-syarikat terkemuka. Ketiadaan semangat berniaga mungkin disebabkan kekurangan modal dan peluang dan juga tradisi tidak kuasa bertanding sengit dengan bukan Melayu dalam perdagangan. Inilah keadaan yang dapat diperhatikan pada pertengahan tahun 1960.

Kesemuanya ini boleh menegangkan keadaan dan telatah kaum Cina yang sentiasa membuat tuntutan hanya mengusutkan lagi situasi yang sedia ada. Golongan Cina yang menyokong konsep 'Malaysian Malaysia' oleh Lee Kuan Yew itu mengalihkan pula sokongan mereka kepada Parti Tindakan Demokratik (*Democratic Action Party* [DAP]) sesudah Singapura berpisah daripada Malaysia. DAP dalam tahun 1969 terang-terang menunjukkan kaitan politiknya dengan Singapura. PAS pula terus menyalahkan pemimpin-pemimpin UMNO kerana menggadaikan hak Melayu kepada parti-parti rakan mereka dalam Perikatan.

Sementara itu, dalam tahun 1967 puak 'pelampau' UMNO mendesak parti supaya Bahasa Melayu digunakan lebih meluas di kalangan masyarakat. Oleh itu, walaupun berasa waswas, Perikatan pun bertindak ke arah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal dalam negara. Penggunaan Bahasa Inggeris masih dibenarkan, walaupun ini menyedihkan pejuang Bahasa Melayu. Walaupun Tunku Abdul Rahman berusaha untuk menggalakkan penggunaan bahasa rasmi ini beliau telah dikritik oleh orang-orang Melayu yang mendakwa beliau terlalu beralah kepada Cina dan oleh orang-orang bukan Melayu yang tidak suka Bahasa Inggeris digantikan dengan Bahasa Melayu.

Kempen Pilihanraya 1969 yang memakan masa lima minggu itu ternyata sudah tersalah taktik kerana ia memberi

terlalu banyak peluang dan waktu kepada parti-parti yang bertanding untuk mengapi-apikan isu-isu yang sedang membara, tetapi mujurlah tidak menampakkan petanda-petanda kekacauan.

Kepada ramai, "ternyata pemimpin-pemimpin Perikatan tidak mengetahui kegelisahan dan permusuhan yang memuncak... mengenai isu-isu yang dipertikaikan seperti hak-hak istimewa Melayu, kedudukan istimewa yang diberikan kepada orang-orang Melayu mengenai pekerjaan... dan usaha-usaha yang tidak lagi berselindung-selindung dibuat untuk menentang pengaruh kaum Cina dalam perniagaan dan perindustrian."

"Tetapi kerajaan amat menyedari masalah-masalah yang timbul," kata Tengku Razaleigh. Tun Razak terutama sekali, telah menyuarakan kebimbangan beliau kepada Tunku Abdul Rahman dan ahli-ahli Kabinet yang lain dan sungguhpun mereka tidak menyangka rusuhan akan berlaku, mereka sebenarnya telah bersiap sedia untuk mematahkan sebarang tunjuk perasaan perkauman.

Mengenai keistimewaan orang-orang Melayu, ia adalah isu paling kontroversi selain dari isu bahasa. Menurut Tengku Razaleigh, walaupun kaum Melayu diberikan keutamaan di bawah Lindungan Perlembagaan, mereka "tidak menikmati kemakmuran selepas Merdeka. Kebanyakan dari mereka yang tinggal di bandar-bandar hanya menjadi pemandu teksi dan ini bererti kaum Melayu tidak maju langsung padahal orang lain bergerak mantap maju ke hadapan."

PAS dan DAP tidak berlengah-lengah meningkatkan lagi hasutan mereka, seperti menuangkan minyak ke api yang telah pun marak sebelum Pilihanraya 1969 yang baru saja berakhir. PAS menuduh tauke-tauke Cina yang mendapat keuntungan dari nikmat-nikmat kemerdekaan, sementara pihak DAP pula membantah, mengatakan kaum Cina tidak mempunyai kedudukan yang bererti dalam kehidupan politik negara ini. Akibatnya, timbullah polarisasi kaum:

Semua memuncak dan para pemimpin kerajaan nampaknya



tidak lagi dapat menyelesaikan segala masalah yang timbul. Kerajaan sungguh-sungguh berusaha untuk memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi, sambil cuba melegakan perasaan pihak-pihak yang tidak setuju dengan bantuan-bantuan yang diberikan kepada Melayu — tetapi kerajaan pada masa itu tidak berupaya mengawal keadaan. Isu-isu perkauman yang ditiupkan begitu melulu itu menjadi punca meletusnya api kekacauan yang tidak disangka-sangka.

## Bab 11

Keputusan pilihanraya itu telah mencerminkan pergeseran yang mendalam di seluruh negara dan statistik menunjukkan pengundi, mengundi mengikut garis perkauman. UMNO memenangi 51 kerusi Parlimen (kurang lapan yang dimenangi dalam Pilihanraya 1964), MCA 13 kerusi (kurang 14) dan DAP memenangi 13 kerusi (bertambah 12) iaitu hasil dari kekalahan MCA. PPP telah menggandakan kepada empat perwakilan dan Gerakan mencapai kemenangan besar sebagai parti baru dengan memenangi lapan kerusi.

Di peringkat negeri, Gerakan menapakkan kuasanya di Pulau Pinang, sementara di Selangor dan Perak, Perikatan tidak berjaya mendapatkan majoriti pengundi yang jelas. Tetapi Perikatan masih menguasai negeri-negeri ini kerana Gerakan memutuskan tidak mahu memasuki kumpulan pembangkang.

PAS mencapai kejayaan cemerlang dalam Pilihanraya Parlimen dan Negeri. Ia terus berkuasa di Kelantan, berjaya memasuki Kedah dan Perlis dan berpengaruh semula di Terengganu. Kemenangan PAS jelas melemahkan asas pengaruh UMNO di kawasan desa dan menandakan rasa tidak puas hati dan kekecewaan golongan petani. Di Kedah, (kubu UMNO selama sepuluh tahun dan negeri asal Tunku Abdul Rahman), PAS berjaya merobohkan tembok penghalang yang sukar digugat itu dengan memenangi lapan kerusi, termasuk kerusi menteri Kabinet iaitu Datuk Senu Abdul Rahman.

Seorang lagi yang kalah dalam Pilihanraya 1969 itu ialah Perdana Menteri sekarang iaitu Dr. Mahathir, seorang pemimpin muda yang baru muncul. Beliau telah dikalahkan di Kota

Setar selatan yang dimenangnya dahulu dengan kelebihan 4,000 undi. Tunku Abdul Rahman sendiri kehilangan lebih separuh majoriti Parlimennya, begitu juga Encik Khir Johari, seorang lagi menteri Kabinet. Di Perlis, calon-calon PAS peringkat negeri telah dikalahkan dengan majoriti yang teramat kecil, termasuk satu kerusi yang majoritinya hanya 16 undi.

Kebangkitan semula PAS di Terengganu (yang dimenangnya dalam tahun 1959 tetapi kalah dalam tahun 1961 apabila UMNO berjaya menarik wakil-wakil PAS menyebelahi UMNO dalam Dewan) telah membolehkan mereka mendapat 11 daripada 24 kerusi Negeri. Di Kelantan mereka berjaya bertahan walaupun UMNO berusaha dengan gigih untuk mengalahkan mereka. Kempen ini diketuai oleh Tengku Razaleigh selaku Timbalan Pengerusi UMNO Kelantan telah diperhebat dengan bantuan dari orang kuat parti termasuk Allahyarham Dato' Syed Jaafar Albar dan Abdul Ghafar Baba. Tawaran bantuan kewangan pembangunan sebanyak \$548 juta dari Kerajaan Pusat tidak dapat memikat pengundi untuk mengubah sikap mereka. Apatah lagi PAS mengacum tawaran itu sebagai duit haram.

UMNO bagaimanapun telah menguatkan kedudukannya dengan tambahan dua kerusi Dewan Undangan Negeri, satu darinya dimenangi oleh Tengku Razaleigh dalam pertandingan pilihanrayanya yang pertama. Di kawasan pilihanraya Ulu Kelantan Barat beliau menang dengan majoriti besar. Kemudian beliau dilantik sebagai Ketua Pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri — pegawai UMNO yang pertama sekali dilantik memegang jawatan itu.

Tetapi kemenangan beliau dan kehadirannya yang sungguh mencabar kepada PAS di Dewan Negeri itu telah tenggelam seketika apabila rusuhan berlaku di Kuala Lumpur setelah keputusan pilihanraya seluruh negara diumumkan. Dalam masa beberapa jam sahaja setelah beliau diisytiharkan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, Tengku Razaleigh kembali segera ke Kuala Lumpur untuk berjumpa Tun Razak. Beliau dapat menyaksikan bibit-bibit rusuhan yang akan meletus dalam masa 48 jam ketika dalam teksi dari lapangan

terbang ke Sri Taman (kediaman rasmi Tun Razak). Di sepanjang jalan kelihatan kumpulan-kumpulan penyokong DAP dan Gerakan membuat bising melepaskan segala geram yang terpendam dalam hati masing-masing ketika merayakan kemenangan parti dalam pilihanraya.

Semasa minum petang 11hb. Mei, Tengku Razaleigh dan bakal penaungnya, Tun Razak, berbincang mengenai kekalahan pilihanraya serta tuntutan Pemuda UMNO untuk mengadakan perarakan perayaan kemenangan seperti DAP dan Gerakan. Tun Razak tidak begitu senang dengan idea itu dan mahu berunding dahulu dengan Tunku Abdul Rahman yang masih belum kembali ke Kuala Lumpur.

Tetapi sebelum keputusan dapat dibuat pihak polis telah pun memberikan lesen. Ini merupakan suatu kesilapan yang tragis, lebih-lebih lagi kerana perarakan-perarakan yang diadakan terlebih dahulu, termasuk yang diadakan pada 9hb. Mei — suatu perarakan pengebumian seorang penyokong Komunis yang ditembak di Kepong — telah melarat menjadi rusuhan sentimen dan kata-kata kasar telah dilemparkan terhadap orang Melayu. Apabila Perdana Menteri kembali dan diberi taklimat mengenai situasi semasa, beliau tidak dapat menahan perasaan marahnya. Kata beliau perarakan itu tidak harus dibenarkan dan tindakan tegas sepatutnya diambil untuk mengelakkannya dari menjadi medan pertempuran politik dan perkauman.

Pada pagi 13hb. Mei, keadaan tidak lagi terkawal dan gerombolan-gerombolan perusuh sudah mula berkumpul di tempat-tempat strategik di bandaraya. Tengku Razaleigh berada di Hotel Federal bersama Syed Jaafar Albar. Syed Jaafar Albar menyuruh beliau pergi ke kediaman Menteri Besar Selangor, Dato' Harun Idris, pusat perarakan UMNO. Tengku Razaleigh menasihatkan beliau jangan terlibat dalam rusuhan. Mujurlah beliau terpaksa patah balik kerana sekatan polis di jalan raya.

Tengku Razaleigh telah dinasihatkan oleh polis supaya pulang tetapi keretanya disekat oleh perusuh di Jalan Bukit Bintang. Beliau pun menuju ke rumah Dato' Abdullah

Ahmad. Menurut Tengku Razaleigh:

Dollah dan keluarganya ada di rumah dan mereka tahan saya tinggal di sana. Beberapa minit kemudian Maria (Datin Maria, bekas isteri Dato' Musa Hitam) tiba dengan anak-anak, mencari Musa. Jam 7.30 malam barulah Musa tiba dan masa itu, keadaan telah pun menjadi semakin buruk. Rusuhan telah berlaku di Setapak, Chow Kit dan Kampung Bahru.

Tun Ismail telah mengumumkan melalui televisyen bahawa perintah berkurung 24 jam dikenakan di seluruh negara. Ucapan beliau mengatakan 'demokrasi sudah mati' mengejutkan seluruh negara dan sambil rakyat Malaysia terkemam mengikuti siaran itu, kejadian mencuri dan membakar terus berlaku di bandar. Tunku Abdul Rahman, yang cuba mencari penyelesaian, berasa kecewa sekali. Berhari-hari selepas kejadian buruk itu, beliau menaruh syak bahawa timbalannya sengaja membiarkan keadaan meletus supaya rakyat akan menyalahkan Tunku. Tindakan Dato' Harun Idris juga dicurigai. Tengku Razaleigh tidak setuju dengan kedua-dua interpretasi. Kesilapan memang ada, kata beliau dan boleh jadi juga perhubungan tidak begitu rapi, tetapi semua ini tidak sengaja dan tidak ada niat buruk.

Pada 15hb. Mei, dengan perintah Sultan Kelantan, Tengku Razaleigh telah mengumpul semua orang Kelantan di Kuala Lumpur supaya tinggal di Istana Kelantan, di Jalan Kia Peng. Pada minggu-minggu berikutnya, Tengku Razaleigh berhubung rapat dengan Tun Razak dan mengikuti segala perkembangan sambil Tun Razak berhempas pulas mengatur rancangan untuk meredakan keadaan buruk yang telah mencemarkan nama baik negara dan muhibah antara kaum. Beliau kerap berkunjung ke rumah Syed Albar dan menyaksikan pertengkaran antara Syed Albar dan Dato' Syed Nasir dengan Setiausaha Agung Perikatan, T.H. Tan di depan orang lain. T.H. Tan menyalahkan UMNO kerana kekalahan MCA dan beliau juga yang telah berjaya memujuk Presiden MCA, Tun Tan Siew Sin berundur dari Kabinet. Dr. Mahathir cuba campur tangan dalam pertengkaran itu tetapi telah

dimarahi oleh Tunku Abdul Rahman. Sementara itu, Tun Razak menumpukan sepenuh tenaga terhadap memulihkan keamanan negara. Sebagai Pengarah Gerakan beliau mempunyai kuasa eksekutif yang mutlak, yang telah diberikan dengan Perintah Diraja. Walaupun Kabinet yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman telah mengangkat sumpah pada 20hb. Mei tetapi yang sebenarnya Majlis Gerakan Negara telah menggantikan Kabinet dalam proses membuat keputusan dasar yang penting untuk mengembalikan keamanan negara. Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri telah digantung.

Walaupun perintah berkurang dipendekkan setiap hari pada pertengahan bulan Jun dan keadaan pulih seperti biasa, ketegangan masih terdapat dalam kepimpinan UMNO dan Tunku Abdul Rahman menjadi sasaran kritikan hebat dari dalam. Dr. Mahathir yang tewas dalam pilihanraya telah menulis kepada Tunku menuntut beliau meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri dan menarik diri dari politik. Beliau menuduh Tunku menyebabkan ahli-ahli UMNO yang setia meninggalkan parti dan memasuki PAS. Dr. Mahathir juga mendakwa mendapat sokongan beberapa bahagian dalam parti bersabit dengan tuntutan itu. Tidak ramai pemimpin UMNO yang percaya Dr. Mahathir mempunyai ramai pengikut, apatah lagi untuk menuduh Perdana Menteri yang disayangi itu bersalah. Surat Dr. Mahathir telah jatuh ke tangan akhbar, kemudian di siklostil dan disebar dengan meluas yang mana Dr. Mahathir tidak mengaku bertanggungjawab terhadap perbuatan tersebut menyebabkan parti mengambil tindakan disiplin. Dr. Mahathir hadir sendiri untuk membela diri pada 12hb. Julai 1969 di hadapan Majlis Tertinggi. Tunku Abdul Rahman tidak hadir dalam mesyuarat itu.

Setelah berbincang beberapa jam dalam mesyuarat yang diadakan selepas itu, Dr. Mahathir telah dipecat dari parti. Tunku tidak hadir dalam kedua-dua mesyuarat tersebut. Dr. Mahathir terima keputusan itu dan mengundurkan diri dari politik tetapi kembali kemudian untuk berkhidmat dalam

Kabinet Tun Razak pada tahun 1974. Dato' Musa Hitam yang merupakan salah seorang daripada golongan radikal pada masa itu yang menentang kepimpinan Tunku telah juga menghilangkan diri dari pergelutan politik buat sementara waktu. Sebelum ini beliau telah dipecat dari jawatan penolong menteri di Jabatan Perdana Menteri. Keputusan beliau untuk melanjutkan pengajian ke luar negeri mungkin atas cadangan Tun Razak. Setelah tamat pengajiannya beliau pun kembali aktif dalam UMNO hingga berjaya memenangi jawatan Timbalan Presiden parti dalam tahun 1981.

Sebagai langkah pertama ke arah memulihkan negara kepada pemerintahan berperlembagaan, Tun Razak telah menubuhkan Majlis Perundingan Negara pada Januari 1970 "dengan niat serius menggalakkan berbagai golongan masyarakat berdialog." Tujuannya ialah "untuk membincangkan bagaimana hendak mengukuhkan keharmonian antara kaum serta membina asas yang teguh dan kekal ke arah memulihkan sistem demokrasi berparlimen... dan untuk mengadakan garis-garis panduan yang positif dan praktikal ke arah membina kerjasama antara kaum serta integrasi sosial untuk memudahkan pertumbuhan keperibadian Malaysia."

Maka bermulalah ikhtiar mencari penyelesaian abadi yang memerlukan langkah-langkah bagi membanteras sikap saling tidak percaya-mempercayai antara kaum dan menyusun semula ekonomi negara untuk menentukan pembahagian kekayaan yang lebih adil dan peluang-peluang yang sama untuk mencapai kemajuan.

Dalam masa setahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) selesai dirumuskan dan menjadi asas Rancangan Malaysia Kedua mulai tahun 1971. Pelaksanaan DEB serta program bertindak untuk mencapai matlamat sosial dan ekonomi telah menyaksikan kemunculan Tengku Razaleigh dalam arena politik dan kepimpinan kebangsaan. Selama setahun selepas Mei 1969 beliau telah menjadi ahli yang aktif dalam satu kumpulan terpilih yang ditugaskan untuk mengemukakan cadangan-cadangan yang praktikal sebagai asas pelaksanaan DEB. Kemahirannya dalam hal-ehwal ekonomi serta

kebolehan politiknya telah digunakan sepenuhnya sehingga beliau dipilih oleh Tun Razak untuk mengendalikan pertubuhan-pertubuhan penting yang dapat membantu mengatasi kelemahan-kelemahan ekonomi yang dipandang sebagai penghalang kemajuan kaum Melayu.

Pada bulan Oktober 1970 Tengku Razaleigh telah dilantik sebagai Pengerusi dan Pengarah Urusan Bank Bumiputra. Sebulan kemudiannya, dilantik pula sebagai Pengerusi PERNAS. Umurnya baru 33 tahun lebih.

Semua golongan politik dan perniagaan terpaksa mengambil perhatian terhadap anak Kelantan yang pintar ini yang telah dipilih sendiri oleh Tun Razak, yang baru saja sebulan menggantikan Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri, untuk mentadbir dua daripada pertubuhan komersial yang paling penting kerana dari prestasi kedua-dua pertubuhan inilah kelak kejayaan DEB dapat diukur.

Bagaimanapun, kepada orang yang dipilih untuk memikul tanggungjawab yang berat ini, tugas-tugas ini tidaklah sehebat yang disangka, begitulah sikap yang digambarkan oleh Tengku Razaleigh kepada umum. Tanggungjawab itu merupakan satu cabaran yang tidak dapat dilakukannya dan satu perintah dari ketuanya yang tidak boleh ditolaknya.



## Bab 12

Kalau ikut kehendak Tun Razak semata-mata, PERNAS hari ini mungkin menjadi sebuah badan perniagaan biasa sahaja dan tidak sebagai perbadanan raksasa yang telah dibina dan berkembang begitu pesat sekali di bawah pimpinan Tengku Razaleigh dalam tahun-tahun 1970-an. Walaupun beliau kemudiannya menyokong penuh langkah-langkah mempelbagaikan perniagaan PERNAS, maksud asal Tun Razak ialah supaya PERNAS berkembang secara beransur-ansur dan tidak menggunakan pendekatan yang begitu agresif. Hanya setelah perbadanan itu membuktikan kebolehannya, barulah Tun Razak merestui segala tindakan untuk menembusi berbagai-bagai bidang perniagaan dan perusahaan yang penting-penting.

Dengan kejayaan PERNAS dalam berbagai lapangan perniagaan, maka wujudlah senjata perniagaan Melayu yang dapat menembusi bidang-bidang yang selama ini menjadi rebutan bangsa lain semata-mata. Penglibatan PERNAS yang mewakili kepentingan Melayu dalam persaingan perniagaan ini, juga membantu pertumbuhan ekonomi amnya. Kegiatan PERNAS yang tidak mengenal puas ini bukan sahaja menggalakkan kegiatan perniagaan yang baru tetapi juga menyebabkan badan-badan perniagaan bukan Melayu mencari perlindungan dengan mendaftarkan syarikat mereka di pasaran saham. Langkah mereka ini telah memberikan industri saham Malaysia yang masih muda itu asas yang lebih kukuh untuk berkembang maju dalam dekad berikutnya, sungguhpun ini bukan maksud mereka memasuki pasaran saham. Tetapi lebih penting lagi ialah kejayaan perniagaan

PERNAS ini telah memberi nafas baru kepada peniaga-peniaga Melayu untuk terus maju dan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Perkembangan-perkembangan semacam ini sama sekali tidak terlintas di fikiran Tun Razak ketika beliau merasmikan penubuhan PERNAS dalam tahun 1969, iaitu ekoran dari satu resolusi yang diluluskan di Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-2 pada bulan September 1968. Tujuan utamanya ialah menubuhkan sebuah badan perdagangan milik kerajaan untuk memudahkan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan di bidang-bidang sederhana.

Sebenarnya resolusi ini telah disuarakan oleh Tun Razak yang telah lama berhasrat menubuhkan sebuah agensi perdagangan kepunyaan warganegara Malaysia. Beliau telah menyatakan hal ini kepada Tengku Razaleigh dan memisalkan operasi Jardin Waugh dan Guthrie sebagai contoh pertubuhan yang dimaksudkannya. Apa yang dibimbangkan ialah beliau takut rakyat di kampung keputusan bekalan makanan yang mustahak kalau tidak ada agensi yang dimaksudkan itu.

Hanya beberapa bulan saja sebelum ini tindakan hartal (boikot) telah dilancarkan di Pulau Pinang yang menyebabkan orang Melayu mengalami kesulitan besar dan berminggu-minggu pula selepas peristiwa 13hb. Mei, kedai-kedai Cina dan India terus ditutup dan ada pula di antara mereka yang sengaja memulaukan perniagaan orang Melayu. Para petani di kampung juga terpaksa menyimpan stok makanan menjelang Tahun Baru Cina dan Krismas. Ini memang tidak mampu dilakukan oleh mereka yang hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Apa yang dicadangkan oleh Tun Razak ialah menubuhkan rangkaian kedai runcit di seluruh negara yang lengkap dengan barang-barang makanan dan lain-lain keperluan rumah meliputi bandar-bandar yang paling terencil di setiap negeri. Dalam ucapan penutupnya di Kongres beliau menegaskan bahawa PERNAS harus terlebih dahulu menjalankan perniagaan sebagai pengedar.

Tetapi Pengerusi PERNAS yang pertama, Encik Mohamad Raslan ada rancangan yang lebih luas bagi PERNAS yang telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat awam pada 29hb. November 1969. Ia telah dilancarkan dengan modal dibenarkan sebanyak \$50 juta dan modal jelas sebanyak \$12 juta. Pemegang sahamnya termasuklah badan-badan kerajaan dan separa-kerajaan di peringkat negeri dan Persekutuan dengan Kementerian Kewangan sebagai pemegang saham yang terbesar.

Idea Encik Raslan supaya PERNAS terlibat dalam berbagai bidang perniagaan yang lain adalah mencerminkan hasrat dan aspirasi generasi muda Melayu yang merasakan bahawa PERNAS seharusnya digunakan sebagai alat untuk bersaing dengan badan-badan perniagaan yang sedia ada dan untuk memperolehi ekuiti dalam syarikat-syarikat yang lebih maju.

Apabila Tengku Razaleigh mengambil alih sebagai Pengerusi setelah Encik Raslan meninggal akibat kemalangan jalan raya, beliau bukan sahaja dapat melaksanakan peranan PERNAS seperti dikehendaki oleh golongan nasionalis muda tetapi juga berjaya menjadikannya sebuah gergasi perdagangan, kalau diukur dari segi taraf perniagaan di Malaysia. Tetapi ini semuanya berkat dari tindakan Tun Razak yang mahukan Tengku Razaleigh terlebih dahulu pergi ke London untuk mengkaji sistem perniagaan Boots. Tun Razak tertarik dengan keseragaman operasi pemasaran Syarikat Boots yang berjaya menetapkan harga yang sama tidak kira di mana kedai-kedainya menjalankan perniagaan. Pada pendapat Tun Razak, orang Melayu memang ada kebolehan mengurus sistem perniagaan semacam itu.

Di United Kingdom, Tengku Razaleigh mendapatkan perkhidmatan Booker McConnell yang telah berjaya menjalankan operasi kedai berangkai di Afrika dan Kepulauan Karibia. Dengan menggunakan konsep bayar-dan-angkut, Syarikat McConnell telah dapat menubuhkan depot-depot di seluruh kawasan tersebut dan para peniaga runcit dapat membeli barangan dari gudang-gudang ini dengan harga yang

sama. Dengan ini harga jualan mereka juga dapat disamakan. "Tun Razak amat gembira mendengar laporan saya. Peruntukan wang pun diberikanlah bagi memperluaskan perniagaan, maka tertubuhlah PERNAS-Edar Sdn. Bhd. Keuntungan tidak banyak tetapi maksud ia ditubuhkan telah dapat dipenuhi. Hal ini telah membuat Tun gembira sekali." (Beberapa tahun kemudiannya Multi-Purpose Holdings Bhd. (MPHB), kepunyaan kaum Cina cuba menubuhkan rangkaian pasar mini yang diuruskan oleh ahli-ahli sebuah koperasi yang bersekutu dengannya tetapi mereka kurang berjaya).

Kegiatan PERNAS-Edar adalah agak unik apabila dibandingkan dengan jenis kegiatan perniagaan lain yang dijalankan oleh syarikat induknya. Perusahaan kedai berangkai itu bukan sahaja dapat menstabilkan bekalan dengan harga yang mantap, ia juga membolehkan orang Melayu menguasai satu bidang perniagaan yang penting, yang berkait rapat dengan mata pencarian mereka. Walau bagaimanapun, dalam kegiatan-kegiatan lain, PERNAS kadang-kadang menjalankan perniagaan seolah-olah tujuan masing-masing berlawanan dengan yang dimaksudkan. Walaupun ia ingin berniaga atas dasar komersial semata-mata — untuk mengelakkan tuduhan pilih kasih antara lainnya — ia juga terpaksa memenuhi objektif sosial tertentu iaitu mengadakan latihan untuk para eksekutif Bumiputera dan mengadakan peluang-peluang pekerjaan.

Untuk mengelakkan sebarang salah faham, Tengku Razaleigh telah berjanji akan bertindak secara 'adil dan saksama.' Kenyataan ini dibuatnya dalam masa beberapa minggu saja setelah mengambil alih jawatan Pengerusi perbadanan itu. Tujuannya ialah untuk meredakan kebimbangan, terutamanya di kalangan orang Cina, kononnya persaingan akan menjadi berat sebelah kerana PERNAS dapat berbagai kemudahan. Semasa berucap kepada Gabungan Dewan Perniagaan Cina pada 17hb. November 1970, Tengku Razaleigh memberi jaminan bahawa meskipun PERNAS kepunyaan kerajaan tetapi ia akan bersaing secara adil dengan lain-lain badan perniagaan. Beliau mengingatkan

mereka tentang jaminan yang sama dari Tun Razak bahawa PERNAS tidak akan dijadikan alat untuk menguasai perniagaan orang lain. Perbadanan itu adalah sebuah syarikat sendirian berhad dan kerajaan tidak memberi apa-apa hak keistimewaan. Perkara ini mungkin merupakan niat Tun Razak tetapi diakui juga oleh Tengku Razaleigh bahawa PERNAS telah ditubuhkan untuk menentang "cara persaingan yang tidak sempurna di dalam sistem ekonomi bebas di negara kita — kerana peniaga Melayu terlewat memasuki dunia perniagaan dan perindustrian."

Nyatalah ini membayangkan niat Tengku Razaleigh hendak mengatasi segala halangan dan membuka jalan kepada orang Melayu yang selama ini tidak berpeluang langsung untuk berniaga. Tetapi belum pun beliau sempat melancarkan rancangannya PERNAS sudah mula menghadapi kesulitan sumber. Kewangannya terhad dan kakitangan yang terlatih tidak cukup untuk memelopori kemaraan ekonomi Bumiputera yang dijanjikan.

Tugas yang dihadapi oleh Tengku Razaleigh adalah sulit sekali; beliau terpaksa mengakui hakikat yang pahit bahawa sehingga 1970, perniagaan Melayu boleh dikatakan tidak ada. Yang terdapat hanyalah segelintir peniaga kecil dan segelintir ahli profesional yang lebih suka berkhidmat dengan kerajaan kerana hidup terjamin. Oleh itu, PERNAS terpaksa mengambil bekerja siswazah-siswazah muda yang ada potensi sebagai petugas yang berorientasikan perniagaan. Kumpulan pertama yang diambil bekerja telah diberikan latihan segera, kemudian ditempatkan di syarikat-syarikat untuk melanjutkan latihan sambil bekerja.

Bagi Tengku Razaleigh, keadaan ini sama seperti yang dihadapinya pada tahun 1965 ketika Bank Bumiputra ditubuhkan. Pada masa itu tidak ada eksekutif Melayu yang mempunyai pengalaman bekerja di bank. Jadi, cara yang lebih praktikal ialah menggunakan tenaga orang lain yang sudah berpengalaman dalam hal-ehwal bank. Memang tidak ada jalan yang lain lagi.

Tengku Razaleigh berjaya memujuk Tan Sri Khoo Teck

Puat, Pengarah Urusan Malayan Banking untuk melepaskan Encik Wong Aun Phui dan Encik Khoo Kay Peng. "Kami berterus-terang mengatakan bahawa tugas mereka ialah melatih pemuda Melayu yang tidak tahu langsung hal-ehwal bank. Ramai juga yang mungkin tidak pernah menjejak kaki ke dalam bank, apatah lagi mempunyai akaun di bank."

Selain daripada pengarah-pengarah — yang mewakili kerajaan — kakitangan eksekutif di PERNAS terdiri dari para siswazah yang diperakukan dan juga pegawai kerajaan yang berpotensi. Pakar runding dari United Kingdom dan Amerika Syarikat telah diupah untuk memberi nasihat mengenai pengurusan dan sistem akaun yang akan digunakan.

Selain daripada modal jelasnya, perbadanan ini mempunyai \$5 juta modal kerja yang boleh digunakan. Anak syarikatnya, Malaysia National Insurance Sdn. Bhd. (MNI) — yang kemudiannya berjaya membawa keuntungan besar — ketika itu hampir bankrap, maka Tengku Razaleigh pun menemui Menteri Kewangan Tun Tan (yang telah kembali ke Kementerian itu atas permintaan Tun Razak sendiri) memohon ditambahkan modal kerja untuk menyelamatkan MNI. Oleh kerana peruntukan kerajaan terhad, permintaan itu telah ditolak.

Namun demikian, Tengku Razaleigh terus berusaha mencari peluang baik untuk melabur. Tidak lama selepas itu kegiatan perbadanan pun mula bergerak lancar, tetapi ia juga menarik perhatian yang tidak diingini dan dibanjiri dengan idea-idea yang karut-karut.

Walaupun ia dihujani dengan bermacam ragam cadangan dan saranan Tengku Razaleigh yang berusia 34 tahun dan semakin matang, tidak mahu dipengaruhi oleh kejayaan PERNAS yang begitu pesat, tetapi berazam menunaikan kewajipan secara rasional dan objektif. Beliau kerap meminta pandangan dan nasihat daripada Tun Ismail Ali yang sentiasa peka dan bernas fikirannya yang menjadi salah seorang penasihat perbadanan itu. Tengku Razaleigh berkata:

Sumbangan Tun Ismail amat banyak dalam usaha pem-

bangunan PERNAS. Nasihatnya amat berharga, terutama di saat berbagai perkara mendesak mesti diselesaikan segera untuk memenuhi segala harapan dan hasrat orang Melayu yang ingin mencebur diri dalam perniagaan. PERNAS menjadi tumpuan harapan dan hasrat ini. Oleh itu, beliau memikul tanggungjawab yang berat terhadap masyarakat Melayu.

Pertentangan juga dijangka datang dari perniagaan bukan Melayu yang sudah berakar umbi:

Mereka mencurigai maksud kami dan tidak yakin PERNAS boleh menjalankan tugas seperti yang diharapkan. Kami tidak boleh mengharapkan kerjasama dari syarikat-syarikat yang merasakan perniagaannya tergugat tetapi kami tidak ada pilihan melainkan terus menjalankan dasar-dasar yang telah digariskan.

Beliau seterusnya tampil berjinak-jinak dengan golongan perniagaan tempatan dan memupuk pertalian yang berkesan dengan ahli-ahli perniagaan Malaysia yang terkemuka. Ke mana saja beliau pergi dan setiap kali beliau berucap, beliau cuba menerangkan betapa pentingnya kejayaan PERNAS dalam usaha mengatasi kelemahan-kelemahan ekonomi negara dan bagaimana usaha-usaha ini boleh meningkatkan kekayaan ekonomi negara yang cukup untuk semua kaum menikmati bahagian masing-masing.

Seruan beliau yang begitu bersemangat supaya soal pengimbangan hak milik syarikat diselesaikan secara pragmatik, tidaklah sia-sia, bahkan mendapat perhatian masyarakat perniagaan. Mereka juga tidak memperkecilkan keazamannya untuk menjayakan PERNAS. Setahun kemudian apabila kedudukan beliau dalam hal-ehwal negara meningkat lagi, pihak yang dahulunya tidak begitu menghiraukan seruan beliau itu, barulah sedar bahawa soal membahagi-bahagikan kekayaan negara secara lebih adil itu tidak lagi merupakan suatu perkara yang patut tetapi sudah menjadi perkara yang perlu dan mutlak dilakukan.

## Bab 13

Di ketika para pemimpin negara dan perancang ekonomi bergelut dengan tugas maha penting untuk menyusun semula ekonomi negara dalam tahun 1971, Tengku Razaleigh muncul sebagai pelopor perjuangan ekonomi nasionalis. Peranan ini amat sesuai dengan kemahiran dan pemikiran beliau dan melengkapinya usaha beliau di PERNAS dan Bank Bumiputra. Segala usaha beliau ini telah dapat membantu membuka jalan untuk membawa perubahan besar dalam sistem ekonomi negara yang hendak dilaksanakan oleh Tun Razak. Perdana Menteri juga ingin menukar corak pertalian perdagangan Malaysia dengan rakan-rakan perdagangannya di seluruh dunia, iaitu suatu peranan yang nampaknya sungguh sesuai sekali dengan Tengku Razaleigh.

Oleh itu bertambah lagilah tanggungjawab Tengku Razaleigh. Selaku ketua Perbadanan Perdagangan Nasional (PERNAS) Tengku Razaleigh mengetuai perwakilan perdagangan secara rasmi dan tidak rasmi ke luar negeri, terutamanya ke China dan negara-negara blok Timur. Lawatan-lawatan ini selalu ada kepentingan lain di belakangnya, seperti lawatan ke China, ia mendahului lawatan bersejarah Tun Razak dalam tahun 1974 yang berhasil kemudiannya dengan penubuhan pertalian diplomatik.

Bagi pucuk pimpinan UMNO, tugas-tugas yang lazimnya memerlukan kebijaksanaan diplomatik yang telah diserahkan kepada Tengku Razaleigh ini menunjukkan Tun Razak menaruh kepercayaan penuh pada orang yang lebih muda itu yang nyata cukup sedar tentang kuasa politik Tun



Razak. Di awal tahun 1971, jelaslah bahawa beliau sedang dilatih untuk memainkan peranan yang penting dalam pembangunan negara. Di Perhimpunan Agung UMNO yang diadakan pada akhir Januari, beliau telah dipilih menganggotai Jawatankuasa Eksekutif Pusat parti itu dan diakui sebagai bakal pemimpin di kalangan 'angkatan muda' yang dipilih untuk memperkukuh kedudukan parti. Beliau juga yang termuda sekali. (Sebelum ini, sejak 1963 beliau telah menjadi ahli yang 'dilantik' dalam Jawatankuasa itu).

Muka baru di antara 20 orang yang dipilih menganggotai badan pembuat dasar tertinggi dalam parti itu ialah Dato' Musa Hitam yang juga dipilih sebagai Timbalan Ketua Pemuda UMNO. Lain-lain tokoh yang dipilih termasuklah Tan Sri Ghazali Shafie (ketika itu Menteri Tugas-tugas Khas) dan Tun Hussein Onn (Menteri Pelajaran).

Pada masa itu dan juga kemudiannya, Tengku Razaleigh mendapat galakan kuat supaya bertanding merebut jawatan Ketua Pemuda UMNO. Beliau sendiri mengaku tidak berminat, terutamanya kerana beliau tidak yakin jawatan Menteri Besar atau menjadi menteri akan membolehkannya berkhidmat untuk parti dan negara dengan lebih baik. Dalam perkara ini beliau amat berbeza sekali dengan ahli Majlis Eksekutif yang lain yang mabuk kuasa dan berebut-rebut hendak jadi pemimpin. (Secara bergurau, beliau kesal umurnya sudah 34 tahun, terlalu tua untuk jadi Ketua Pemuda!).

Selepas saja pilihanraya parti pada tahun 1971 Tun Razak melantik Tengku Razaleigh menganggotai biro ekonomi UMNO yang baru dibentuk di bawah pimpinannya. Abdul Ghafar Baba, Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Dato' Musa Hitam adalah ahli-ahli lain biro tersebut yang ditugaskan untuk bekerjasama dengan kumpulan petugas khas yang dibentuk oleh jawatankuasa ekonomi Kabinet untuk merangka Rancangan Malaysia Kedua.

Sebelum pilihanraya UMNO itu, Tengku Razaleigh telah mengambil alih kepimpinan UMNO Kelantan dari Tun Razak. Timbalan Menteri Pertahanan, Tengku Ahmad Rithaudeen telah dilantik sebagai Timbalan Pengerusi. Tidak lama kemu-

diannya, timbul cadangan menubuhkan kerajaan campuran di antara PAS dan Perikatan di Kelantan. Tengku Razaleigh pada mulanya menolak cadangan itu kerana katanya dasar PAS terlalu berbeza dengan UMNO. Beliau juga bimbang cara itu tidak akan dapat menyelesaikan masalah orang Melayu di Kelantan. Walau bagaimanapun, beliau sanggup bekerjasama dengan kerajaan negeri yang dikuasai oleh PAS asalkan ia membawa manfaat kepada semua rakyat Kelantan. (Walaupun tidak jadi, pintu kerjasama sentiasa terbuka dan setahun selepas itu kerajaan campuran pun tertubuh. Ia membuka jalan bagi PAS mencampuri Barisan Nasional dalam tahun 1973).

Dalam masa beberapa bulan saja sebagai anggota terpilih Majlis Tertinggi UMNO, Tengku Razaleigh telah diberi tugas utamanya ke luar negeri oleh Tun Razak iaitu mengetuai rombongan perdagangan seramai 19 orang ke China — lawatan yang pertama sejak rombongan bersama Malaya-Singapura melawat Peking dalam tahun 1956. Walaupun pada zahirnya tujuan utama rombongan dua minggu itu bersabit dengan perhubungan perdagangan, termasuk membetulkanimbangan perdagangan di antara Malaysia dan China (yang terlalu menguntungkan China), banyak hal lain lagi telah dapat dijayakannya.

Di bidang diplomatik Tengku Razaleigh telah mengadakan pertukaran pendapat yang ikhlas (walaupun tidak rasmi) dengan Mendiang Chou Eu Lai yang memudahkan lawatan Tun Razak ke China kemudiannya. Lawatan Tun Razak ini berhasil dengan ikatan diplomatik dan pengiktirafan terhadap China — menjadikan Malaysia negara Asia Tenggara yang pertama berbuat demikian. Perbincangan di antara negarawan ulung antarabangsa China itu dengan Tengku Razaleigh juga bersabit dengan kemungkinan PERNAS dijadikan saluran untuk pengimportan barangan China ke Malaysia dan bertanggungjawab dalam hal eksport Malaysia ke Tanah Besar China.

Peraturan ini mengandungi implikasi-implikasi penting. Kebanyakannya tidak dipersetujui oleh para peniaga Cina di

Malaysia dan Singapura. Sebelum ini, orang-orang tengah mendapat keuntungan komisen sebanyak 4 — 5% untuk barangan yang dibawa ke Malaysia yang diimport melalui Hong Kong atau Singapura. Import tahunan adalah purata sebanyak \$300 juta, ditambah dengan \$100 juta eksport semula yang datang dari Singapura sahaja. Kejayaan PERNAS yang tidak dijangka itu — merupakan hasil usaha Tengku Razaleigh — telah menjadi buah mulut di kalangan masyarakat perniagaan berbulan-bulan lamanya setelah beliau kembali dari China. (Walau bagaimanapun, kesan-kesannya mengambil masa bertahun-tahun untuk diselesaikan).

Selain dari kepentingannya di bidang diplomatik, rombongan ini telah berjaya mendapatkan jaminan dari pihak berkuasa China untuk membeli lebih banyak lagi barang-barang Malaysia. PERNAS bergerak segera untuk mengambil peluang dari kejayaan ini — yang membuat Dewan Gabungan Perniagaan Cina marah kerana merekalah yang telah merancang rombongan itu. Dewan-dewan Perniagaan Bersatu yang dianggap patut mengambil inisiatif ini telah terlepas peluang. Tetapi Tengku Razaleigh menolak dakwaan kritikan semacam itu dengan mengatakan beliau juga Presiden Dewan Perniagaan Melayu — iaitu ahli komponen Dewan-dewan Perniagaan Bersatu. Mengenai tuduhan yang beliau 'potong trip', Tengku Razaleigh mengaku — dengan sokongan kuat UMNO — beliau mengutamakan kepentingan nasional.

Dalam tempoh tiga bulan saja maka rombongan perdagangan China pun datang ke Kuala Lumpur dan membuat pesanan yang besar. PERNAS ditugaskan mengendalikan pembelian terus China ini dan segala pembelian akan datang. Rombongan seramai empat puluh tujuh orang yang diketuai oleh Pengurus Besar PERNAS, Wan Abdul Hamid membalas lawatan itu dengan melawat Pameran Perdagangan Canton dalam bulan Oktober 1971. Rombongan ini terdiri dari lima pegawai PERNAS dan yang lainnya terdiri dari Dewan-dewan Perniagaan Melayu, India dan Cina, Bank Bumiputra, Persekutuan Pekilang Malaysia dan Perbadanan Perkapalan

Antarabangsa Malaysia. Rombongan ini dicampur untuk menghapuskan kebimbangan golongan peniaga Cina bahawa PERNAS akan memonopoli perdagangan dengan negara China sehingga mengetepikan mereka.

Berbulan-bulan kemudiannya, PERNAS dan Tengku Razaleigh terutamanya berusaha keras melayani kehendak peniaga-peniaga lama Cina yang khuatir mata pencarian mereka akan terancam. Selepas ini peranan PERNAS dalam perdagangan dengan China ialah sebagai ejen rasmi. Ia diberikan kuasa penuh untuk meluluskan lesen import dari China yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Untuk perkhidmatan ini, yang menjamin perlulusan segera permit import, PERNAS mengenakan bayaran setengah peratus.

Tetapi rancangan PERNAS untuk mengawal perdagangan dengan China telah terhalang sedikit kerana pemerintahan China enggan memutuskan pertalian dengan pengimport kaum Cina yang telah lama mengurus niaga dengannya. Walaupun selepas perhubungan diplomatik diadakan, import terus telah dibenarkan untuk memuaskan hati peniaga-peniaga Cina dan juga kerana niat penyertaan Bumiputera telah tercapai. PERNAS bagaimanapun dapat meneruskan perniagaan dua halanya sendiri dengan China.

Dengan kejayaan ini Tengku Razaleigh terus berusaha meningkatkan aktiviti perniagaan PERNAS sambil menambahkan lagi bilangan kakitangannya. Singapura menjadi salah satu sasaran rombongan perdagangan PERNAS dalam rancangan mencari pasaran-pasaran baru di seluruh dunia selama setahun dan usaha ini benar-benar melitakkan pihak pengurusan PERNAS. Di samping faedahnya yang nyata, maka perhubungan perdagangan secara terus dengan Singapura itu telah meletakkan PERNAS setaraf dengan badan-badan perdagangan yang lain dari segi psikologi. Ia menunjukkan kepada Singapura bahawa perbadanan perdagangan Malaysia ini harus dipandang sebagai rakan yang paling berpengaruh dalam perdagangan dua pihak di masa depan. Secara lebih halus lagi, Singapura disedarkan bahawa

corak perdagangan tradisional, terutama yang melibatkan orang tengah, tidak laku lagi kerana sebuah syarikat yang diuruskan sepenuhnya oleh Bumiputera sekarang memegang kunci masuk ke pasaran Malaysia yang lebih besar dan sedang berkembang.

Selepas perbincangan tertutup dengan para pegawai Intraco Ltd. — sebuah syarikat perniagaan yang dianjurkan oleh kerajaan Singapura — Tengku Razaleigh menyentuh tentang kepentingan lawatan itu. Usaha Malaysia menggalakkan perdagangan secara terus dengan negara-negara luar adalah termasuk juga Singapura kerana kerjasama di bidang ekonomi sudah tentu akan merapatkan lagi pertalian antara kedua-dua negara. Ia juga bermaksud untuk menekankan bahawa PERNAS mementingkan perhubungan perdagangan ekonomi serantau.

Sebelum berakhir tahun 1971, PERNAS telah pun berdiri kukuh sebagai salah satu badan perdagangan yang paling aktif — walaupun belum lagi merupakan yang paling besar di dalam negara. Kejayaannya adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh usaha-usaha Tengku Razaleigh yang tidak kenal penat. Pihak media dan masyarakat umum memandang beliau sebagai 'dinamo' perbadanan itu, seorang pemimpin politik negara yang sedang muncul yang dikurniakan dengan ketajaman otak berniaga yang sukar dicari.

Kejayaan yang dicapai pada tahun 1971 amat mengagumkan. Tetapi yang lebih penting ialah pencapaian matlamat yang lebih besar: di samping menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan, ia juga menandakan keazaman pemerintahan Tun Razak untuk memastikan supaya bangsa Melayu memainkan peranan yang lebih bermakna dalam pembangunan ekonomi negara.

Dengan memilih Tengku Razaleigh yang sentiasa waspada dan cukup lincah itu, kerajaan bolehlah bergantung harapan kepada seorang nasionalis yang cekap dan dedikasi untuk melaksanakan DEB dengan jayanya seperti dibuktikan oleh kejayaan PERNAS di bidang perdagangan negara. PERNAS terus mencapai kejayaan demi kejayaan.

dengan demikian, dapat memainkan peranan yang penting dalam sejarah perkembangan ekonomi negara.

## Bab 14

Rombongan ke Jepun, Korea, Soviet Union, Yugoslavia dan Rumania pada tahun 1972 untuk menggalakkan perdagangan dua hala dengan negara-negara tersebut telah menambahkan lagi beban domestik yang ditanggung oleh Tengku Razaleigh iaitu meluaskan kegiatan PERNAS dan Bank Bumiputra yang sudah pun menjadi tanggungjawab beliau sepenuhnya.

Di bidang politik juga beliau menjalankan tugas tertentu bagi pihak UMNO dalam tahun itu yang menyaksikan penubuhan Barisan Nasional dan kembalinya Dr. Mahathir Mohamad dari buangan politik. Tun Razak, yang sentiasa bersikap pragmatik, telah sedar sejak 1972 lagi bahawa banyak usaha yang sepatutnya ditumpukan ke arah pelaksanaan DEB telah terbuang begitu saja oleh perselisihan dalam parti, dalam Perikatan dan di kalangan lain-lain parti moderat yang terpaksa menyandang peranan pihak pembangkang, semata-mata kerana parti-parti itu bukan ahli Perikatan. PAS terutamanya terus menyangkal hak UMNO mewakili orang Melayu, sementara parti-parti bukan Melayu yang lain nampaknya nekad hendak menghalang kejayaan DEB.

Walaupun terdapat bantahan yang kuat dari dalam Perikatan — yang juga mempunyai ahli-ahli yang keras kepala atau dipanggil ultra, Tun Razak meneruskan juga rancangannya untuk membentuk Barisan Nasional — BN, yang cuba meliputi seberapa banyak unsur kepentingan politik dan kaum ke dalamnya.

Setelah berjaya dengan Gerakan di Pulau Pinang, Tun Razak membuat perjanjian yang sama dengan PPP di Perak. Di sini parti yang berasaskan kaum Cina itu telah dibawa

berkongsi kuasa memerintah negeri itu.

Pada Mei 1972, sebelum Perhimpunan Agung UMNO diadakan, Tun Razak membuka pintu rundingan dengan PAS. Tidak siapa pun mengharapkan, apatah lagi Tun Razak bahawa perjanjian boleh dicapai tanpa pengorbanan — bahkan pengorbanan terpaksa dibuat sebelum perjanjian dapat ditandatangani. Pemimpin UMNO di Kelantan, terutamanya Tengku Razaleigh merasa cemas terhadap pakatan dengan musuh politik mereka itu. Tetapi Tun Razak menunjukkan kepintaran, kebijaksanaan dan ketabahan beliau dalam tindak-tanduk politik ini untuk menarik para pemimpin PAS tanpa membahayakan kepentingan UMNO, terutamanya di Kelantan.

Ramai pemimpin UMNO di Kelantan tidak suka dengan perdamaian secara paksa ini dan jenuh jugalah memujuk mereka sebelum mereka setuju menerima PAS sebagai anggota Barisan Nasional yang dicadangkan itu. Tengku Razaleigh telah memainkan peranan penting dalam merundingkan syarat-syarat kerajaan campuran itu, dalam bidang tugasnya sebagai Ketua UMNO Kelantan serta Ketua Pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri. Beliau mengenang kembali kekecewaan para pemimpin UMNO peringkat bahagian dan cawangan ketika pakatan itu mula dicadangkan.

Setelah berusaha begitu lama untuk mengalahkan PAS, alangkah pahitnya disuruh bersekutu pula dengan mereka. Keadaan ketika itu menunjukkan sokongan terhadap PAS sudah mula merosot dan kami terus mengganyang. Kami kira, kami boleh berkuasa kembali dalam tahun 1974.

Dalam mesyuarat Dewan Undangan Negeri, Tengku Razaleigh mendesak kerajaan PAS yang diketuai oleh Datuk Haji Mohamed Asri supaya menerima bantuan dari Kerajaan Pusat untuk mengurangkan penderitaan hidup rakyat Kelantan. Beliau berkata:

PAS tidak keberatan menerima bantuan tetapi kami adakan syarat-syarat yang mereka mesti patuhi. Mereka enggan, kerana mereka mahu membuat hanya perkara yang boleh



memperkuh lagi kedudukan mereka. Ini saya tolak. Tetapi saya pastikan dahulu yang rakyat sudah cukup faham bahawa Kuala Lumpur ada menawarkan segala bantuan yang diperlukan tetapi mereka tidak dapat menikmati ini semua kerana kedegilan PAS semata-mata.

Tengku Razaleigh memang tidak setuju terpaksa bekerjasama dengan PAS dalam kerajaan campuran. Beliau lebih suka bertarung dengan mereka dalam Pilihanraya 1974. Tetapi diterimanya juga, demi kepentingan perpaduan Melayu, walaupun ini melibatkan pengorbanan. "Tun dan lain-lain pemimpin cukup sedar bahawa persengketaan antara kaum adalah sia-sia belaka dan akibatnya buruk sekiranya kaum Melayu terus berpecah dalam politik."

Oleh itu, atas dasar program kerjasama yang sama-sama telah dipersetujui oleh pemimpin PAS dan UMNO, maka sebuah Jawatankuasa penyelarasan telah dibentuk untuk mengasaskan kerajaan campuran yang dicadangkan itu. Pada 1hb. Januari 1973, wujudlah kerajaan campuran Perikatan-PAS untuk mentadbir Kelantan. Tidak lama kemudiannya, Datuk Asri menyertai Kabinet sebagai Menteri Pembangunan Tanah dan Tugas-tugas Khas. Setahun kemudian, PAS bertanding dalam Pilihanraya 1974 di bawah panji-panji Barisan Nasional. Ketika pakatan damai itu termeterai dalam tahun 1973 tidak ramai yang yakin ia akan kekal. Empat tahun kemudian, bubarlah pakatan itu. Tibalah akhirnya peluang bagi Tengku Razaleigh, maka tumbanglah kuasa PAS di Kelantan.

Sementara Tun Razak giat berusaha untuk memenuhi cita-citanya bagi Barisan Nasional, UMNO mengadakan Perhimpunan Agungnya pada Jun 1973. Mesyuarat tahunan yang dianggap paling penting sejak 1969 itu telah menarik perhatian ramai, terutamanya berkenaan pencalonan jawatan penting dalam Majlis Tertinggi. (Di perhimpunan ini, keputusan telah diambil untuk memilih ahli-ahli Majlis setiap tiga tahun sekali, tidak lagi setiap tahun seperti yang lazim dibuat. Tempoh perjawatan yang lebih lama ini dianggap dapat menghalang pemimpin muda daripada berlumba-

lumba merebut kuasa dalam parti. Ia juga membolehkan ahli-ahli Majlis tempoh yang munasabah untuk menunaikan tanggungjawab mereka. Menjelaskan tanggungjawab setiap tahun adalah dianggap tidak bermanfaat dan tidak perlu).

Pada April 1972, Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir kedua-duanya dicalonkan untuk jawatan Ketua Pemuda UMNO yang dipegang oleh Dato' Harun Idris. Mereka menarik diri, atas sebab-sebab yang berbeza. Telah menjadi pengetahuan umum bahawa Tengku Razaleigh amat mesra dengan Dr. Mahathir dan Dato' Harun Idris walaupun tidak semestinya bersetuju dengan pendapat mereka yang radikal. (Namun, sokongan beliau secara diam-diam terhadap hak mereka mengeluarkan pendapat di depan ahli-ahli UMNO telah menyebabkan Tunku Abdul Rahman mencurigai beliau buat seketika. Tun Hussein Onn juga kemudiannya mempunyai pandangan yang sama terhadap Tengku Razaleigh).

Dr. Mahathir (yang telah diterima kembali ke dalam parti) telah menggamatkan suasana apabila nama beliau diumumkan sebagai calon naib presiden. Bagi mereka yang masih ingat akan kritikan beliau terhadap bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman dan membaca pendapat beliau dalam terbitan kontrovesinya *The Malay Dilemma* agak terkejut betapa cepatnya doktor dari Kedah itu kembali aktif dalam politik. Tetapi beliau tidak kekurangan penyokong (sungguhpun tidak cukup pada tahun 1972). Tengku Razaleigh sendiri merasakan bahawa:

Dr. Mahathir berhak seperti mana-mana pemimpin UMNO pun mempunyai pendapat sendiri dan beliau tidak patut dihalang daripada menyuarakan pendapatnya dalam perhimpunan. Ini adalah hak asasi. Dan UMNO sebagai pertubuhan demokratik harus mempertahankan prinsip ini.

Seramai lima belas pemimpin UMNO telah dicalonkan untuk merebut tiga jawatan naib presiden di Perhimpunan UMNO. Tengku Razaleigh adalah di antaranya dan dipercayai akan memenangi salah satu dari tiga kerusi itu. Tetapi beliau telah menarik diri atas arahan Tun Razak yang mahukan

beliau memegang jawatan Bendahari parti iaitu jawatan yang dipegang oleh beliau sehingga 1984. Di antara calon-calon lain yang menarik diri termasuklah Dato' Musa Hitam, yang ketika itu menjadi Pengerusi FELDA.

Dalam rebutan yang tinggal empat penjurong itu, Dr. Mahathir telah dikalahkan oleh Ghafar Baba, Tan Sri Sardon Jubir dan Tun Hussein Onn. Dr. Mahathir bagaimanapun telah memenangi kerusi dalam Majlis Tertinggi (dahulunya Jawatankuasa Eksekutif Pusat). Tengku Razaleigh berjaya mempertahankan kerusinya dengan mudah dengan undi 468, kira-kira tiga puluh undi kurang dari yang diperolehi oleh Dr. Mahathir, tetapi melebihi dua puluh undi Dato' Musa Hitam yang juga menang.

Sejurus sebelum Perhimpunan UMNO, Tengku Razaleigh selaku Presiden Dewan Perniagaan Melayu Bersekutu menyarankan satu skim yang kontroversial untuk mengenakan cukai ke atas kapal yang menggunakan Selat Melaka. Saranan yang berani itu telah mengejutkan pemimpin-pemimpin di kawasan itu, apatah lagi komuniti perkapalan antarabangsa yang terperanjat besar. Cadangan Tengku Razaleigh itu ialah supaya Selat Melaka dijadikan "apa yang saya istilahkan sebagai Terusan Suez kawasan Asia Tenggara" dan juga supaya suatu lembaga pentadbiran diwujudkan.

Beliau menerangkan sebab-sebab yang utama begini:

Kapal tangki minyak menyebabkan Selat Melaka kurang selamat untuk pelayaran. Pencemaran laut yang disebabkan oleh tangki-tangki ini membahayakan perikanan dan lain-lain sumber laut di kawasan itu. Cukai yang dikutip akan digunakan untuk menambahkan keselamatan Selat dan juga sebagai sebahagian pampasan kepada kita kerana menanggung akibat pencemaran laut.

Mereka yang dahulunya tergamam mendengar cadangan yang mendesak ini, sekarang mengerti maksudnya. Cukai itu, sekiranya dipersetujui, akan menolong meringankan kesan-kesan pelarasan matawang (tahun 1972) ke atas pendapatan

eksport dan diharapkan dapat menggalakkan sektor swasta mempercepat perkembangan perindustrian. Ini juga diharap akan dapat mencegah langkah-langkah Persidangan Penambang yang menghalang pembangunan perkapalan kebangsaan Malaysia.

Bagi para pemerhati, kenyataan seperti ini memperkuat anggapan bahawa Tengku Razaleigh digalakkan oleh kerajaan — terutamanya Tun Razak — untuk meluaskan pengaruh Malaysia di rantau ini, di saat negara perlu memperhebatkan imej antarabangnya memandangkan perubahan ekonomi begitu radikal yang sedang dilaksanakan. Ini juga bererti beliau sedang dilatih untuk memainkan peranan yang lebih besar di masa depan, termasuk menjadi Perdana Menteri.

Beliau hanya membisu mengenai hal ini:

Wallahualam. Bagi saya apa yang penting adalah tugas-tugas saya untuk membangunkan PERNAS, menguatkan Bank Bumiputra dan menjalankan apa saja yang dikehendaki oleh Tun untuk mempercepat pembangunan negara. Saya cuma menjalankan tugas.

## Bab 15

Mereka yang tidak mengetahui tentang khidmat cemerlang Tengku Razaleigh untuk negaranya, mungkin sekali menganggap beliau sebagai 'ahli bank'. Fiil kebangsawanan-nya, kesegakan pakaiannya dan gayanya bertutur dengan lembut, teratur dan tegas seperti seorang pembesar itu, banyak membuat orang menyangka beliau seorang ahli bank.

Sesungguhnya, di antara berbagai kebolehan beliau, hal-hwal kewangan adalah keandalannya — yang memang diakui di kalangan bank antarabangsa. Hal ini nyata sekali terbukti semasa beliau memegang jawatan Pengerusi dan Pengarah Urusan Bank Bumiputra dan kemudian semasa beliau menjadi Menteri Kewangan selama lapan tahun. Kalaulah tidak disebabkan oleh pujukan Tun Razak yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada bulan Ogos 1971, haruslah Tengku Razaleigh jadi pengurus bank perdagangan — bukan bank kepunyaan kerajaan. Dan tidaklah beliau menjadi Menteri Kewangan.

Tetapi sebenarnya, Bank Bumiputra Malaysia Bhd. telah ditubuhkan enam tahun terlebih dahulu dan Tengku Razaleigh menjadi Pengarah Eksekutifnya yang pertama. "Tetapi sebenarnya itu kerja sambilan. Ketika itu tugas utama saya ialah untuk merebut balik Kelantan (dari PAS) dan saya tidak dapat memberi masa lebih dari dua atau tiga hari seminggu untuk menolong Raslan menguruskan bank." Bagaimanapun beliau sentiasa mengikuti perkembangan bank itu dan dibawa berunding mengenai keputusan-keputusan penting. Bank Bumiputra telah ditubuhkan 'ekoran' dari resolusi yang dicapai dalam Kongres Ekonomi Bumiputera

bulan Ogos 1965. Satu kesimpulan penting dalam Kongres itu menunjukkan bahawa salah satu sebab ekonomi negara sampai begitu tidak seimbang ialah kekurangan modal di kalangan penduduk luar bandar, terutamanya orang Melayu. Pola perniagaan dan urusan bank yang diwarisi dari zaman Penjajah itu tidak memudahkan penyertaan rakyat luar bandar ke bidang-bidang yang lebih besar dan penting dalam pertumbuhan ekonomi negara. Untuk memperbetul keadaan tidak seimbang ini Kongres berpendapat bahawa satu kajian semula dasar bank perdagangan perlu diadakan dan mendesak supaya sebuah bank perdagangan diwujudkan untuk membantu Bumiputera di kawasan luar bandar dengan kemudahan modal.

Dengan modal dibenarkan sebanyak \$20 juta, Bank Bumiputra telah memulakan operasi dengan \$5 juta modal terbayar pada September 1965. Matlamatnya telah disusun dengan jelas dan penekanan khusus ditujukan kepada memberi bantuan "dalam menubuh, memperkembang dan memodenkan perusahaan yang dikendalikan oleh Bumiputera." Bank itu telah diberikan hak istimewa untuk menerima tanah kawasan rizab Melayu sebagai kolateral untuk pinjaman dan pendahuluan. Selain dari penekanan khusus terhadap bantuan kepada Bumiputera, bank itu juga diarahkan berfungsi sebagai sebuah bank perdagangan dan menjalankan perniagaan "tanpa diskriminasi terhadap mana-mana kaum."

Tengku Razaleigh terkenal bagaimana bank itu bermula dengan serba-serbi kekurangan, bagaimana susahnya mencari kakitangan yang layak dilatih menjadi pegawai bank. "Masa itu tidak ada orang Melayu yang ahli dalam urusan bank dan jarang sekali yang menyimpan wang dalam bank, kecuali segelintir dari kelas pertengahan." (Beliau menolong merekabentuk logo bank itu [begitu juga logo PERNAS, PETRONAS dan ASN] dan juga dalam memilih rekabentuk ibu pejabat Bank Bumiputra di Jalan Melaka).

Berkat ketekunan pihak pengurusan, terutama pegawai Cinanya maka dapatlah bank itu berkembang setapak demi

setapak dan apabila Tengku Razaleigh dilantik mengetuainya sepenuh masa, bank itu sudah pun "sedia bergerak menjadi sebuah institusi bank yang besar." Dengan adanya beliau di teraju pengurusan, Bank Bumiputra pun mulalah mengambil langkah ke arah pertumbuhan yang dinamik. Apabila beliau meninggalkannya untuk menjadi Menteri Kewangan enam tahun kemudian, ia telah menjadi bank perdagangan tempatan yang terkemuka di negara ini.

Beliau juga terkenang bagaimana hatinya berbelah bagi apabila Tun Razak mencadangkan supaya beliau mengambil alih teraju eksekutif bank itu pada Oktober 1970. (Tanggungjawabnya ditambah lagi beberapa minggu selepas itu — Perdana Menteri memutuskan supaya beliau juga mengambil alih jawatan Pengerusi PERNAS). Beberapa hari selepas kematian Encik Raslan bin Dato' Abdullah, Tun Razak memanggil Tengku Razaleigh. Beliau dijemput mengiringi Perdana Menteri pulang untuk makan tengah hari:

Dalam perjalanan itu beliau mencadangkan supaya saya menguruskan bank sepenuh masa. Saya teragak-agak sedikit dan menyebut tentang tugas-tugas politik saya di Kelantan dan mencadangkan beberapa calon yang lebih berkelayakan. Tun tidak mahu saya menolak. Beliau kira hal-ehwal Kelantan boleh diuruskan pada hujung minggu. Beliau mengingatkan, saya telah menjadi Pengarah Urusan bank itu sejak ia ditubuhkan dan adalah menjadi kewajipan kebangsaan saya menerima jawatan itu. Saya minta diberi masa untuk menimbangkannya. Beliau pun bersetuju, walaupun beliau memang tahu saya tidak akan menghampakannya.

Para sahabat dan rakan sekerja mendesak beliau menerimanya dan dalam satu mesyuarat tergepar lembaga, rakan-rakan sepengarahnya menyokong kuat perlantikan beliau itu. Apa yang tidak disedari oleh Tun Razak ialah beberapa bulan terdahulu dari ini Tengku Razaleigh berniat hendak meletakkan jawatannya sebagai Pengarah Urusan Bank Bumiputra. Perkara ini ada berkait dengan percantuman dan penyusunan semula ekuiti tiga buah bank India di Malaysia akibat dari langkah nasionalisasi terhadap ketiga-

tiganya di India oleh kerajaan Puan Indira Gandhi.

Untuk mematuhi peraturan bank di Malaysia, bank kepunyaan kerajaan seperti itu tidak dibenarkan memiliki lebih dari satu pertiga jumlah ekuiti tempatan. Tengku Razaleigh telah diminta oleh Indian Overseas Bank Ltd. — di mana beliau pernah berkhidmat seketika dalam tahun 1962 — untuk membeli ekuiti bank percantuman itu (yang bertukar nama kepada United Asian Bank Bhd. [UAB]) serta mengetuai operasinya sekali:

Saya agak tertarik kerana saya boleh mempunyai kepentingan yang bermakna dalam bank itu dan juga mengurus bank itu. Macam mengurus bank sendiri dan kerana baru berusia 33 tahun saya dapat membayangkan diri saya insya-Allah sebagai banker yang berjaya dan mempunyai pula kedudukan yang sesuai untuk memberi pertolongan kepada bangsa saya.

Walaupun beliau akhirnya mengambil alih Bank Bumiputra, saham UAB yang ditawarkan itu dibelinya juga, tetapi kemudian melepaskannya untuk dikendalikan secara amanah. Tugasnya di Bank Bumiputra amat banyak tetapi kehandalannya memikul tanggungjawab terbukti kemudiannya dengan pertumbuhan bank itu. Walau bagaimanapun beliau memerlukan sokongan dan ini sedia diperolehinya dari para pemimpin politik. "Mereka sedar, oleh kerana bank itu melambangkan aspirasi Bumiputera, ia mesti dijayakan. Bank itu baru mulai tumbuh, baru melangkah mengambil tempatnya di kalangan institusi-institusi besar dalam negeri dan kami berazam menjayakannya. Tun Dr. Ismail (ketika itu Timbalan Perdana Menteri) terutamanya merupakan tiang seri perjuangan kami dan saya sentiasa boleh mendapatkan nasihat daripadanya."

Gaya Tengku Razaleigh menukar sikap membatalkan cita-cita hendak memasuki UAB dan bersetuju menerima tawaran dari Tun Razak itu jelas menunjukkan bahawa pada tahun 1971, walaupun popularitinya semakin meningkat beliau tidak mempunyai rancangan untuk berkhidmat dalam kerajaan sebagai menteri. Ini disahkannya bahawa:



Rancangan saya sendiri ialah untuk memastikan kejayaan kempen di Kelantan. Menjelang tahun 1970, saya sudah pun merasa yakin bahawa kami telah berjaya mendapatkan sokongan yang cukup untuk mengambil alih pentadbiran negeri itu dalam pilihanraya akan datang. Kalau kami menang, selesailah tugas saya — dan tertunailah janji lama saya kepada Tunku dan Tun. Lepas itu saya akan mencari nafkah dalam bidang perniagaan bank atau bidang yang berkaitan.

Di Bank Bumiputrah Tengku Razaleigh mula berhubung rapat dengan bakal Perdana Menteri, Dr. Mahathir. Pada tahun 1971, tidak ramai dalam UMNO, apatah lagi di kalangan bukan Melayu, yang percaya atau mahukan Dr. Mahathir jadi Perdana Menteri kerana mereka anggap beliau ultra. Menurut Tengku Razaleigh:

Dr. kerap kali datang ke Bank Bumiputra selepas tahun 1969. Selain daripada melawat pejabat Tengku Abdullah (dari Negeri Sembilan dan kini Pengerusi MBf Holdings Bhd. dan Kumpulan Melawar) tidak banyak tempat lain yang dikunjunginya untuk berbual-bual. Malangnya tidak ramai yang suka melayan beliau selepas pengusirannya, tetapi beliau tahu kedatangannya tetap disambut baik di bank.

Rupa-rupanya Bahagian Cawangan Khas yang sentiasa memerhatikan pergerakan beliau ini telah membuat laporan mengenai setiap lawatan:

Saya tidak kisah. Tetapi Tunku fikir saya pro-Mahathir. Memang benar, dalam erti kata saya percaya beliau berhak memberikan pendapatnya. Saya juga merasa bahawa saya jangan dilibatkan dengan mereka yang memulaukan beliau. Saya sungguh kasihan kepadanya kerana beliau adalah seorang nasionalis di tengah-tengah keributan politik 13hb. Mei dan berani pula meluahkan segala perasaan dan pendapatnya terhadap peristiwa itu.

Lagipun, Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir sama-sama terlibat dalam pergerakan Afro-Asia atas arahan Tun Razak. Dr. Mahathir juga Pengerusi Dewan Perniagaan Melayu cawangan Kedah dan Tengku Razaleigh Presiden Dewan itu di peringkat kebangsaan. Oleh itu mereka berdua mempunyai

kepentingan bersama di bidang bukan politik.

Tengku Razaleigh memang "lebih pro-Tunku daripada Mahathir atau orang-orang lain," tetapi simpatinya terhadap Dr. Mahathir nampaknya tidak menyenangkan Tunku:

Pada Februari berikutnya Tunku merayakan hari lahirnya. Seperti biasa, saya kunjungilah beliau untuk mengucapkan tahniah tetapi terperanjat saya apabila beliau berkata, "Oh, datang juga ya." Saya tercengang mendengar kata-kata beliau. Saya biarkan saja begitu tetapi saya rasakan kemarahannya itu berkalt dengan perhubungan saya dengan Dr.

Tidak lama kemudian, dilancarkanlah kempen untuk memulihkan kehormatan Tunku yang telah merosot, walaupun ketika itu yang mentadbir negara ialah Tun Razak dan Majlis Gerakan Negara. Datanglah perwakilan menemui Tengku Razaleigh di Kota Bharu:

Saya ditanya mengapa saya tidak suka Tunku. Saya terpegun. Tunkulah yang mendidik saya berpolitik dalam UMNO. Mereka mahu saya menerangkan perkaitan saya dengan Mahathir. Saya menjelaskan bahawa beliau sahabat saya tetapi saya tidak sependapat dengannya tentang isi suratnya yang mengkritik kepimpinan Tunku selepas 13hb. Mei. Tetapi saya rasa beliau berhak memberi pendapat, walaupun saya rasa surat itu tidak patut disebar kepada umum.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh menentang segala usaha Pemuda UMNO untuk memaksa Tunku Abdul Rahman meletakkan jawatan. "Saya tetap tidak mahu terlibat dengan mereka dan saya percaya Tunku akhirnya sedar bahawa saya tetap setia kepada beliau dan juga kepada penggantinya, Tun Razak." Tengku Razaleigh masih lagi menyanjung tinggi negarawan yang terhormat itu dan menganggapnya sebagai "patriot Melayu yang teragung di abad ini."

## Bab 16

PERNAS telah dapat berdikari dalam tahun 1973 dan sejak itu terus memperkukuh kedudukannya dalam gelanggang perniagaan Malaysia, adakalanya terbabit dalam perbalahan. Tetapi ini tidak merosakkan imejnya, malahan ada di antara persaingan lebih hebat yang diperjuangkannya itu berhasil meningkatkan lagi reputasinya sebagai syarikat yang berpengaruh. (Bahkan dalam Parlimen Malaysia sekalipun, setiap kali kaitannya dengan kerajaan dikritik, ia terselamat, kerana pengkritiknya tidak boleh menang dengan cuba mengungkit-ungkit 'kedudukan istimewa' PERNAS).

Sungguhpun begitu, tugas Tengku Razaleigh bertambah rumit. Cukup susah hendak mendapatkan bantuan wang kerajaan atas kadar faedah yang kecil. Di samping itu terpaksa pula berhati-hati memilih dan mengenalpasti projek-projek usahasama yang berkemungkinan membawa untung dan memperkembang perniagaan. Satu lagi penghalang besar ialah sikap peniaga-peniaga besar yang menganggap perkembangan PERNAS sebagai bahaya. Kata beliau:

Kami faham kenapa mereka menaruh dendam, terutama peniaga yang merasa penyertaan kami akan merampas peluang-peluang perniagaan mereka yang tertentu. Oleh itu saya bertindak menghilangkan kebimbangan ini secara positif.

Setelah dilantik sebagai Presiden Persatuan Dewan Perniagaan Melayu, beliau mempengaruhi penyusunan semula kumpulan kebangsaan Dewan itu dan juga dipilih menjadi Presiden Dewan Perniagaan dan Perdagangan Kebangsaan:

Melalui hubungan dengan pemimpin-pemimpin Dewan Cina

dan India dapatlah saya menerangkan maksud PERNAS ditubuhkan. Lama-kelamaan mereka pun bersetuju bahawa demi kepentingan negara PERNAS perlu dibiarkan mencapai matlamatnya. Saya terangkan secara peribadi mengapa saya terpaksa melaksanakan dasar-dasar tertentu atas arahan kerajaan dan akhirnya kebanyakan mereka bersetuju, ini adalah satu hal yang tidak lagi dapat dielakkan. Namun, terdapat juga tentangan apabila PERNAS cuba memperluas perdagangan dari negara China. Itu adalah dasar kerajaan — bukan dasar saya ataupun dasar PERNAS — dan walaupun dasar ini tidak berjaya sepenuhnya, kegelisahan terdapat juga di kalangan pedagang-pedagang Cina. Saya menerima surat-surat ugut dan juga peluru melalui pos. Apa yang mereka tidak faham ialah bahawa PERNAS bukannya hendak membolot perdagangan China. Kerajaan hanya hendak menukar saluran perdagangan dan telah membuat ketetapan dasar untuk menggalakkan perdagangan secara langsung. Hanya apabila pedagang-pedagang Cina Malaysia menyedari bahawa mereka bukanlah sasaran dasar maka mereka berhenti dari perasaan bermusuhan.

Sentiasa bersikap diplomat, Tengku Razaleigh menjalin hubungan rapat dengan peniaga-peniaga yang terkemuka di dalam negara dan juga di luar negara, sehinggakan pada pertengahan 1973 “kami dibanjiri oleh peniaga-peniaga tempatan dan juga kumpulan-kumpulan asing, supaya berurusan niaga dengan mereka.” Ini sangat membanggakan dan menggalakkan tetapi yang tidak mereka ketahui ialah PERNAS tidaklah sekaya yang mereka sangkakan.

Kedudukan perniagaannya yang amat nyata di Kuala Lumpur mungkin menambahkan lagi anggapan salah mereka bahawa syarikat ini mudah mendapat bantuan kewangan dari kerajaan. Pada Julai 1973, Hotel Hilton di Kuala Lumpur dibuka — peristiwa yang menandakan bermulanya industri pelancongan di Malaysia. PERNAS Securities mempunyai 52% saham (kemudian ditambah) dan kerana ia merupakan hotel lima bintang yang terbesar di dalam negara (sehinggalah beberapa tahun yang lalu) maka pelaburan PERNAS dalam Hilton terbukti sangat menguntungkan.

PERNAS bertuah kerana ia sebuah syarikat swasta yang

mendapat perlindungan dari kerajaan bila sahaja ia memerlukan bantuan:

PERNAS tidak boleh gagal — dan kerajaan terpaksa berikhtiar sedaya upaya untuk menjamin syarikat itu terus berkembang. Harus disedari bahawa syarikat kami masih mentah, dikendalikan bukan oleh tokoh-tokoh industri yang sudah matang tetapi oleh pengurus-pengurus yang kebanyakannya muda-muda belaka dan tidak berpengalaman. Kerajaan pula tidaklah semurah itu tentang memberikan bantuan kewangannya seperti yang disangka umum.

Untuk membolehkan syarikat itu berkembang selepas 1972, Tengku Razaleigh berterus-terang kepada Tun Razak bahawa syarikat memerlukan perbelanjaan yang banyak supaya PERNAS berkesan di mata rakyat dan bertambah harum di mata dunia. "Ini tidak dapat kami lakukan dengan asas permodalan yang kecil." PERNAS terpaksa bergantung kepada pinjaman dari kerajaan. Meminjam dari pihak swasta dengan kadar faedahnya akan membebankan syarikat dengan bayaran hutang yang banyak. "Saya tidak berjanji kepada Tun yang PERNAS boleh untung dalam masa satu atau dua tahun — kebanyakan projek berkehendakkan penyetaraan yang lebih lama — tapi untuk menjadikan PERNAS sebuah institusi yang kuat kita memerlukan bantuan wang yang banyak." Syarikat telah diberikan pinjaman tambahan sebanyak \$100 juta lagi untuk dibayar balik dalam 15 ansuran selepas Jun 1987. (Walaupun bagaimanapun pada tahun 1975 Parlimen membenarkan kerajaan menukar pinjaman ini menjadi ekuiti).

Bagi Tengku Razaleigh, penambahan permodalan yang begitu banyak kepada PERNAS, selain daripada memudahkan masalah kewangan syarikat, juga bererti membantu memperkuat semangat masyarakat peniaga Bumiputera. Tujuannya ialah supaya peniaga-peniaga kecil Melayu tradisional boleh mengambil teladan dari sebuah syarikat gergasi kepunyaan Melayu dan mendapat pandangan baru mengenai pengurusan perniagaan secara moden, baik dari segi isi

ataupun stail. "Untuk mewujudkan keyakinan pada diri sendiri dan kepada masyarakat seluruhnya maka adalah penting PERNAS dibina di atas asas kewangan yang kukuh dan kelihatan pula kuat dan berkesan." Beginilah PERNAS berkembang, meluaskan asas perniagaannya melalui projek-projek usahasama dan juga perusahaan-perusahaannya sendiri sehingga meletakkannya dalam golongan perniagaan yang terbesar di Malaysia. (Kejayaannya di peringkat permulaan begitu hebat sehinggakan syarikat minyak kepunyaan kerajaan Indonesia, PERTAMINA, tergerak mengkaji struktur perniagaan PERNAS dengan tujuan meneladaninya dalam aktiviti yang tidak berkaitan dengan minyak).

Cara pertumbuhannya menunjukkan satu perkembangan yang hebat dari segi besarnya dan jenis pencapaian terutama sekali pada tahun 1974. Di antara 1972-1974, syarikat-syarikat subsidiarinya yang banyak itu terlibat dalam berbagai aktiviti perdagangan yang membolehkan ribuan Bumiputera menceburkan diri dalam perniagaan buat pertama kalinya.

Untuk meluaskan lagi bidang penglibatan, *Memorandum of Association* PERNAS setebal 51 perenggan itu meliputi kesemua jenis perniagaan. Tetapi tidak semua diamalkan dan perniagaan subsidiari-subsidiarinya tertumpu kepada bidang-bidang perkilangan, perdagangan, import dan eksport, insurans, pembinaan dan pemajuan harta tanah. Aktiviti dan prestasi setengah daripada syarikat subsidiarinya yang lebih aktif itu berfaedah juga diceritakan di sini.

Subsidiarinya yang pertama kepunyaannya sendiri ialah Insurans Kebangsaan Malaysia Sdn. Bhd. (MNI). Kemajuannya amat cepat, menggondol kebanyakan polisi nyawa di kalangan peniaga-peniaga kecil dan menjual skim perlindungan gadai janji rumah yang ditujukan kepada pegawai-pegawai kerajaan. Kemudian ia bercabang ke bidang insurans am, merebut akaun niaga yang besar-besar seperti Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (*Malaysian International Shipping Corporation* [MISC]). Tetapi keuntungan hanya dapat dicapai

pada tahun 1979 apabila MNI melaporkan pendapatan kasar sebelum dicukai sebanyak \$2 juta. Kemudian ia berkembang pula kepada lapangan *reinsurance* melalui satu syarikat *associate* yang ada hubungan dengan sepuluh lagi syarikat-syarikat tempatan untuk bersaing dengan 90 syarikat kepunyaan bangsa asing yang beroperasi di negara ini.

Sebuah lagi subsidiari yang dipunyai sepenuhnya ialah Pembinaan Pernas (Pernas *Construction* [PERCON]), pada mulanya bertujuan untuk menubuhkan kumpulan seramai 200 kontraktor Melayu di setiap negeri. Dari permulaan yang sederhana PERCON kemudiannya berjaya mendapat kontrak bernilai hingga \$60 juta dengan sendirinya dan kontrak yang lebih besar melalui usahasama, termasuklah pembinaan lebuh raya di sekitar Kuala Lumpur. Tujuan utama Pernas Trading ditubuhkan ialah untuk bertapak kukuh dalam bidang-bidang perdagangan pengedaran yang dikuasai oleh syarikat-syarikat asing. Dalam tempoh beberapa tahun berjajalah ia menguasai sebahagian besar dari perdagangan dalam negeri, sementara di luar negeri ia menubuhkan perhubungan terus dengan syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan yang mengendalikan perniagaan di antara kerajaan dengan kerajaan. Beberapa usahasama yang penting, termasuklah Pernas-Sime Darby dan Pernas-MISC, dapat membantu menguatkan lagi taraf yang baru diperolehinya sebagai sebuah perbadanan perdagangan yang meliputi seluruh negara. Pernas Trading kemudiannya muncul sebagai salah satu daripada syarikat subsidiari kepunyaan PERNAS yang lebih berjaya dari segi kewangan. Pada tahun 1976, dari hasil jualan bernilai \$80 juta, ia berjaya mendapat keuntungan \$2 juta sebelum ditolak cukai. Dua tahun kemudian apabila keuntungan meningkat \$3.5 juta, ia menjadi subsidiari PERNAS yang pertama membayar dividen 5%.

Pernas Securities, yang sudah pun mempunyai 20 syarikat sekutu ketika ia menjadi berita hangat di dalam dan luar negeri di pertengahan tahun 1970-an adalah yang terbesar di antara subsidiari-subsidiari PERNAS dari segi permodalannya. Tertubuh dalam tahun 1971 dengan modal

dibayar \$15 juta, ia menjadi yang paling menguntungkan di antara lapan subsidiari utama yang ditubuhkan bagi mempelopori kemasukan PERNAS ke dalam arus perniagaan besar Malaysia. Tetapi kejayaan strategi memiliki saham dan usahasama ini tidak sehebat yang dilakukan ke atas Syarikat London Tin dan Syarikat Tradewinds pada tahun-tahun 1975-1976. Percubaan menguasai syarikat yang terkenal itu — syarikat perlombongan timah yang terbesar di dunia — sudah tentu ada kaitannya dengan percubaan menguasai Syarikat Haw Par Brothers International. Bagaimanapun, percubaan ini telah dihalang oleh kerajaan Singapura yang tetap berpendirian bahawa kepentingan golongan pemegang saham minoriti dalam syarikat yang dikuasai oleh Syarikat Slater-Walker ketika itu akan terjejas. Namun begitu, matlamat jangka panjang PERNAS tercapai jua walaupun ia gagal menguasai Haw Par.

Walaupun PERNAS, Bank Bumiputra dan Urban Development Authority (UDA) berusaha keras untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru, tetapi nyatalah tidak banyak badan perniagaan lain yang berusaha bersungguh-sungguh melaksanakan DEB. Tengku Razaleigh selaku Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Malaysia telah memutuskan bicara akan menimbulkan perkara ini secara berterus-terang dalam suatu persidangan dalam bulan Oktober 1973. Dalam ucapannya, beliau membidas dasar *tokenism* atau sikap berpura-pura di kalangan ahli perniagaan. Sungguhpun sektor awam telah berjaya mencapai 90% dari matlamatnya pada peringkat pertengahan Rancangan Malaysia kedua (*Second Malaysia Plan* [SMP]), "bukanlah rahsia lagi bahawa kerajaan memandang sambutan dan prestasi sektor swasta adalah mengecewakan apabila dibandingkan dengan kemajuan dalam sektor awam." Buktinya banyak, katanya, yang menunjukkan sektor swasta tidak giat mematuhi kehendak DEB:

Kami dapati syarikat-syarikat swasta main kayu tiga. Mereka memberi alasan kononnya susah mencari Bumiputera yang



sesuai untuk jawatan pengurus peringkat pertengahan atau atas sedikit. Tak layaklah, tak sesuailah, tak berpengalamanlah, kononnya. Tetapi banyak pegawai asing yang tidak sesuai, tidak berpengalaman (dari segi memahami keadaan dan bahasa setempat dan sebagainya) dibawa ke negeri ini untuk memegang jawatan yang dikatakan tidak layak bagi orang tempatan. Jadi, mereka main *tokenism*. Letakkan seorang Bumiputera di jabatan ini, seorang lagi di jabatan itu, jangan tinggi sangat, jangan banyak sangat tanggungjawab, tapi jangan sedikit sangat. Asalkan ada tanda mereka mematuhi kehendak DEB. Dengan helah ini bolehlah Pengarah Urusan berlagak dalam majlis-majlis *cocktails* membisikkan ke telinga pihak-pihak yang tertentu yang syarikatnya sudah ada Pengurus Bumiputera. Tetapi akasnya pun ada. Ada pemuda Bumiputera yang cita-citanya melebihi kebolehannya, ada yang berpuas hati saja untuk dijadikan alat. Ada pula yang tidak cuba menggunakan peluang yang diberi tetapi cabut tanpa notis. Dan (akhir sekali) ada ramai yang layak, tapi mereka lebih suka bekerja selamat dengan kerajaan.

Untuk membetulkan salah faham ini, secara berterusterang (sifat ini cepat disedari oleh golongan peniaga dan juga kerajaan) Tengku Razaleigh menyeru pihak Bumiputera dan bukan Bumiputera bersatu pemahaman dan pemikiran dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru:

Sekiranya DEB gagal, mungkin ia tidak mencetuskan revolusi, tapi satu perkara saya pasti, ketegangan perkauman dalam negeri akan meningkat, mengakibatkan keadaan huru-hara dalam negeri sekiranya dasar itu gagal. Buruk padahnya dari segi politik. Saya tidak mahu cerita panjang lebar tentang isu ini kecuali mengatakan bahawa akibatnya akan menggemparkan kita semua. Kita tidak harus gagal.

Suara ini didengari dan disanjung oleh masyarakat, kerana apa yang diperkatakan tanpa berselindung itu memang benar. Nasihat dan amaran itu datangnya dari seorang pembela hak Bumiputera dan seorang pemimpin yang pragmatik iaitu sifat yang amat berguna kepada sebuah negara yang sedang berjuang untuk membentuk identiti kebangsaan-

nya dan mengambil tempatnya yang wajar sebagai satu kuasa ekonomi di rantau Asia Tenggara yang sedang membangun.

## Bab 17

Sungguhpun telah sepuluh tahun beliau berhenti dari Bank Bumiputra, agak susah hendak melupakan perkaitan Tengku Razaleigh dengan bank itu. Hari ini, walaupun ia sebuah institusi kewangan yang kukuh di rantau ini, ia masih rimas gelisah dengan kehilangan berjuta-juta ringgit oleh subsidiarinya di Hong Kong iaitu Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (BMF). Tindakan undang-undang dan langkah-langkah pembicaraan masih berjalan bersabit dengan dasar pinjamannya yang tidak mudah diterangkan. Seperti PERNAS, Bank Bumiputra juga di bawah naungan Jabatan Perdana Menteri dan memberi laporan terus ke JPM dan bukannya kepada Menteri Kewangan. Tetapi musuh-musuh politik Tengku Razaleigh masih mengaitkan beliau dengan masalah-masalah bank tersebut, yang setengahnya berlaku semasa beliau menjadi Menteri Kewangan.

Walaupun demikian, masyarakat lebih cenderung mengingati Tengku Razaleigh sebagai tokoh yang memimpin bank itu hingga berkembang begitu pesat pada pertengahan tahun 1970-an, semasa beliau menjadi Pengerusi Eksekutif. Cabaran tanggungjawab itu bagaikan pucuk dicita ulam mendatang baginya — membolehkan beliau mencuba kebolehannya di bidang kewangan — dan pengalamannya yang banyak dalam hal ini telah juga membolehkannya merancang dan melaksanakan berbagai tindak-tanduk korporat untuk membina PERNAS menjadi sebuah perbadanan raksasa dan juga membina Fleet Group Holdings iaitu syarikat pelaburan kepunyaan UMNO. Walaupun aktiviti syarikat-syarikat di bawah tanggungjawabnya berbeza, namun beliaulah peng-

geraknya dan pertumbuhan-pertumbuhan ini mendapat manfaat dari pengalamannya menguruskan operasi masing-masing secara serentak.

Pada akhir tahun 1971 iaitu genap setahun di bawah pimpinannya, bank itu melaporkan pertumbuhan yang kukuh. Deposit meningkat 34% hingga ke \$340 juta, sementara pinjaman dan wang pendahuluan naik hingga 54% kepada \$181 juta. Keuntungan hanya \$710,000 tetapi Tengku Razaleigh tidaklah mengharapkan sangat kepada keuntungan serta-merta. Apa yang diutamakan ialah:

Mengadakan pegawai-pegawai bank Melayu adalah perkara No. 1. Kita boleh menunjukkan keuntungan pra-cukai yang lebih tinggi tetapi sejumlah besar telah diketepikan untuk perbelanjaan latihan. Bagi saya, membina modal tenaga manusia, yakni tenaga Bumiputera adalah lebih penting ketika itu daripada membina keuntungan. Saya menganggap tugas saya ialah mewujudkan satu tunas ahli-ahli bank tempatan, tak semestinya supaya seumur hidup mereka bekerja sebagai ahli bank, tetapi supaya mereka layak juga memasuki gelanggang perdagangan dan perindustrian. Dari tunas yang cekap berniaga ini akan lahirlah tokoh-tokoh perniagaan kita yang akan datang.

Gambaran pegawai-pegawai Bank Bumiputra berpakaian Barat lengkap dengan *bowler-bat* seperti di England yang diibaratkan oleh Tengku Razaleigh itu, bukanlah dengan maksud supaya mereka berlagak demikian tetapi kemahiran mereka, yang harus setanding dengan orang Barat:

Kami menghantar berpuluh-puluh pegawai muda ke United Kingdom dan Amerika Syarikat dan hari ini ramai di antara mereka yang mengetuai syarikat sendiri. Itulah di antara hasil yang paling memuaskan semasa bank itu di bawah pimpinan saya, walaupun kewajipan utama bank itu ialah untuk membantu perniagaan Bumiputera dan juga perniagaan warga Malaysia lain yang belum berpengalaman.

Mengadakan perkhidmatan bank di kawasan luar bandar bolehlah dikatakan salah satu pencapaian yang paling penting oleh Bank Bumiputra semasa di bawah pimpinan

Tengku Razaleigh. Ketiadaan kemudahan kredit dan urusan bank di kalangan petani dan peniaga di luar bandar telah merisaukan beliau ketika berulang-alik mengunjungi rakyat yang terpencil di kawasan Parlimennya di Kelantan.

Sebaik sahaja mengambilalih sebagai Pengerusi Eksekutif, beliau terus ke Bangalore, India, di mana beliau mengkaji kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada kaum tani di sana. Sekembalinya beliau, skim serupa itu dilancarkan dengan projek percubaan di kawasan jarak 20 batu dalam lingkungan Sungai Besi, Selangor dan di Kota Bharu, Kelantan di mana cawangan bank telah pun terlebih dahulu ditubuhkan.

Bank Bumiputrah adalah bank tempatan yang pertama sekali menerokai bidang aktiviti yang baru dan berpotensi ini — yang tidak dipedulikan oleh bank-bank lain kerana risiko yang terpendam dalam masalah memberi pinjaman kepada petani-petani yang penghasilan mereka bergantung kepada telatah harga dan hasil keluaran yang turun naik. Yang bermanfaat dari skim ini bukan kaum tani sahaja tetapi juga para usahawan kecil di luar bandar. Kata Tengku Razaleigh:

Kami memang sedar akan masalah-masalah yang berkaitan dengan pinjaman seperti ini tetapi adalah penting kita mengadakan perkhidmatan ini kerana aliran kredit dari sektor kewangan yang teratur ke kawasan luar bandar akan memajukan kepentingan negara dan memperbaiki keadaan ekonomi keseluruhannya.

Setahun selepas memperkenalkan skim itu pada tahun 1971, perkhidmatan itu diadakan pula ke tempat-tempat yang lain — Kuantan, Alor Setar, Kuala Terengganu dan Johor Baharu — meliputi negeri-negeri kawasan Melayu di mana penduduk-penduduk luar bandar berkehendakkan bantuan untuk menambahkan pendapatan yang rendah yang mereka dapati. Hingga tahun 1974, sebanyak \$90 juta telah dipinjamkan kepada petani-petani dan pengusaha-pengusaha kecil. Dengan ini, usaha untuk membawa perubahan ekonomi di luar bandar telah menjadi kenyataan, dengan Bank Bumiputra

dan Bank Pertanian memainkan peranan yang penting. Pada akhir tahun 1973, Bank Bumiputra telah dapat menambah asas depositnya kepada kurang sedikit \$500 juta, menjadikan bank tempatan yang kedua besarnya dari segi simpanan. Pinjaman dan wang pendahuluan berjumlah sebanyak \$264 juta sementara keuntungan sebelum dicukai meningkat dua kali ganda lebih daripada tahun 1972 menjadi \$8.7 juta.

Pada mulanya, deposit datangnya dari Perbendaharaan tetapi Tengku Razaleigh tidak mahu terlalu bergantung kepada kerajaan. "Saya berazam membina bank itu sebagai pertubuhan perdagangan dan tidak bergantung kepada pertimbangan politik untuk berkembang. Jika tidak ia tidak akan dapat menjadi syarikat perdagangan yang berdaya maju." Beliau berazam membuktikan kaum bukan Bumiputera tidak lagi boleh mengaku bahawa mereka sahajalah yang pakar dalam urusan kewangan.

Hubungan beliau dengan masyarakat perniagaan baik secara peribadi atau profesional, banyak membantu Bank Bumiputra mendapatkan berbagai akaun perdagangan:

Saya memberitahu orang-orang saya bahawa kita tidak boleh hanya bergantung kepada bantuan kerajaan. Apa akan terjadi sekiranya kerajaan kekurangan wang atau bagaimana sekiranya kerajaan menyimpan wangnya dalam bank-bank perdagangan yang lain? Setiap orang diarahkan supaya keluar mendapatkan urusaniaga baru. Begitulah caranya kami dapat berkembang, bersaing dan berdikari.

Tengku Razaleigh juga mengambil berat membantu kaum Bumiputera memasuki bidang perniagaan dan perindustrian tetapi beliau menghadapi beberapa masalah apabila beliau cuba berhati-hati dan berhemat mengkaji permohonan bantuan. Ini tidak menyenangkan ahli-ahli politik tetapi beliau tetap dengan pendiriannya dan ini mendapat sokongan dari Tun Razak. Peraturan-peraturan pinjaman yang ketat ini terbukti kewajarannya apabila di zaman sesudah Tengku Razaleigh, dasar ini dilonggarkan hingga menyebabkan nama baik Bank Bumiputra tercemar. Mengikuti Tengku Razaleigh:

Mereka mahukan saya menjalankannya atas kepentingan politik iaitu memberi pinjaman hanya kepada Bumiputera. Alasan mereka mudah saja dan bunyinya meyakinkan jua. Kata mereka orang bukan Melayu boleh mendapat pinjaman dari mana-mana bank tetapi orang Melayu tidak dapat berbuat begitu kerana tidak ada harta jaminan. Pandangan saya agak berlainan. Bank Bumiputra adalah bank kebangsaan dan kerana itu mesti menunjukkan daya majunya dengan membina kekuatan dan daya keuntungan, bukan sahaja kepada penduduk Malaysia tetapi juga kepada masyarakat bank antarabangsa. Kami telah pun banyak melibatkan diri dalam urusan membiayai perdagangan dan perkhidmatan bank saudagar. Kepercayaan orang terhadap kami di luar negeri juga tidak kurang pentingnya. Untuk memberikan perkhidmatan bank dalam semua bidang pegawai-pegawai kita perlu didedahkan kepada semua sudut perniagaan dan kepada kehidupan masyarakat sebenarnya. Lagipun, di waktu kami mula beroperasi perniagaan Melayu tidak banyak. Oleh itu kebanyakan daripada pelanggan kami terdiri dari bukan Melayu. Untuk membantu orang-orang Melayu atau sesiapa sahaja, bank haruslah terlebih dahulu mempunyai asas yang kukuh dan ini tak mungkin tercapai dengan memberi pinjaman tanpa cagaran, terutama sekali kepada mereka yang tak mampu membayarnya. Ini jalan mencari penyakit dan kita akan menerima nasib yang sama seperti bank Melayu yang pertama dahulu, yang lingkup dalam beberapa tahun sahaja di tahun 1950-an.

Untuk menyenangkan hati pengkritiknya Tengku Razaleigh membuat kiasan:

Saya beritahu mereka sekiranya saya seorang pemandu teksi, saya tidak akan mencari penumpang-penumpang Melayu sahaja, terutamanya mereka yang tak mampu membayar tambang. Kalau saya buat begitu, nak membayar sewa atau minyak pun tak cukup. Oleh itu, lebih baiklah saya angkut semua orang yang mampu membayar tambang. Untuk menjaga kepentingan Melayu, saya mesti miliki teksi itu terlebih dahulu — bukan menyewanya dari tauke Cina yang akan membuat saya terhutang sentiasa kepadanya.

Walau bagaimanapun, dalam Perhimpunan Agung UMNO pada pertengahan 1973 Tengku Razaleigh telah

dikritik oleh beberapa orang wakil yang menyalahkan Bank Bumiputra kerana kurang usaha membantu peniaga-peniaga Melayu. Beliau menyangkal tuduhan-tuduhan itu dengan bukti-bukti yang teguh. Sebanyak 7,761 permohonan untuk pinjaman telah diterima sehingga Disember 1972 dan dari jumlah ini sebanyak 4,272 adalah pemohon-pemohon Melayu. Hampir 90% daripada pemohon atau 3,472 telah diluluskan. Dari segi jumlahnya bank telah memberi pinjaman sebanyak \$140 juta kepada Bumiputera. Bank-bank perdagangan yang lain di Malaysia hanya meminjamkan sejumlah \$50 juta kepada Bumiputera dalam tempoh yang sama. (Tengku Razaleigh juga menyentuh tentang usaha PERNAS untuk menolong Bumiputera melalui syarikat-syarikat subsidiarinya dalam perniagaan dalam kawasan-kawasan tertentu. Sehingga pertengahan tahun 1973 PERNAS telah melantik hampir 1,700 syarikat Bumiputera sebagai wakilnya di seluruh negara).

Tengku Razaleigh menyatakan bahawa di awal 1974 pinjaman Bank Bumiputra kepada peniaga-peniaga Bumiputera meningkat \$206 juta, dua pertiga daripada jumlah pinjaman yang diluluskan untuk peniaga Melayu oleh semua bank di seluruh negara. Subsidiari-subsidiari Bank Bumiputra telah memainkan peranan memberi sokongan yang besar dalam usaha menjalin perhubungan dengan berbagai sektor dan kawasan-kawasan yang berkehendakkan sokongan dan bimbingan yang lebih daripada perkhidmatan perdagangan biasa yang dapat diberikan oleh 30 cawangan yang telah ditubuhkan sehingga tahun 1974.

Sektor perniagaan Bumiputera yang sedang tumbuh ini tentulah kelak memerlukan bantuan dari berbagai institusi kewangan yang khusus. Oleh itu Bank Bumiputra Merchant Bankers Bhd. telah ditubuhkan bersekutu dengan N.M. Rothschild and Sons Ltd. dari London. Antara sebab-sebab syarikat British ini dipilih sebagai rakan kongsi ialah kerana perhubungan baik antara Tun Razak dengan Evelyn de Rothschild. Firma itu kemudiannya memberikan bantuan yang bermanfaat dalam berbagai urusan penting yang



digerakkan oleh Tengku Razaleigh. Syarikat usahasama itu telah dicadangkan oleh Evelyn de Rothschild di majlis makan malam jamuan Tun Razak di Kuala Lumpur. Sebelum majlis berakhir, Tengku Razaleigh berjaya mendapatkan persetujuan dasar dalam rancangan usahasama ini. Tun Razak khabarnya gembira dengan hasil pertemuan malam itu.

Syarikat usahasama ini bermula pada bulan Oktober 1972 dan ia pun segera menjadi bank terkemuka di bidang pasaran saham sekuriti yang sedang berkembang pesat di Malaysia ketika itu. Dalam tahun 1974, ekuiti 51% yang dipegang oleh Bank Bumiputra itu telah dikurangkan, begitu juga ekuiti Rothschild, supaya Bank of Tokyo dapat dibawa menjadi rakan kongsi. Satu lagi subsidiari Bank Bumiputra iaitu Bank Pembangunan Malaysia Bhd. telah ditubuhkan pada tahun 1974, dengan modal dibayar sebanyak \$10 juta untuk membantu usahawan Bumiputera menubuhkan kilang dan lain-lain projek perindustrian. Satu cara pinjaman kredit yang belum pernah dilakukan ketika itu ialah skim pembiayaan saham di mana bank memegang saham pengusaha sehingga pihak penganjur perusahaan itu dapat membeli balik saham itu pada masa menyelesaikan hutang pinjaman yang masih ada.

Sungguhpun Bank Bumiputra berusaha menggalakkan pertumbuhan perniagaan Bumiputera dengan memberi pinjaman yang banyak kepada mereka yang layak, Tengku Razaleigh terpaksa mengaku bahawa peniaga-peniaga Bumiputera terpaksa menghadapi persaingan yang tidak seimbang kerana ada golongan yang rela menjadi tali barut orang lain. Golongan ini berpengaruh dan ada hubungan baik dengan pihak atasan. Oleh itu syarikat-syarikat bukan Bumiputera pun menggunakan kedudukan dan pengaruh golongan ini untuk muslihat perniagaan mereka. Akibatnya, peniaga-peniaga Bumiputera selalu tewas dalam persaingan mendapatkan simpati dan kerjasama dari pegawai kerajaan. Nasib yang malang ini dimalangkan lagi oleh sikap sebilangan pegawai kerajaan yang menghampakan terhadap peniaga-peniaga Bumiputera. Kalau dia peniaga kecil, dia dikatakan

tidak ada modal dan pengalaman untuk maju. Tetapi kalau dia berjaya sedikit dia dianggap tidak lagi memerlukan bantuan.

Selaku Presiden Dewan Perniagaan Kebangsaan, Tengku Razaleigh telah menyeru kerajaan supaya mengkaji semula strategi menyusun semula ekonomi Malaysia yang telah dilaksanakan antara tahun-tahun 1970-1973. Katanya, "di dalam negara yang sedang membangun seperti negara kita, kerajaan mengadakan berbagai-bagai galakan untuk memajukan perdagangan dan perindustrian. Selagi keadaan ini berterusan, bantuan dari kerajaan tetap diperlukan."

Beliau menggesa peniaga-peniaga Bumiputera meninggalkan cara-cara lama mereka menjalankan perniagaan dan menyesuaikan diri dengan keadaan yang sentiasa berubah-ubah. Zaman nya sudah berlalu bagi seseorang peniaga kecil yang masih menganggap dia boleh menjadi jutawan dengan hanya membuka kedai yang lebih besar semata-mata. "Hari ini kalau nak jadi jutawan, dirikan syarikat perbadanan. Sedangkan para jutawan sendiri telah berubah, mereka mengadakan syarikat perkongsian dan mencebur diri di bidang perindustrian." Tengku Razaleigh tidak sekadar menggesa dan menggalakkan peniaga-peniaga tempatan membesarkan perniagaan mereka dengan mendirikan perbadanan tetapi beliau sendiri menunjukkan teladan. Kepintarannya berniaga telah menakjubkan masyarakat perniagaan di Malaysia dan Singapura. Beliau berjaya membeli harta kepunyaan *The Straits Times Press* (M) Bhd. di Malaysia dan memasukkannya ke dalam sebuah syarikat baru iaitu *The New Straits Times Press* (M) Bhd. (NSTP). Sebahagian dari harta yang dibeli itu dimasukkan ke dalam syarikat Fleet Group yang baru ditubuhkan yang kemudiannya menjadi syarikat pelaburan UMNO. Akuisisi ini dan harta-harta lain yang dikumpulkan untuk UMNO oleh Tengku Razaleigh selaku Bendahari UMNO akan dikaji lebih mendalam lagi dalam bab yang lain.

## Bab 18

1976 merupakan tahun perubahan dalam sejarah politik Malaysia. Tetapi perubahan yang sama sekali menukar susunan kuasa politik dalam UMNO ini telah bermula dua tahun lebih awal. Bagi Tengku Razaleigh terutamanya, tahun 1974 merupakan tahun yang sangat penting, sebagai terbukti oleh peristiwa-peristiwa yang berlaku pada masa itu dan selepasnya. Bukan nasibnya sendiri sahaja yang terlibat, tetapi beberapa orang kuat UMNO telah kecundang, sementara sekumpulan pemimpin muda pula naik dalam suasana yang sudah masak untuk mengubah bentuk politik tanahair keseluruhannya.

Tun Razak, setelah mengambilliah kuasa memimpin, memperkenalkan suatu kepemimpinan baru yang menuntut lebih daripada taat setia kepada parti. Walaupun prinsip taat setia itu amat penting di kala orang Melayu berpecah belah, tetapi ia telah dipergunakan oleh sebilangan ahli politik yang kurang usaha dan kurang cekap untuk berpaut pada pihak-pihak yang berkuasa demi kepentingan diri mereka sendiri. Tun Razak cukup sedar betapa besar dan beratnya tugas yang sedang dihadapi oleh kerajaan — yang kebanyakannya terdiri dari ahli-ahli dan pemimpin UMNO — dalam usaha menyusun semula masyarakat dan negara. Oleh itu, ramailah pemimpin lama digugurkannya. Beliau lebih menyukai pemimpin-pemimpin muda yang berorientasikan teknologi dan sanggup berganding bahu melaksanakan dasar-dasar yang membawa perubahan. Tengku Razaleigh adalah di antara pemimpin berjiwa baru yang disukai oleh Tun Razak. Beberapa muka lama digugurkan serta-merta, yang lain

disuruh berundur dengan baik dan dihantar bertugas ke luar negeri. Bahkan di peringkat negeri pun dasar rombakan kepemimpinan turut dilakukan. Dan sebagai membuktikan keazamannya menghapuskan pengaruh pemimpin-pemimpin yang tidak digemarinya, Tun Razak bertindak melumpuhkan kuasa Dato' Harun Idris yang amat berpengaruh itu. (Walaupun beliau tidak berjaya, tetapi penggantinya Tun Hussein Onn telah meneruskan sasaran dengan penuh semangat hinggalah Dato' Harun dipenjara atas tuduhan menerima rasuah pada tahun 1976).

Tun Hussein Onn, biras Tun Razak adalah di antara yang pertama dicadang untuk menyertai Kabinet Razak. Tengku Razaleigh, Dr. Mahathir, Tan Sri Ghazali Shafie dan Dato' Musa Hitam juga menjadi pilihan Tun Razak. Tetapi Tengku Razaleigh, walaupun beliau mendahului tiga orang tadi, beliau tidak mahu menjadi menteri kerana sebab-sebab peribadi. Keputusannya ini rupa-rupanya telah menentukan tempat beliau dalam parti beberapa tahun kemudian. Di luar UM-NO juga, perubahan berlaku. Kelima-lima parti yang tidak mahu menyertai Barisan Nasional itu telah berpakat menubuhkan *front* bersatu anjuran DAP untuk menentang Barisan. Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang, telah dipilih sebagai Ketua Pembangkang menggantikan Datuk Asri setelah PAS menyertai Barisan Nasional.

Menjelang Pilihanraya 1974, rebutan kuasa berlaku dalam MCA dan MIC, dan ini tidak menyenangkan Tun Razak dan Barisan. Dr. Lim Keng Yaik meletakkan jawatan pada pertengahan tahun 1973 setelah gagal menjatuhkan Tun Tan Siew Sin. Dr. Lim menyertai parti Gerakan dan kemudiannya menjadi Ketuanya. Presiden MIC, V.T. Sambanthan, didesak dan terpaksa meletakkan jawatan setelah memimpin parti itu selama 18 tahun.

Perpecahan di kalangan parti-parti bukan Melayu yang pro-kerajaan ini telah menegangkan situasi terutama di kala isu Bahasa Kebangsaan ditimbulkan lagi. Tetapi Tun Razak berjaya memadamkan atau menyelesaikan banyak isu sensitif sebelum negara menghadapi pilihanraya pada Ogos 1974.

Sebulan sebelum pilihanraya, Tengku Razaleigh telah dilantik sebagai Naib Presiden UMNO dan dalam usia 37 tahun, beliau merupakan pemimpin yang paling muda pernah memegang jawatan tersebut dalam parti. Pemilihannya yang dibuat oleh Majlis Tertinggi parti adalah untuk memenuhi kekosongan jawatan akibat kematian Tun Dr. Ismail (1973) dan kenaikan Tun Hussein Onn ke jawatan Timbalan Presiden. Beberapa minggu sebelumnya, majalah *Time* telah menamakan Tengku Razaleigh di antara sekumpulan 150 orang kenamaan antarabangsa di bawah umur 45 tahun yang berwibawa menjadi pemimpin dunia. Dato' Musa Hitam, tiga tahun lebih tua dari Tengku Razaleigh dan Encik Ong Pang Boon, Menteri Buruh Singapura turut dinamakan oleh majalah itu.

Tengku Razaleigh, walaupun gembira dan terharu tetapi tidak ambil kisah dengan pengiktirafan oleh majalah tersebut. Di samping mengarah urusan PERNAS dan Bank Bumiputra, kini beliau juga terpaksa menumpukan tenaganya kepada kerajaan campuran yang telah ditubuhkan di Kelantan selepas Pilihanraya 1974. Ini ditambah pula dengan tanggungjawab baru sebagai Bendahari dan Naib Presiden parti.

Tetapi semangatnya terus membara kerana beliau telah diberi peluang membantu Barisan dalam usaha parti mencapai kejayaan penentuan di seluruh negara. Fikirannya juga penuh dengan hal-hal yang tidak menyenangkan dalam UMNO kerana para pemimpin tamakkan pangkat dan kuasa. Dalam satu ucapan beliau di Pulau Pinang, majlis jadi gelisah apakala beliau menyelar taktik membeli undi.

Beliau memberi amaran bahawa amalan ini, dengan niat mencapai kedudukan yang berpengaruh dalam parti akan membinasakan parti itu sendiri dan negara. "UMNO adalah parti yang tidak hanya memimpin orang Melayu tetapi juga rakyat dari kaum lain. Oleh itu kita mesti menjaga kepentingan parti." Sambil memberi amaran kepada ahli-ahli UMNO supaya jangan menggunakan parti untuk kepentingan diri sendiri, beliau juga mengingatkan bahawa "masalah UMNO dalam dekad 1970-an adalah berbeza daripada masalah yang

dihadapi tiga dekad yang lalu. Suara rakyat dan rayuan rakyat perlu ditunaikan." Siasatan yang teliti katanya sedang dijalankan di ibu pejabat mengenai berbagai 'janji' dan tindakan akan diambil terhadap mereka yang terlibat.

Di Kelantan, setelah perjanjian pilihanraya dengan PAS ditandatangani, Tengku Razaleigh menyingkap kembali tentang sistem politik Malaysia yang sudah banyak berubah sejak Pilihanraya 1969:

Buat pertama kalinya UMNO dan PAS telah sepakat berjuang di bawah satu bendera. Kesanggupan PAS berjuang sebagai anggota Barisan Nasional bukan sahaja menunjukkan rasa tanggungjawab parti itu tetapi juga menandakan bahawa hak politik dan ekonomi bangsa Melayu di masa depan terjamin.

Hasil daripada pakatan pilihanraya itu maka 75% dari jumlah calon Dewan Negeri dan Parlimen di Kelantan terdiri dari orang Melayu. Calon Barisan memenangi kesemua 36 kerusi Dewan Negeri yang dipertandingkan. Kerajaan negeri yang baru termasuklah enam dari PAS, tiga dari UMNO dan tiga ahli ex-officio. Datuk Haji Mohamad Nasir dipilih menjadi Menteri Besar dengan Haji Wan Ismail sebagai timbalannya.

Dalam Pilihanraya 1974, Tengku Razaleigh telah menang di kawasan Parlimen Ulu Kelantan. Dengan menyokong penubuhan kerajaan campuran di Kelantan dan berkempen pula bagi Barisan Nasional yang langsung mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya peringkat negeri itu, beliau tidak lagi dapat mengelak daripada menjadi ahli Parlimen. Sebenarnya komitmennya untuk berkhidmat dalam kerajaan telah tersirat apabila beliau menerima jawatan Naib Presiden UMNO Malaysia dan Tun Razaklah yang banyak mempengaruhi beliau supaya jangan main politik 'sambil-sambilan' lagi. Dato' Syed Jaafar Albar dan Dr. Mahathir juga sama menggesanya. Barisan Nasional, di bawah Tun Razak, beroleh kejayaan gemilang dalam pilihanraya, memenangi 135 daripada 154 kerusi Parlimen dan menguasai setiap kerusi kerajaan negeri, DAP mendapat sembilan kerusi di Parlimen.

Dengan kemasukan beliau sebagai ahli Parlimen, para pemerhati politik dengan yakin meramalkan bahawa Tengku Razaleigh akan diundang untuk menyertai Kabinet. Tepatlah ramalan itu tetapi Tun Razak nyata sekali ada rancangan yang lebih besar bagi Tengku Razaleigh iaitu jawatan yang amat penting yang hanya boleh diberikan kepada orang yang sangat-sangat dipercayai dan berwibawa.

Tidak berapa lama sebelum Pilihanraya 1974, kerajaan telah menerima tuah ekonomi yang besar; simpanan telaga minyak dan gas asli yang banyak telah dijumpai di kawasan perairannya. Oleh kerana penemuan ini berlaku tidak lama selepas OPEC mengumumkan kenaikan harga minyak yang tinggi, maka Malaysia seolah-olah dikurniakan dengan 'emas hitam'.

Tanpa berlengah-lengah lagi kerajaan pun bertindak supaya semua aspek sumbangan baru yang amat berharga itu tetap berada di bawah kawalan Malaysia. Maka ter-tubuhlah PETRONAS — Petroleum Nasional Berhad — iaitu syarikat milik negara yang diberi kuasa monopoli dalam segala hal-ehwal petroleum. Ia diberi kuasa undang-undang dan segala hak dalam hal penapisan, pemerosesan dan pengeluaran semua barang petroleum dan petro-kimia. Kuasanya kemudian diperluaskan lagi untuk membolehkannya mengawasi segala kawasan baru dan untuk merundingkan perjanjian royalti dengan kerajaan-kerajaan negeri yang kawasannya terlibat dalam usaha carigali minyak dan pengeluarannya.

Tengku Razaleigh menjadi pilihan Tun Razak untuk mengetuai PETRONAS. Semasa melantiknya beliau berkata:

Memanglah saya mahukan Tengku Razaleigh menyertai Kabinet. Tetapi saya ada tugas penting untuknya, sama pentingnya seperti menteri Kabinet. Saya telah mengambil keputusan melantiknya sebagai Pengerusi dan Ketua Eksekutif PETRONAS iaitu pangkatnya serupa dengan menteri Kabinet.

Dalam Kabinet barunya, Tun Razak telah membuat beberapa perubahan penting dan perlantikan itu jelas meng-

gambarkan kemasukan semangat baru yang kuat. Dari segi mengasah pasukan pemimpin masa depan, pemilihan yang dibuat oleh Perdana Menteri itu juga mencerminkan kehendak parti. Lima tahun sebelumnya, dalam keadaan yang berlainan, majoriti ahli UMNO telah memihak kepada ahli-ahli yang telah disingkir oleh Tunku Abdul Rahman.

Dr. Mahathir yang diterima semula ke dalam parti telah diberikan portfolio Pelajaran. Dato' Musa Hitam yang semakin naik bintangnya telah dilantik sebagai Menteri Perindustrian Utama. Tun Hussein Onn kekal sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Tan Sri Ghazali Shafie terus menjadi Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri, begitu juga dengan Encik Ghafar Baba yang terus menjadi Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar.

Pemerhati-pemerhati berpendapat bahawa jawatan yang diterima oleh Tengku Razaleigh itu sungguhpun bertaraf menteri Kabinet tetapi sebenarnya menjauhkannya daripada Kabinet. Ini telah menjejaskan peluang beliau di masa depan dalam pertandingan dengan tokoh-tokoh seperti Dr. Mahathir dan Dato' Musa Hitam merebut jawatan dalam kepimpinan parti (termasuk jawatan Perdana Menteri).

Tun Razak juga telah melahirkan pandangan yang sama, dua hari sebelum beliau mengumumkan barisan Kabinetnya pada 6hb. September 1974. Ketika itu beliau berada di Pasir Mas, Kelantan dan menyatakan kepada Tengku Razaleigh cadangannya hendak mengadakan beberapa perubahan dalam Kabinet dan menteri-menteri baru yang hendak dilantiknya. Tengku Razaleigh mengengangnya semula:

Saya menolak jawatan menteri dan menjelaskan pandangan saya kepada Tun bahawa tenaga dan kepimpinan saya akan lebih berguna dalam PERNAS dan Bank Bumiputra. Lagipun usaha menubuhkan PETRONAS hampir selesai, iaitu satu tugas yang diberikan oleh Tun kepada saya beberapa bulan sebelumnya. Tun faham bahawa saya boleh memberi sumbangan yang lebih besar kepada negara tanpa menjadi menteri tetapi beliau menegaskan bahawa kekananan saya akan terancam dalam parti jika saya tidak menerima jawatan menteri.



Beliau menerima keputusan saya dengan syarat saya terima jawatan Pengerusi PETRONAS dengan pangkat menteri Kabinet.

Pada masa yang sama hal-ehwal minyak telah dikecualikan daripada tanggungjawab Menteri Perusahaan Utama. Ada yang memandang langkah ini menyamakan tanggungjawab Tengku Razaleigh, Pengerusi PETRONAS, dengan tanggungjawab Dato' Musa Hitam, yang telah dijadikan menteri kerana pengaruhnya yang semakin meningkat.

## Bab 19

Walaupun kerajaan Malaysia bergerak pantas dan tegas untuk menguasai khazanah minyak negara yang telah terbukti wujud tetapi penubuhan PETRONAS sendiri hanya dapat dilakukan setelah berbagai masalah rumit berjaya diselesaikan di luar pengetahuan umum. Sesungguhnya kalaulah masalah-masalah ini tidak diselesaikan dengan menggunakan diplomasi yang halus, syarikat minyak negara kita tentu tidak wujud seperti keadaannya hari ini dan mungkin menjadi satu institusi yang berlainan sama sekali. Memandangkan peranan utama yang telah dimainkan oleh PETRONAS sejak ditubuhkan — sebagai penyumbang utama dan penyelamat ekonomi — rakyat Malaysia sesungguhnya terhutang budi kepada para perancang dasar negara yang menetapkan syarat-syarat carigali, penapisan dan pemasaran minyak dan gas di dalam negeri dan juga kerana mewujudkan sebuah perbadanan yang dapat melindungi khazanah galian negara.

Asal-usul dan segala tipu helah yang menjadi sebab penubuhan PETRONAS adalah suatu cerita yang amat menarik. Idea untuk melindungi sumber-sumber galian luar pantai negara ini, sebenarnya berpunca di Sarawak, hasil pandangan jauh dari Datuk Abdul Rahman Yaakub yang telah dilantik menjadi Ketua Menteri dalam tahun 1971. Minatnya dalam hal ini adalah disebabkan oleh desakan daripada orang-orang Sarawak yang meminta penjelasan seluas manakah perbatasan kawasan perairan negeri itu sebenarnya.

Pertama sekali, kerajaan negeri Sarawak telah mengisytiharkan sempadannya sejauh hingga sampai ke hujung pelantar benua iaitu melebihi had 3 batu pada fahaman

kerajaan Pusat di Kuala Lumpur. Sebenarnya, dengan kemasukan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia, isu ini masih belum dijelaskan sepenuhnya, ini menyebabkan interpretasi mengenainya terbuka luas. Kerana tidak adanya kata pemutus, kerajaan Persekutuan mengambil kesimpulan bahawa kawasan perairan Sarawak adalah sama seperti negeri-negeri lain iaitu 3 batu dan sebarang tuntutan yang lain daripada jarak itu adalah dianggap tiada mempunyai alasan undang-undang.

Implikasinya ialah sekiranya tuntutan Sarawak dibenarkan, semua kekayaan galian luar pantai hingga ke kawasan pelantar benua akan menjadi hak milik negeri dan bukannya kerajaan Persekutuan. Dan walaupun pengeluaran minyak di Malaysia Timur yang ketika itu keseluruhannya di bawah penguasaan Shell (Esso hanya mula mengerjakan kawasannya di luar pantai Terengganu agak lama selepas itu) tidak begitu banyak dan penting sebelum 1974, kerajaan Persekutuan bagaimanapun telah bercadang untuk menghapuskan segala keraguan.

Datuk Rahman memang sedar akan jasa Tun Razak mengenai perlantikannya sebagai Ketua Menteri Sarawak, walaupun Tunku Abdul Rahman menentang perlantikan itu. Oleh itu, tidaklah beliau berbuat apa-apa. Tetapi pihak-pihak lain terus bergerak, terutama anak saudaranya, Datuk Amar Taib Mahmud, yang semakin kuat minatnya terhadap carigali minyak luar pantai. Datuk Rahman pada masa itu menjadi Menteri Tanah dan Galian Persekutuan. Jawatan ini kemudiannya dipegang oleh anak saudaranya selepas Datuk Rahman dilantik menjadi Ketua Menteri.

Sebelum itu tanggungjawab mengenai minyak terletak di bawah kementerian lain, mula-mula Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan kemudian Kementerian Kewangan:

Semasa Taib menjadi Menteri Tanah dan Galian, beliau telah menunjukkan minat yang bersungguh-sungguh dalam memajukan sumber tersebut dan beliau berpendapat, royalti

haruslah dikongsi bersama di antara kerajaan Negeri (Sarawak) dan kerajaan Persekutuan. Tetapi perkara itu terhenti di situ sahaja dan tidak ada sebarang perubahan dilakukan terhadap susunan yang sedia ada.

Mengikut syarat-syarat yang sedia ada kerajaan Negeri dan Persekutuan berkongsi royalti sebanyak 10% berdasarkan minyak yang dibawa naik dari telaga-telaga tertentu, terutama sekali minyak yang di bawah kuasa konsortium Shell.

Datuk Taib kemudian mencadangkan bahawa daripada menyerahkan kepada Shell untuk memasarkan syer minyak kerajaan yang ditimba itu, eloklah dipelawa kontraktor-kontraktor bebas sama memasarkannya. Alasannya ialah minyak yang dihabuankan kepada kerajaan itu mungkin akan naik nilainya. Dan walaupun harga minyak pada tahun 1971 lebih sedikit daripada US\$2 bagi setiap tong, ada tanda-tanda menunjukkan pihak Arab mungkin mengambil langkah untuk menaikkan harga sumber utama pendapatan negara mereka. Sesungguhnya inilah yang mereka lakukan pada tahun 1974, bilamana pihak Malaysia telah pun siap sedia untuk membuat tuntutan ke atas harta kekayaan baru yang terpendam di perut laut di kawasan perairan Malaysia. Mengikut satu sumber:

Sebelum tahun 1974, harga minyak masih lagi agak rendah tetapi minat terhadapnya semakin bertambah. Datuk Taib dalam lawatannya ke luar negeri telah mengadakan pertemuan dengan seorang saudagar Lubnan yang kemudiannya menawarkan diri kepada kerajaan untuk menjadi kontraktor untuk membeli minyak mentah Sarawak secara tunai. Perjanjian telah dibuat dan beratus ribu tong minyak telah ditimba dan dipasarkan oleh syarikat Lubnan itu.

Malangnya bagi Malaysia, kontraktor ini telah mungkir janji tentang membuat pembayaran dan hutangnya berjumlah US\$4 juta. Berbagai usaha telah dijalankan untuk memungut hutang itu tetapi gagal, akhirnya dilupuskan begitu sahaja pada tahun 1977.

Bagaimanapun di akhir tahun 1973, minat terhadap minyak makin bertambah. Encik Ananda Krishnan (rakyat Malaysia yang hari ini berjaya menempatkan reputasinya dalam pasaran minyak) telah pun aktif dalam pasaran minyak di London ketika itu. Beliau mencadangkan kepada Tengku Razaleigh supaya PERNAS memohon mendapatkan kawasan telaga minyak yang baru dan juga telaga lama yang telah ditinggalkan oleh Shell. Tun Razak tidak begitu setuju (tahun 1972) tetapi kemudian bersetuju supaya didirikan kilang penapis (yang akan diusahakan oleh Caltex) di Lumut iaitu suatu hal yang diajukan oleh Encik Krishnan dan kongsi asingnya.

Kerajaan negeri Perak yang telah pun memperuntukkan kawasan yang sama untuk dijadikan pusat pelancongan, tidak bersetuju dengan idea itu tetapi akhirnya mengalah. Kawasan itu telah diwartakan tetapi kilang penapis minyak itu tidak jadi dibina. (Baru-baru ini sebuah konsortium baru rakyat Malaysia telah mendapat kelulusan untuk memindahkan ke situ sebuah kilang penapis buatan Perancis).

"Kalaulah skim (mendapatkan kawasan) itu telah dilaksanakan, PERNAS sudah tentu akan mendapat keuntungan yang lumayan," kata Tengku Razaleigh. Tambahnya lagi:

Walaupun usaha itu dibatalkan tetapi ia telah meningkatkan minat terhadap sumber tenaga. Saya telah diberitahu kawasan yang ditinggalkan itu mengandungi banyak minyak yang belum ditimba dan dengan teknik moden, minyak yang terpendam itu boleh diterokai. Memandangkan minat yang ditunjukkan oleh berbagai pihak, Tun Razak pun mula mengambil perhatian lebih serius mengenai hal-chwal minyak.

Satu jawatankuasa kerajaan yang dikenali sebagai Jawatankuasa Hidrokarbon, diketuai oleh Raja Mohar telah ditubuhkan. Datuk Taib telah melawat Indonesia untuk berbincang dengan Ketua PERTAMINA, Jeneral Ibnu Sutowo dan kembali dengan idea yang sama seperti yang telah diperkenalkan oleh Indonesia. Beliau menganjurkan supaya

diadakan perjanjian berkongsi pengeluaran dan dihapuskan sistem konsesi yang ada.

Tetapi tidak ada undang-undang yang membolehkan Malaysia mengambil balik konsesi yang telah dilepaskan oleh British itu tanpa membayar ganti rugi. Datuk Taib bagaimanapun telah meneruskan rancangannya untuk menubuhkan satu badan berkanun yang dikenali sebagai HIKMA (daripada perkataan Hikmat). Belum pun sempat beliau membuat undang-undang untuk memberikan syarikat barunya itu taraf yang sah, Datuk Rahman kembali ke Kuching dan beliau telah bertindak. (Perselisihan antara bapa saudara dan anak saudara ini berterusan hingga ke hari ini — Datuk Taib telah menggantikan Datuk Rahman sebagai Ketua Menteri beberapa tahun lalu).

Datuk Rahman telah meminta pendapat daripada seorang Queen's Counsel Australia dan dengan ini beliau ber-cadang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap kerajaan Persekutuan. Beliau memberi amaran, jika Sarawak diketepikan daripada perjanjian perkongsian minyak yang dicadangkan, maka negeri itu akan membuat tuntutan haknya di mahkamah. Soal kawasan perairan Sarawak masih dipertikaikan, katanya lagi.

Tun Razak tidak suka hal semacam ini mengacau fikirannya terutama ketika menghadapi Pilihanraya 1974, kira-kira lapan bulan sahaja lagi. Tengku Razaleigh sendiri sibuk di Kelantan, membuat persiapan terakhir terhadap gabungan Perikatan-PAS di peringkat negeri dan terlibat dalam perbincangan untuk meluaskan pakatan itu di peringkat Persekutuan. Tetapi beliau nyatalah berminat juga dalam hal-hal mengenai minyak dan sama pentingnya ialah persahabatan beliau dengan Datuk Rahman.

Tun Razak memanggilnya dan memberi pandangan:

Beliau memberitahu saya bahawa Rahman telah mengugut untuk membuat tuntutan di Mahkamah Agung yang menguji hak Perlembagaan kerajaan Persekutuan terhadap syer minyak yang terdapat di perairan negeri. Tun berazam menyelesaikan masalah ini, bukan sahaja dengan Rahman

tetapi juga dengan Tun Mustafa, Ketua Menteri Sabah. Saya juga diarahkan untuk melawat Menteri Besar dan juga Ketua Menteri negeri-negeri lain dan mendapatkan persetujuan mereka untuk berkongsi sama-sama menikmati hasil kekayaan daripada minyak, jika ada, mengikut dasar yang sama seperti yang diberikan kepada Sabah dan Sarawak.

Satu hal yang menyulitkan ialah wujudnya undang-undang untuk menubuhkan HIKMA berdasarkan idea-idea yang dicadangkan yang akan menjadikannya satu perbadanan milik kerajaan sepenuhnya. Apa yang dipertikaikan oleh Datuk Rahman ialah HIKMA, walaupun ditubuhkan mengikut undang-undang Persekutuan, tidak mempunyai hak ke atas minyak yang ditimba di kawasan perairan Sarawak, kecuali dengan kelulusan daripada kerajaan Negeri.

Tengku Razaleigh telah melawat Datuk Rahman dan terperanjat mendengar sebab-sebab sebenar di sebalik pendiriannya:

Beliau memberitahu saya bahawa beliau berasa kecil hati kerana tidak dipanggil berbincang terlebih dahulu, terutama terhadap penubuhan HIKMA oleh Taib. Saya bersimpati tetapi mengatakan, walaupun HIKMA jadi ditubuhkan, segala konsesi yang ada masih tetap di tangan Shell dan Esso di sisi undang-undang. Bagaimanapun beliau mahukan jaminan supaya kepentingan Sarawak tidak dikompromi. Pada masa itu PETRONAS (walaupun bukan atas nama itu) telah diwujudkan. Saya mencadangkan penubuhan sebuah syarikat dan bukannya sebuah badan berkanun, yang akan mengagihkan keuntungan sama rata di antara kerajaan Persekutuan dan Sarawak dalam bentuk pembayaran tunai. Beliau menerima cadangan tersebut dan saya bergesa-gesa pulang menemui Tun Razak dan menyampaikan berita tersebut.

Selepas pertemuan itu usaha pun segera dimulakan bagi menggubal Akta Kemajuan Petroleum. Tun Razak mahu ia siap sebelum pilihanraya dan dirahsiakan. Penggubal undang-undang ini bukanlah Draftsman Parlimen tetapi Tengku Razaleigh, Datuk Manan Othman dan Ketua Hakim Negara sekarang iaitu Tan Sri Salleh Abbas. Datuk Junus Sudin juga

membantu dalam penyusunan semula syarikat itu. Dengan kemunculan PETRONAS, hilanglah HIKMA dari ingatan ramai.

Akta ini menerangkan objektif syarikat dan berbagai kuasa yang diberikan kepada kerajaan dan syarikat. Dengan itu PETRONAS, bukannya sebuah badan berkanun tetapi diwujudkan oleh Parlimen dan ditubuhkan di bawah Akta Syarikat — satu institusi yang unik yang tidak ada bandingan. Status sah yang istimewa ini perlu diwujudkan untuk membolehkan kerajaan-kerajaan negeri menurunkan segala hak minyak mereka kepada PETRONAS.

Sebaik siap sahaja Akta tersebut, Datuk Rahman pun menemui Tengku Razaleigh di pejabatnya di Bank Bumiputra:

Beliau terus bertanya apakah tawaran kami (kerajaan Persekutuan)? Saya terangkan bahawa perjanjian berkongsi — pengeluaran yang kami cadangkan tidaklah berlainan daripada yang diperkenalkan oleh PERTAMINA. Kami bermaksud menawarkan syarat-syarat baru kepada syarikat-syarikat minyak dan sebagai balasannya mereka hendaklah bersetuju membatalkan segala perjanjian konsesi mereka. Semua hasil terpulung kepada PETRONAS tetapi 5% daripada hasil minyak seterusnya akan diberikan kepada negeri dan jumlah yang sama juga diberikan kepada kerajaan Persekutuan. Rahman bersetuju.

Akta tersebut dikemukakan di Parlimen untuk mendapat kelulusan pada bulan Ogos 1974. PETRONAS telah ditubuhkan pada 17hb. Ogos 1974. Perbadanan ini secara rasminya wujud semasa Tengku Razaleigh sedang berkempen di Pasir Putih, Kelantan. Setelah menang pilihanraya tanpa tentangan, beliau pun menandatangani Artikel dan Memorandum Syarikat itu.

Selepas pilihanraya, Tun Razak telah memanggil Tengku Razaleigh dan meminta beliau menyertai kerajaan. Apabila beliau menolak, Perdana Menteri pun menawarkannya jawatan Pengerusi PETRONAS yang bertaraf menteri Kabinet.



## Bab 20

Tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh Datuk Rahman Yaakub itu menyedarkan Tengku Razaleigh betapa rumit isunya yang terpaksa dihadapinya dalam tahun pertama wujudnya PETRONAS — iaitu masalah-masalah yang jangkit-menjangkit di dalam dan di luar negeri yang boleh mengancam menamatkan perkhidmatan awamnya secara tiba-tiba dan yang boleh menjejaskan keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap Malaysia.

Tetapi dengan menggunakan segala kuasa yang ada pada PETRONAS dan disokong pula oleh Tun Razak, Tengku Razaleigh tetap teguh dan tabah mempertahankan kepentingan PETRONAS apabila berhadapan dengan wakil-wakil syarikat minyak yang lebih berpengalaman dan dengan beberapa ahli politik tempatan yang lebih senang beralah kepada syarikat-syarikat multi-nasional atau lebih suka mengeksploit keadaan yang sudah pun genting untuk meraih keuntungan peribadi. Tidak ada pihak pun yang berjaya mempengaruhi PETRONAS supaya melemahkan peranannya sebagai penjaga dan pembela khazanah minyak negara dan mereka yang terus mendesak akhirnya tunduk kepada hak kepentingan negara dan kebijaksanaan PETRONAS.

Tetapi pada mula tertubuhnya syarikat itu, semua nampaknya positif. Seperti kata sebuah majalah di Malaysia, "Cara Petroleum Nasional Berhad iaitu syarikat minyak negara yang baru itu dilancarkan amatlah mengkagum dan membanggakan rakyat."

Cara tersebut ialah mengenai kempen iklan secara besar-besaran yang dilancarkan di dalam akhbar-akhbar

menawarkan biasiswa dalam bidang kejuruteraan, geologi, ilmu ukur dan sebagainya. "Apakah yang lebih menarik daripada bukti yang ditunjukkan oleh sesebuah organisasi baru yang sudah pun merancang jauh ke hadapan untuk memenuhi keperluannya dalam masa lima atau sepuluh tahun akan datang?" PETRONAS, kata iklan tersebut "bermaksud hidup selama-lamanya."

Tetapi di sebalik keyakinan yang lahiriah, terdapat gara-gara perselisihan — kerana tidak lama kemudian timbulah isu-isu yang mengeruhkan suasana terutamanya mengenai hak-hak menggali minyak dan gas yang terpendam beribu-ribu kaki di dasar laut tenang tropika di luar pantai Malaysia.

Datuk Rahman adalah orang yang pertama menandatangani penyerahan segala hak kepada PETRONAS ke atas minyak yang ditemui di perairan Sarawak; dan sebagai balasannya Sarawak akan menerima 5%, sepertimana yang telah dipersetujui. Tetapi tidak lama kemudian timbul kekecohan mengenai peruntukan yang terdapat dalam Akta berhubung dengan syer pengurusan. Bagi semua aktiviti hiliran, termasuk penapisan, perdagangan dan pemasaran — PETRONAS hendaklah ditawarkan satu syer pengurusan yang memberi hak veto.

Syarikat-syarikat minyak dan kimia luar negeri dan Dewan-dewan Perdagangan telah bertindak balas dengan menuduh Tengku Razaleigh merancang untuk memiliknegerakan industri minyak. Tengku Razaleigh mengingatinya semula:

Tun Razak sedang berada di Amerika Syarikat apabila beliau ditanya oleh pihak media asing. Beliau tidak dapat memberi apa-apa jawapan dan terus menghubungi saya. Saya menjelaskan tentang kepentingan dan betapa mustahaknya syer pengurusan tersebut yang telah pun termaktub dalam Akta. Saya pastikan kepada beliau tidak ada sebab syarikat-syarikat itu mesti heboh-heboh kerana perkara ini belum lagi dibawa ke meja perundingan dengan tiap-tiap syarikat yang berkenaan.

Tetapi belum pun perundingan dimulakan, desakan-

desakan telah pun sampai kepada Tun Razak untuk menyingkatkan Tengku Razaleigh. Para pemimpin Kongres Amerika dipercayai telah menulis kepada Perdana Menteri Malaysia mengenai perkara ini. Khabar-khabar angin yang memburukkan lagi keadaan telah tersebar luas, mengatakan kononnya Tengku Razaleigh sedia berkompromi sekiranya ada habuan baginya:

Saya rasa untuk menjaga kehormatan saya eloklah saya mohon meletakkan jawatan kepada Tun. Jawabnya, Malaysia bukan hamba Amerika. Beliau menyuruh saya buat apa sahaja yang difikirkan perlu demi kepentingan Malaysia.

Syarikat-syarikat minyak telah diundang untuk berbincang tetapi mereka tidak mengendahkan jemputan tersebut. Untuk menyelamatkan keadaan yang buntu itu, PETRONAS telah memberikan notis di akhir bulan Mac 1975, mengenai perjanjian baru dalam perkongsian minyak. Dalam satu kenyataannya Tengku Razaleigh berkata bahawa, "Kami akan menghantar notis kepada mereka pada 1hb. April 1975 dan mereka harus sedar bahawa mereka terpaksa mengadakan rundingan dengan kami." Dari rundingan-rundingan ini akan wujudlah suatu persetujuan baru.

Nisbah perkongsian pengeluaran ialah 33:67 atau 35:65 bagi syarikat-syarikat minyak di Sarawak di satu pihak dan PETRONAS di satu pihak yang lain, sepertimana yang telah diumumkan oleh Ketua Menteri Negeri terdahulu iaitu merupakan "formula asas pada umumnya tetapi tidak semestinya untuk semua syarikat." Syarikat carigali minyak akan melanggar undang-undang sekiranya mereka terus beroperasi selepas 1hb. April, katanya memberi amaran. Beliau juga menegaskan bahawa "mereka terpaksa mematuhi peraturan baru ini dari tarikh tersebut."

Tetapi pada mulanya Shell dan Exxon tidak mahu beralah sedikit pun — dan mereka menggunakan strategi baru. Tengku Razaleigh menganggap tindakan mereka itu sebagai 'gertak kosong.' Kemudian timbul pula satu punca bantahan yang tidak disangka-sangka. Mengikut Tengku

Razaleigh:

Saya tahu saya mendapat sokongan daripada Tun Razak dan juga kerajaan begitulah sangkaan saya. Tetapi ada di antara jemaah Kabinet yang tidak menyebelahi saya. Mereka cuba mendesak Tun supaya meminda syarat-syarat tawaran yang diberikan kepada syarikat-syarikat minyak asing terutama sekali supaya menghapuskan peruntukan syer pengurusan yang dipertikaikan. Tun tidak berganjak — dan ini menguatkan azam saya untuk mempertahankan syarat-syarat yang kami rasakan adil.

Tengku Razaleigh membawa pendiriannya ini ke pengetahuan umum. Dalam satu kenyataannya yang tegas dan keras pada bulan Jun 1975, beliau bersumpah bahawa PETRONAS tidak akan tunduk kepada mana-mana pihak yang mengugut hendak menarik keluar "pelaburan yang besar daripada Malaysia." Maksudnya itu jelas ditujukan kepada syarikat-syarikat minyak yang cuba mendesak PETRONAS tunduk mengikut syarat-syarat mereka:

Kami boleh bertolak ansur. Kami sedia mendengar hujah-hujah yang munasabah tetapi jangan mengugut. PETRONAS sedia menimbangkan permintaan mereka asalkan munasabah dan adil. Mereka harus sedar bahawa minyak adalah kepunyaan negara ini dan rakyatnya dan kita tidak akan mengizinkan orang lain membolot semua kekayaan kita.

Sebagai langkah sementara, sebelum terikat persetujuan berdasarkan formula yang boleh diterima bersama, syarikat-syarikat minyak telah ditawarkan 5% dari hasil kasar dari minyak yang dikeluarkan dalam tempoh sementara itu. Pada masa itu hanya Exxon Production Malaysia yang menolak tawaran tersebut walaupun PETRONAS sanggup memberi sehingga 7½%. Di antara pihak yang mengumumkan sokongan terhadap Tengku Razaleigh ialah Persatuan Dewan Perdagangan Cina. Langkah untuk mengawal sumber-sumber negara, katanya memang jitu. "Ia juga akan dapat membantu menghapuskan kemiskinan dan jurang perbezaan antara golongan yang berada dan yang tidak berada."

Kedegilan yang ditunjukkan oleh Exxon itu mengingatkan Tengku Razaleigh kepada perhubungannya yang pertama dengan syarikat itu awal dekad 1960-an. Tidak lama selepas kembali daripada London, seorang rakan baiknya Murad Hashim (pada masa itu menjadi eksekutif Exxon dan kini seorang Pengarah di PETRONAS) mencadangkan supaya beliau berkhidmat dengan Exxon. "Saya tidak berminat sangat tetapi berjanji menemui mereka di Kuala Lumpur. Malangnya pertemuan itu tidak berhasil. Bagaimanapun Exxon membayar bil hotel saya — walaupun Murad kemudiannya disalahkan kerana belanja saya besar," kata Tengku Razaleigh.

Akhirnya Exxon juga tunduk setelah menyedari Tengku Razaleigh dan PETRONAS tidak dapat diugut. Exxon menyerahkan konsesinya dan menyetujui perjanjian berkongsi — pengeluaran, mengikut syarat yang menguntungkan Malaysia, lebih daripada apa yang tercapai oleh PERTAMINA pada mulanya. Kebetulan pula harga minyak mentah ketika itu telah naik empat kali ganda.

Kemudian timbul pula masalah-masalah dalam negeri. "Semua negeri telah bersetuju tetapi Tun Mustafa dari Sabah pula berdegil." Katanya minyak adalah milik negeri Sabah. Kawasan perairannya adalah seperti yang ditakrifkan oleh kuasa Darurat (1969) tetapi negeri itu sanggup menyerahkan 10% atau 20% daripada hasil.

"Reaksi saya — Mana boleh! Undang-undang mengenai pengeluaran sudah berkuatkuasa. Namun saya jemput beliau berbincang tetapi beliau menolak. Beliau juga mengugut akan menarik Sabah keluar dari Persekutuan jika paksaan digunakan." Kerajaan Persekutuan pun bertindak terhadap ugutan itu dan bermulalah suatu kempen yang cukup teratur untuk menyingkir Tun Mustafa dari jawatannya — tetapi hanya setelah habis segala ikhtiar Kuala Lumpur cuba mendapatkan ahli-ahli Kabinet Sabah memujuk beliau supaya tidak meneruskan tindakannya yang merbahaya itu.

Bagaimanapun tanpa diketahui umum, tindakan Tun Mustafa itu dipengaruhi oleh sebab-sebab yang lain:

Beliau telah berancang hendak meminjam US\$600 juta daripada broker kewangan luar negeri tetapi ini memerlukan kelulusan daripada kerajaan Persekutuan. Sudah tentulah Tun (Razak) dan jemaah Kabinetnya menyatakan 'tidak boleh'. kecualilah jika sekiranya wang itu hendak digunakan untuk projek pembangunan. Ini menimbulkan kemarahan Tun Mustafa lalu beliau mencari jalan bertindak balas.

Tunku Abdul Rahman cuba menasihatinya tetapi tidak berhasil. Tengku Razaleigh kemudiannya diminta menyelesaikannya. Sokongan daripada Datuk Harris Salleh yang pada masa itu tidak disukai oleh Tun Mustafa telah diminta. Beliau bersetuju betapa perlunya Sabah dikekalkan dalam Persekutuan dan beliau digalak menubuhkan Berjaya untuk menentang USNO pimpinan Tun Mustafa. Tetapi Datuk Harris enggan menjadi Ketua Menteri. Tun Donald Stephens, ketika itu Gabenor Sabah telah diminta menjadi Ketua Menteri sekiranya Berjaya mendapat undi majoriti.

Kuala Lumpur terang-terangan menyokong Berjaya. Setahun kemudian, pada tahun 1976, Berjaya menubuhkan kerajaan di Sabah. PETRONAS dengan itu dapat sekaligus menyelesaikan dua isu penting iaitu mematahkan kuasa Tun Mustafa yang tamak dan sukar diramal itu; dan memastikan berakhirnya sebarang rancangan menarik Sabah keluar daripada Persekutuan. Sama pentingnya ialah PETRONAS telah berjaya mengawasi operasi minyak dan gas di seluruh negara, membawa hasil yang paling menguntungkan kepada perbendaharaan negara. Strategi ini telah lama dibuktikan kebenarannya. Dalam tahun 1976, Tengku Razaleigh meramalkan bahawa keluaran minyak yang ketika itu berjumlah 80,000 tong sehari akan bertambah kepada 400,000 tong sehari pada tahun 1985 dan dengan itu menjadikan minyak sebagai sumber pertukaran asing yang utama. (Pada hari ini, lebih 500,000 tong sehari telah dapat dihasilkan daripada dua puluh buah telaga yang efektif). PETRONAS telah mengumpulkan kekayaan menjangkau angka billion dalam beberapa tahun dan ini telah dapat menolong lain-lain institusi kerajaan yang dalam kesulitan. Bank Bumiputra yang

menghadapi kerugian sebanyak \$2.6 billion akibat pendedahan pinjaman yang berlebihan di Hong Kong, merupakan satu kes yang dimaksudkan. Sekarang PETRONAS adalah pemegang saham yang menguasai bank tersebut.

## Bab 21

Tengku Razaleigh berjaya mempertahankan warisan galian negara dengan memaksa syarikat-syarikat minyak yang besar-besar menerima syarat-syarat perkongsian pengeluaran yang dicadangkan oleh PETRONAS. Ini telah memberikan Malaysia martabat yang lebih tinggi. Walaupun dimusuhi oleh syarikat-syarikat minyak asing dan diberi sambutan dingin di ibu pejabat mereka di Amerika Syarikat dan London dan dipujuk melonggarkan syarat-syarat perjanjian, Tengku Razaleigh telah menunjukkan kematangan dalam pengendalian urusannya walaupun azamnya semakin kuat mendapatkan mereka bersetuju kepada syarat-syarat yang diletakkannya.

Masyarakat perniagaan Malaysia mengakui kehandalan beliau mengendalikan perniagaan yang sukar dan mereka sedar pendapatan negara akan bertambah akibat pendirian tegasnya dan mereka menghormatinya dengan gelaran 'Putera Minyak Negara.' Dewan Perniagaan Melayu dalam resolusi 6hb. Julai 1975 yang dibuat sebulat suara telah menamakan Tengku Razaleigh 'Bapa Ekonomi Malaysia.'

Semasa mengumumkannya Tan Sri Syed Jaafar Albar berkata, "Gelaran ini adalah lebih layak lagi memandangkan usaha beliau yang tidak pernah mengenal penat lelah berjuang untuk kepentingan bukan saja kaum Bumiputera tetapi juga semua rakyat Malaysia." Semasa membentangkan segala pencapaian Tengku Razaleigh, Tan Sri Syed Jaafar melafazkan keyakinannya bahawa Tengku Razaleigh mempunyai peranan yang lebih besar dalam hal-ehwal negara. "Kita harus menjaga imejnya kerana beliau akan mencapai kedudukan yang lebih tinggi dalam hal-ehwal negara. Kita tidak mahu beliau



berada di Bank Bumiputra dan PETRONAS selama-lamanya."

Senator Nik Hassan bin Nik Yahya telah menyokong kata-kata Tan Sri Syed Jaafar dan beliau yakin bahawa Tengku Razaleigh seperti Tun Abdul Razak, 'Bapa Pembangunan' dan Tunku Abdul Rahman, 'Bapa Kemerdekaan' akan menepati penghormatan yang diberikan kepadanya.

Dalam ucapan yang dibacakan dalam mesyuarat Dewan Perniagaan Melayu, perhatian khusus telah diberikan kepada peranan Tengku Razaleigh dalam PETRONAS dan dalam urusan mengambilalih Haw Par — suatu kejayaan besar oleh Pernas Securities untuk memberinya hak menguasai London Tin iaitu perbadanan perlombongan yang terbesar di dunia. Walau bagaimanapun isu-isu yang berkaitan dengan percubaan mengambilalih syarikat yang menjadi rebutan ini telah sengaja dibesar-besarkan sehingga pada suatu peringkat mengancam perhubungan Malaysia dengan jirannya Singapura.

Kekecohan yang timbul selepas itu banyak disebabkan oleh penglibatan kumpulan Slater-Walker dan salah faham mengenai matlamat utama Pernas Securities. Masalah yang berkaitan telah diselesaikan akhirnya di peringkat tertinggi di antara kedua-dua negara. Matlamat PERNAS telah tercapai tetapi skandal Haw Par berterusan bertahun-tahun lamanya dan berakhir dengan hukuman penjara ke atas Encik Tarling, seorang rakan sejawat bekas tokoh korporat Jim Slater.

Menurut Tengku Razaleigh, berita yang dibesar-besarkan oleh media akhbar mengenai peristiwa pengambilalihan itu sampai sehari-hari lamanya tidaklah semuanya betul. Orang ramai dan masyarakat perniagaan hanya mula mengetahuinya apabila berita tersebar pada 29hb. Mei 1985. Pengumuman awal mengatakan Pernas Securities bercadang menjual kesemua modal berbayar, subsidiarinya, Tradewinds (M), kepada Haw Par Brothers International Bhd., sebuah syarikat yang didaftarkan di Singapura untuk mendapatkan 70 juta saham Haw Par yang baru.

Rancangan ini akan memberikan Pernas Securities hak milik 39.7% dalam Haw Par yang menjadikannya pemegang

saham tunggal yang terbesar selepas Ivory dan Sime Management Trusts dan Charter Consolidated Limited. Tradewinds, dengan aset berjumlah M\$136 juta, menguasai 20% saham London Tin dan 19% Island and Peninsular Development. Lagipun, ia memiliki 10% saham dalam Sime Darby Holdings. Akibat dari urusan ini Haw Par yang memiliki 30% London Tin akan menjadi syarikat induknya.

Dalam suatu kenyataan, Pernas Securities berkata bahawa dengan meletakkan kepentingan pelaburannya dengan Haw Par, sebuah syarikat utama yang baru akan ditubuhkan dengan kira-kira 75% asetnya berada di Malaysia:

Dengan mengambil 39.7% kepentingan dalam syarikat Haw Par yang diperbesar itu, Pernas Securities akan memperolehi bagi faedah Malaysia saham yang paling besar dalam sebuah syarikat yang amat banyak melabur dalam bidang sumber-sumber asli Malaysia. Ini akan juga membolehkan Malaysia meluaskan penyertaan dan pengaruhnya di dalam perniagaan-perniagaan yang mempunyai perusahaan-perusahaan utama di Malaysia.

Semasa mengalu-alukan pertaliannya dengan Pernas Securities yang dianggapnya sebagai 'rakan yang logikal' dan bekerjasama dengannya beberapa tahun lamanya memajukan syarikat Island and Peninsular, Haw Par menyatakan bahawa ia tidak berniat memindahkan domisil London Tin daripada Britain atau menawarkan saham-saham London Tin yang belum dijual. Haw Par menekankan bahawa "Lembaga Pengarah memang berhasrat untuk mencari jalan memindahkan operasi perlombongan ke Malaysia melalui cara-cara yang adil dan bersifat komersial, selaras dengan pemikiran dan aspirasi semasa Malaysia."

Pernas Securities meminta pengurusan Haw Par yang ada supaya meneruskan operasinya tetapi lembaga Haw Par telah bersetuju sebulat suara meminta Tengku Razaleigh menjadi Pengerusi kumpulan itu menggantikan Encik J.G.S. Gammel yang dicadang menjadi timbalan pengerusi dan Encik D.E. Ogilvy Watson dikekalkan sebagai Pengarah Urusan.

Tetapi usaha Malaysia untuk mencapai cita-citanya ini nampaknya telah membelakangkan kepentingan Singapura, maka pada 19hb. Jun 1975, Securities Industries Council (SIC) pun bertindak menolak urusjanji itu di bawah kuasa ambalalih dan penggabungan syarikat. Sebelum itu ia telah meminta Pernas Securities memberi penjelasan mengenai tawarannya. Ia "tidak dapat memberi sebarang penjelasan yang wajar mengenai tawaran itu tetapi menegaskan bahawa urusan itu adalah tawaran untuk menjual dan tidak kena-mengena dengan kuasa tersebut — melainkan yang berhubung dengan peraturan am iaitu pihak penawar wajib memberikan maklumat sepenuhnya kepada para pemegang saham Haw Par," kata SIC.

Pihak SIC membuat perintah bahawa Pernas Securities tidak wajar membuat tawaran 39.7% dari ekuiti "untuk memperolehi kuasa yang berkesan." Oleh itu kata SIC, Pernas Securities hendaklah membuat tawaran am kepada golongan pemegang saham Haw Par yang lain.

Tengku Razaleigh segera membidas mengatakan beliau tidak mahu membuat tawaran am. "Mengapa harus saya berbuat demikian? Kalau mereka (SIC) mesti mencekik pesakit untuk membuktikan kaedah pembedahan merekalah yang terbaik, saya tidak boleh sekat mereka. Mereka punya peraturan — mereka berhak mentafsirkannya sesuka hati."

Terdahulu dari itu untuk mengatasi kebuntuan ini yang nyata boleh merosakkan perhubungan baik di antara dua negara itu, Tengku Razaleigh mengunjungi Menteri Kewangan Singapura, mendiang Encik Hon Sui Sen pada bulan Jun. Menurut Encik Hon:

Saya pastikan kepada beliau dalam pertemuan itu bahawa kerajaan Singapura tidak ada apa-apa halangan pada dasarnya kalau PERNAS atau mana-mana syarikat asing hendak memperolehi kepentingan dalam syarikat Singapura. Saya juga menyatakan kekhuatiran saya bahawa urusjanji yang dicadangkan (dengan PERNAS) akan menyebabkan kepentingan saham yang kecil-kecil dalam Haw Par jatuh dari 74% kepada 44%. Tengku Razaleigh sendiri mengakui bahawa urusjanji

itu tertakluk kepada kelulusan SIC dan juga London City Panel, selain dari kelulusan dari pihak berkuasa di Malaysia. Selepas pertemuan itu, kementerian saya membuat kenyataan akhbar di mana teksnya telah dipersetujui oleh Tengku Razaleigh.

Encik Hon dalam kenyataannya kepada Parlimen Singapura mengatakan bahawa "penyiasatan awal mengenai operasi Haw Par (yang dijalankan pada Jun 1975) nampaknya mengesahkan bahawa kesalahan serius mungkin telah dilakukan oleh beberapa pegawai syarikat itu."

Pada 2hb. Julai sepasukan pemeriksa telah dilantik untuk memeriksa hal-ehwal syarikat itu. Tidak lama kemudiannya Encik Ogilvy Watson dan Encik Ian Tambllyn (seorang lagi Pengarah) telah "meninggalkan Singapura dengan tergesa-gesa." (Satu penyiasatan rapi telah dijalankan dan beberapa tahun kemudian berjaya dihantar balik Encik Richard Tarling ke Singapura dan dihukum di bawah Akta Syarikat).

Masyarakat Malaysia amnya berasa kecewa. Walaupun kenyataan Encik Hon dibuat dengan amat teliti untuk menerangkan fakta-fakta yang terlibat, namun masih dapat dirasakan bahawa Singapura masih marah dan cuba menghalang pengambilalihan. (Bagaimanapun, kenyataan Encik Hon itu dikeluarkan pada akhir Julai dan perkara ini tidak lagi menjadi isu kepada Pemas Securities).

Membayangkan pemikiran Malaysia, Tengku Razaleigh pada 6hb. Julai menyentuh tentang keperluan untuk "membebaskan ekonomi kita dari genggaman kapitalis luar." Mengenai Singapura pula beliau berkata, "kalau negara-negara lain mempunyai undang-undang dan peraturan untuk menentukan ekonomi mereka tidak jatuh ke tangan orang lain, masanya sudah tiba bagi Malaysia menguasai sumber-sumber sendiri."

Katanya, 'nasionalisme ekonomi' perlu bagi Malaysia, lalu beliau menegur sikap syarikat-syarikat asing di Malaysia yang "tidak menyambut baik aspirasi dan keperluan rakyat."

Soal penguasaan asing atas ekonomi negara harus mendapat perhatian yang saksama kerana masalah ini melibatkan keselamatan negara juga, katanya.

Apakah sebenarnya matlamat Pernas Securities dalam usahanya untuk menguasai Haw Par dan apakah yang berlaku di sebalik percubaan ini? Ini adalah satu lagi muslihat membela kepentingan 'kewangan negara' dalam mana Tengku Razaleigh memainkan peranan utama.

Cadangan untuk menguasai syarikat-syarikat multinational seperti Haw Par telah disuarakan setahun sebelum itu semasa makan tengah hari di Kelab Golf Selangor. Tun Ismail Ali dan Raja Mohar adalah tamunya. Tengku Razaleigh menjelaskan bahawa memandangkan kepesatan perkembangan perniagaan ketika itu, pihak Bumiputera akan ketinggalan zaman. Katanya syarikat-syarikat kepunyaan Cina yang ada tidak harus cuba dikuasai kerana perkara ini sensitif. Tetapi, katanya:

Syarikat-syarikat asing adalah suatu perkara lain. Lembaga Pengarah mereka di London tidak tahu mengenai nilai sebenar aset mereka di Malaysia. Tun Ismail bersetuju dan saya terus menemui Tun Razak. Beliau merestuinnya.

Tengku Razaleigh pun berlepas ke London untuk berbincang dengan ahli-ahli bank terutama sekali dengan Lord Shawcross, Pengerusi panel mengambilalih di sana.

London Tin ada keistimewaannya — ia menguasai berbagai syarikat perlombongan di Malaysia. Lagipun ia banyak wang tunai. Tengku Razaleigh amat berminat terhadap syarikat ini, maka kembalilah beliau ke London untuk berbincang dengan Encik John (Jim) Slater yang telah pun berjaya menguasai Haw Par Brothers International di Singapura beberapa bulan sebelum ini.

Ekoran dari perbincangan pertama dengan Jim Slater, Tengku Razaleigh membuat 'perjanjian lisan' dengan beliau. Syarikat Walker lebih berminat untuk mendapatkan aset syarikat di Singapura dan suatu urusan telah diambil untuk mengendalikan operasi ini secara bersama. Pernas

Securities yang lebih berminat untuk mendapatkan London Tin telah meminta kumpulan Slater-Walker untuk "menyimpan saham London Tin" bagi pihak PERNAS dan bersetuju akan membereskannya nanti. Slater pun membeli saham London Tin yang ada di Hong Kong tetapi tidak sampai ke tahap yang dikira melanggar undang-undang ambillah Hong Kong:

Tiba-tiba isu Haw Par meletup di Singapura. Saya mencadangkan supaya kami berpecah dan mengambil haluan berasingan. Kami (iaitu PERNAS) terus membeli London Tin dan cuba mendapatkan Island and Peninsular. Kami sebenarnya tidak berminat mengambillah Haw Par dan apabila SIC Singapura campur tangan, saya memberitahu Tarling perkara itu adalah masalah beliau, bukan masalah kami.

Pihak-pihak yang terlibat dalam hal ini sentiasa sedar akan kepentingan masing-masing, walaupun ada laporan-laporan dan kenyataan-kenyataan yang memburukkan melalui media. Tengku Razaleigh berkata:

Saya telah menjelaskan kepada Jim Slater semasa perjumpaan kami yang pertama lagi bahawa minat utama kami ialah mendapatkan London Tin. Kami memerlukannya kerana ia mempunyai saham-saham utama di Singapura dan Hong Kong dan kami bersetuju, saya akan diberitahu bila ada langkah serentak membelinya untuk mencapai matlamat ini. Apabila pembelian sampai ke titik penentuan pengambilalihan dan kami terpaksa menawar untuk membeli saham London Tin yang lain kesemuanya, kami berjanji akan menyelesaikan akaun. Ini bermakna Slater boleh memindahkan saham London Tin di Singapura itu ke dalam Haw Par.

Inilah apa saya beritahu Hon Sui Sen. Tetapi kebetulan pada masa itu ada tuduhan urusan sumbang di antara anak-anak syarikat Slater di Hong Kong dan Singapura tetapi kami tidak terlibat dalam hal ini, bahkan kami sama sekali tidak tahu-menahu pun mengenai hal-hal yang ditimbulkan selepas itu oleh kerajaan Singapura. Percubaan kami untuk menguasai Haw Par tidak dapat dielakkan kerana ia mempunyai alat yang mustahak untuk memenuhi syarat-syarat perjanjian. Kami memang kecewa sekali apabila Singapura menghalang urusan ini.

Sementara itu, secara diam-diam, Pernas Securities telah berjaya membeli blok saham yang strategik dalam London Tin sebagai alas sekiranya timbul kerumitan — yang akhirnya timbul juga. Sebahagian dari saham pegangan Haw Par di London Tin pada mulanya dibeli oleh sebuah syarikat kumpulan yang berpangkalan di Belgium. Jadi terpaksa Pernas Securities membeli saham tersebut dengan harga yang lebih tinggi. Tetapi puas hati kerana dengannya Pernas Securities berjaya menguasai London Tin. Maka bermulalah sejarah baru London Tin dan anak-anak syarikatnya — tiap-tiap satunya menguasai syarikat-syarikat perlombongan yang utama di Malaysia — di bawah penguasaan sebuah syarikat kumpulan Bumiputera.

Mengenangkan babak terakhir dalam peristiwa yang bersejarah itu, Tengku Razaleigh berkata, "Jim Slater datang menemui saya semasa krisis itu sedang memuncak dan menyatakan bahawa beliau terpaksa menjual saham-sahamnya. Kami pun mengambilalih tanggungan semuanya termasuk kos. Itu yang kami janjikan dan kedua-dua belah pihak menepati janjinya."

Secara lebih diam-diam lagi Pernas Securities telah pula mendapat pegangan yang strategik dalam Sime Darby melalui bantuan Kuwait. "Kami membuat keputusan tidak akan melawan secara proksi — kami cuma hendak menyingkirkan puak pengurusan British. Kami terpaksa membeli lebih banyak lagi saham dari yang kami jangkakan tetapi kami berjaya menggantikan British dengan orang Malaysia dalam Lembaga." Saham yang berlebihan telah dijualkan selepas itu. Institusi-institusi yang mewakili Kuwait yang diketuai oleh orang-orang yang dikenali oleh Tengku Razaleigh kemudian telah melepaskan pegangan mereka dengan keuntungan.

Suatu keadaan yang sama hampir terjadi dan kali ini melibatkan Henry Keswich (dari syarikat Jardine). Beliau mencadangkan supaya mereka memulakan gerakan mengambilalih kepentingan Guthrie di Malaysia. Rancangan ini tidak jadi tetapi pada masa itu Tengku Razaleigh telah pun

menyedarkan sektor perniagaan bahawa PERNAS sedang membangun dan akan berjaya terus.



## Bab 22

Ekoran kejayaannya mengendalikan perniagaan PETRONAS dan PERNAS, kedudukan Tengku Razaleigh dalam hal-ehwal tanahair mencapai puncaknya apabila Perhimpunan Agung UMNO diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Jun 1975.

Seminggu sebelum penamaan calon ditutup, lebih dari 100 orang telah dinamakan untuk bertanding merebut 20 kerusi Majlis Tertinggi dan 15 orang bertanding untuk tiga jawatan Naib Presiden. Menjelang hari mengundi tinggal hanya 74 untuk kerusi Majlis Tertinggi dan lapan untuk Naib Presiden. Tengku Razaleigh dan Ghafar Baba bertanding untuk pemilihan semula, sementara yang enam lagi termasuklah Dr. Mahathir Mohamad, Dato' Harun Idris (yang meletakkan jawatan Ketua Pemuda), Tan Sri Ghazali Shafie dan Tan Sri Jaafar Albar. Presiden UMNO, Tun Razak dan timbalannya, Tun Hussein Onn tidak ditentang.

Encik Ghafar Baba telah dipilih semula, mendapat 838 daripada 1078 undi yang dicabut. Tengku Razaleigh mengekalkan kerusinya dengan 542 undi, sementara Dr. Mahathir telah dipilih sebagai Naib Presiden dengan 474 undi. Selepas perlantikan semula, Tengku Razaleigh yang terus bertugas sebagai Bendahari parti telah menerangkan kepada ahli-ahli UMNO mengenai kemajuan usaha membina ibu pejabat parti yang baru. Rekabentuknya belum lagi diputuskan, itulah sebabnya usaha pembinaannya terlambat. Kos kompleks itu dianggarkan berjumlah \$120 juta.

Ibu pejabat parti yang baru itu, terletak di tengah-tengah kompleks konvensyen besar Pusat Dagangan Dunia Putra, telah dibuka secara rasmi tahun lalu (1985). Kos binaan lebih

sedikit dari \$370 juta, hampir tiga kali ganda daripada yang dianggarkan sepuluh tahun lalu. Namun begitu, UMNO dapat menjelaskan pembayarannya melalui penjualan saham securiti berjumlah lebih \$130 juta. Saham ini telah diperolehi selama beberapa tahun oleh Tengku Razaleigh selaku Bendahari parti. Pembiayaan pembinaan untuk membina kompleks UMNO dan Pusat Dagangan Dunia Putra (*Putra World Trade Centre*) itu ialah melalui satu tabungan politik yang mengaut hasil dari berbagai perniagaan, termasuklah syarikat Fleet Holdings yang ditubuhkan dalam tahun 1973. UMNO perlu bebas dan berdikari dalam soal kewangan — terutamanya bebas dari pengaruh badan-badan perniagaan besar. Keperluan inilah yang telah menggerakkan Tengku Razaleigh membeli stok dan harta atas nama parti. Fleet telah ditubuhkan mula-mulanya sebagai sebuah syarikat swasta di bawah kelolaan Tengku Razaleigh untuk membolehkannya membeli *New Straits Times* untuk UMNO. Selepas itu syarikat ini menjadi alat pelaburan perniagaan UMNO yang utama. Ketika beliau memindahkan tugas ini pada tahun 1985, setelah melepaskan jawatannya sebagai Bendahari, harta syarikat Fleet berjumlah lebih dari \$600 juta.

Fleet berasal dari perpecahan monopoli kumpulan akhbar *Straits Times* mengurus segala operasinya di Malaysia dari ibu pejabatnya di Singapura sehingga tahun 1973.

Pemuda UMNO membantah kuat kerana media akhbar Malaysia dikuasai oleh bangsa asing iaitu syarikat-syarikat kepunyaan British dan Singapura yang menguasai *Straits Times Press (M) Sdn. Bhd.* dan juga cawangan syarikatnya di Singapura. Satu resolusi telah diluluskannya dan Tun Razak mahukan ia dilaksanakan. Kata Tengku Razaleigh:

Tun memanggil saya — beliau menyebut saya sebagai “kawan *big business* saya” — dan mahukan saya membeli blok saham strategik dalam *Straits Times* yang dipegang oleh seorang ahli bank Singapura. Saya terkejut tetapi bersetuju membeli saham-saham itu seperti yang diarahkan.

Beberapa perjumpaan telah diadakan dengan Encik A.C.

Simmons, orang kuat *Straits Times* pada ketika itu dan seorang Pengarah lagi, C.C. Tan. Harga saham telah dipersetujui selepas tawar-menawar dan struktur syarikat *Straits Times* kepunyaan Malaysia juga telah dipersetujui. Namanya ditukar kepada *New Straits Times* (M) Sdn. Bhd. — NSTB.

Tengku Razaleigh membeli saham-saham itu secara hak peribadi dan melaburkannya dalam sebuah syarikat baru, Fleet Holdings — yang dikecualikan dari cukai. "Saya sedang berlepas ke Rusia untuk bersama dengan Tun Razak dalam lawatan rasmi dan nama yang pertama sekali terlintas dalam fikiran ialah Fleet Street. Nama itu sungguh sesuai."

Tengku Razaleigh kemudiannya meminta supaya dilepaskan dari tanggungannya ke atas NSTB dalam kumpulan Fleet tetapi Tun Razak pada mulanya enggan. Mereka telah dinasihati oleh Encik Simmons agar UMNO jangan memegang kuasa besar dalam operasi suratkhbar kerana perkaitan semacam itu adalah sensitif. Tengku Razaleigh bagaimanapun merasakan bahawa oleh kerana UMNO telah berkempen untuk menguasainya maka UMNO hendaklah bertindak memiliki syarikat itu. "Kata Tun UMNO tidak ada wang. Saya jawab saya akan usahakan pembiayaannya dan beliau akhirnya bersetuju. Tetapi beliau mahu saya menguruskan operasi penerbitan. Saya kata saya tidak akan melakukannya kerana tugas-tugas saya di PERNAS, Bank Bumiputra dan sebagainya sedang menunggu. Oleh itu Encik (Datuk) Junus Sudin (masa itu seorang akauntan di ICI) telah di jemput untuk menguruskan operasi NSTB."

Syarat-syarat perjanjian dengan *Straits Times* (M) Bhd. seperti terbayang dalam kos keseluruhannya, termasuklah nilai aset bersih, harga premium 'goodwill' dan kos lesen-lesen untuk menerbitkan berbagai jenis penerbitan yang diwarisi dari pembelian itu. Fleet menguasai 80% milik syarikat itu dan pihak Singapura memegang 20%. Buat sementara waktu Singapura menyediakan input editorial dan mengawal segala aspek perakaunan pengiklanan yang diperolehi dari kedua-dua edisi Malaysia dan Singapura. Perjanjian juga telah dibuat untuk sama-sama membeli kertas

cetak dan bahan-bahan percetakan yang lain.

NSTB menjadi syarikat awam di Malaysia pada awal tahun 1973, dengan 45% dari modal terbitan ditawarkan kepada orang ramai. Saham nilai par \$1 telah ditawarkan dengan harga \$5 satu saham. Syarikat Fleet terdahulu dari ini telah pun membeli saham-saham itu dengan harga \$2.80 tiap satu.

Tengku Razaleigh tidak menyesal melepaskan peluang untuk menjadi tokoh media Malaysia dan untuk meraut keuntungan pula ketika saham-saham NSTB itu diperdagangkan. "Bagi saya pegangan itu dibeli untuk UMNO, oleh itu saya tidak seharusnya mendapat keuntungan secara peribadi." Walaupun beliau tahu nilai sebenar saham NSTB, beliau tidak memegang walau satu saham pun sebelum menjadikan Fleet sebuah syarikat pelaburan UMNO dan beliau tidak pula membuat apa-apa pembelian dalam pasaran saham.

Lagi satu pembelian besar yang diusahakan oleh Tengku Razaleigh bagi pihak Fleet ialah setahun kemudian iaitu pada tahun 1974. "Khoo (Kay Peng) datang menemui saya untuk berbincang mengenai Bian Chang Bank, yang mempunyai hanya sebuah cawangan di Kuching. Ia dikuasai oleh Datuk Wee Hood Teck (saudara tiri Pengerusi Eksekutif UOB, Wee Cho Yaw) dan beliau ingin melepaskan pegangannya untuk harga yang berpatutan." Encik Khoo membuat perundingan bagi pihak yang berminat dan melaporkan bahawa harga yang diminta adalah munasabah. Harga yang dibayar oleh Fleet tidak diketahui. Tengku Razaleigh berkata mereka telah "membayar lebih sedikit dari yang sepatutnya" — tetapi mungkin dengan harga di antara \$2 dan \$2.25 tiap saham mengikut bukti yang ada. Kata Tengku Razaleigh:

Apabila kami berjaya mendapatkan Cho Yaw dan UOB menjual 30% pegangan mereka, kami dapat kuasa 100%. Khoo tidak senang saham itu saya berikan kepada Fleet tetapi saya rasa saya patut memberikannya. Saya memanggil Junus (Sudin) dan memberitahu bahawa Fleet sudah punya bank baru. Beliau gembira tetapi agak terkejut. Tidak ramai di antara tokoh-tokoh UMNO ketika itu percaya yang kita mampu

membeli sebuah bank — walaupun bank kecil yang amat sedikit orang mengetahuinya.

Nama bank itu ditukarkan kepada Bank of Commerce Berhad (BCB) dalam fasa pertama rancangan untuk membuang imej kedaerahan bank itu. Menurut Tengku Razaleigh:

Tidaklah adil membebankan Junus dengan pengurusan bank di samping tugasnya dalam NSTB. Lagipun kita perlu memperkukuh dan memperkembang operasinya dengan segera. Pada ketika itu saya teringat kepada Lord Shawcross yang menjadi Pengerusi Morgan Guaranty International. Saya berbincang dengan beliau dan beliau bersetuju Morgan Guaranty International menguruskan BCB dengan mengambil 30% dari ekuitinya.

Morgan membayar \$3.2 juta ke atas saham bernilai \$2.40 tiap satu. BCB ditubuhkan pada tahun 1924 dan segera melangkah maju setelah Fleet mengambilalih dan pada tahun 1983 asetnya bertambah dari \$43 juta kepada \$428 juta. Pada tahun 1985 Fleet melalui BCB cuba mendapatkan saham berkuasa dalam Pertanian Baring Sanwa Bhd., sebuah anak syarikat Bank Pertanian.

Sekali lagi, Tengku Razaleigh tidak mengambil ekuiti dalam BCB walaupun beliau bertanggungjawab mewujudkan hubungan antarabangsa BCB dengan Morgan Guaranty. "Itu adalah untuk UMNO, bukan untuk saya."

Seorang pejuang kuat UMNO mengatakan bahawa tanpa Fleet, tabung UMNO akan tinggal kosong:

Sekiranya tidak ada Pusat Putra, kita terpaksa bergantung kepada bantuan luar untuk membiayai kempen pilihanraya. Saya gentar memikirkan betapa banyaknya UMNO akan terhutang budi kepada para penanggungnya — yang kebanyakannya tentu terdiri dari orang Cina. Sebaliknya kita telah dapat menjaga maruah diri — dan kita terhutang budi kepada Tengku Razaleigh kerana membuat UMNO lebih teguh dari segi kewangan — lebih teguh dari parti-parti komponen Barisan Nasional. Saya amat berharap supaya parti itu dapat kiranya mengucapkan penghargaan mereka secara lebih nyata apabila Pusat Putra dibuka pada tahun lalu. Sebaliknya,

penyerahan (akaun parti oleh Tengku Razaleigh, bekas Bendahari) itu dilakukan tanpa penghargaan. Alangkah malunya!

## Bab 23

Kecekalan yang tidak mudah kalah yang ditunjukkan oleh Tun Razak memimpin Malaysia keluar dari bahang tragedi Mei 1969 kepada suatu zaman kestabilan dan kemajuan negara adalah bukti yang cocok mengapa beliau disanjung sebagai Perdana Menteri yang paling pragmatik dan bijak sejak 1957.

Kematian beliau yang tiba-tiba pada bulan Januari 1976 telah mengejutkan seluruh negara dan mengakibatkan suatu kekosongan politik yang terpaksa diisi oleh pemimpin-pemimpin politik yang menerima setinggi-tinggi tanggungjawab negara secara mendadak. Mereka yang tidak cukup sedia telah pun diketepikan. Begitu juga nasib mereka yang menjadi oportunistik politik. Sebaliknya, para pemimpin muda yang telah dididik oleh Tun Razak tiba-tiba mendapat peluang untuk membuktikan kebolehan masing-masing. Hanya sebilangan saja telah berjaya menunjukkan kebolehan untuk menyambut tugas yang diberikan dan mereka ini adalah sebahagian dari pucuk kepimpinan UMNO sekarang yang menjadi teras perikatan Barisan Nasional yang berkuasa sekarang.

Walaupun kematian Tun Razak begitu tragik dan amat mendukacitakan Tengku Razaleigh, beliau merasa terpaksa mengikis segala keraguan yang lalu dan membuat ketetapan akan menjadikan politik sebagai kerjaya hidupnya. Jika tidak kerana janji sucinya kepada Tun Razak beberapa hari sebelum kematiannya, Tengku Razaleigh mungkin terus berada di luar ambang teraju kerajaan, walaupun terus berkhidmat untuk negara dan UMNO mengikut caranya yang begitu ketara.

Beliau sama sekali tidak mengetahui betapa tenatnya keadaan Tun Razak — betapa beliau menghidap penyakit leukemia sejak tahun 1970 dan betapa para dokternya memberikannya kurang dari enam tahun untuk hidup. Ini adalah salah satu rahsia negara yang paling berjaya dirahsiakan dan hanya tiga orang sahaja mengetahuinya dan itu pun beberapa bulan sebelum beliau meninggal.

Perhubungan di antara Tengku Razaleigh dan Tun Razak adalah sentiasa mesra tetapi kompleks. Secara mudah ia merupakan perhubungan antara bapa dengan anak tetapi oleh kerana perbezaan umur mereka adalah 15 tahun sahaja, maka persahabatan mereka amatlah rapat. Tetapi perhubungan antara ketua dan petugas adalah nyata juga, ditegaskan lagi oleh rasa sayang-hormat terhadap cara berpolitik Tun Razak, komitmennya terhadap pembangunan negara serta tenaga yang ditumpukan kepada tugas-tugas untuk mencapainya itu.

Mereka berkenalan bertahun-tahun lamanya sebelum Tun Razak dan Tunku Abdul Rahman cuba memujuk beliau supaya bertanding atas nama UMNO di pilihanraya kecil merebut kerusi Rantau Panjang (Kelantan) pada tahun 1962. (Tengku Razaleigh yang ketika itu baru sahaja pulang dari London merasakan dirinya belum layak lalu menolak). Beliau berkata:

Dalam tahun-tahun 50-an ketika Darurat sedang memuncak, ayahanda saya kerap berkunjung ke Kuala Lumpur. Kami menaiki keretapi barang dari Kuala Krai ke Kuala Lipis dan bermalam di sana. Pada masa itu Tun menjadi Setiausaha Negeri Pahang dan baru berusia lewat 20-an. Pertemuan rasmi kami yang pertama adalah selepas pilihanraya kecil Rantau Panjang. Saya telah diminta datang ke Kuala Lumpur untuk berjumpa dengan Tunku Abdul Rahman. Tun menjemput saya untuk berbicara di pejabatnya dan beliau meminta pertolongan saya di Kelantan. Saya menolak dengan alasan bahawa saya tidak mempunyai pengalaman, tambahan lagi UMNO memang dibenci di negeri itu. Maka saya pun diberitahu mengenai rancangan mereka untuk saya, termasuk perlantikan ke Bangsa-bangsa Bersatu. Malam itu saya telah



dijemput makan malam di rumah Tunku. Di situ saya mendapat pendedahan politik yang pertama daripada pucuk pimpinan Tinggi UMNO — Sardon, Bahaman dan Tun Dr. Ismail.

Selepas itu semuanya adalah sejarah — tentang kemajuan Tengku Razaleigh yang begitu pantas dalam politik tanahair serta perhubungan rapatnya dengan Tun Razak.

Pada akhir tahun 1975, selepas dipilih semula sebagai Naib Presiden UMNO, Tengku Razaleigh telah dipanggil oleh Tun Razak sebelum beliau memulakan lawatan rasmi ke Australia:

Beliau meminta saya memikirkan soal menjadi menteri Kabinet. Saya cuba mengelakkan isu ini dan oleh kerana beliau memang tidak banyak cakap, tidaklah beliau menimbulkan perkara ini lagi. Najib (anak Tun Razak, yang ketika itu penolong khas Tengku Razaleigh di PETRONAS dan kini Menteri Besar Pahang) mendesak saya untuk menerima tetapi saya tetap dengan keputusan saya.

Tun Razak tidak dapat sambutan yang baik di Australia. Para penuntut Malaysia di Australia dan New Zealand mengadakan demonstrasi membantah dasar kerajaan dan Tun Razak kembali ke tanahair dengan perasaan 'terkemam.' Tidak ramai yang menyangkakan kesihatan beliau telah menjadi begitu merosot 'seolah-olah ajalnya sudah tiba.' Tun Razak menimbulkan lagi perkara menawarkan jawatan menteri dan kemudiannya Dr. Lim Chong Eu menemui Tengku Razaleigh (di Aviary Lounge, Hotel Hilton Kuala Lumpur). "Saya kata saya akan terima kalau begitu kehendak Tun dan saya sebut Kementerian Kewangan sebagai jawatan yang mencabar." Kementerian-kementerian lain juga mereka bincangkan. Pagi esoknya Khalil (Akasah, penolong khas Tun) pula datang menemuinya. Mereka berbincang mengenai hal-hal yang telah pun disentuh oleh Dr. Lim malam tadi.

Pada awal bulan Disember, Tun menjemput Tengku Razaleigh ke Sri Taman untuk minum teh. Tun memakai baju Melayu, duduk di kerusi goyang, lututnya berselimut, sedang mendengar perbahasan di Parlimen:

Katanya dia letih dan tidak sihat — tanpa menerangkan apakah penyakitnya. Saya mencadangkan beliau bercuti tetapi katanya terlalu banyak kerja yang mesti dibereskan. Beliau juga berkata hendak menyusun semula Kabinet — beberapa kemungkinan dibayangkan tetapi tidak secara spesifik. Tiba-tiba beliau bertanya saya nak ke mana waktu Krismas. Katanya dia akan bercuti rehat ke Eropah, kemudian periksa kesihatannya di London. Seperti biasa, beliau cukup hati-hati tentang perbelanjaan yang tidak perlu.

Orang tahu Tun Razak inginkan sebuah kolam renang di kediaman rasminya. Tetapi oleh kerana kosnya besar kepada kerajaan, memadailah padanya sebuah kolam.

Tengku Razaleigh telah diminta menunggu satu telegram. Telegram itu menyuruhnya bertolak ke London untuk menemui Perdana Menteri:

Setelah lima hari berada di Paris, Tun jatuh sakit dan dikejarkan ke London. Saya menerima telegram meminta saya berlepas segera dengan kapal terbang pertama yang saya dapat. Sebuah bilik telah disediakan di Park Towers. Ketibaan saya telah disambut oleh seorang pegawai dari Suruhanjaya Tinggi. Saya hendak mendaftarkan diri ke hotel sebelum melawat Tun. Saya terkejut bila diminta tunggu saja kerana Tun akan datang ke hotel.

Lewat petang itu mereka bertemu — dalam sebuah bilik yang lain di hotel itu. Mereka makan malam bersama dan kemudian mereka membuat temu janji pada 11.30 pagi esok untuk bersiar-siar. Mereka berjalan kaki ke Serpentine, diiringi oleh doktor-doktor dan pegawai-pegawai dari Scotland Yard. "Beliau bersungut tentang sikap Tun Mustafa dan Dato' Harun yang berdegil." Pada hari keempat semasa sarapan pagi beliau berterus-terang dengan Tengku Razaleigh. "Katanya beliau hendak melancarkan Rancangan Malaysia Ke-3 di Langkawi pada 16hb. Januari 1976. Kemudian, Kabinet akan dirombak. Katanya beliau bercakap sebagai bos saya dan mahu saya berjanji sungguh-sungguh bahawa saya akan terima jawatan Menteri Kewangan. Saya menerimanya — terutama sekali setelah beliau menegaskan 'tidak mahu' saya

menolak. Saya juga diminta menyimpan rahsia ini."

Hari itu, mereka makan tengah hari di Simpson — restoran daging panggang yang digemarinya. "Beliau menandatangani kami pergi membeli-belah selepas itu. Beliau ingin membeli bingkisan di Austin Reed untuk kakitangannya. Di situ saya perhatikan beliau teringin kepada satu suit sutera yang dipamerkan. Beliau mencubanya beberapa kali tetapi mahal sangat katanya." Mengikuti seorang diplomat yang telah bersara, selepas Tun balik, Tengku Razaleigh kembali ke Austin Reed dan kemudian membeli suit yang diidami oleh Tun itu. Tun amat gembira dan terus mengajak keluar makan malam. Malam esoknya Tengku Razaleigh mengadakan makan malam dengan semua kakitangan Suruhanjaya Tinggi di Mirabelle. Tun Razak berasa uzur dan terpaksa dikejarkan pulang.

"Hanya pada pagi esok saya nak bertolak pulang baru saya tahu betapa teruk penyakitnya itu," kata Tengku Razaleigh. Sejak Mei 1969, pakar yang merawat Tun Razak telah berulang-alik ke Kuala Lumpur di sebuah banglo kerajaan yang telah diubahsuai sebagai tempat pembedahan. Oleh kerana rumah itu berhampiran dengan rumah Tun Dr. Ismail, beliau telah pergi ke sana berpura-pura kononnya untuk melawat Dr. Ismail. Kata Tengku Razaleigh:

Walaupun beliau telah meminta doktornya memberitahu saya keadaan sebenar penyakitnya, doktor itu hanya menyebutnya sebagai 'penyakit darah.' Tiga hari selepas saya pulang saya terima kawat yang mengatakan beliau rebah dan telah dikejarkan ke London Clinic.

Tun Hussein, Tengku Razaleigh, Ghafar Baba dan Dr. Mahathir menunggu tiap-tiap malam di Kuala Lumpur. Dr. Mahathir sebagai seorang doktor telah menduga Tun menghidap penyakit leukemia, begitu juga pendapat Dr. Lim Chong Eu.

Tun Razak berkeras hendak pulang ke Kuala Lumpur. Suatu penerbangan khas MAS telah dihantar ke London, tetapi Tun Razak telah meninggal dunia pada 14hb. Januari

1976, hanya beberapa jam sebelum beliau dijadual berangkat menaiki kapal terbang itu. Kata Tengku Razaleigh:

Saya teringat Hussein Onn berkata, "Nampaknya sayalah Perdana Menteri sekarang." Orang yang pertama sekali saya pergi berjumpa ialah Tunku. Saya menerangkan perihal janji yang telah saya padukan dan bertanya sama ada saya harus menepati janji itu. Kata Tunku saya tidak boleh mungkir janji kepada seorang yang sedang tenat. Selepas itu Hussein memanggil saya dan menawarkan jawatan Menteri Kewangan secara rasmi. Saya menerimanya. Sementara itu, Ghafar, Mahathir dan saya bertemu di flat saya. Ada desas-desus mengatakan Hussein akan memilih Ghazali Shafie untuk jawatan Timbalan Perdana Menteri. Kami sepakat membantah dan menyampaikan pandangan kami kepada Perdana Menteri.

Dr. Mahathir telah dipilih untuk jawatan no. 2 dan pada 5hb. Mac 1976 Tengku Razaleigh telah dilantik sebagai Menteri Kewangan Malaysia.

## Bab 24

Walaupun Dr. Mahathir agak terperanjat kerana dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dalam Kabinet Tun Hussein Onn, beliau menegaskan awal-awal lagi bahawa beliau tidak akan teragak-agak menyuarakan pendapatnya sendiri mengenai isu-isu penting. Pemilihan Dr. Mahathir, walaupun dialu-alukan, tidak mendapat sokongan dari segolongan orang kuat UMNO yang merasakan Encik Ghafar Baba atau Tengku Razaleigh lebih wajar, terutamanya kerana mereka lebih lama sebagai Naib Presiden. Tengku Razaleigh tidak menyuarakan apa-apa pun mengenainya tetapi Encik Ghafar telah menunjukkan rasa hatinya apabila beliau menarik diri dari Kabinet, walaupun beliau telah memberikan alasan-alasan lain secara diplomatik.

Secara kebetulan, ekonomi Malaysia telah mula aktif dalam tahun 1970-an apabila Tengku Razaleigh mengambil alih. Harga barang semakin naik, mudah tunai wang antarabangsa pun tinggi dan keadaan ekonomi keseluruhannya memberi harapan baik untuk ekonomi seluruh blok ASEAN. Dalam keadaan seperti ini pembangunan dan penyusunan semula ekonomi negara menjadi tugas utama Tengku Razaleigh dan kementeriannya pun mula mengambil pendekatan yang berorientasikan pembangunan dan bukan lagi untuk terus menjadi pengurus dasar kewangan negara. Perhatian khas telah ditumpukan kepada pembangunan dengan tujuan membasmi kemiskinan dalam sektor-sektor yang kurang maju serta memperhebat usaha-usaha untuk membawa Bumiputera dari semua peringkat ke dalam arus yang paling penting dalam kehidupan ekonomi negara.

Tengku Razaleigh berkata:

Saya sedar bahawa kalau Kementerian Kewangan hendak dijadikan institusi yang berorientasikan pembangunan di dalam perancangan kerajaan, maka mustahaklah ia dibawa lebih rapat dengan sektor swasta. Sebelum ia dapat menjalankan peranannya yang baru sebagai katalis, perlulah Kementerian ini menyedari sepenuhnya tentang segala masalah dalam sektor swasta serta mendengar pandangan para usahawan. Oleh sebab itulah saya mengadakan dialog prabelanjawan dengan mereka yang mempunyai pandangan yang saya rasa penting sekiranya kita ingin mencapai matlamat KDNK (GDP) kita.

(Sessi dialog belanjawan telah menjadi amalan penting di kementerian sejak itu dan telah diikuti oleh pengganti Tengku Razaleigh, Encik Daim Zainuddin). Banyak dasar kewangan dan industri kerajaan telah dibentuk atau dipinda setelah mengambil kira pendapat dan juga sungutan dari masyarakat perniagaan dan pada umumnya dialog sedemikian telah menjadi sumber maklumbalas yang utama bagi para perancang kerajaan. Walaupun beliau sibuk membentuk semula Kementerian Kewangan, Tengku Razaleigh berusaha keras di peringkat antarabangsa untuk menentukan supaya kepentingan negara-negara membangun dilindungi secukupnya dalam konteks pertalian ekonomi sedunia.

Sebagai Pengerusi Bank Pembangunan Asia (*Asian Development Bank* atau ADB), tahun 1976, beliau menyeru bank itu supaya mengkaji semula dasarnya dan bersikap lebih fleksible untuk menolong mempercepat bantuan pembangunan kepada negara-negara ahli. Katanya lebih banyak wang diperlukan untuk membiayai program-program membasmi kemiskinan supaya dapat mengurangkan kos hidup rakyat. Katanya lagi, kebanyakan rancangan melipatgandakan makanan melibatkan kos yang rendah.

Sehingga tahun 1975, BPA (ADB) kelihatan terus memberi keutamaan kepada kemudahan infrastruktur yang lebih menguntungkan bank itu dan membawa hasil-hasil yang lebih nyata dalam jangka pendek. Tengku Razaleigh menyeru

bank itu supaya mengubah dasarnya ke arah mengutamakan projek-projek sosial terutama di bidang pendidikan dan pertanian pekebun kecil.

Keputusan dari dialog antara negara-negara Utara-Selatan bulan Jun 1977 itu tidak menyenangkan Menteri Kewangan. Beliau kecewa kerana negara-negara peserta telah gagal melaksanakan ikrar Setiausaha Negara Amerika Syarikat ketika itu, Cyrus Vance, "untuk mewujudkan suatu susunan baru ekonomi dunia yang saksama, yang sentiasa tumbuh dan sentiasa adil."

"Memandangkan betapa Amerika Syarikat sendiri tidak mengotakan katanya, maka keputusan-keputusan itu bertambah lagi mengecewakan." Yang menyejukkan hati Malaysia sedikit ialah keputusan mengadakan satu tabung bersama yang bertujuan untuk menstabilkan harga eksport komoditi termasuk getah Malaysia yang pada masa itu merupakan punca tukaran wang asing yang paling besar baginya. Tabung bersama ini perlu disahkan oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Mengenai cadangan susunan baru ekonomi antarabangsa itu, Tengku Razaleigh berkata, susunan baru itu "harus mengakui bahawa kepentingan ekonomi negara-negara kaya dan miskin adalah saling bergantung demi menentukan ekonomi dunia terus berkembang dan perdagangan antarabangsa terus berkembang." Di dalam negeri pula, dengan maksud yang sama, Tengku Razaleigh telah melancarkan berbagai langkah cukai dan kewangan untuk meningkatkan prestasi ekonomi Malaysia dan memperluas peluang-peluang dan bidang-bidang aktiviti sektor swasta untuk memenuhi hasrat dan harapan rakyat yang semakin meningkat, mulai dari strategi belanjawannya yang pertama yang dibentangkan pada 25hb. Oktober 1976.

Dalam ucapan belanjawan itu beliau melaporkan bahawa KDND (GDP) yang sebenarnya telah bertumbuh sebanyak 6.1% dijangka bertumbuh sehingga 8% bagi tahun fiskal 1977, dan kadar inflasi dijangka jatuh dari 6% kepada 4.5%. Beliau memberitahu Parlimen bahawa:

Kedudukan ekonomi bagi tahun 1977 adalah cerah. Prospek untuk barang-barang eksport Malaysia yang merupakan 50% dari KNK (Keluaran Negara Kasar) kita akan terus bertambah baik. Oleh itu, penggerak utama bagi mengekalkan pertumbuhan ekonomi negara dijangka akan terus berpunca dari sektor eksport. Sektor perkilangan yang semakin berkembang itu juga dijangka akan bertambah aktif.

Peruntukan besar sebanyak \$4,694 juta telah diadakan untuk perbelanjaan pembangunan 41% lebih tinggi dari tahun 1976 dan akan membolehkan pelaburan sektor awam bertambah hingga kira-kira 11% pada kadar sebenar. Semua agensi kerajaan akan mendapat wang yang cukup untuk segera melaksanakan projek-projek membasmi kemiskinan. Begitu juga, masa untuk mencapai matlamat penyusunan semula boleh dicepatkan. Akan tetapi, peruntukan yang begini banyak tidaklah bermakna agensi-agensi boleh berbelanja sewenang-wenangnya atau tidak bertanggungjawab. Setiap ringgit harus dikira dan manfaatnya harus dicapai sepenuhnya.

Langkah-langkah cukai utama dan perubahan-perubahan dalam susunan cukai juga telah diperkenalkan dan ini telah disambut sebagai belanjawan yang wajar dan tidak membebankan. Walau bagaimanapun ada orang seperti Senator Kamarul Ariffin, Pengerusi Dewan Perniagaan Kebangsaan, merasakan bahawa Tengku Razaleigh 'terlalu cermat.' Tetapi katanya, para peniaga dan pekilang 'tentu gembira' kerana menteri telah mengutamakan hal menggalakkan pelaburan domestik untuk mengimbangi pelaburan asing yang lembap. Orang ramai hendaklah juga mengambil perhatian, katanya, bahawa keseluruhan belanjawan itu ditumpukan untuk menolong golongan yang berpendapatan rendah. Mengenang semula dua tahun pertamanya di Kementerian Kewangan, Tengku Razaleigh berkata:

Satu sumbangan kementerian yang besar, pada hemat saya ialah kejayaannya menarik sektor swasta berdamping lebih rapat lagi dengan kerajaan. Memanglah lebih rumit mentadbir sesebuah kerajaan daripada mengurus sebuah syarikat besar dan kita mesti pula dapat menyesuaikan dan menyelaraskan dasar-dasar apabila timbul faktor-faktor yang tidak dapat



diagak.

Proses pembentukan semula Kementerian Kewangan telah juga membabitkan perubahan besar dalam peranan Bank Negara. "Tugas bank itu biasanya sebagai penjaga kewangan kerajaan dan sebagai banker kerajaan. Saya rasa ia harus meluaskan peranannya dan terlibat dalam usaha membentuk dasar kewangan negara. Kami berjaya memupuk satu perhubungan baru yang dulunya tidak wujud, yang membolehkan Kementerian Kewangan berinteraksi dengan Bank Negara secara berkesan. Dengan itu dapatlah kami merumuskan pemikiran kami untuk membentuk dasar-dasar kewangan dan ekonomi yang baik."

Pengalamannya sebagai Pengerusi Bank Bumiputra telah banyak membantu Tengku Razaleigh, memberikannya pengetahuan yang luas mengenai amalan bank. Beliau juga dapat sokongan dari ahli-ahli bank antarabangsa untuk melancarkan projek-projek pembangunan yang memerlukan pembiayaan besar:

Kami juga berjaya membina kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri. Dengan ini dapatlah kami menentukan supaya rancangan pembangunan di negeri-negeri dilaksanakan selaras dengan strategi pembangunan kerajaan Persekutuan. Sungguhpun kerajaan-kerajaan negeri ada hak kuasa masing-masing tetapi sekurang-kurangnya kami dapat mengikuti apa yang sedang berlaku. Yang kami utamakan ialah program-program pembangunan bagi negeri-negeri yang kurang maju seperti Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu.

Pada amnya, kami tentukan supaya peruntukan pembangunan digunakan sepenuhnya untuk memperbaiki nasib rakyat yang memerlukannya. Berbanding dengan negara-negara lain, peruntukan yang kita salurkan itu digunakan untuk projek-projek pembangunan bukan untuk mengisi poket golongan yang tamak. Kebolehan kami meminimumkan pembaziran dan membuang mana-mana pegawai yang rasuah telah meyakinkan institusi-institusi kewangan antarabangsa dan dengan itu senanglah kami meminjam atas kadar yang amat rendah.

Serentak dengan ini, langkah-langkah juga telah diambil untuk meningkatkan bilangan perusahaan penggantian import dan untuk melancarkan program industrialisasi secara besar-besaran. Keadaan ekonomi yang baik telah menolong kami mencapai matlamat-matlamat tersebut:

Kami telah mengambil peluang dari keadaan yang baik itu untuk menubuhkan kawasan-kawasan perdagangan bebas dan pusat-pusat eksport yang lain. Saya bersyukur kita telah dapat mengadakannya ketika itu. Langkah itu telah membantu mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan banyak menambah pendapatan negara. Kita berjaya kerana kita pandai merebut peluang yang terbuka.

Tetapi pembangunan tidak harus membahayakan keselamatan negara. Hal ini telah dijelaskan oleh Tengku Razaleigh beberapa kali. Semasa berucap di Kuantan pada awal tahun 1977, beliau berkata bahawa Perdana Menteri telah memberi kuasa kepada beliau untuk meluluskan projek-projek yang membawa kebaikan jangka pendek dan jangka panjang kepada keselamatan negara. Tetapi jika perlu, belanja pembangunan akan dipotong untuk disalurkan kepada usaha-usaha untuk memperkukuh benteng keselamatan negara.

"Kalau keadaan keselamatan memaksa, saya tidak akan teragak-agak memberi keutamaan kepada rancangan keselamatan yang dapat memusnahkan komunis." Beliau menasihatkan para pemimpin negeri supaya jangan terlalu mengharap hasil segera dan mengingatkan mereka bahawa walaupun "projek-projek besar tidak membawa manfaat segera kepada penduduk desa, projek-projek ini penting bagi mencapai keseimbangan di antara negeri-negeri pantai barat dengan pantai timur Semenanjung Malaysia."

Tengku Razaleigh meminta seluruh rakyat Malaysia memberi kerjasama kepada kerajaan untuk mencegah inflasi. Katanya angka tunjuk harga pengguna telah beransur turun sejak tahun 1974. "Ini membayangkan kadar inflasi di luar negeri beransur turun. Ia juga membayangkan kejayaan langkah-langkah kewangan dan fiskal kerajaan melawan

inflasi.”

Untuk membantu supaya harga-harga tidak naik, beliau menyeru seluruh masyarakat meningkatkan produktiviti terutamanya dalam bekalan makanan dan meminta kedua-dua pihak majikan dan pekerja supaya lebih produktif dan jangan meletakkan nilai berlebihan pada barangan dan perkhidmatan. Para peniaga diseru jangan tamak dan para pengguna digesa mengadakan pertubuhan untuk menentang amalan perniagaan yang tidak adil.

Walaupun beliau sibuk dengan kewajipannya yang baru itu dan bersemangat benar menghadapi cabaran dalam usaha merancang masa depan ekonomi negara, Tengku Razaleigh sekali lagi diminta untuk memimpin UMNO dalam konfrontasi terbaru terhadap PAS, mula-mula di Kelantan dan kemudian di peringkat kebangsaan.

## Bab 25

Perikatan politik dengan PAS tidak dapat bertahan lama. Setelah empat tahun — termasuk satu tahun yang penuh dengan krisis antara dua pihak — maka tamatlah perikatan itu dalam tahun 1977, meninggalkan kenangan yang amat pahit. Tengku Razaleigh akhirnya dapat menikmati kepuasan kerana berjaya menumpaskan musuh ketatnya dalam pilihanraya.

Retak yang membawa belah itu datangnya pada akhir bulan Oktober 1977, apabila Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohamad Nasir, mengugut hendak mendedahkan apa yang dikatakannya perbuatan rasuah oleh rakan-rakan seperjuangannya dalam PAS mengenai konsesi balak. Parti itu bimbang kerana ini akan menjejaskan peluangnya dalam Pilihanraya 1978, telah bertindak balas dengan usul tidak percaya kepada Datuk Nasir. Beliau telah digulingkan pada 15hb. Oktober dengan 20 orang ahli Dewan Undangan Negeri PAS mengundi tidak percaya. Perwakilan UMNO telah memulaukan persidangan dengan bertindak keluar daripada Dewan.

Bagi PAS dan Barisan Nasional, krisis di Kelantan itu merupakan ujian baru terhadap perpaduan Melayu yang tersusun sekitar UMNO dan PAS. Selain dari perjuangan ideologi, isu di Kelantan ialah memberi milik tanah, begitulah nampaknya — bermakna menang atau kalah. Oleh kerana kedua-duanya musuh lama, tidak ada pihak yang berani membuat kesilapan mengenai keadaan yang sebenar.

Setelah menolak formula yang dikemukakan oleh Dr. Mahathir, yang direstui oleh Perdana Menteri Datuk Hussein

Onn, Presiden PAS Datuk Asri, yang ketika itu Menteri Tanah dan Galian, telah mengemukakan pula cadangan balas. Pada 2hb. November, Tun Hussein Onn bertemu dengan Datuk Asri. Setelah berunding dalam suasana yang tegang selama dua jam, PAS telah diberi tempoh selama 72 jam untuk menjawab cadangan Tun Hussein Onn. Tun Hussein dengan tidak disangka telah menyatakan bahawa cadangannya itu telah dibuat atas nama Perdana Menteri dan bukan sebagai Ketua UMNO atau Barisan Nasional. Sementara itu rusuhan telah bermula di bandar-bandar di sekitar negeri itu.

Pada 9hb. November, tanpa sebarang tanda penyelesaian dan PAS semakin berdegil, Kelantan telah diletakkan di bawah pemerintahan Pusat — sementara Tun Hussein Onn membentangkan Rang Undang-undang Darurat (Kelantan) 1977 di Parlimen. Kata Tun Hussein, Rang Undang-undang itu mempunyai implikasi politik yang menyentuh prinsip-prinsip asasi demokrasi tetapi soal ketenteraman umum adalah lebih utama dari soal politik.

“Tidak ada ertinya kerana kepentingan politik (saya), saya tutup mata dan telinga terhadap pembunuhan dan pembinasaan harta benda,” katanya. “Inilah yang sedang berlaku di Kelantan dan ia boleh merebak ke negeri-negeri lain jika Rang Undang-undang ini tidak dibentangkan dan disahkan oleh Parlimen. Demi Allah saya tidak main politik.”

Kata Perdana Menteri, beliau bukan hendak memper tahankan merit Rang Undang-undang tersebut atau menyalahkan mana-mana parti tetapi keadaan telah menjadi begitu buruk maka kerajaan Persekutuan terpaksa campur tangan. Kira-kira 4,000 kakitangan polis tambahan telah dihantar untuk menjaga keamanan dan ketenteraman di negeri itu dan polis telah mengenakan perintah berkurung di Kota Bharu dan Kubang Krian.

Mengenai taraf kuasa pemerintahan kerajaan Persekutuan dari segi Perlembagaan negara, Tun Hussein mengakui hak Pemangku Raja sama ada mahu menerima atau menolak permintaan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri — yang telah menjadi batu penghalang kepada formula yang

dikemukakan oleh Barisan Nasional untuk menyelesaikan krisis.

"Tetapi Pemangku Raja belum membuat sebarang keputusan, mungkin merasakan bahawa walau apa pun keputusan yang dibuatnya akan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan pihak-pihak tertentu." Tetapi sementara itu, sehingga 8hb. November, 19 orang telah mengalami kecederaan yang teruk, 35 buah kedai dan rumah rosak, lebih daripada 280 orang ditahan.

Sungguhpun keadaan keseluruhannya dapat dikawal, Tun Hussein telah menyatakan kebimbangannya kalau-kalau "kekacauan ini menyebabkan pergaduhan kaum dan ini akan merebak ke negeri-negeri lain. Jika perkara ini berlaku, ia juga akan mengancam keselamatan negara. Kemungkinan ini lebih serius padahnya kerana Kelantan berkongsi sempadan dengan Thailand."

Berikutan dengan kelulusan Rang Undang-undang, kuasa eksekutif dan perundangan Dewan Undangan Negeri Kelantan telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan pentadbiran negeri dilakukan oleh seorang Pengarah yang dilantik. Tetapi bagi memastikan supaya kesan Rang Undang-undang tidak menghalang Perlembagaan negeri Kelantan, maka jawatan Menteri Besar, Majlis Eksekutif Negeri dan Majlis Perundangan Negeri.

Datuk Asri mendakwa bahawa Rang Undang-undang itu merupakan satu pencabulan besar terhadap hak-hak demokrasi. Penggunaan Artikel 150 Perlembagaan yang membenarkan pemerintahan kerajaan Persekutuan, hanya wajar dalam kes-kes yang terlalu ekstrem dan setelah cara lain gagal. "Dalam hal ini cara lain tidak dicuba atau dipertimbangkan pun," katanya dengan marah sambil memberi amaran, "Generasi akan datang akan menghakimi sama ada Darurat ini benar-benar Darurat atau Darurat cari kemudahan."

Sambil membayangkan bahawa tanggapan Tun Hussein telah dicorakkan oleh "orang tertentu dengan tujuan tertentu" Datuk Asri menyatakan kelulusan Rang Undang-undang

telah mewajibkan kesemua menteri PAS, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen untuk meletakkan jawatan mereka. "Saya dan rakan-rakan saya akan meninggalkan kerajaan tetapi bukan Barisan Nasional untuk menjaga maruah baik Perdana Menteri kita," jelasnya. Tetapi harapan Datuk Asri untuk mengekalkan PAS dalam Barisan Nasional telah hancur kerana tindakbalas PAS yang dramatik di Kedah. Di Kedah, PAS telah mengemukakan usul tidak percaya terhadap Menteri Besar, Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin (usul yang sama juga telah dikemukakan di negeri-negeri lain).

Tengku Razaleigh telah terbang ke Kedah sehari sebelum bersidangnya Majlis Perundangan Negeri Kedah pada 16hb. Disember dengan arahan kepada 12 orang ahli Perundangan UMNO supaya jangan menyokong usul PAS. Beliau memberi amaran bahawa tindakan disiplin akan diambil terhadap mereka yang tidak mahu mengikut arahan itu. Pemergian Tengku Razaleigh yang dianggap sebagai pakar terhadap taktik PAS membayangkan kebimbangan UMNO dan Barisan Nasional mengenai pengaruh PAS yang kian bertambah di Kedah dan matlamat jangka panjang mereka untuk menguasai Negeri Jelapang Padi itu.

Pada keesokan harinya, dengan tamatnya tempoh tarikh yang dihadkan, PAS telah secara rasmi disingkir daripada Barisan Nasional — kerana tidak mahu menyingkirkan ahli-ahli Parlimennya yang telah mengundi di Parlimen menentang pemerintahan kerajaan Persekutuan bagi Kelantan dan kerana menyokong usul tidak percaya dalam Dewan Undangan Negeri Kedah. Usul penyingkiran telah dikemukakan oleh para pemimpin UMNO di dalam Mesyuarat Khas Barisan Nasional.

Pada 12hb. Februari 1978, Undang-undang Darurat di Kelantan telah ditarik balik — untuk membolehkan pilihanraya negeri yang akan diadakan sebulan lebih awal di Kelantan. Datuk Mohamad Nasir yang telah pun pada masa itu menubuhkan sebuah parti baru, BERJASA telah dilantik semula sebagai Menteri Besar. Penjelasan daripada kerajaan ialah apabila berhadapan dengan usul tidak percaya dalam

bulan Oktober tahun sebelumnya, Datuk Mohamad Nasir telah meminta Pemangku Raja Kelantan untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri. Dalam keadaan yang kelam-kabut itu, Tuanku tidak bertindak atas nasihat dan tidak lama kemudian perintah Darurat telah dilaksanakan. Datuk Mohamad Nasir dalam ucapannya selepas perlantikan semula menyatakan akan bekerjasama dengan UMNO dalam pilihanraya yang hampir tiba itu. Bagi pilihanraya tersebut UMNO yang diketuai oleh Tengku Razaleigh mengemukakan 24 orang calon, termasuk 13 orang yang pernah bertanding dahulu. BERJASA mengemukakan 25 orang calon — setelah berunding dengan UMNO — sementara PAS bertanding dalam semua 26 kawasan pilihanraya. Persoalan hangat yang diperkatakan, bukan sahaja di Kota Bharu atau di Kuala Lumpur tetapi di seluruh negara ialah sama ada bolehkah UMNO yang telah tiga kali mengalami kekalahan, dapat akhirnya merampas kuasa pemerintahan di Kelantan daripada kubu PAS yang kuat. Pilihanraya itu telah tepat disifatkan sebagai pilihanraya "kaset lawan ceramah."

Keputusan pilihanraya itu menandakan saat kegemilangan UMNO dan kegelapan PAS. Calon Barisan Nasional telah memenangi 23 kerusi, BERJASA 11 kerusi dan PAS hanya dua — iaitu keputusan terbalik yang menumpaskan Perikatan dalam tahun 1959. PAS memungut 33% dari jumlah undi, separuh yang didapatinya pada tahun 1959. Barisan Nasional walaupun bertanding hanya di 24 kawasan telah memungut 37% undi.

Setelah mencapai kemenangan Tengku Razaleigh mengenang kembali usaha-usaha bekas para pemimpin UMNO dalam perjuangan untuk mendapatkan semula Kelantan sejak tahun 1959 lagi:

Allahyarham Tun Razak, Allahyarham Tun Dr. Ismail dan Tunku Abdul Rahman telah sama-sama berjuang menentang PAS tetapi Tun Razak dan Tun Dr. Ismail tidak sempat menyaksikan hasil perjuangan mereka.

Beliau juga menuduh PAS menggunakan agama sebagai



alat politik:

Kami dalam UMNO tidak akan mencampur politik dengan agama untuk mendapatkan undi. Kami akan mengembangkan Islam mengikut hukum Allah. Tidak ada tempat dalam masyarakat kita bagi mereka yang mencampurkan politik dengan agama.

UMNO, tegasnya ingin memupuk perpaduan di kalangan umat Islam dan memang tidak mahu perpecahan berlaku. Selama 19 tahun PAS memerintah banyak skim tanah di Kelantan diabaikan. "Malu kita melihat beribu-ribu rakyat Kelantan terpaksa berpindah ke Terengganu dan Singapura untuk mencari tanah dan pekerjaan."

Beliau berjanji menebus kehilangan peluang pekerjaan itu, serta menegaskan bahawa para pemimpin UMNO tidak akan dibenarkan menjadi 'tauke balak.' "Saya sendiri akan memastikan tidak seinci pun tanah di sini yang akan diberikan kepada pemimpin-pemimpin UMNO." Beliau menyeru kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri yang baru dilantik "jangan bersikap angkuh dan bermegah-megah selepas dipilih. Kita mesti memenuhi segala janji kita kepada rakyat Kelantan."

Lima bulan kemudian, pada bulan September 1978, Tengku Razaleigh telah berjaya menduduki tempat ketiga dalam pucuk pimpinan UMNO — mendapat undi yang paling banyak dalam pemilihan Naib Presiden kali yang ketiga. Dalam pertandingan ini, dengan jumlah undi sebanyak 763, beliau mengalahkan Encik Ghafar Baba yang mendapat 706 undi. Dato' Musa Hitam juga telah dipilih sebagai Naib Presiden, mengalahkan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Senu Abdul Rahman, yang mendapat tempat keempat.

Para pemerhati merasakan bahawa kejayaan Tengku Razaleigh dalam pemilihan UMNO itu banyak disebabkan oleh kejayaannya memimpin perjuangan UMNO di Kelantan. Beliau digelar "arkitek kejayaan UMNO di Kelantan." Ini seolah-olah mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai pemimpin no. 3 di belakang Tun Hussein Onn dan Timbalan

Presiden, Dr. Mahathir, yang tidak ditentang dalam Perhimpunan Agung UMNO 1978.

Tiga tahun kemudian, ramalan itu telah diuji. Dalam pemilihan ini Tengku Razaleigh telah mengalami kekalahan politik yang besar buat pertama kalinya — sebab-sebab kekalahan ini sehingga ke hari ini masih belum jelas kepada masyarakat umum dan akan terus begitu melainkan Tengku Razaleigh sendiri mahu menjelaskannya.

## Bab 26

Prestasi ekonomi Malaysia amat menggalakkan dalam pengal kedua dekad 1970-an dan antara 1976-1979, pertumbuhan ekonomi purata berada di sekitar 8% pada harga tetap. Ketahanan ekonomi Malaysia ini di ketika sistem kewangan dunia menghadapi keadaan kucar-kacir, telah menarik perhatian antarabangsa kepada dasar sosio-ekonomi yang baik dan pragmatik yang dilaksanakan oleh kerajaan. Oleh itu semasa membentangkan Belanjawan 1980, Tengku Razaleigh telah dapat melaporkan bahawa kebanyakan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga yang hanya akan berakhir setahun lagi telah pun dicapai. Bagaimanapun, beliau meramalkan negara menghadapi tahun depan yang agak sulit, maka itulah beliau telah membentangkan Belanjawan yang sederhana berdasarkan inflasi bagi tahun 1980 kerana trend kemelesetan sudah ketara di negara-negara perindustrian. Selain dari langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi kerajaan juga telah membuat beberapa potongan cukai yang berjumlah sebanyak \$482 juta yang terbesar pernah dibuat.

Langkah-langkah yang diperkenalkan itu juga menggambarkan keraguan kerajaan bahawa matlamat DEB belum lagi tercapai sepenuhnya. Objektif yang khusus bagi memastikan Bumiputera mempunyai hakmilik 30% dalam sektor korporat (menjelang 1990) nampaknya tidak akan tercapai dan ucapan Belanjawan Tengku Razaleigh itu menegaskan lagi keraguan kerajaan terhadap perkara ini.

Berbulan-bulan sebelum ini, Tengku Razaleigh sentiasa menegaskan bahawa revolusi sosial untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat masih

belum tercapai. "Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan selama 22 tahun, Malaysia masih lagi dalam proses membebaskan diri dari belenggu penjajahan. Perjuangan untuk mencapai cita-cita dan aspirasi masyarakat Malaysia masih berjalan terus." Sambil menyeru belia-belia negara bertindak untuk menjayakan DEB, beliau berjanji kerajaan akan memberi segala bantuan dan panduan kepada mereka yang komited.

Dalam pada itu, beliau kesal atas kelembapan Bumiputera melibatkan diri di bidang perdagangan dan perindustrian. Walaupun diberi berbagai kemudahan dalam DEB, namun Bumiputera tidak menunjukkan kemajuan yang memuaskan dalam mempelbagaikan perusahaan mereka. Kerajaan dan agensi-agensinya telah mengambil berbagai langkah untuk menyusun semula dan mempercepat aktiviti mereka untuk meningkatkan perkembangan ekonomi Bumiputera. Bagaimanapun beliau mengingatkan Bumiputera supaya tidak terlalu bergantung kepada kerajaan dalam menjalankan perniagaan mereka. Menyentuh tentang bertambahnya sumber-sumber kewangan yang boleh digunakan oleh peniaga-peniaga Bumiputera, Tengku Razaleigh menyatakan bahawa pinjaman daripada bank-bank perdagangan kepada peniaga-peniaga Melayu telah meningkat hampir \$2 billion di awal tahun 1979. Berhubung dengan pemindahan saham yang dipegang oleh kerajaan bagi pihak Bumiputera (iaitu saham yang diperolehi daripada syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam pasaran saham yang telah menyusun semula ekuiti mereka), beliau berjanji akan dilaksanakan setahun kemudiannya. Sesungguhnya ini telah dijalankan pada 9hb. Januari 1981, apabila beliau mengumumkan garis-garis panduan berhubung dengan pemindahan saham kerajaan kepada PNB.

Sambil menyatakan "keadaan ekonomi sekarang paling sesuai untuk melaksanakan skim pemindahan saham/hakmilik," Tengku Razaleigh mengumumkan penyer-taan Bumiputera dalam ekonomi negara telah meningkat sebanyak 12.4% — tetapi masih jauh daripada matlamat

30%. Pemilikan saham oleh Bumiputera individu berjumlah 4.2% atau \$1,092 juta, sementara yang dimiliki oleh agensi-agensi amanah berjumlah \$2,145 juta atau 8.2%. Pada masa yang sama pemilikan saham oleh bukan Bumiputera bertambah sebanyak 40% kepada \$10.6 billion dalam tempoh tahun 1971 hingga 1980.

Menekankan bahawa skim pemindahan itu bukan "pemberian hadiah percuma," Tengku Razaleigh menyatakan objektifnya ialah mengambilalih pelaburan asal kerajaan untuk dipindahkan kepada Bumiputera. Pelaburan kerajaan dalam perbadanan-perbadanan awam pada masa itu berjumlah lebih daripada dua billion saham dalam 674 syarikat. Pada mulanya sebanyak 660 juta saham dalam 21 perbadanan telah dipilih untuk dipindahkan dengan 552 juta saham diberikan kepada PNB bagi tujuan menubuhkan Amanah Saham Nasional (ASN). Yang selebihnya diberikan kepada pihak pengurusan dan kakitangan syarikat, koperasi dan syarikat termasuk sepuluh dalam kumpulan PERNAS dan tiga syarikat daripada Bank Pembangunan. Di antara 21 syarikat ini termasuklah syarikat yang berasal daripada PERNAS seperti Perbadanan Perlombongan Malaysia (MMC) dan Perbadanan Insuran Nasional Malaysia (MNIC).

Di tengah-tengah suasana ekonomi beginilah Perhimpunan Agung UMNO yang bersejarah itu telah diadakan pada 25hb. Jun 1981. Sebelum itu, Perdana Menteri, Hussein Onn, selepas menjalani pembedahan jantung mengambil keputusan untuk meletakkan jawatannya sebagai Presiden UMNO dan Perdana Menteri. Dr. Mahathir telah dicalonkan untuk menjadi Presiden.

Sebulan sebelum Perhimpunan itu, Tengku Razaleigh telah memuji Tun Hussein kerana 'menepati janjinya' untuk meletakkan jawatannya walaupun didesak supaya menarik balik keputusannya itu. Pimpinan Tun Hussein yang demokratik, adil dan saksama itu amat berbeza jika dibandingkan dengan sebilangan pemimpin negara-negara sedang membangun yang cuba memegang jawatan hingga 'hari kiamat.'

Mengenai keputusan Tun Hussein untuk bersara, Tengku Razaleigh memberi komen:

Sungguhpun beliau bersara semata-mata kerana kesihatan, beliau berbuat demikian hanya setelah memikirkan semua faktor yang melibatkan kepentingan negara. Beliau yakin keselamatan negara dan perpaduan rakyat terpelihara.

Menurut beliau lagi, Tun Hussein sebenarnya telah pun menyatakan keinginannya hendak bersara sejak Disember 1980 lagi. Sejak Dr. Mahathir cuba memujuknya supaya terus menjadi Presiden UMNO sehingga Pilihanraya 1982. "Tun Hussein tetap dengan keputusannya. Oleh itu kami terpaksa menerimanya dengan berbagai perasaan." Tengku Razaleigh juga mengumumkan keputusannya untuk merebut jawatan Timbalan Presiden, selagi Tun Hussein tegas dengan keputusan meletakkan jawatannya sebelum Perhimpunan Agung. Teguran-teguran Tun Hussein baru-baru ini terhadap dasar pentadbiran Mahathir, menunjukkan bahawa keputusan yang dibuatnya adalah berdasarkan perkara-perkara lain. Tetapi Tengku Razaleigh mengatakan beliau tidak tahu sebarang faktor lain yang menyebabkan Tun Hussein meletakkan jawatan.

Keputusan Tun Hussein itu hilang pentingnya apabila minat orang tertumpu kepada pertandingan merebut jawatan no. 2 dalam hierarki UMNO — setelah Dato' Musa Hitam mengumumkan pencalonannya. Tengku Razaleigh mengakui bahawa kemasukan Dato' Musa "tidak disangka tetapi saya menerimanya sebagai satu cabaran yang baik dan sihat dengan semangat demokrasi yang tulen."

Bagaimanapun Tengku Razaleigh memberikan sokongan penuh kepada pencalonan Dr. Mahathir bagi jawatan Presiden parti — walaupun ada khabar mengatakan Dr. Mahathir tidak senang dengan hubungan 'istimewa' di antara Tengku Razaleigh dengan Tun Hussein. Ini ialah kerana antara lain, Tengku Razaleigh telah dipilih khas oleh Tun Razak menjadi Menteri Kewangan dan Tun Razak memang sangat dihormati oleh Tun Hussein. Lebih-lebih lagi kerana

peranan amat penting yang dimainkan oleh Menteri Kewangan dalam peringkat ekonomi yang genting itu. Tambahan pula dasar kementerian ini ada berkaitan dengan keselamatan negara dan semua fungsi pembangunan lain yang mustahak. Oleh itu, Perdana Menteri sentiasa berhubung dengan Tengku Razaleigh, biasanya secara sulit. Mengikut Tengku Razaleigh, "manalah boleh saya menolak berjumpa dengan Perdana Menteri secara sulit dan saya tidak berhak menyuruh P.M. panggil menteri-menteri lain sama hadir. Ini adalah hak Perdana Menteri." Para pemerhati mendapati hubungan seperti itu juga telah wujud di antara Dr. Mahathir dan Encik Daim Zainuddin, Menteri Kewangan sekarang ini.

Tetapi hubungan Tengku Razaleigh dengan Dr. Mahathir semasa mereka berkhidmat di bawah Tun Hussein 'cukup baik,' katanya:

Saya menjadi ahli dalam hampir semua Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Dr. Mahathir, termasuk jawatankuasa-jawatankuasa pelaburan dan gaji. Kami sefahaman. Memanglah ada berlainan pendapat. Tapi kami sehati. Malah di Kelantan sekalipun, dalam kempen pilihanraya negeri, Dr. Mahathir banyak memberi sumbangan dalam kejayaan kami. Kemudian ketika negara menghadapi tindakan mogok oleh CUEPACS kerana tuntutan gaji kami bekerjasama rapat. Begitu juga ketika kami bersama merancang bagaimana hendak melengkapkan semula angkatan tentera tanahair. Jawatankuasa ini terdiri dari tiga ahli — Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan saya.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO 1978 Tengku Razaleigh telah didesak menentang Dr. Mahathir bagi jawatan Timbalan Presiden. Walaupun ini berikutan dengan kejayaannya di Kelantan, beliau menolak. Dalam pemilihan UMNO tahun 1981, beliau memberikan sokongan penuh kepada pencalonan Dr. Mahathir sebagai Presiden. Pencalonannya memang logik sebagai pengganti Tun Hussein. Pertarungan merebut jawatan Timbalan Presiden telah membolot kepala berita suratkhbar sebulan sebelum tarikh Perhimpunan Agung. Tan Sri Dr. Tan Chee Khoon, dalam rencananya yang

panjang lebar dalam *The Star*, 27hb. Mei, memberi pandangan mengenai kedua-dua calon dan pendirian masing-masing.

Mengenai karier Dato' Musa, Dr. Tan menyatakan:

Beliau telah dipilih semula (ke Parlimen) pada tahun 1969 dan telah dijadikan menteri muda tetapi telah dilucutkan daripada jawatan itu pada bulan Ogos setelah dituduh tidak setia kepada kerajaan. Harus diperhatikan juga bahawa pada masa yang sama Dato' Mahathir Mohamad juga telah dipecat daripada UMNO kerana anti-Tunku. Jika Dato' Musa menang dalam pertandingan bagi jawatan Timbalan Presiden, ianya akan merupakan ganjaran yang adil terhadap Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kerana kedua-duanya telah dipecat daripada UMNO selepas peristiwa 13 Mei dahulu.

Dr. Tan mengulangi pandangan yang popular pada masa itu bahawa:

Dato' Seri Dr. Mahathir rakan politik Dato' Musa. Seperti Winston Churchill, Dato' Hussein Onn dan ramai lagi, Dato' Musa pernah mengalami kesepian politik dan pengalamannya ini tentulah menjadi pengajaran yang baik kepadanya. Sekarang fahamlah beliau siapa kawan sebenarnya.

Mengenai Tengku Razaleigh, katanya:

Beliau diakui umum sebagai perancang utama kemenangan besar Barisan Nasional di Kelantan pada bulan Mac 1978 dan dalam pilihanraya umum pada bulan Julai 1978. Beliau adalah salah seorang daripada sebilangan kecil para menteri yang mampu berhadapan dengan para intelektual. Menteri-menteri lain yang saya tahu yang pernah mengambil bahagian dalam forum di universiti-universiti kita di hadapan khalayak ramai ialah Dr. Mahathir dan Dato' Musa. Beliaulah satu-satunya menteri yang mengadakan sesi dialog dengan sektor swasta ... dan saya diberitahu bahawa prestasinya sungguh menakjubkan. Di sebalik senyuman keanak-anakannya dan sikapnya yang suka bergurau itu ialah seorang ahli politik yang pintar. Masyarakat perniagaan Cina khabarnya menaruh keyakinan padanya. Tetapi beliau juga yang bertanggungjawab memindahkan saham secara besar-besaran kepada individu dan institusi Melayu. Petroleum, timah, estet-estet besar.



bank-bank telah pindah ke tangan orang Melayu. Beliau juga dikenali umum sebagai putera raja yang berhati rakyat... dan yang menakjubkan ialah kebolehannya bergaul bebas dengan sesiapa sahaja daripada pelayan pejabat hinggalah kepada jutawan.

Akhbar *New Straits Times* (NST) dalam rencananya keluaran 15hb. Mei 1981 berkata, Tengku Razaleigh nampaknya ada harapan menang. Ia menyebut-nyebut penganalisa politik sebagai berkata:

Sebagai Menteri Kewangan, beliau telah menunjukkan kebolehannya memahami perasaan rakyat biasa. Setiap belanjawannya membawa pengurangan cukai dan penambahan subsidi bagi faedah golongan miskin, di samping mengadakan peruntukan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Sebagai ahli politik, kejayaannya di Kelantan iaitu kejayaannya menewaskan PAS dalam pilihanraya umum telah mengukuhkan UMNO, dengan tiada tolok bandingnya.

Tunku Abdul Rahman walaupun berhati-hati tidak mahu orang menyangka beliau pilih kasih, telah memuji Tengku Razaleigh atas khidmat bakti dan pengorbanannya kepada rakyat melalui UMNO dan juga semasa berkhidmat dalam kerajaan.

Tengku Razaleigh — dan juga pihak penasihatnya — telah khayal dengan segala puji-pujian media terhadapnya sehingga beliau menjadi terlampau yakin akan menang.

Ketika mengenang kembali perkembangan kempen yang bermula dengan pengisytiharan Dato' Musa yang beliau akan bertanding, Tengku Razaleigh berkata:

Saya sungguh tidak sangka, apatah lagi bersedia. Dari segi ini saya lembap sebagai ahli politik.

Beliau menyangka orang tentulah menghormati tradisi kerana pada adatnya orang kanan sepertinya tidak patut ditentang — terutama sekali apabila beliau sendiri pernah menunjukkan contoh menolak cadangan bertanding menentang Dr. Mahathir:

Saya juga tidak sangka tentang sokongan yang diberikan kepadanya, tersilap tidak ambilkira yang orang lain ada bergerak sehaluan dengannya. Saya pula tidak melobi atau berkempen mati-matian — bahkan seperti biasa saya cuma serahkan kepada perwakilan membuat keputusan. Saya percaya mereka tahu rekod perkhidmatan saya, oleh itu terserlah kepada kebijaksanaan mereka.

Para pemerhati sejak itu mengatakan bahawa Dato' Musa tentu tidak mencabar Tengku Razaleigh kalau tidak ada sokongan senyap-senyap daripada Dr. Mahathir yang terang-terang ditunjukkan pada tahun 1984. Semakin hampir tarikh Perhimpunan Agung, semakin nyatalah satu kempen besar telah dilancarkan menentang Tengku Razaleigh dengan maksud mencela namanya. Tuduhan yang paling merosakkan ialah kononnya beliau ada hubungan rapat dengan pemimpin-pemimpin perniagaan Cina. Tengku Razaleigh tidak pernah menafikan tuduhan ini kerana semasa beliau di PERNAS dahulu dan selaku Ketua Dewan Perdagangan Nasional, beliau terpaksa menjelaskan tujuan DEB kepada mereka dan hanya dengan sokongan mereka sahajalah objektif utama DEB dapat dicapai. Kemudian sebagai Menteri Kewangan beliau selalu mengadakan dialog dengan golongan perniagaan dan oleh kerana orang Cina merupakan majoriti pengusaha Malaysia, jadi nampaklah beliau lebih kerap mengadakan pertemuan dengan peniaga Cina daripada peniaga-peniaga kaum lain.

Tetapi, cubalah pula perhatikan rekod beliau sebagai pembela kepentingan Bumiputera dalam hal membantu Bumiputera mengambil bahagian yang lebih besar dalam sektor korporat Malaysia. Jasanya banyak kepada PERNAS, Bank Bumiputra, PETRONAS dan sebagai Menteri Kewangan:

Seperti Perdana Menteri yang sekarang sudah tentulah pergaulan saya banyak dengan pemimpin-pemimpin perniagaan Cina, Melayu dan bangsa-bangsa yang lain. Begitu juga sahabat saya ramai dari berbagai bangsa. Tetapi menuduh saya mempunyai sokongan orang Cina, sungguh menyayat hati. Kalau terpaksa berbelanja banyak, saya tidak perlu memunta

daripada orang lain, jauh sekali daripada peniaga-peniaga Cina. Itu perkara hina. Hanya budak mentah sahaja yang berani berbuat demikian kerana perkara ini akan diketahui orang juga akhirnya.

Alamat pertama yang nyata menunjukkan peluangnya tidak baik telah ketara sehari sebelum Perhimpunan Agung 1981. Batu asas ibu pejabat UMNO yang baru telah diletakkan oleh Tun Hussein. Ada orang memandangi peristiwa ini sebagai helah Tengku Razaleigh, selaku Bendahari untuk memancing undi. Sebenarnya ini adalah keputusan Majlis Tertinggi. Yang anehnya, Tun Hussein tidak langsung mengucapkan terima kasih ataupun bercakap-cakap dengan Tengku Razaleigh di upacara tersebut mengenai peranannya atau khidmatnya sebagai menteri.

"Dalam ucapan pembukaannya di Perhimpunan Agung UMNO, bukannya dasar-dasar umum yang dibincangkannya, tetapi asyik dengan soal pelajaran." Oleh kerana Dato' Musa Hitam, Menteri Pelajaran maka ini dianggap sebagai isyarat kepada para perwakilan. Tengku Razaleigh agak terperanjat, lebih-lebih lagi kerana sebelum Tun Hussein Onn meletakkan jawatannya beliau telah menanya kedua-dua Tengku Razaleigh dan Dr. Mahathir sama ada "kami berdua boleh bekerjasama."

"Pada saat itu sedarlah saya bahawa saya akan kalah." Kesudahannya beliau menerima 517 undi berbanding dengan 722 yang diterima oleh Dato' Musa. Mengapakah Tun Hussein berlaku demikian, menghalang Tengku Razaleigh menjadi Timbalan Presiden? Bekas Perdana Menteri itu bukan tidak mengetahui sumbangan Tengku Razaleigh kepada negara dan persahabatan mereka begitu akrab hinggakan ada pemimpin-pemimpin yang mempersoalkan hubungan mereka. "Tun Hussein seperti juga menteri-menteri lain dalam Kabinet cukup faham tentang pendapat dan fahaman saya. Mereka juga tidak mungkin ragu-ragu mengenai jasa-jasa saya."

Sokongan Tengku Razaleigh kepada Dato' Harun Idris

(yang bertanding jawatan Naib Presiden, walaupun dari dalam penjara) tidak disukai oleh Tun Hussein, kata para penganalisa politik. Tengku Razaleigh mengakui kemungkinan ini. Ada juga soal-soal peribadi yang lain tetapi Tengku Razaleigh tetap tidak mahu menyatakannya melalui penerbitan. "Kut ada orang yang malu nanti."

## Bab 27

Setelah menginsafi sepenuhnya akan kesan dan makna kekalahan Tengku Razaleigh itu, pihak kepimpinan UMNO menyedari bahawa negara dan parti tidak sanggup kehilangan khidmatnya. Tun Hussein dan Dr. Mahathir merayu kepada beliau supaya setuju dilantik ke dalam Majlis Tertinggi UMNO dan kekal dalam kerajaan.

Dalam ucapannya di Perhimpunan Agung itu beliau berkata, "Saya menyanjung tinggi niat baik para perwakilan dan pihak lain yang menyuruh saya terus berkhidmat pada parti dan kerajaan. Membuat keputusan dalam hal ini adalah satu tanggungjawab yang berat kerana banyak implikasi bagi parti dan bagi diri saya sendiri. Tetapi sebagai seorang Melayu dan Muslim, saya sedia memperhambakan diri saya demi kepentingan parti. Saya berjanji akan terus berkhidmat dalam UMNO hingga ke akhir hayat saya."

Pengumuman ini telah disambut dengan tepukan yang gemuruh. Bagaimanapun beliau tidak berjanji akan kekal dalam kerajaan kerana semasa berkempen dahulu beliau telah membuat kenyataan untuk meletakkan jawatan sekiranya kalah. (Bagaimanapun beliau bersetuju untuk terus menjadi Bendahari parti).

Beberapa minggu kemudian, atas permintaan Dr. Mahathir dan desakan daripada pemimpin UMNO yang lain, Tengku Razaleigh bersetuju untuk terus menjadi Menteri Kewangan di dalam kerajaan Dr. Mahathir. Beliau menerangkan keputusan yang dibuatnya seperti berikut, "Saya dapati mustahil bagi saya tidak menghiraukan kehendak ramai, apatah lagi mengorbankan perpaduan UMNO

semata-mata kerana hendak memuaskan perasaan saya sendiri." Kenyataan ini tidak memberikan bayangan sedikit pun mengenai apa yang sebenarnya berlaku di luar persidangan dalam perundingan sulit dan rumit antara puak yang taat kepada Dr. Mahathir dan Dato' Musa dengan penyokong setia Tengku Razaleigh.

"Sebagai seorang Muslim dan nasionalis saya tidak dapat membelakangkan seruan tanahair," katanya kepada penyokongnya yang akhirnya merasa lega. Katanya lagi:

Faktor ini melibatkan soal prinsip dan inilah menyebabkan saya menerima tawaran untuk meneruskan khidmat saya sebagai Menteri Kewangan di bawah pimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir. Saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. atas taufik dan hidayah-Nya yang telah menggerakkan hati saya menerima tawaran itu.

Sebelum itu Tengku Razaleigh telah menafikan berita bahawa beliau telah ditawarkan satu jawatan terhormat dalam Bank Dunia. Kalaulah berita itu benar namun beliau lebih suka berkhidmat untuk negara, sambil menekankan "ada berbagai cara kita boleh berkhidmat untuk negara."

Beberapa bulan kemudian, beliau pun membentangkan Belanjawan 1982, dalam mana beberapa jenis insentif dan pelonggaran cukai telah diberikan kepada industri dan individu sebagai salah satu langkah menentang inflasi dan kemelesetan, mengekalkan pertumbuhan ekonomi serta memperteguh pengurusan kewangan negara. Strategi yang digunakan ialah untuk mempercepat perkembangan ekonomi dalam negara dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak tentu. Belanjawan ini jelas menunjukkan hasrat kerajaan hendak menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang tegap terutama sekali memandangkan pilihanraya akan diadakan tidak lama lagi.

Belanjawan itu memberi keutamaan kepada pertumbuhan perusahaan-perusahaan industri, pemerosesan bahan-bahan mentah, industri berat dan industri sampingan, dan sektor perumahan dan hartanah dengan mengadakan

pengecualian ke atas duti eksport dan ke atas cukai keuntungan modal dan memberikan kredit yang liberal ke atas cukai pelaburan. Untuk mempercepat lagi pencapaian DEB, mana-mana syarikat yang telah menyusun semula ekuitinya diberikan kekecualiannya daripada cukai tokok yang dialihkan menjadi duti import. Perbelanjaan pembangunan telah ditambah kira-kira 38% lebih daripada tahun 1981 kepada hampir 40 billion. Belanjawan itu mendapat pujian daripada masyarakat peniaga dan pengguna yang bersatu dalam sokongan mereka terhadap langkah-langkah yang dicadangkan oleh Tengku Razaleigh untuk menentang inflasi dan memperkembang ekonomi negara.

Pada bulan April 1982, pilihanraya umum telah diadakan. Barisan Nasional pimpinan Dr. Mahathir telah mencapai kejayaan besar. Ini melegakan sedikit kebimbangan ramai berkait dengan peristiwa yang menyukarkan pentadbiran yang baru itu. Beberapa ketika sebelum Dr. Mahathir mengambilalih sebagai Perdana Menteri, setiausaha politiknya telah ditahan atas tuduhan mengintip bagi pihak dua buah negara asing. Belum pun sempat keributan ini reda maka berlaku pula kebakaran di pejabat Perdana Menteri, merosakkan bangunannya dan membinasakan dokumen-dokumen yang amat mustahak.

Pihak Pembangkang gagal mencapai prestasi yang lebih baik daripada yang mereka capai dalam Pilihanraya 1978. Sebaliknya DAP dan PAS telah menerima kekalahan di beberapa tempat. PAS mendapat semula beberapa kerusi Negeri di Kelantan tetapi Barisan Nasional telah menguasai bersih dua pertiga daripada Dewan Undangan Negeri. Tengku Razaleigh telah mengekalkan kerusi Parlimennya dengan undi majoriti bertambah dan kembali bertugas dengan penuh semangat dan menunaikan janjinya berkhidmat di bawah Dr. Mahathir sedaya upayanya. Walaupun Dr. Mahathir menunjukkan minatnya makin bertambah terhadap hal-hal ekonomi, lebih daripada Tun Hussein, namun tanggungjawab bersabit dengan hal-ehwal kewangan tetap di tangan Tengku Razaleigh.

Sementara itu, tanpa diketahui umum, subsidiari Bank Bumiputra di Hong Kong iaitu Bumiputra Finance Ltd. (BMF) telah memberikan pinjaman yang banyak di Hong Kong terutama sekali kepada syarikat-syarikat kumpulan Carrian. Kabinet telah diberitahu tentang perkara ini di akhir tahun 1982, setelah beritanya dilaporkan oleh media daripada Hong Kong tetapi soal menyelesaikan masalah pinjaman BMF ini telah diserahkan kepada pihak berkuasa bank itu iaitu pejabat Perdana Menteri.

Sepertimana PERNAS dan PETRONAS, Ketua Eksekutif Bank Bumiputra juga bertanggungjawab hanya kepada Perdana Menteri dan pegawai-pegawai yang ditugaskan. Pada teorinya, Bank Negara bertanggungjawab dalam mengesan aktiviti pinjaman oleh bank-bank secara umumnya tetapi dalam hal BMF bidang kuasa Bank Negara terhad kepada syarikat induknya sahaja (iaitu Bank Bumiputra).

Dalam negeri, Tengku Razaleigh melancarkan langkah-langkah memaksa syarikat-syarikat insurans asing supaya menyusun semula operasi mereka. Setelah mengeluarkan beberapa amaran, beliau telah menetapkan 15hb. April 1982 sebagai tarikh mereka mesti menyusun semula. Tindakan tegas ini ialah kerana sebilangan syarikat sama sekali tidak pedulikan amaran itu. Hampir 30 daripada 60 buah syarikat yang telah diarah untuk mengemukakan rancangan mereka sebelum berakhir tahun sebelumnya (iaitu Disember 1981) telah tidak mengendahkan arahan itu.

Arahan menyusun semula itu telah diberikan sejak tahun 1975 lagi, apabila firma-firma dinasihatkan supaya menjadualkan semula pengagihan ekuiti antara pemegang syer tempatan dan luar negeri. Garis panduan dan penyusunan semula itu mencadangkan bermula dengan nisbah 51:49, kemudian dinaikkan kepada 70:30, bagi faedah pemegang saham tempatan menjelang tahun 1990. Sikap berdegil sebilangan syarikat insurans itulah yang menyebabkan peluang penyusunan semula ditetapkan berakhir pada 15hb. April 1982. Syarikat-syarikat yang gagal mematuhi arahan tersebut akan digantung perniagaannya.



Semasa menjelaskan sebab-sebab penyusunan semula itu dikehendaki, Tengku Razaleigh menyatakan tujuannya bukanlah semata-mata untuk membentuk semula kuasa pengurusan kewangan atau hanya untuk memberi keuntungan yang lebih kepada pemegang-pemegang saham tempatan. Tujuan utamanya ialah untuk menyekat aliran premium insurans ke luar negeri. Pengaliran wang ke luar negeri berhubung dengan perniagaan menginsuranskan semula sahaja berjumlah kira-kira \$500 juta setahun. Kerajaan juga tidak puas hati mengenai tiadanya komitmen syarikat insurans asing untuk menggunakan kembali sebahagian dari keuntungannya untuk mengembangkan kapasiti operasinya di Malaysia.

Di awal tahun 1983, sedang ekonomi dunia mengalami perubahan yang lebih kompleks, Tengku Razaleigh telah menasihatkan rakyat supaya lebih bersedia menghadapi perubahan yang radikal yang akan berlaku serentak dengan pemulihan ekonomi yang dijangkakan:

Kita hendaklah memikirkan bahawa apabila ekonomi pulih di masa akan datang, ia akan membawa perubahan-perubahan yang radikal. Umpamanya negara-negara maju akan menumpukan kepada industri-industri yang melibatkan teknologi tinggi. Sementara negara-negara sedang membangun akan bergerak ke arah industri-industri yang lebih sofistikated. Ini akan menyebabkan lebih sukar lagi untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Kalau Malaysia hendak maju, rakyatnya hendaklah digalakkan mencapai prestasi yang lebih tinggi, produktivitinya yang lebih tinggi dan taraf penghidupan dan kualiti hidup yang lebih baik.

Kedudukan kewangan kerajaan dijangka akan menjadi lebih sukar setidak-tidaknya sehingga tahun 1985, maka perlulah diadakan langkah-langkah baru untuk mengawal perbelanjaan. Amaran ini telah dibuatnya pada bulan Februari 1982. Sungguhpun kerajaan tidak akan memotong perbelanjaan yang telah diluluskan bagi tahun kewangan yang ber-

mula pada bulan Oktober 1982 tetapi permohonan untuk menambah peruntukan tidak akan dilayan.

Beliau menjelaskan bahawa perbelanjaan kerajaan Pusat adalah 40% dari jumlah Keluaran Negara Kasar (KNK) — iaitu yang tertinggi di kalangan negara-negara membangun. Bagi tahun 1970, sebanyak \$3 billion telah dibelanjakan tetapi perbelanjaan negara bagi tahun 1983 telah ditetapkan sebanyak \$28 billion iaitu bertambah secara purata sebanyak 23% setiap tahun bagi jangka masa 1976-1980.

Sambil menyeru rakyat supaya berjimat, beliau memberi jaminan bahawa kerajaan akan tetap terus mengadakan segala keperluan harian yang diutamakan oleh rakyat. Di samping itu, kerajaan juga menggalakkan syarikat-syarikat swasta dan institusi-institusi kewangan membantu dalam usaha membangunkan negara.

Dalam bulan Mac 1983, pihak bank perdagangan telah menyahut seruan itu dengan bersetuju memberi pinjaman kepada kerajaan sebanyak \$500 juta yang akan digunakan untuk pinjaman perumahan bagi kakitangan awam. Pinjaman itu diberikan setelah keluar satu laporan khas daripada Kementerian Kewangan. Semasa berucap kepada ketua-ketua bank, syarikat kewangan dan institusi diskaun, Tengku Razaleigh menegaskan bahawa menggalakkan industri-industri perumahan dan pembinaan akan membantu mempercepat pemulihan ekonomi.

Pada bulan Ogos 1983, dapatlah Tengku Razaleigh melaporkan bahawa kempen kerajaan berjimat cermat itu telah berjaya. Angka-angka pertengahan tahun menunjukkan lebihan sebanyak \$46 juta dalam imbangan dagangan negara bagi lima bulan pertama tahun itu — berbanding dengan defisit sebanyak \$359 juta bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Sebelum berakhirnya tahun itu, Tengku Razaleigh terpaksa campur tangan untuk mencegah perbuatan yang sedang bermaharajalela tukar-menukar saham antara syarikat-syarikat yang disenaraikan. Sebelum beliau campur tangan, pasaran saham telah dihujani oleh tuduhan bahawa beberapa

peniaga yang berpengaruh telah 'membuat keuntungan' dengan tukar-menukar saham pada harga yang lebih murah daripada sebutharga pasaran. Akibatnya "perdagangan orang dalam" telah berleluasa, kata para pelabur yang bersungut. Sungguhpun kuasa menentukan harga dalam hal penukaran saham terletak pada Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) tetapi Bursa Saham Kuala Lumpur lah yang menerima kritikan yang tajam.

Menteri Kewangan telah melancarkan penyiasatan mengenai tuduhan ini dan setelah CIC dan BSKL menjalankan pengawasan yang lebih ketat maka kemelut itu pun beransur-ansur reda. Bagaimanapun perubahan ke atas Memorandum dan Artikel Persatuan Bursa Saham dan dalam peraturan perdagangan telah dicadangkan.

Di antara perubahan utamanya, Menteri Kewangan diberi kuasa untuk memilih broker dan remisier Melayu. Kerajaan telah juga diberi kuasa untuk melantik wakilnya dalam jawatankuasa-jawatankuasa BSKL dan melanjutkan tempoh jawatan Pengerusi.

## Bab 28

Di akhir Februari 1984, bermulalah perjuangan merebut jawatan Timbalan Presiden UMNO di peringkat bawahan — kira-kira tiga bulan sebelum Perhimpunan Agung dijadualkan pada 25hb. Mei. Walaupun Tengku Razaleigh masih belum secara rasminya mengumumkan niatnya tetapi ramai yang percaya Tengku Razaleigh akan menentang Dato' Musa untuk kali keduanya.

Masa berkempen yang begitu lama sekali lagi memberikan peluang yang meriah kepada media dan sekali lagi pertandingan yang ditunggu-tunggu itu mengatasi segala pertandingan yang lain, termasuk jawatan Presiden. (Memandangkan kedudukan Dr. Mahathir, tidak ada ahli UMNO yang dijangka akan mencabarnya). Kemasukan Dato' Harun Idris pun hanya mengalihkan sejenak sahaja minat orang yang nyata tertumpu kepada Tengku Razaleigh dan Dato' Musa. Bagi Menteri Kewangan yang amat membimbangkannya ialah berita yang tiba-tiba tersiar di saat-saat akhir pertandingan itu, mengaitkan beliau dengan seorang rakyat Malaysia yang telah dituduh di mahkamah Hong Kong melakukan pembunuhan ke atas seorang pegawai Bank Bumiputra yang telah dihantar ke tanah jajahan British itu menggantikan pegawai BMF yang telah pergi bercuti.

Sebelum itu, beberapa buah akhbar mengatakan Tengku Razaleigh sudah jadi orang 'baru' berlainan sekali daripada orang yang menentang Dato' Musa tahun 1981. Mengikut akhbar *The Star* Tengku Razaleigh nampaknya "lebih merendah dan licin." Beliau juga dipercayai lebih senang ditemui. Akhbar juga telah memetik seorang ahli UMNO sebagai

berkata:

Pada masa itu (tahun 1981) ramalannya begitu yakin yang beliau akan menang dan kenyataan-kenyataannya yang lain... yang tersiar di akhbar-akhbar pada keesokan harinya,... meninggalkan kesan bahawa beliau seorang yang tidak sabar-sabar lagi hendak mengambilalih kuasa. Kenyataan-kenyataannya itu tidak menyenangkan beberapa orang ahli UMNO.

Seorang peniaga Malaysia yang telah mengikuti karier Tengku Razaleigh sejak tahun 1960-an telah mengulas:

Kerana diberi kuasa begitu banyak oleh Tun Razak dan kemudiannya oleh Tun Hussein, Lei seolah-olah merasakan dirinya maha kuasa. Sama ada disedarinya atau tidak beliau mula berlagak. Walaupun beliau cukup berjaya sebagai Menteri Kewangan, ada kawan-kawan lamanya yang terasa terpisah. Masalahnya ialah beliau semakin dikerumuni oleh tukang ampu yang menikamnya dari belakang.

Stail kempen Tengku Razaleigh pada tahun 1984 juga berbeza. Kempennya tidak terhad kepada soal ekonomi sahaja tetapi merangkumi lain-lain isu dan berkali-kali menggesa pembangunan kebudayaan nasional. Beliau juga memberi amaran agar rakyat tidak dipengaruhi oleh pseudo-nasionalis. Nyatalah beliau telah sedar betapa sukarnya perjuangannya itu terutama memandangkan sokongan Dr. Mahathir terhadap timbalannya.

Perdana Menteri, kira-kira sembilan bulan sebelumnya semasa berucap kepada Perhimpunan Agung tahunan parti, telah menyatakan, "Dengan Musa Hitam menjadi Timbalan Presiden dan Timbalan Perdana Menteri, (wujudlah) satu pasukan yang efektif dalam kerajaan untuk membawa perubahan yang difikirkan perlu dilakukan dengan segera." Pengumuman ini tidak diterima dengan baik oleh semua ahli UMNO; sebaliknya ia menimbulkan kemarahan beberapa golongan yang merasakan bahawa kata-kata sedemikian itu tidak seharusnya diucapkan ketika itu. Tetapi banyak lagi pernyataan seperti ini dibuatnya. Setelah mengucapkan terima

kasih kepada para perwakilan yang menyokong "seorang Timbalan Presiden yang boleh bekerjasama dengan saya sebagai satu pasukan" Dr. Mahathir menambah, "dengan kerjasamanya tugas kepimpinan telah menjadi lebih mudah dan efektif."

Tengku Razaleigh pula terang-terangan tidak mengendahkan saranan supaya ketua parti dan timbalannya jangan ditentang dalam pemilihan 1984. Setelah menyedari permakluman sokongannya itu tidak diterima oleh semua, Perdana Menteri pun mengubah susunan kata-katanya dalam satu ucapan lain di Perhimpunan yang sama. "Sebenarnya saya bukan nak menyokong Musa. Sebenarnya dia sendiri keliru, dia sangka saya menyokongnya." Kenyataan terdahulunya telah dibuat katanya, kerana "ada orang menyebarkan khabar angin kononnya Musa dan saya tidak bertegur sapa atau kami tidak sekata mengenai beberapa isu."

Walau bagaimanapun, perubahan sikap yang dramatik ini tidak mengubah pandangan perwakilan tentang siapakah sebenarnya yang disokong oleh Dr. Mahathir. Malah, sikap baru mengukuhkan lagi sokongan terhadap Dato' Musa, sementara ahli-ahli yang belum menetapkan sikap, fahamlah siapa yang patut diundi.

Sementara itu, Dato' Harun Idris cuba mencari kedudukan baru dalam tampuk kuasa. Pucuk pimpinan terutama sekali Dr. Mahathir, tidak senang dengan apa yang disalah anggap sebagai munculnya satu perkongsian baru. Ahli-ahli UMNO dinasihatkan secara yang paling berdiplomasi bahawa mereka dikehendaki menghormati pucuk pimpinan — walaupun tradisi telah terlungkup.

Beberapa minggu sebelum Perhimpunan Agung UMNO, dua perkembangan besar telah membawa dimensi baru ke dalam perjuangan memilih pemimpin — dan mencelakakan peluang Tengku Razaleigh hendak mengalahkan Dato' Musa. Musibah pertama ialah apabila Dato' Harun menyatakan bahawa beliau dan bukannya Tengku Razaleigh yang akan mencabar Dato' Musa. Sebaliknya Dato' Harun mencadangkan supaya Menteri Kewangan bertanding untuk

jawatan Naib Presiden iaitu jawatan yang telah dilepaskan oleh Tengku Razaleigh untuk bertanding merebut jawatan Timbalan Presiden parti.

Dato' Harun seterusnya menyatakan, andainya beliau berjaya menewaskan Dato' Musa, beliau tidak semestinya akan menerima jawatan Timbalan Perdana Menteri, jawatan yang secara tradisinya diberikan kepada Timbalan Presiden. Langkah ini dianggap sebagai muslihat. Ala Machiavelli, dilihat sebagai usaha untuk memastikan supaya Tengku Razaleigh tidak akan sekali lagi tewas di tangan Dato' Musa. Pada masa itu semua ahli percaya bahawa kedua-dua calon mempunyai peluang yang sama tetapi Dato' Musa ada sedikit kelebihan akibat sokongan yang nyata dari Dr. Mahathir.

Dato' Harun seterusnya menegur perjalanan parti di bawah pimpinan Dr. Mahathir:

Hinggakan di peringkat parti sendiri, terdapat perasaan yang kuat bahawa ia dikuasai oleh hanya satu orang. Secara terus-terang, saya tidak berapa senang melihat apa yang berlaku sekarang ini. Saya rasa beliau (Mahathir) akan menjadi diktator kerana hampir semua perkara yang telah dilaksanakannya tidak pernah dibawa berunding dalam parti, tiada perbincangan dalam jawatankuasa politik, apatah lagi dalam Majlis Tertinggi.

Mengenai perkongsian antara Dr. Mahathir dan Dato' Musa, Dato' Harun menyatakan, "Saya rasa pasangan Musa dan Mahathir tidak wajar."

Para pemerhati agak terperanjat mendengarkan kenyataan bekas Menteri Besar Selangor itu. Kata mereka, semasa Dato' Harun menjadi Ketua Pemuda dalam tahun 1970-an, beliau telah memainkan peranan yang penting dalam usaha menerima semula Dr. Mahathir ke dalam UMNO, setelah beliau disingkir dalam tahun 1969. Begitu juga setelah menjadi Perdana Menteri pada tahun 1982, Dr. Mahathir telah mempetisi supaya Dato' Harun diampunkan berikutan dengan hukuman penjara yang dikenakan terhadapnya atas tuduhan menerima rasuah.

Seperti yang telah dijangka, Dato' Harun dicalonkan bertanding untuk jawatan Timbalan Presiden, menjadikannya pertandingan tiga penjuru. Sementara itu, Tengku Razaleigh berminggu-minggu menanggung sengsara batin, walaupun kempenya meningkat lebih pesat di akhir bulan April 1984. Satu musibat yang tidak disangka-sangka telah timbul dari Hong Kong.

Mak Foon Than, yang dituduh membunuh Encik Jalil Ibrahim, seorang pegawai Bank Bumiputra di Hong Kong, telah memberitahu penyiasat polis bahawa beliau sebelum ini telah pergi ke Hong Kong untuk memungut wang berjumlah US\$6 juta daripada Kuok Brothers Ltd. bagi pihak Menteri Kewangan Malaysia. Kenyataannya itu, dibuatnya kepada polis pada bulan Ogos 1983 telah diperdengarkan di mahkamah Hong Kong yang telah memulakan pembicaraan tidak sampai tiga minggu sebelum bermulanya Perhimpunan Agung UMNO.

Mak mendakwa bahawa beliau telah bekerja selama lapan tahun bagi pihak Menteri Kewangan tetapi dalam kenyataannya dia tidak menyebut nama Tengku Razaleigh. Bagaimanapun dia tidak dapat menerangkan dengan jelas mengenai apa yang dikatakannya hubungannya dengan menteri tersebut dan dia juga tidak menerangkan dengan jelas mengapa dia mesti memungut wang atau memberikan sebab-sebabnya. Tetapi dia mendakwa yang dia menerima komisen daripada pihak-pihak yang beribu pejabat di Hong Kong yang bergerak cergas di Malaysia.

Tetapi, Mak yang kemudiannya telah dihukum kerana melakukan pembunuhan tersebut, tidak mengaku di mahkamah pada 12hb. Mei 1984 yang dia telah menyebut nama Menteri Kewangan dalam pernyataan berhematnya. Dia mencabar kebenaran pernyataan yang konon dibuatnya semasa tanya jawab yang telah berlangsung lebih sembilan jam. Katanya, salah satu pernyataan berhemat itu adalah semata-mata untuk 'kegunaan sendiri' pegawai yang membuat penyiasatan. Semasa membuat pernyataan itu katanya dia sentiasa di dalam kesakitan akibat tulangnya patah ketika



cuba mengelakkan lupuhan setelah ditangkap. Seterusnya dia mendakwa dia telah dibenarkan menemui peguam sehinggalah setelah dia ditahan selama tiga hari.

Semasa ditanya oleh pihak pendakwaraya dia bersetuju yang dia mungkin pernah menyebut nama Tengku Razaleigh tetapi dia berkeras menyatakan bahawa "kata-kata seperti itu (yang dikatakan dibuatnya) tidak terlintas pun di kepala saya. Kita semua tahu beliau adalah seorang yang baik, boleh dipercayai dan seorang menteri yang jujur."

Tetapi di Kuala Lumpur, pernyataan awal yang dibuat oleh Mak cukup parah, walaupun Tengku Razaleigh sekeras-kerasnya menafikan. "Demi Allah saya tidak tahu orang ini (Mak) dan saya sama sekali tidak pernah mempunyai hubungan apa-apa dengannya." Beliau juga mengulangi bahawa beliau tidak pernah ada apa-apa hubungan dengan BMF atau Carrian.

Tengku Razaleigh merayu kepada rakyat Malaysia supaya "melihat rekod perkhidmatannya," dan menegaskan bahawa pernyataan Mak itu nyata sekali bertujuan menimbulkan perselisihan di kalangan menteri-menteri dan nama baik pemimpin-pemimpin Malaysia. Merujuk kepada musuh-musuhnya dalam kerajaan dan dalam UMNO, beliau berkata:

...Mungkin dilham dan difitnahkan oleh golongan yang cuba sedaya upaya membusukkan nama saya. Komplot fitnah ini nyatalah ada motif politik terutama sekali dalam keadaan sekarang ini — menjelang pemilihan UMNO. Jika kita gagal mendedahkan siapa di belakang komplot ini dan mencegah taktik jahat mereka, seluruh negara akan diracuni dan ini boleh membinasakan tradisi kita, sistem demokrasi kita dan juga negara kita.

Kerajaan terus membisu walaupun pihak Pembangkang menuntut menubuhkan satu Jawatankuasa Terpilih untuk menyiasat pernyataan-pernyataan awal yang telah dibuat oleh Mak. Dr. Mahathir dan Dato' Musa tidak mahu membuat apa-apa komen mengenainya.

Bagaimanapun, Tengku Razaleigh bersumpah bahawa

beliau tidak gentar oleh tuduhan-tuduhan itu. Beliau meluahkan rasa marah dan kecewa kerana hanya sebahagian sahaja dari pernyataan berhemat Mak iaitu yang membabitkan menteri-menteri Malaysia, telah disiarkan sebelum kebenarannya dipastikan terlebih dahulu. Tetapi salinan-salinan pernyataan yang melibatkan peniaga-peniaga terkemuka di Hong Kong telah disampaikan kepada mereka sebelum diumumkan dalam pembicaraan Mak.

Berikutan kegemparan mengenai BMF itu maka Tengku Razaleigh pun kembali ke Kota Bharu — beliau telah disambut dengan penuh emosi, oleh beribu-ribu penyokongnya. Beliau tidak berselindung-selindung lagi apabila merujuk kepada peristiwa-peristiwa tahun 1981 dan juga tahun 1984:

Pada tahun 1981 saya telah dikaitkan dengan peristiwa UMBC (iaitu mengenai penjualan saham dalam bank tersebut kepada kumpulan Multi-Purpose), tetapi saya terpaksa berdiam diri kerana patuh kepada prinsip tanggungjawab bersama pemimpin dalam kerajaan. Kali ini hal BMF telah ditimbulkan menjelang Perhimpunan Agung. Kes ini telah ditetapkan supaya berlangsung pada bulan September 1983 tetapi telah diatur supaya bermula sebulan sebelum diadakan Perhimpunan Agung. Ini menunjukkan 'kuasa ghaib' itu juga berlaku di negara ini.

Berhubung dengan ini, beliau menambah, "Saya bimbang nasib malang yang sama (menjadi sasaran fitnah) mungkin menimpa ke atas lain-lain menteri yang tidak bersalah. Sekolah-olah para menteri (di bawah Dr. Mahathir) semua menerima rasuah." Beliau juga hairan kerana badan perisik Malaysia tidak mengambil sebarang tindakan walaupun beberapa orang menteri telah dituduh terlibat.

Tetapi segala protes dan sangkalannya ini tidak sempat untuk menyelamatkan keadaan. Peluangnya makin tirus untuk mengalahkan Dato' Musa, semakin hampir tarikh Perhimpunan dan semakin bengis pihak lawannya menanggung di air keruh. Dato' Musa menerima sebanyak 744 undi sedangkan Tengku Razaleigh menerima sebanyak 501. Dr.

Mahathir yang tidak ditentang oleh sesiapa, mengalu-alukan kejayaan Dato' Musa sebagai satu "keputusan yang jelas tanpa sebarang keraguan."

Tengku Razaleigh menganggap kekalahannya perkara biasa sahaja. "Dalam sesuatu pertandingan, salah seorang terpaksa mengalah. Mungkin ini satu keputusan yang wajar — buat sementara." Pada 18hb. Jun, Tengku Razaleigh bertemu dengan Dr. Mahathir dan selepas 90 minit perbincangan mereka terpaksa ditangguhkan. Tengku Razaleigh minta berundur daripada Kabinet dan juga sebagai Bendahari UMNO. Tiga minggu kemudian Dr. Mahathir memaklumkan beliau telah dapat memujuk Tengku Razaleigh menerima jawatan Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Tetapi beliau disingkir secara halus daripada jawatan Ketua Perhubungan UMNO Kelantan. Ini dibuat melalui ketetapan dalam Perhimpunan Agung bahawa hanya Menteri Besar (Ketua-ketua Menteri) boleh menjadi Ketua UMNO dalam negeri masing-masing.

Dengan itu buat pertama kalinya dalam hampir dua puluh tahun, Tengku Razaleigh tidak lagi memegang sebarang kedudukan yang penting di dalam parti, sama ada di peringkat negeri ataupun nasional.

---

### Perhatian

Hong Kong — Pihak pendakwaraya di dalam pembicaraan pembunuhan Jalil bersetuju hari ini bahawa tuduhan tuduhan serius terhadap Menteri Kewangan Malaysia yang dikatakan telah dibuat oleh yang tertuduh Mak Foo Than adalah dusta. Eric Duckett (Queen's Counsel yang mengetuai pihak pendakwaraya) membuat pengakuan ini ketika mengemukakan hujahnya dalam pembicaraan Mak yang menghadapi tuduhan membunuh Jalil Ibrahim, Penolong Pengurus Besar BMF di Regent Hotel di sini pada 18hb. Julai tahun lalu.

Katanya Mak sengaja "mereka reka" cerita kononnya dia telah dihantar oleh Menteri Kewangan itu ke sini untuk memungut wang daripada ahli-ahli perniagaan Hong Kong. Katanya ini adalah cara "putar belit orang yang sudah terasa bersalah dalam cubazannya hendak menutup kesan," salah satu tipu helah yang "kita dapati berkali-kali digunakan oleh orang ini, setiap putar belitnya sebagai helah hendak melepaskan diri dari keadaan."

Tuduhan-tuduhan Mak itu terkandung di dalam pernyataan berhematnya yang ketiga yang dirakamkan pada 6hb. Ogos. Dalam pembelaannya minggu lalu, Mak memberitahu mahkamah bahawa dia tidak pernah bercakap begitu mengenai menteri tersebut yang disifatkannya sebagai "orang baik, jujur dan amanah," dan katanya kononnya tuduhan-tuduhan tersebut sengaja 'diada-adakan' oleh polis.

[Dicabut dari perjalanan pembicaraan Mahkamah Hong Kong, tersiar dalam akhbar *The Star* 17hb. Mei 1985.]

## Bab 29

Tengku Razaleigh berpindah ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan membawa berbagai idea, pada penghujung bulan Julai 1984. Kementerian itu kini merupakan bahagian yang dinamik dalam kerajaan — jauh berbeza dengan keadaannya di bawah orang-orang sebelumnya. Bagaimanapun tidak seorang pun berasa hairan dan selain dari Kementerian Kewangan (diketuai oleh Encik Daim Zainuddin) Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah muncul sebagai kementerian yang amat penting dalam menentukan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Kalaulah tidak kerana kejayaan-kejayaan positif yang dicapai oleh negara di bidang perdagangan dan perindustrian sejak beliau mengambilalih kementerian ini, para pemerhati UMNO sudah lama merasakan masa depannya dalam politik sudah luput. Dan kedudukannya akan merosot selagi beliau terkeluar dari sistem pembuat dasar atau 'Kabinet dalam.' Kelompok yang jadi teras Kabinet ini yang pada suatu ketika dahulu dianggotai tidak kurang daripada lima orang yang sangat dipercayai oleh Perdana Menteri, sudah menjadi semakin kukuh dengan Encik Daim muncul sebagai orang yang paling berpengaruh dalam Kabinet Dr. Mahathir.

Tetapi dengan hampirnya Perhimpunan Agung UMNO dan pemilihan dalam parti (Jun 1987), nama Tengku Razaleigh sekali lagi timbul — kali ini sebagai calon yang mungkin merebut satu jawatan terpenting dalam parti. Beliau bersikap *non-committal* — hanya berdiam diri tidak memberi sebarang tanda seperti dahulu. Tetapi tidak ramai percaya beliau akan berpuas hati hanya sebagai pemerhati sementara

negara dan parti berjuang bertungkus lumus untuk mengatasi bencana zaman yang paling mencabar ini. "Bukanlah tabiat beliau untuk berpeluk tubuh di ketika khidmatnya dikehendaki dan beliau senantiasa kedengaran seruan tanahair. Beliau tidak dapat membelakangkan kewajipannya," kata seorang sahabat karibnya.

Seorang lagi sahabat karibnya mengenang kisah Si Warso, mangsa fitnah, yang mati secara terhormat di tangan sahabatnya sendiri, Tobeng, ketika cuba menarik keluar seutas rantai kepunyaan seorang puteri dari dalam sarang burung gagak yang penuh dengan ular.

Apabila para pemerhati politik merenung ke tahun 1987, mereka tidak lagi pasti siapa akan menang dan siapa akan kalah. Mengikut tradisi parti yang sudah binasa sejak peninggalan Tun Razak — keputusan pemilihan dalam parti dapat diagak dengan tepat. Tetapi sejak pemergian Allahyarham Tun Abdul Razak yang tidak disangka-sangka itu, timbullah golongan pemimpin bawahan yang tidak lama dahulu bertungkus lumus hendak bertapak dalam Majlis Tertinggi UMNO. Sama ada mereka oportunist atau politikus yang jujur ada ketika dikehendaki tidaklah menjadi hal kerana yang penting ialah mereka ini sudah ditakdirkan. Kerana ramai di antara mereka dari golongan teknokrat maka dengan bantuan pemimpin-pemimpin atasan, berjayalah mereka mendahului ahli-ahli biasa yang tidak kurang cita-citanya.

Tetapi, pergelutan merebut kuasa — yang bukan resmi Melayu tetapi semakin menonjol sejak beberapa tahun ke belakang ini — bermakna kadar mereka yang gugur juga turut bertambah. Malangnya, hanya mereka yang cukup tenaga atau yang paling ganas tetapi tidak semestinya yang paling layak yang telah berjaya. Tetapi ini adalah adat berpolitik dan ini memang diterima oleh bakal-bakal pemimpin UMNO yang cukup faham betapa pahitnya pengorbanan kekalahan dan betapa manisnya ganjaran kemenangan.

Tetapi ada pemerhati berpendapat bahawa dekad yang lampau telah melahirkan satu generasi muda Melayu yang begitu jaya dan begitu bersemangat merempuh ke dalam

dunia perniagaan dan dunia politik negara. Barisan nasionalistik ini hendaklah dibendung sebelum ianya menganas dan membawa akibat yang buruk. Tetapi ini adalah tanggungjawab para pemimpin Melayu — andainya di kalangan mereka orang-orang yang tabah berani, penuh keyakinan dan penuh bertanggungjawab menjamin kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia. Di sini kita kembali kepada Tengku Razaleigh dan masa depannya. Seorang pemerhati politik tempatan yang cukup berminat berkata bahawa:

Razaleigh cukup pintar (berpolitik) sejak tahun 1984. Beliau sentiasa hati-hati dan tidak mahu cakap banyak dan tidak mahu terlibat secara langsung dalam sebarang krisis besar yang menarik minat masyarakat iaitu seperti krisis Perlembagaan, Memali, krisis MCA, bahkan mengenai kes BMF.

Apabila Kertas Putih mengenai BMF dibahaskan di Parlimen pada bulan Mac, Tengku Razaleigh menjawab tuduhan-tuduhan yang mengaitkannya dengan skandal pinjaman BMF. Seorang pemerhati berkata, "kalau (jawapan) ini telah diketahui dalam tahun 1984, saya berani teka keputusan merebut jawatan no. 2 dalam UMNO itu tentu berlainan." Sebaliknya sebilangan pengkritiknya yang begitu bernafsu menyelar telah didapati tidak begitu bijak. Tetapi kerana beliau seorang mulia sifatnya, beliau tetap setia kepada pucuk pimpinan dan tetap tidak mahu mengumpat dasar-dasar pentadbiran yang berkuasa pada masa ini.

Dan tidak pula beliau mahu campur dengan pihak-pihak yang mengkritik pemimpin-pemimpin kerajaan. Tahun 1981 dan 1984 beliau mendapat lebih 500 undi tetapi kalah juga dalam kedua-dua pertandingan ini kerana kekurangan kira-kira 120 undi. Dalam tahun 1981, beliau kalah kerana Tun Hussein tidak menyokong beliau dan juga difitnah berhubung rapat dengan tauke-tauke kaya Cina. Dalam tahun 1984 pula Dr. Mahathir terang-terang menyokong Dato' Musa. Nasibnya tambah malang dengan fitnah-fitnah liar yang mengaitkannya dengan pinjaman BMF kepada syarikat kumpulan Carrian.

Bagaimanakah agaknya sekiranya Tun Hussein dan Dr. Mahathir tidak campur tangan dan pemilihan itu dijalankan secara bebas? Kita hanya boleh membuat spekulasi. Sekiranya Tengku Razaleigh bertanding pada tahun 1987 dan dapat mengekalkan undiannya sebanyak 500 itu, keputusannya mungkin kurang meragukan terutama sekali jika tidak ada sebarang isu yang boleh merosakkan imejnya. Itu pun kalaulah Tengku Razaleigh masih berminat merebut jawatan no. 2. Satu lagi yang harus difikirkan ialah siapakah rakan seperjuangannya, sekiranya ada tandingan regu?

Kita boleh terus membuat spekulasi — begitu juga kawan-kawan dan penyokong-penyokongnya dan juga musuh ketatnya. Tetapi satu hal boleh kita pastikan iaitu kariernya dalam perkhidmatan negara belum tamat. Berkat kehandalan kepakarannya di bidang ekonomi dan kewangan, watak yang karismatik, sifat yang tidak ada prasangka, pandai pula berdiplomasi, dan yang penting sekali, sebagai seorang nasionalis dan patriot yang pantang undur, anak kesayangan Malaysia ini masih ada peluang menjadi pemimpin ulung negara.





*Tengku Razaleigh bersama penasibat, Allabyarbam Tun Razak.*



*Tengku Razaleigh bersama Tunku Abdul Rahman.*




*Tengku Razaleigh bersama mendiang Chou En Lai, Perdana Menteri China di Peking, 1971.*



*Tengku Razaleigh, Allabyarbam Tun Razak dan pemimpin-pemimpin China di Peking.*



*Tengku Razaleigh bersama bekas pemimpin Pertamina, Ibnu Sutowo.*



*Tengku Razaleigh membuang undi untuk Pilihanraya Parlimen kawasan Kota Bharu.*



*Tengku Razaleigh bersama para pengundi.*



*Tengku Razaleigh menyambut ketibaan Tun Razak di Kuala Lumpur.*



*Tengku Razaleigh selepas dilantik sebagai timbalan presiden UMNO dalam tabung 1974.*



*Persidangan Majlis Tertinggi UMNO. Dari kiri: Dr. Mabathbir, Tengku Razaleigb, Datuk Senu, Tun Razak, Tun Hussein Onn.*



*Dari kiri: Tengku Razaleigh, Tun Hussein, Tun Razak, Dato' Harun dan Encik Gbafar Baba.*





*Tengku Razaleigh sebagai timbalan presiden kanan, dalam perbincangannya dengan Tun Hussein Onn.*



*Tengku Razaleigh bersama Dato' Harun Idris.*



*Menyemak keputusan pilihanraya Parlimen 1978 bersama Tun Hussein Onn dan Dr. Mabathir.*



*Tengku Razaleigh bersama bekas Presiden Amerika, Jimmy Carter di perjumpaan Bank Dunia di Washington.*



*Tengku Razaleigh bersama para pengundi di Palm Manor, Kota Bharu.*



*Tengku Razaleigh dikerumuni oleh para penyokong setelah berjaya menewaskan PAS dalam Pilihanraya 1978.*



*Tengku Razaleigh menandatangani Belanjawan 1977/78.*



*Tengku Razaleigh membentangkan Belanjawan di Parlimen.*



*Penyerahan Laporan Ekonomi kepada DYMM Sultan Pabang iaitu Yang di-Pertuan Agong yang ketujuh*



*Di upacara penerimaan pingat kebangsaan Korea Selatan daripada bekas Presiden Park Chung Hee.*




*Bersama Dato' Musa Hitam (sebelah kiri) dalam tabun 1977.*



*Tengku Razaleigh menjelaskan kekalahan beliau dalam pilihanraya parti 1981 kepada para pengundi di Kota Bharu.*





*Di upacara perletakan batu asas ibu pejabat UMNO.*



*Tengku Razaleigh dan Tunku Abdul Rahman memberi pengbormatan terakbir kepada Allahyarbham Tun Razak.*

21 APR 1988



*Tengku Razaleigh, Encik Gbafar Baba dan Dato' Musa Hitam.*